05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# KAJIAN PEMILIHAN TEKS PUISI KLASIK DALAM BUKU TEKS MENENGAH RENDAH BAGI KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH (KSSM)

TEOH WEI HAO

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# KAJIAN PEMILIHAN TEKS PUISI KLASIK DALAM BUKU TEKS MENENGAH RENDAH BAGI KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH (KSSM)

TEOH WEI HAO

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

**Sila tanda (√)**

| | |
|---|---|
| Kertas Projek | |
| Sarjana Penyelidikan | √ |
| Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus | |
| Doktor Falsafah | |

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**

**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 9 (hari bulan) OGOS (bulan) 2022

**i. Perakuan pelajar** :

Saya, TEOH WEI HAO, M20191000745, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KAJIAN PEMILIHAN TEKS PUISI KLASIK DALAM BUKU TEKS MENENGAH RENDAH BAGI KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH (KSSM)

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, DR. KHOR TEIK HUAT (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KAJIAN PEMILIHAN TEKS PUISI KLASIK DALAM BUKU TEKS MENENGAH RENDAH BAGI KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH (KSSM) (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi ~~sebahagian~~/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

10 OGOS 2022
Tarikh

Tandatangan Penyelia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /**
***INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES***

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK**
***DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM***

Tajuk / *Title*: KAJIAN PEMILIHAN TEKS PUISI KLASIK DALAM BUKU TEKS MENENGAH RENDAH BAGI KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH (KSSM)

No. Matrik /*Matric's No.*: M20191000745

Saya / *I* : TEOH WEI HAO

(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
   *The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
   *Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   *The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( √ ) bagi pilihan kategori di bawah */ Please tick ( √ ) for category below:-*

| | | |
|---|---|---|
| ☐ | **SULIT/*CONFIDENTIAL*** | Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972* |
| ☐ | **TERHAD/*RESTRICTED*** | Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restircted information as specified by the organization where research was done.* |
| ☑ | **TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS*** | |

DR. KHOR TEIK HUAT
Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Tarikh: 20.01.2022

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT** @ **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

*Notes: If the thesis is CONFIDENTAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## PENGHARGAAN

Dalam usaha menyiapkan disertasi ini, saya telah mendapat bantuan daripada banyak pihak. Antaranya termasuklah penyelia saya, ahli keluarga saya, rakan seperjuangan saya, pakar-pakar yang sudi mengesahkan soalan temu bual saya, pengetua, guru-guru serta para peserta yang dapat bekerjasama erat dengan saya dalam proses pengumpulan data. Penyelia saya Dr. Khor Teik Huat telah banyak memberikan bimbingan dan nasihat kepada saya serta sentiasa memastikan disertasi yang berkualiti dapat saya hasilkan. Rakan seperjuangan saya juga memberikan tunjuk ajar dan galakkan terhadap saya dalam proses menulis disertasi. Tidak dilupakan pihak yang penting iaitu Kementerian Pelajaran Malaysia yang menajakan saya supaya mempunyai peluang yang baik untuk melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana. Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang sudi menghulurkan bantuan demi membantu saya dalam proses menyiapkan disertasi ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji pemilihan teks puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina menengah rendah bagi Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesesuaian kandungan teks puisi klasik dalam buku teks dan persepsi murid terhadap teks puisi klasik yang dipelajari dalam buku teks Bahasa Cina serta penerapan nilai murni dan estetik dalam kalangan murid menengah rendah. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menganalisis buku teks dan menjalankan sesi temu bual. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak dua puluh tiga buah puisi klasik dalam buku teks telah memenuhi standard pemilihan puisi klasik iaitu ideologi, kesenian, keseronokan, informatif serta sifat kontemporari, tiga belas buah puisi klasik memenuhi empat standard pemilihan puisi klasik, tiga belas buah puisi klasik memenuhi tiga standard pemilihan puisi klasik manakala dua buah puisi klasik memenuhi dua standard pemilihan puisi klasik. Minat pembelajaran murid nyata dipertingkatkan dengan teks puisi klasik yang memenuhi lima atau empat aspek dalam standard pemilihan teks puisi klasik. Nilai murni dan nilai estetik telah diterapkan ke dalam minda murid dengan mempelajari teks puisi klasik yang memenuhi aspek ideologi, kesenian dan informatif. Kesimpulannya, kajian ini telah membuktikan bahawa teks puisi klasik yang dipilih masih perlu ditambahbaik dari segi keperluan standard pemilihan puisi klasik supaya minat pembelajaran dan penerapan nilai murni serta estetik dalam kalangan murid dapat dipertingkatkan. Implikasi kajian ini menunjukkan tema puisi klasik mendekati kehidupan murid dan memenuhi lima standard pemilihan puisi klasik berkeupayaan meningkatkan minat pembelajaran murid dan dapat dijadikan rujukan kepada panel penggubal sukatan pelajaran terutamanya dalam perancangan dan perlaksanaan kurikulum di peringkat Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia untuk proses semakan buku teks nanti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**RESEARCH ON THE SELECTION OF CLASSICAL POETRY TEXTS IN LOWER SECONDARY CHINESE TEXTBOOKS FOR THE SECONDARY SCHOOL STANDARD CURRICULUM (KSSM)**

## ABSTRACT

This study took the initiative by examining the selection of classical poetry texts in lower secondary Chinese textbooks for the Secondary School Standard Curriculum (KSSM). The objective of this study was to identify the suitability of classical poetry text content in textbooks and students' perceptions of classical poetry texts studied in Chinese textbooks, and the application of pure and aesthetic values among lower secondary students. This study uses a qualitative approach by analyzing textbooks and conducting interview sessions. The findings of the study showed that a total of twenty-three classical poems in the textbook have met the standards of classical poetry selection, namely ideology, art, fun, informative and contemporary nature, thirteen classical poems met four classical poetry selection standards, thirteen classical poems met three selection standards classical poetry. In comparison, two classical poems meet the two standards of classical poetry selection. Students' interest in learning is significantly enhanced by classical poetry texts that meet five or four aspects of classical poetry text selection standards. Pure values and aesthetic values have been inculcated into students' minds by studying classical poetry texts that meet ideological, artistic, and informative aspects. In conclusion, this study has proven that the selected classical poetry text still needs to be improved in terms of the standards of classical poetry selection so that the interest in learning and application of pure values and aesthetics among students can be enhanced. The implications of this study show that the theme of classical poetry approached students' lives and met the five standards of classical poetry selection can increase students' interest in learning and ability to use as a reference to the syllabus drafting panel, especially in curriculum planning and implementation at the level of the Curriculum Development Division (BPK), Ministry of Education for the textbook review process later.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# KANDUNGAN


| | Muka Surat |
|---|---|
| **PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN** | ii |
| **PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI** | iii |
| **PENGHARGAAN** | iv |
| **ABSTRAK** | v |
| **ABSTRACT** | vi |
| **KANDUNGAN** | vii |
| **SENARAI JADUAL** | xiv |
| **SENARAI RAJAH** | xvi |
| **SENARAI SINGKATAN** | xvii |
| **SENARAI LAMPIRAN** | xviii |
| **BAB 1 PENGENALAN** | |
| 1.1 Pendahuluan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 6 |
| 1.3 Pernyataan Masalah | 14 |
| 1.4 Objektif Kajian | 25 |
| 1.5 Persoalan Kajian | 26 |
| 1.6 Definisi Istilah | 27 |
| 1.6.1 Buku Teks dan Bahan Pengajaran | 27 |
| 1.6.2 Puisi Klasik Bahasa Cina | 28 |
| 1.7 Batasan Kajian | 29 |
| 1.8 Kepentingan Kajian | 31 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


1.8.1 Kementerian Pendidikan Malaysia 35

1.8.2 Guru 36

1.8.3 Murid 37

1.8.4 Editor Penerbit 38

1.9 Rumusan 39

**BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1 Pendahuluan 40

2.2 Latar Belakang Kurikulum Bahasa Cina 42

2.2.1 Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) 45

2.2.2 Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) 47

2.3 Bahan Pengajaran dan Buku Teks Bahasa Cina 49

2.3.1 Bahan Pengajaran 49

2.3.2 Buku Teks 51

2.3.2.1 Buku Teks Bahasa Cina Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) 53

2.3.2.2 Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) 56

2.3.2.3 Buku Teks Bahasa Cina 58

2.3.2.4 Bahagian Bimbingan Bacaan dan Catatan Penerangan Maksud Istilah dalam Buku Teks Bahasa Cina 60

2.4 Pengkategorian Puisi Klasik Bahasa Cina Mengikut Tema 62

2.4.1 Puisi Klasik yang Berasaskan Masa 64

2.4.2 Puisi Klasik yang Berasaskan Kebendaan 65

2.4.2.1 Haiwan 66

2.4.2.1.1 Haiwan dalam Dunia Nyata 67

2.4.2.1.2 Haiwan dalam Alam Maya 72

2.4.2.2 Tumbuhan 73

2.4.2.3 Pemandangan Alam Sekitar 75

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



2.4.3 Puisi Klasik yang Berasaskan Sejarah 76

2.4.4 Puisi Klasik yang Berasaskan Perasaan 77

2.4.4.1 Perpisahan dan Kerinduan terhadap Kampung Halaman 77

2.4.4.2 Kenangan Kehidupan Diri 79

2.4.4.3 Politik 80

2.4.4.4 Percintaan 81

2.4.5 Puisi Klasik yang Berasaskan Falsafah 82

2.4.5.1 Nilai Murni 82

2.4.5.2 Budaya Pertapa 83

2.4.5.3 Beroptimis dan Berfikiran Terbuka 83

2.4.5.4 Konsep Politik 84

2.4.5.5 Semangat Keadilan 85

2.4.6 Puisi Klasik yang Berasaskan Peperangan dan Semangat Patriotik 86

2.5 Ciri-Ciri Puisi Klasik 89

2.5.1 Nilai Kesenian Puisi Klasik 90

2.5.1.1 Kecantikan dari Aspek Konsepsi Seni 91

2.5.1.2 Kecantikan dari Aspek Perasaan 93

2.5.1.3 Kecantikan dari Aspek Pembinaan 94

2.5.1.4 Kecantikan dari Aspek Fonologi 95

2.5.2 Nilai Bahasa Puisi Klasik 96

2.5.3 Nilai Kebudayaan Puisi Klasik 98

2.5.4 Nilai Perkembangan Minda Puisi Klasik 100

2.6 Teori Belajar J.S. Bruner 101

2.7 Standard Pemilihan Kandungan Teks Puisi Klasik 104

2.7.1 Ideologi 105

2.7.2 Kesenian 107

2.7.3 Keseronokan 109

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


2.7.4 Informatif 111

2.7.5 Sifat Kontemporari 112

2.8 Kajian-kajian Lepas 115

2.8.1 Mendekati Kehidupan Sebenar Murid 116

2.8.2 Menyelitkan Gambar dalam Teks Puisi Klasik 119

2.8.3 Kesinambungan dengan Era Masa Kini 120

2.8.4 Penyusunan Teks Puisi Klasik Mengikut Tema yang Sama 121

2.8.5 Meningkatkan Nilai Murni dalam Kalangan Murid 122

2.8.6 Kajian Pemilihan Teks Berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) 123

2.9 Rumusan 126

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pendahuluan 127

3.2 Reka Bentuk Kajian 128

3.3 Kerangka Konsep 134

3.4 Peserta / Informan 136

3.5 Instrumen Kajian 138

3.6 Prosedur Kajian 139

3.6.1 Analisis Dokumen 140

3.6.2 Temu Bual 149

3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan 156

3.7.1 Member-Checking 157

3.7.2 Bias Penyelidik 158

3.7.3 Penelitian Rakan Sebaya 159

3.8 Analisis Data 161

3.8.1 Analisis Kandungan 161

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


3.8.2 Data Temu Bual 162

3.8.3 Analisis Dokumen 163

3.9 Rumusan 164

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pendahuluan 165

4.2 Analisis Puisi Klasik dalam Buku Teks Bahasa Cina Menengah Rendah KSSM 167

4.2.1 Analisis Bilangan Puisi Klasik yang Dimuatkan ke Dalam Buku Teks Bahasa Cina Menengah Rendah KSSM 167

4.2.2 Analisis Tema Puisi Klasik yang Dimuatkan ke Dalam Buku Teks Bahasa Cina Menengah Rendah KSSM 169

4.2.3 Analisis Puisi Klasik yang Dimuatkan ke Dalam Buku Teks Bahasa Cina berdasarkan Standard Pemilihan Puisi Klasik 185

4.2.3.1 Analisis Teks Puisi Klasik yang Memenuhi Lima Standard Pemilihan Kandungan Teks Puisi Klasik 194

4.2.3.2 Teks Puisi Klasik yang Standard Ideologi Kurang Nyata dalam Pemilihan Kandungan Teks Puisi Klasik 208

4.2.3.3 Teks Puisi Klasik yang Kekurangan Standard Kesenian dalam Pemilihan Kandungan Teks Puisi Klasik 211

4.2.3.4 Teks Puisi Klasik yang Kekurangan Standard Keseronokan dalam Pemilihan Kandungan Teks Puisi Klasik 213

4.2.3.5 Teks Puisi Klasik yang Standard Informatif Kurang Nyata dalam Pemilihan Kandungan Teks Puisi Klasik 217

4.2.3.6 Teks Puisi Klasik yang Kekurangan Standard Sifat Kontemporari dalam Pemilihan Kandungan Teks Puisi Klasik 221

4.3 Persepsi Murid, Penerapan Nilai Murni dan Nilai Estetik dalam Pembelajaran Puisi Klasik 226

4.3.1 Persepsi Murid terhadap Puisi Klasik yang Terkandung dalam Buku Teks Bahasa Cina Menengah Rendah KSSM 227

4.3.1.1 Fungsi Pembelajaran Puisi Klasik dapat Direalisasikan dengan Mempelajari Teks Puisi Klasik yang Mendekati Kehidupan Harian Murid 227

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


4.3.1.2 Bahagian Bimbingan Bacaan dan Catatan Penerangan Maksud Istilah dalam Teks Puisi Klasik Memainkan Peranan dalam Meningkatkan Minat Pembelajaran Murid 237

4.3.2 Penerapan Nilai Murni dan Estetik Murid Menerusi Pembelajaran Teks Puisi Klasik yang Terkandung dalam Buku Teks Bahasa Cina Menengah Rendah KSSM 245

4.3.2.1 Penguasaan Nilai Murni dapat Ditonjolkan Menerusi Pembelajaran Puisi Klasik dan Diaplikasikan dalam Kehidupan Harian Murid 246

4.3.2.1.1 Nilai Murni Menghargai Masa 248

4.3.2.1.2 Nilai Murni Cinta akan Negara 250

4.3.2.1.3 Nilai Murni Semangat Beroptimis 251

4.3.2.1.4 Nilai Murni Kecekalan dan Ketabahan 253

4.3.2.1.5 Nilai Murni Keharmonian dalam Kekeluargaan 255

4.3.2.1.6 Nilai Murni Kerajinan dalam Pembelajaran dan Bersyukur 258

4.3.2.2 Penerapan Nilai Estetik ke dalam Minda Murid dan Pengaplikasian dalam Kehidupan Harian Murid 260

4.4 Analisis Perkaitan antara Puisi Klasik yang Dikemukakan oleh Peserta dengan Standard Pemilihan Puisi Klasik 265

4.5 Rumusan 273

**BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1 Pendahuluan 276

5.2 Ringkasan Dapatan 277

5.3 Perbincangan Dapatan 278

5.3.1 Tema Teks Puisi Klasik 279

5.3.2 Standard Pemilihan Kandungan Teks Puisi Klasik 285

5.3.3 Bahagian Bimbingan Bacaan dan Catatan Penerangan Maksud Istilah 300

5.3.4 Penerapan Nilai Murni dalam Teks Puisi Klasik 303

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


5.3.5 Penerapan Nilai Estetik dalam Teks Puisi Klasik 305

5.4 Implikasi 308

5.5 Cadangan Kajian Lanjut 310

5.6 Cadangan Kajian 311

5.7 Kesimpulan 317

**RUJUKAN** 321

**LAMPIRAN**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## SENARAI JADUAL

**No. Jadual** **Muka Surat**


| | | |
|---|---|---|
| 3.1 | Senarai Puisi Klasik wajib Diajar dalam Buku Teks Bahasa Cina KSSM Tingkatan Satu | 141 |
| 3.2 | Senarai Puisi Klasik wajib Diajar dalam Buku Teks Bahasa Cina KSSM Tingkatan Dua | 142 |
| 3.3 | Senarai Puisi Klasik wajib Diajar dalam Buku Teks Bahasa Cina KSSM Tingkatan Tiga | 143 |
| 3.4 | Senarai Cadangan Pembacaan Puisi Klasik wajib Diajar dalam Buku Teks Bahasa Cina KSSM Tingkatan Satu | 144 |
| 3.5 | Senarai Cadangan Pembacaan Puisi Klasik wajib Diajar dalam Buku Teks Bahasa Cina KSSM Tingkatan Dua | 146 |
| 3.6 | Senarai Cadangan Pembacaan Puisi Klasik wajib Diajar dalam Buku Teks Bahasa Cina KSSM Tingkatan Tiga | 147 |
| 3.7 | Protokol Temu Bual | 150 |
| 4.1 | Bilangan Puisi Klasik yang Dimuatkan ke dalam Buku Teks Bahasa Cina KSSM Tingkatan Satu hingga Tiga | 168 |
| 4.2 | Kategori Puisi Klasik Berdasarkan Puisi Klasik yang Wajib Diajar serta Bilangannya dalam Setiap Tema Puisi Klasik dalam Buku Teks Bahasa Cina KSSM Tingkatan Satu hingga Tiga | 170 |
| 4.3 | Kategori Puisi Klasik Berdasarkan Cadangan Pembacaan Puisi Klasik serta Bilangannya dalam Setiap Tema Puisi Klasik dalam Buku Teks Bahasa Cina KSSM Tingkatan Satu hingga Tiga | 173 |
| 4.4 | Analisis Teks Puisi Klasik Berdasarkan Lima Standard Pemilihan Kandungan Teks Puisi Klasik dalam Buku Teks Bahasa Cina KSSM Tingkatan Satu hingga Tiga | 188 |
| 4.5 | Analisis Persepsi Murid Terhadap Teks Pilihan Pembelajaran Puisi Klasik dalam Buku Teks Bahasa Cina KSSM Menengah Rendah | 230 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun upsi



| | | |
|---|---|---|
| 4.6 | Analisis Persepsi Murid Terhadap Bahagian Bimbingan Bacaan dan Catatan Penerangan Maksud Istilah dalam Teks Pilihan Pembelajaran Puisi Klasik dalam Buku Teks Bahasa Cina Menengah Rendah | 238 |
| 4.7 | Analisis Penerapan Nilai Murni Menerusi Teks Pilihan Pembelajaran Puisi Klasik dalam Buku Teks Bahasa Cina Menengah Rendah | 247 |
| 4.8 | Analisis Persepsi Murid terhadap Makna Sebenar Pembelajaran Puisi Klasik | 263 |
| 4.9 | Analisis Perkaitan Puisi Klasik yang Mendekati Kehidupan Peserta dengan Standard Pemilihan Puisi Klasik | 268 |
| 4.10 | Analisis Perkaitan Puisi Klasik yang Menerapkan Nilai Murni ke dalam Minda Peserta dengan Standard Pemilihan Puisi Klasik | 269 |
| 4.11 | Analisis Perkaitan Puisi Klasik yang Menerapkan Nilai Estetik ke dalam Minda Peserta dengan Standard Pemilihan Puisi Klasik | 272 |
| 4.12 | Analisis Perkaitan Puisi Klasik di Luar Buku Teks yang Dikemukakan oleh Peserta dengan Standard Pemilihan Puisi Klasik | 273 |
| 5.1 | Analisis Perkaitan Puisi Klasik yang Menerapkan Nilai Estetik ke dalam Minda Peserta dengan Standard Pemilihan Puisi Klasik | 294 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## SENARAI RAJAH


| No. Rajah | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 3.1 | Reka Bentuk Kajian | 133 |
| 3.2 | Kerangka Konseptual Kajian | 135 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun upsi


## SENARAI SINGKATAN

| | |
|---|---|
| BPK | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| DSKP | Dokumen Standard Kurikulum dan Penilaian |
| EPRD | Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan |
| FPK | Falsafah Pendidikan Kebangsaan |
| KBAT | Kemahiran Berfikir Aras Tinggi |
| KBSM | Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah |
| KBSR | Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah |
| KSSM | Kurikulum Standard Sekolah Menengah |
| KSSR | Kurikulum Standard Sekolah Rendah |
| Pdpc | Pembelajaran dan Pemudahcaraan |
| PMR | Penilaian Menengah Rendah |
| PPPM | Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia |
| PT3 | Pentaksiran Tingkatan Tiga |
| SJKC | Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina |
| SMJK | Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan |
| SMK | Sekolah Menengah Kebangsaan |
| SPM | Sijil Pelajaran Malaysia |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

upsi

## SENARAI LAMPIRAN

A Borang Persetujuan

B Surat Akuan Ibu Bapa

C Surat Kelulusan Bersyarat Untuk Menjalankan Kajian

D Borang Kesahan Pakar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 1

# PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.1 Pendahuluan

Negara Malaysia mempunyai seramai 32.63 juta penduduk yang terdiri daripada bangsa Melayu, Cina, India dan lain-lain. Ia merupakan sebuah negara yang berbilang bangsa, agama, kepercayaan dan kebudayaan (Department of Statistics, Malaysia, 2019) serta mempunyai latar belakang pendidikan masing-masing. Pendidikan Bahasa Cina telah dimulakan pada awal abad ke-19 oleh masyarakat Cina untuk memberi peluang kepada anak-anak mereka agar dapat mempelajari bahasa ibundanya iaitu bahasa Cina serta mewariskan dan memperkembangkan segala budaya dalam kalangan masyarakat Cina

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


(Gu, 2020) dengan mendirikan banyak sekolah pada peringkat awal ketika berada di Malaya.

Disebabkan perkembangan ekonomi negara China yang semakin pesat dan memiliki keunggulan serta status kedudukan antarabangsa yang semakin tinggi (Rusdi Omar, 2006), bahasa Cina telah menjadi salah satu bahasa yang sangat penting dan dititikberatkan oleh semua negara supaya dapat menjalin hubungan yang erat serta menyempurnakan segala urusan ekonomi dengan negara China. Menurut Menteri Pendidikan Dr. Radzi Jidin, bilangan murid etnik Melayu yang belajar di sekolah jenis kebangsaan Cina telah meningkat dari 9.15% pada tahun 2010 ke 15.33% pada tahun 2020 manakala murid etnik India menunjukkan peningkatan dari 1.67% pada tahun 2010 ke 2.75% pada tahun 2020 (Sinchew, 2020). Kerajaan Malaysia juga semakin menitikberatkan pendidikan Bahasa Cina dan telah memperkenalkan mata pelajaran Bahasa Cina di 150 buah Sekolah Kebangsaan sejak awal tahun 2007 sebagai pengajaran bahasa kedua (Khoo, 2019).

Memandangkan status kedudukan Bahasa Cina yang semakin meningkat, bahan pengajaran seperti buku teks telah memainkan peranan yang penting dalam menjamin kualiti pengajaran. Bahasa Cina merupakan mata pelajaran kemanusiaan yang penting dalam aspek perkembangan diri yang sempurna. Titik permulaan pengajaran bahasa juga berlainan dengan mata pelajaran yang lain. Tugas utama mata pelajaran Bahasa Cina adalah memupuk dan mengembangkan intelek, menyampaikan pengetahuan bahasa yang asas serta memikul tanggungjawab dalam membina jati diri yang sempurna dalam kalangan murid. Penanaman konsep nilai murni, psikologi dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


sentimen yang sihat merupakan tugas utama dalam mata pelajaran Bahasa Cina. Oleh hal yang demikian, pendidikan Bahasa Cina boleh dikatakan amat mementingkan dalam aspek pemupukan sikap dan pemikiran yang bersaintifik, kaya dengan sentimen yang berhemah tinggi serta dapat menjalani kehidupan yang bahagia pada masa akan datang (Tan, 2012).

Liu (2004) menyatakan bahawa bahan pengajaran bahasa membimbing murid agar memenuhi hukum pengajaran bahasa Cina dalam pembelajaran bahasa Cina, menonjolkan perkembangan kemahiran bahasa dan semangat kemanusiaan supaya dapat menjadi rakyat yang modenisasi serta dapat menghadapi dunia dan masa depan. Menurut Zhang (2013), bahan pengajaran bahasa ialah bahan pengajaran yang menggabungkan pendidikan bahasa, pemikiran dan pengetahuan. Bahan pengajaran bahasa telah menonjolkan keunikan bahasa ibunda dan menjurus ke arah penerimaan dalam kalangan kanak-kanak atau remaja dalam pendidikan bahasa, pemikiran dan pengetahuan. Liu (2004) telah mengkategorikan fungsi bahan pengajaran kepada lima aspek iaitu fungsi sebagai panduan, fungsi persembahan dan penerangan, fungsi keupayaan membina dan kemahiran melatih, fungsi pedagogi dan fungsi perhubungan. Lima fungsi ini merupakan proses dinamik sistem pengajaran dalam sesebuah mata pelajaran. Hanya melalui sudut proses dinamik ini baru dapat mengenal fungsi tersebut secara menyeluruh.

Secara amnya, kurikulum Malaysia adalah sering digubal dengan berpandukan Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bertujuan dalam melahirkan insan yang mempunyai perkembangan yang stabil dalam aspek intelek, sentimen,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


psikologi dan fizikal serta memupuk semangat patriotisme agar membina sebuah negara maju yang aman, bertamadun dan makmur (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, 2016).

Pada tahun 2013, Dokumen Standard Kurikulum dan Penilaian (DSKP) telah diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Segala isi kandungan dalam buku teks perlu menepati elemen-elemen yang terkandung dalam dokumen standard kurikulum dan penilaian (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Petikan di bawah merupakan pencerahan pengarah Bahagian Pembangunan Kurikulum dalam Kementerian Pelajaran Malaysia, Dr. Sariah terhadap perubahan kurikulum:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijelmakan dalam KSSM menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Pentaksiran. Usaha memasukkan Standard Pentaksiran di dalam dokumen kurikulum telah mengubah landskap sejarah sejak Kurikulum Kebangsaan dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menerusinya murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenalpasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.
>
> (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, 2016, p.xi)

Elemen asas dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah bagi mata pelajaran Bahasa Cina ialah menguasai kemahiran bahasa dengan menggabungkan aktiviti bahasa yang menarik dan bantuan bahan pengajaran yang sesuai demi mencapai matlamat kurikulum. Empat kemahiran yang difokuskan dalam pembelajaran Bahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Cina ialah mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Bidang yang merangkumi empat kemahiran ini termasuk prosa moden, prosa tradisional, puisi klasik, tatabahasa dan seni kebudayaan. Dengan menguasai kemahiran bahasa, maka menguasailah keupayaan penggunaan bahasa dalam kehidupan, pemprosesan maklumat dan juga aktiviti menilai karya-karya tertentu (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017).

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah dilancarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 2017. Struktur penyusunan buku teks Bahasa Cina Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah berubah kepada karya yang berasaskan tema yang sama di mana satu modul mengandungi jenis karya-karya yang pelbagai tetapi temanya adalah sama. Aspek kandungan pengajaran yang menyeluruh serta pemahaman dalam pembacaan, pengumpulan bahasa, penggunaan bahasa dan aspek kerohanian telah dititikberatkan dalam buku teks Bahasa Cina Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Banyak bahagian baharu telah dimuatkan ke dalam buku teks seperti setiap unit didahului dengan pengenalan, mengandungi objektif pembelajaran, gaya bahasa, latar belakang penulis, ringkasan tentang setiap karya, latihan pemahaman, kebudayaan serta mengesyorkan puisi klasik untuk bacaan, kaligrafi Cina dan sebagainya. Tujuan penambahan ini adalah untuk memastikan kualiti bahasa dapat ditingkatkan dalam kalangan murid serta memudahkan guru memimpin murid dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan secara berperingkat dan berinspirasi. Dengan adanya bimbingan guru, murid dapat membuat bacaan, memahami, menerokai, berbincang serta menjawab soalan diri sendiri. Kebolehan murid untuk menguasai pengetahuan bahasa yang asas agar dapat memahami kandungan teks dalam pembacaan dan meningkatkan penguasaan murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dalam aspek pemahaman dan keupayaan pengolahan merupakan salah satu matlamat baharu dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Justeru, proses pengajaran guru haruslah berpegang pada prinsip berguna dan senang difahami supaya tidak muncul tanggapan pembelajaran bahasa sebagai satu beban dalam kalangan murid (DSKP, 2016). Terbitan buku teks Bahasa Cina Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) adalah menepati arus perkembangan zaman semasa dan murid perlu menguasai pelbagai kemahiran supaya dapat mengikuti perkembangan zaman semasa (Khoo, 2019).

Bab ini akan membincangkan latar belakang permasalahan yang dihadapi dalam pembelajaran puisi klasik dan objektif kajian ini dilakukan serta kepentingannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Pendidikan Bahasa Cina di Malaysia mempunyai sistem yang agak sempurna iaitu pendidikan dari sekolah rendah selama enam tahun, sekolah menengah selama lima atau enam tahun seterusnya ke peringkat universiti seperti tawaran kursus pengajian Tionghua atau Bahasa Cina dengan Pendidikan. Setelah murid tamat persekolahan pada peringkat sekolah rendah, mereka boleh membuat pilihan sama ada menyambung pelajaran di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) atau Sekolah Menengah Persendirian. Segala urusan pentadbiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) adalah di bawah pemantauan Kementerian Pendidikan Malaysia, kurikulum yang digunakan adalah sama dengan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK). Bahasa pengantar di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) ialah Bahasa Malaysia dan murid perlu menduduki dua jenis peperiksaan serentak yang utama iaitu Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Perbezaannya ialah murid yang belajar di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) wajib mempelajari mata pelajaran Bahasa Cina dan mendaftarkan mata pelajaran Bahasa Cina dalam dua peperiksaan yang utama iaitu peperiksaan PT3 dan SPM. Masa pembelajaran mingguan bagi mata pelajaran Bahasa Cina Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) ialah 200 minit manakala di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) hanya diperuntukkan 120 minit sahaja. Hal ini demikian kerana mata pelajaran Bahasa Cina di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) ditakrifkan sebagai mata pelajaran elektif sahaja. Kurikulum yang digunakan di dalam Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) adalah berdasarkan penetapan kurikulum dari Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) yang berada di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Sekolah Menengah Persendirian pula menggunakan kurikulumnya yang tersendiri, ia digubal oleh Dongjiaozong（董教总）yang merupakan gabungan oleh Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia dan Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (Khoo, 2019).

Untuk mengikut jejak langkah perkembangan taraf pendidikan antarabangsa pada abad ke-21, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggubal dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Maklumat penting dalam bab keempat mengenai pembelajaran murid ialah:

> Kurikulum dan pentaksiran mesti selaras dengan tanda aras antarabangsa bagi memastikan murid di negara ini memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya pada abad ke-21 dan seterusnya, seiring dengan semangat pembelajaran sepanjang hayat.
>
> (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, 2013, p.4-1)

Pada tahun 2017, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggantikan Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) ke Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Dengan pelaksanaan sukatan pelajaran baharu ini, pengajaran dan pembelajaran telah difokuskan dalam kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Antara matlamat KSSM adalah memupuk minat murid-murid untuk pembelajaran sepanjang hayat (DSKP, 2017). Untuk merealisasikan matlamat ini, para pendidik perlu memupuk minat membaca dalam kalangan murid-murid.

Beberapa gelombang akan dijalankan demi menjamin keberkesanan dalam pelaksanaan kurikulum baru seperti yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> Gelombang 1 (2013-2015) transformasi pendidikan ini akan memberikan tumpuan kepada inisiatif jangka pendek bagi menambah baik kurikulum bertulis, kurikulum yang diajar, dan kurikulum yang ditaksir, di samping meletakkan asas bagi perubahan nyata. Gelombang 2 dan 3 (2016-2025) berkisar pada pengenalan KSSM dan KSSR semakan semula, serta pembentukan model alternatif yang membolehkan murid belajar mengikut tahap kebolehan masing-masing.
>
> (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, 2013, p.4-4)

Buku teks merupakan sumber utama yang penting dalam proses pembelajaran dan pengajaran dalam bilik darjah. Oleh hal yang demikian, kandungan dalam buku teks perlulah mempunyai kualiti yang tinggi dalam merangkumi aspek-aspek yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) secara menyeluruh (Norziana, 2017). Pandangan ini dipersetujui dalam kajian Abdul Rahim Abdul Rashid (1999) yang menyatakan bahawa buku teks dikatakan berkualiti tinggi ialah buku teks yang mempunyai isi kandungan yang membina dan dapat mengembangkan cara pemikiran murid dengan menerapkan elemen-elemen seperti kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), gaya penulisan dan persembahan bahan dan idea yang dikembangkan dalam buku teks. Kajian Tan (2012) menyatakan bahawa buku teks memainkan peranan yang penting dalam tugas pelaksanaan bimbingan bahasa dan pemikiran serta nilai estetik. Hal ini demikian kerana pembentukan kelakuan, perasaan dan nilai-nilai murni dalam kalangan murid menengah rendah akan dipengaruhi oleh kandungan buku teks. Kenyataan ini adalah bersamaan dengan kajian Li (2018) yang menyatakan bahawa buku teks memainkan peranan yang penting dalam pencapaian objektif dan keberkesanan pengajaran kerana ia merupakan media antara guru dengan murid dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan. Dengan menerusi buku teks, guru dapat menyempurnakan proses pengajaran manakala murid menerima pengetahuan dalam pengajaran guru menerusi buku teks.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Liu (2004) telah menganalisis hubungan bahan pengajaran bahasa dengan bahan pengajaran yang lain dan beliau berpendapat bahawa bahan pengajaran bahasa ialah memupuk keupayaan bahasa melalui mengenal perkataan, menulis perkataan, membaca dan menulis. Kesemua ini merupakan keupayaan bahasa yang asas dan bahan pengajaran bahasa adalah platform yang bertanggungjawab dalam membekalkan pelbagai bahan latihan dan cara melatihnya. Oleh hal yang demikian, bahan pengajaran bahasa merupakan asas bagi bahan pengajaran yang lain. Tanpa bahan pengajaran bahasa, segala bahan pengajaran kemungkinan akan kehilangan fungsi penggunaan dan nilainya.

Kajian Hua (2007) menyatakan bahawa konotasi kualiti bahasa adalah tinggi terutamanya dalam kualiti kesusasteraan. Hal ini bermakna pemupukan kualiti kesusasteraan dalam kalangan murid adalah penting dalam objektif kurikulum bahasa. Kualiti bahasa termasuklah kualiti tentang aspek pengetahuan kesusasteraan dan kemampuan untuk menilai karya-karya kesusasteraan serta keupayaan untuk menghasilkan karya kesusasteraan. Tidak dapat dinafikan bahawa pengetahuan kesusasteraan adalah kandungan kurikulum yang penting dalam pemupukan kualiti kesusasteraan. Tanpa bergantung pada pengetahuan kesusasteraan yang tinggi, kualiti kesusasteraan boleh dikatakan sebagai air yang tanpa hulu, pokok yang tanpa akar. Oleh hal yang demikian, pengetahuan bahasa ialah asas dalam pembinaan kurikulum bahasa dan pengetahuan kesusasteraan merupakan aspek yang penting dalam asas pengetahuan kurikulum bahasa. Menurut kajian Leng (2014), tujuan pendidikan kesusasteraan adalah memupuk dan membina daya penilaian dan nilai estetik dalam kalangan murid. Oleh hal yang demikian, peranan ilmu kesusasteraan sebagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


sebahagian daripada pendidikan kesusasteraan adalah penting. Pendidikan kesusasteraan adalah semakin dititikberatkan dan mempunyai status kedudukan yang penting dalam kurikulum bahasa tidak kira sekolah rendah atau menengah.

Sebab inilah dalam kajian Zhu (1997) menyatakan bahawa puisi klasik yang terkandung dalam bahan pengajaran bahasa telah memainkan peranan yang penting dalam warisan kebudayaan. Hal ini disebabkan bahan pengajaran bahasa akan mempengaruhi murid secara langsung dari segi keluasan, kelamaan dan kedalaman. Sehingga masa kini, tiada buku yang dapat setanding dengan pengaruh bahan pengajaran bahasa kerana ia merupakan bahan bacaan yang paling umum diketahui orang ramai. Kenyataan ini disokong oleh kajian Sun (2019) yang berpendapat bahawa puisi klasik merupakan hasil karya yang unik dalam kesusasteraan Cina yang merupakan warisan kebudayaan masyarakat Cina. Oleh hal yang demikian, pembelajaran puisi klasik memainkan peranan yang sangat penting dalam pembelajaran mata pelajaran Bahasa Cina kerana puisi klasik mempunyai nilai dan makna pembelajaran yang unik.

Menurut kajian Zhu (2019), puisi klasik menggunakan perkataan yang paling ringkas dan mengandungi inti pemikiran nenek moyang yang menjadikan wakil kebudayaan tradisional yang penting. Puisi klasik telah mempelbagaikan semangat kebudayaan Tionghua serta menyatakan inti kegemilangan dalam kebudayaan Tionghua. Puisi klasik juga memainkan peranan dalam keunikan perkataan bahasa Cina dengan menggabungkan bentuk, irama dan makna sehingga mencapai tahap yang sempurna. Bentuk karya sastera yang lain tidak dapat berhasil sedemikian kerana puisi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


klasik mempunyai daya tarikan yang tinggi. Puisi klasik bukan sahaja memiliki status kedudukan yang penting dalam kesusasteraan Cina malah ia juga merupakan kandungan yang penting dalam pengajaran bahasa. Dengan mempelajari puisi klasik, kebudayaan Tionghua dapat diwarisi dan semangat dalam inti serta keupayaan bahasa dapat dipertingkatkan. Jelaslah bahawa puisi klasik mempunyai nilai pembelajaran dalam aspek bahasa dan kesusasteraan.

Terdapat pelbagai puisi klasik yang terkandung dalam buku teks Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang telah dimuatkan ke dalam buku teks tingkatan satu, dua dan tiga. Hal ini telah menggambarkan pembelajaran puisi klasik mempunyai peranan yang penting dalam sukatan pelajaran KSSM. Kajian Woo (2009) dan Fu (2011) menyatakan bahawa kehidupan harian manusia tidak dapat berpisah dengan budaya tradisional. Mesej, nilai murni dan pengajaran yang terkandung dalam puisi klasik dapat kita jadikan pedoman dalam kehidupan harian. Hal ini telah membuktikan bahawa pembelajaran kesusasteraan dikatakan sangat bermakna. Hasil karya yang berlainan mempunyai perspektif yang berlainan tentang kehidupan sebenar disebabkan penyajak masing-masing mempunyai latar belakang yang berlainan. Kajian Wu (2013) menyatakan bahawa pembelajaran puisi klasik dikatakan penting kerana puisi klasik mengandungi kecantikan dan keunikan yang tinggi serta dapat menyentuh perasaan pembaca serta membekalkan ruangan untuk meningkatkan daya pemikiran dan daya cipta dalam minda murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) telah menetapkan standard pembelajaran puisi klasik iaitu membaca dan menikmati puisi klasik dan merasai keindahan bahasa, konotasi dan konsepsi kesenian dalam puisi klasik serta memahami persepsi pemikiran dan perasaan, bentuk dan cara penyampaian oleh para penyajak dan memupuk perasaan bahasa yang baik dalam kalangan murid. Guru disaran dalam DSKP agar pengajaran puisi klasik perlu membawa murid merasai keindahan dalam puisi klasik dan mempunyai perasaan yang menyerupai pengalaman para penyajak serta meningkatkan batasan rohani dalam kalangan murid (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Akan tetapi, dalam proses pembelajaran dan pengajaran puisi klasik, murid sering kali menunjukkan sikap pembelajaran yang pasif. Minat dalam pembelajaran puisi klasik tidak dapat ditonjolkan dalam kalangan murid (Lee, 2004). Keadaan sedemikian bersamaan dengan dapatan dalam kajian Li (2018) yang menyatakan bahawa murid tiada minat yang tinggi dalam pembelajaran puisi klasik serta kajian Sun (2019) yang mengatakan bahawa kebanyakan murid beranggapan bahawa tidak dapat mengenalpasti makna pembelajaran puisi klasik dan tidak memperoleh dapatan yang tinggi dalam kehidupan harian menerusi pembelajaran puisi klasik.

Puisi klasik merupakan hasil karya yang penting dalam kebudayaan masyarakat Cina, ia juga merupakan sumber yang utama untuk guru menjalankan pendidikan Bahasa Cina dan kemanusiaan terhadap pelajar (Sun, 2019). Selalunya ayat puisi klasik yang diingati dalam sanubari dan dapat dideklamasi adalah berasal dari puisi klasik yang dipelajari dalam sekolah rendah atau sekolah menengah. Oleh hal yang demikian, puisi klasik dalam bahan pengajaran sekolah rendah dan menengah telah menentukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pengenalan orang ramai terhadap puisi klasik Cina yang dilalui beribu-ribu tahun. Untuk menguasai keadaan pewarisan puisi klasik pada masa kini, cara yang paling berkesan adalah menerusi kajian terhadap pemilihan teks puisi klasik dalam buku teks (Zhu, 2019). Justeru, kajian ini ingin melihat bagaimanakah cara pemilihan teks puisi klasik dalam buku teks dan persepsi murid terhadap teks puisi klasik yang dipelajari dalam buku teks.

## 1.3 Penyata Masalah

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, perkembangan ekonomi yang pesat di persada dunia ini telah membawa manusia berada dalam status kehidupan yang mengutamakan materialisme. Hal ini telah menyebabkan manusia zaman kini mengalami kemelaratan dalam aspek rohani. Pembinaan dan perkembangan sifat-sifat kemanusiaan serta nilai estetik dalam kalangan diri sendiri telah diabaikan. Kebanyakan manusia lebih mementingkan penampilan luaran daripada perkembangan dalam minda seperti emosi dan rohani. Hal ini telah mengakibatkan banyak gejala sosial telah berlaku di merata-rata tempat. Hubungan sesama manusia menjadi semakin renggang disebabkan kebanyakan manusia hanya mengutamakan pengejaran kemewahan semata-mata sahaja. Ketulusan hati telah merosot, nilai-nilai murni semakin dipinggirkan, gejala sosial seperti keganasan, pornografi, rasuah semakin menular dalam pelbagai lapisan masyarakat dan turut menular dalam kawasan sekolah. Justeru, kita perlu mengambil perhatian yang serius dalam hal ini untuk mengelakkan murid terlibat dalam gejala yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


tidak sihat ini. Jika kita terus mengabaikan langkah proaktif yang perlu diambil dan membiarkan keadaan ini terus menular, hal ini pasti akan mempengaruhi nilai estetik murid serta menyebabkan satu tragedi diwujudkan di mana murid berada dalam tahap kebudayaan yang rendah dan kelunturan nilai murni dalam kalangan murid (Wang, 2011).

Kajian Wong (2019) menyatakan bahawa demi mencapai tujuan mengembangkan serta mewarisi kebudayaan Tionghua dan meningkatkan tahap aplikasi nilai-nilai murni dalam kalangan murid, aspek permulaan yang penting ialah pendidikan terutamanya dalam kalangan murid sekolah menengah. Untuk memperkasakan murid sekolah menengah dalam menguasai dan mengenal kebudayaan tradisional dalam kalangan masyarakat Cina, penelitian dan penilaian tentang kandungan bahan pengajaran serta kajian dalam aspek pembelajaran dan pemudahcaraan terutamanya dalam puisi klasik adalah penting.

Puisi klasik boleh dikatakan adalah antara bahan pengajaran yang paling merungsingkan guru dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan. Kajian Zhang (2005) menyatakan bahawa murid kekurangan hasrat dalam pembelajaran kebudayaan tradisional adalah dipengaruhi oleh budaya barat dan kehidupan baharu masyarakat yang berasaskan jejak langkah yang pantas. Oleh hal yang demikian, kajian Wong (2019) telah mendapati bahawa dalam era globalisasi ini, tahap pemahaman mengenai kebudayaan Tionghua dalam kalangan golongan muda dalam masyarakat Cina di Malaysia semakin merosot. Tambahan pula, dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Cina telah menuju ke arah berpusatkan peperiksaan sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Fenomena ini disokong oleh kajian Sun (2019) yang mengatakan bahawa dalam sistem pendidikan yang berpusatkan peperiksaan, proses pembelajaran dan pemudahcaraan hanya mementingkan keputusan peperiksaan sehinggalah mengabaikan perkembangan dalam aspek kerohanian. Proses pengajaran tidak meninjau ilmu dalam puisi klasik dengan mendalam. Murid beranggapan tugas mereka hanya menghafalkan puisi klasik sahaja sehingga mengabaikan nilai estetik yang terkandung dalam puisi klasik. Puisi klasik dalam sistem pendidikan yang berpusatkan peperiksaan hanya memainkan peranan sebagai alat untuk murid menguasai dan menjawab soalan dalam peperiksaan sahaja. Ekoran dari keadaan sedemikian, tujuan untuk memupuk nilai estetik dalam minda murid dan meningkatkan daya penilaian estetik dalam kalangan murid telah semakin jauh untuk dicapai. Pandangan sebegini juga dikemukakan dalam kajian Kong (2011) yang mengemukakan bahawa murid sering menumpukan perhatian pada bahagian yang akan diuiji sahaja disebabkan mereka amat mementingkan keputusan peperiksaan.

Kajian Li (2018) menyatakan bahawa kebanyakan murid mempunyai perspektif yang negatif terhadap pembelajaran puisi klasik disebabkan mereka mempunyai tanggapan bahawa tiada nilai penggunaan dalam kehidupan harian mereka. Pembelajaran puisi klasik semata-mata untuk tujuan menjawab soalan peperiksaan sahaja. Hal ini telah menyebabkan tahap penguasaan kesusasteraan dan pengetahuan kebudayaan adalah rendah seperti yang dikemukakan dalam kajian Wong (2019) yang menyatakan kesan femonena tersebut ialah proses pengajaran Bahasa Cina semakin mengabaikan unsur kebudayaan tradisional dan menyebabkan tahap penguasaan murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


terhadap kebudayaan tradisional semakin merosot. Keadaan sebegini telah mengancam tugas warisan kebudayaan tradisional dalam kalangan masyarakat Cina di Malaysia.

Menurut pakar kajian puisi klasik yang terkenal Chen Pingyuan (2013), masalah pendidikan kesusasteraan yang dijalankan adalah terlalu menitikberatkan sejarah perkembangan kesusasteraan sehingga melenturkan minat pembelajaran, nilai estetik serta daya pemikiran dalam kalangan murid. Pemberatan pendidikan kesusasteraan perlu berada pada buku bacaan dan bukan bahan pengajaran semata-mata. Peranan guru adalah untuk membimbing murid untuk membaca, berbincang serta menerokai ilmu kesusasteraan dan bukan melihat bagaimana lakonan guru di dalam kelas sahaja. Sungguhpun bahan pengajaran dan pengajaran guru yang cemerlang senang diingati dan dicontohi oleh murid, tetapi ia mengehadkan proses pemikiran, penyoalan dan penyampaian murid. Murid menghadapi keadaan di mana kekurangan pembacaan diri sendiri, berfikir secara mendalam, minat dan kemampuan untuk memberi pendapat secara bebas (Chen, 2009).

Perkara yang menyedihkan ialah guru hanya menjadi penginput kandungan puisi klasik sahaja dalam pengajaran puisi klasik dan murid berada dalam keadaan pasif dalam penerimaan input yang disampaikan oleh guru. Tahap estetik dan penghargaan terhadap puisi klasik dalam kalangan murid tidak dapat dipertingkatkan (Sun, 2019). Fenomena ini dipersetujui oleh kajian Zhang (2015) yang menyatakan bahawa tahap minat pembelajaran puisi klasik dalam kalangan murid adalah rendah dan tidak menguasai asas pembelajaran puisi klasik. Kajian Wu (2013) menyatakan bahawa kebanyakan guru tidak mendalami pengajaran puisi klasik dan hanya menerangkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


ayat-ayat atau perkataan dalam puisi klasik sahaja. Guru jarang menyentuh aspek keindahan dan minda penyajak dalam proses pengajaran puisi klasik. Hal ini telah menjejaskan keindahan dan kesenian yang terkandung dalam puisi klasik. Zhang (2015) juga menyatakan bahawa pengajaran puisi klasik dalam kalangan guru adalah kolot dan tradisional. Dalam kajian Khoo (2019) mengenai perbandingan buku teks Bahasa Cina tingkatan satu edisi baru dengan edisi lama di Malaysia juga bercadang agar guru seharusnya menjalankan pembelajaran dan pemudahcaraan berpusatkan murid, bukannya seolah-olah hanya guru membuat penerangan sehingga mengabaikan cara untuk mencungkil minat pembelajaran dalam kalangan murid.

Selain itu, pengalaman pembelajaran dalam kalangan murid adalah meliputi dua aspek iaitu pengalaman kehidupan dan pengalaman bahasa. Puisi klasik yang dimuatkan ke dalam buku teks mempunyai sejarah yang berjauhan. Murid biasanya mempunyai sentimen luar biasa dan berjarak dalam pembacaan dan pembelajaran disebabkan jangka masa puisi klasik yang panjang (Song, 2019). Fenomena ini telah dipersetujui dalam kajian Li (2018) yang menyatakan bahawa apabila murid berhadap dengan puisi klasik yang berjauhan zaman dengan mereka, mereka pasti berasa puisi klasik itu berjarak dan berjurang. Oleh itu, tahap penerimaan puisi klasik dalam kalangan murid adalah rendah. Disebabkan puisi klasik mempunyai keunikan dalam teks sendiri dan tempoh jarak puisi klasik dengan kehidupan zaman kini agak jauh, murid sedikit sebanyak akan menghadapi masalah dalam proses pembelajaran puisi klasik. Kekurangan minat murid dalam pembelajaran puisi klasik turut merupakan cabaran yang besar bagi guru dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan. Kajian Li (2018) pula mendapati bahawa wujudnya keadaan di mana kekurangan persetujuan tentang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pemikiran penyajak dalam kalangan murid. Hal ini demikian kerana murid kekurangan pengalaman yang dialami seperti penyajak dan keadaan ini akan mewujudkan kekangan dalam pembelajaran puisi klasik yang berlainan zaman.

Pembelajaran puisi klasik sering dipandang ringan oleh kebanyakan murid. Hal ini disebabkan murid menganggap pembelajaran puisi klasik adalah satu beban untuk mereka (Hassan Baseri, 2007). Kajian Hamzah (2004), Abdul Rasid, Shamsudin dan Norzila (2011) mendapati bahawa guru terpaksa menanggung beban untuk menghabiskan teks kesusasteraan supaya keperluan dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dapat dipenuhi. Bilangan teks kesusasteraan yang banyak bukan sahaja membebankan pengajaran guru untuk menghabiskan kurikulum, ia juga membebankan pembelajaran murid kerana mereka menghadapi tekanan untuk menguasai teks kesusasteraan yang tidak mempunyai sentimen kebiasaan dalam kehidupan sebenar mereka. Di samping itu, Nur Aisyah (2011) dalam kajian tentang penggunaan perisian multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran Komsas Bahasa Melayu juga mempersetujui pandangan Hassan Baseri. Hal ini demikian kerana dalam kajiannya mendapati bahawa kebanyakan murid tidak berminat untuk mempelajari Komsas Bahasa Melayu atas sebab yang dikemukakan dalam kajian Hamzah (2004), Abdul Rasid, Shamsudin dan Norzila (2011).

Menurut pemerhatian Lee (2004) dalam kajiannya telah mendapati bahawa kurangnya penghayatan murid terhadap pembelajaran puisi klasik. Hal ini demikian kerana kebanyakan murid menganggap bahawa pembelajaran puisi klasik tidak relevan dengan pembelajaran dan pengajaran zaman moden kini dan tidak membawa manfaat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


yang ketara kepada mereka (Naapie, 2002; Abdul Rashid, Shamsudin & Norzila 2011). Mereka berpendapat bahawa teks sastera yang memerlukan masa yang agak panjang untuk difahami dengan melalui proses pembacaan yang rumit telah menyebabkan mereka sanggup mengetepikan pembelajaran puisi klasik. Sesetengah murid juga memandang ringan dan bersikap sambil lewa terhadap karya sastera (Adam, 2003).

Kajian Ma (2020) telah mengemukakan bahawa sebahagian murid menganggap kandungan puisi klasik terlalu bosan dan akibatnya hilang minat pembelajaran terhadap puisi klasik. Proses pembelajaran dan pemudahcaraan puisi klasik tidak dapat mencapai objektif yang ditetapkan. Keadaan ini telah mewujudkan beban antara guru dan murid. Disebabkan cara pengajaran guru tentang puisi klasik tidak menunjukkan keunikan, kolot dan tradisional (Zhang, 2015) seperti yang dikemukakan dalam kajian Wu (2013) bahawa kebanyakan guru hanya semata-mata membuat penerangan pada ayat-ayat atau perkataan dalam puisi klasik sahaja serta jarang mendalami pengajaran puisi klasik berdasarkan aspek kecantikan dan minda penyajak sehingga kecantikan dan kesenian dalam puisi klasik terjejas. Oleh hal yang demikian, murid akan berasa bosan dan menganggap pembelajaran puisi klasik adalah satu beban untuk mereka (Ma, 2019).

Selain itu, pembelajaran puisi klasik tidak dapat menerapkan nilai-nilai murni dan budaya kepada murid-murid. Hal ini demikian kerana kebanyakan murid tidak dapat menghayati citra budaya bangsa menerusi pembelajaran Komsas (Mohd. Azman, 2003). Senario ini dipersetujui dalam kajian Ros Azura (2007), Nur Aisyah (2011) dan Zamri dan Nur Aisyah (2011) yang menyatakan bahawa tujuan murid mempelajari Komsas adalah untuk memenuhi kelulusan yang cemerlang dalam peperiksaan sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kesannya ialah nilai murni dan jati diri tidak dapat dibina menerusi pembelajaran ciptaan karya sastera terutamanya puisi klasik. Murid hanya sekadar menitikberatkan cara untuk menjawab soalan supaya mendapatkan markah maksimum.

Berdasarkan perbincangan permasalahan di atas, untuk menyelesaikan masalah pembelajaran puisi klasik ke akar umbi, penelitian bahan pengajaran dalam aspek pemilihan teks puisi klasik adalah diperlukan. Menurut Chen (2013), pemilihan teks seharusnya berpusatkan pada kegunaan pembelajaran dan pengajaran di dalam bilik darjah, meminggirkan bahan sejarah yang mudah diperoleh serta teori makro yang tiada kegunaannya, memfokuskan semangat dalam meluaskan pemandangan akademik, pembinaan teori pemikiran serta meningkatkan daya analisis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasrat pembelajaran puisi klasik iaitu membolehkan murid merendamkan diri dalam alam kebudayaan masyarakat Cina akan tercapai atau tidak adalah bergantung pada kesesuaian jenis puisi klasik yang dipelajari oleh murid. Faktor yang paling penting ialah puisi klasik yang dimuatkan ke dalam buku teks mampu menimbulkan minat pembelajaran murid dan seterusnya diberi inspirasi dalam aspek pemikiran dan pemahaman. Menurut Wu (2013), dalam kajian yang mengemukakan pendapat bahawa murid yang belajar pada peringkat rendah haruslah didedahkan puisi klasik yang dapat menarik minat pembelajaran murid dan meningkatkan kemampuan murid dalam menghafal dan mendeklamasi puisi klasik. Bagi murid yang belajar pada peringkat pertengahan, puisi klasik yang dipilih seharusnya dapat mengembangkan daya pemikiran murid, meningkatkan daya ciptaan murid, memperkasa kebolehan mengenai pengumpulan dan perkembangan pengetahuan yang sedia ada. Bagi murid yang belajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pada peringkat atasan pula, puisi klasik yang dipilih seharusnya dapat memupuk keupayaan murid belajar diri sendiri, meningkatkan nilai estetik dalam diri sendiri dan meningkatkan kualiti penguasaan kesusasteraan dalam kalangan murid. Kajian ini juga mencadangkan pemilihan puisi klasik seharusnya disusun mengikut tema-tema yang sama dengan teks yang lain.

Kajian Zhong (2007) menyatakan bahawa bahan pengajaran merupakan sumber kurikulum yang penting dalam melaksanakan proses pembelajaran dan pemudahcaraan. Ia merupakan bahan-bahan yang mengikut kurikulum yang ditetapkan oleh bahagian kurikulum negara dan merupakan bahan-bahan yang asas untuk dipelajari oleh murid. Keberkesanan sesuatu bahan pengajaran adalah bergantung pada penggunaan bahan pengajaran oleh guru secara optimum atau tidak. Tujuan pembangunan kurikulum yang baharu diperkenalkan adalah untuk mendorong guru dalam pembinaan murid mempunyai keupayaan untuk belajar diri sendiri seperti yang dikemukakan dalam kajian Wu (2013). Pembaharuan dalam kurikulum memainkan peranan yang penting dalam pembaharuan golongan bijak bestari dan berfungsi untuk meningkatkan kualiti murid. Oleh itu, guru mata pelajaran perlu meningkatkan tahap profesional yang lebih tinggi dan bersepakat dan mempunyai gambaran yang jelas tentang konsep pembaharuan dalam kurikulum yang diperkenalkan (Zhong, 2007).

Dalam proses pemilihan teks puisi klasik, aspek minat pembelajaran murid perlu diambil kira dan dititikberatkan. Hal ini demikian kerana minat adalah keinginan insan untuk mendedahkan diri dalam mengenal sesuatu benda atau perkara. Minat pembelajaran murid telah menentukan kesanggupan mereka dalam mempelajari dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menguasai pengetahuan secara automatik dan tanpa paksaan. Dengan menganjak minat pembelajaran dalam kalangan murid dan menjadikan murid berada dalam pengalaman yang gembira serta rela untuk mempelajari puisi klasik, maka murid akan mengekalkan tabiat pembelajaran puisi klasik selama-lamanya dengan aktif dan tanpa paksaan kerana minat pembelajaran puisi klasik telah ditanam dalam minda mereka. Minat pembelajaran murid adalah bergantung pada unsur keseronokan dalam bahan pengajaran. Perkara ini seharusnya diberi perhatian dalam alam pendidikan (Wu, 2013).

Dalam kajian Xiang (2010) juga menyatakan bahawa proses pemilihan puisi klasik perlu menititikberatkan aspek minat pembelajaran murid tentang puisi klasik. Demi mengekalkan minat pembelajaran murid terhadap puisi klasik, penulis buku teks boleh merancangkan sesuatu aktiviti atau latihan yang bersesuaian dengan berpandukan keunikan dalam setiap puisi klasik supaya minat pembelajaran murid dapat dipertingkatkan. Misalnya bagi puisi klasik yang bertemakan pemandangan, penulis buku teks boleh merancangkan aktiviti untuk murid melukis satu gambaran yang dapat menggambarkan kandungan dalam puisi klasik tersebut. Bagi puisi klasik yang bertemakan cerita, penulis buku teks boleh merancangkan aktiviti lakonan untuk murid berlakon tentang plot-plot yang terkandung dalam puisi klasik tersebut. Bagi puisi klasik yang bertemakan meluahkan sentimen penyajak, penulis buku teks boleh merancang aktiviti mendeklamasi puisi tradisional dengan penuh perasaan atau aktiviti nyanyian supaya murid dapat lebih menguasai perasaan yang ingin disampaikan oleh penyajak. Aktiviti seperti yang disebutkan ini mempunyai elemen dan peluang untuk mempraktikkan kandungan yang dipelajari dapat merangsangkan minat dalam kalangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


murid serta meningkatkan minat pembelajaran murid dan murid akan menunjukkan sikap pembelajaran serta penglibatan yang aktif terhadap pembelajaran puisi klasik.

Kajian Gu (2000) menyatakan bahawa kualiti dalam pemilihan teks akan memutuskan kualiti sesebuah buku teks. Sekiranya teks yang dipilih adalah berkualiti dan bersesuaian, maka proses penggubalan buku teks dikatakan berjaya. Kajian Dai (2008) mengemukakan bahawa pemilihan teks perlu berpandukan objektif pengajaran puisi klasik supaya teks puisi klasik yang dipilih mempunyai sifat kemanusiaan dan nilai estetik. Sifat kemanusiaan dikatakan penting untuk membina semangat yang tanpa kebergunaan sesama manusia. Pemilihan teks seharusnya memupuk murid sensitif terhadap hayat hidup serta melindunginya dan orang ramai serta mendekati alam sekitar. Pengajaran bahasa merupakan proses penggunaan bahasa yang bernyawa untuk membangunkan kesedaran terhadap hayat hidup (Cao, 2005). Oleh itu, teks puisi klasik yang dipilih seharusnya mempunyai nilai estetik yang dapat merasai unsur sentimen dan hayat hidup. Selain itu, pemilihan teks juga perlu memenuhi perkembangan minda murid dan sifat kontemporari serta unsur keseronokan, menitikberatkan pemupukan sentimen dan nilai dalam kalangan murid. Hal ini kerana murid menengah rendah berada pada tahap pemikiran yang paling aktif dan tahap pembinaan pemikiran bebas yang paling penting (Dai, 2008).

Berdasarkan perbincangan di atas, jelaslah bahawa masalah dalam pembelajaran puisi klasik dalam kalangan murid telah wujud sejak awal lagi dan belum dapat diselesaikan ke akar umbinya. Justeru, kajian ini mengambil inisiatif untuk mengkaji elemen-elemen pemilihan teks puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mengkategorikan pemilihan tersebut untuk menganalisis puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina. Penyelidik ingin melihat adakah pemilihan puisi klasik yang sedia ada dalam buku teks Bahasa Cina dapat meningkatkan minat pembelajaran puisi klasik dan jati diri murid sebagai pewaris budaya bangsa pada masa nanti.

Sehubungan itu, kajian ini juga ingin melihat persepsi pelajar terhadap puisi klasik yang dipelajari berdasarkan puisi klasik dalam buku teks. Diharap juga kajian ini dapat memberi sumbangan terhadap pembaharuan proses pembelajaran dan pengajaran dalam bilik darjah. Hal ini kerana pembelajaran puisi klasik amat ditekankan dalam KSSM untuk mencapai objektif melahirkan insan yang mempunyai perkembangan yang stabil dalam aspek intelek, sentimen, psikologi dan fizikal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pemilihan teks-teks puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina dan pandangan murid terhadap pembelajaran puisi klasik. Tiga objektif yang dibina dalam kajian ini termasuklah:

1.4.1 Menganalisis pemilihan teks-teks kandungan puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


1.4.2 Mengenal pasti persepsi murid tentang pemilihan kandungan puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina.

1.4.3 Mengenal pasti penerapan nilai murni dan estetik dalam kalangan murid menerusi teks pilihan pembelajaran puisi klasik yang sedia ada.

## 1.5 Persoalan Kajian

1.5.1 Bagaimanakah pemilihan teks-teks puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5.2 Sejauh manakah persepsi murid terhadap kandungan puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina?

1.5.3 Sejauh manakah penerapan nilai murni dan estetik dalam kalangan murid menerusi teks pilihan pembelajaran puisi klasik yang sedia ada?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.6 Definisi Istilah

Dalam kajian ini telah menggunakan beberapa istilah yang penting seperti yang disenaraikan di bawah.

### 1.6.1 Buku Teks dan Bahan Pengajaran

Definisi buku teks dalam konteks kajian ini ialah bahan rujukan yang asas yang dihasilkan oleh panel penggubal kurikulum untuk kegunaan dalam proses pembelajaran dan pengajaran di bilik darjah dengan berpandukan huraian sukatan pelajaran yang ditetapkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (Mohd Nazri Abdul Rahman et. al, 2014). Menurut M.W. Keatinge (1896) dalam The Great Didactic of John Amos Comenius, beliau menyatakan bahawa bahan pengajaran memainkan peranan yang sangat penting. Hal ini kerana bahan pengajaran akan memutuskan kewujudan proses pengajaran guru dapat dikurangkan dan murid dapat mempelajari lebih mendalam dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan, pada masa yang sama dapat mengurangkan kebisingan murid dan perasaan bosan untuk belajar. Kajian Shi (2007) pula menyatakan bahawa buku teks melambangkan hasrat negara, semangat dalam kalangan satu bangsa, budaya tradisional dan tahap perkembangan sains. Status kedudukan buku teks boleh dikatakan tidak dapat digantikan dalam pendidikan di sekolah. Hal ini demikian kerana buku teks merupakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


satu landasan yang penting dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan serta peperiksaan, buku teks juga merupakan media asas yang digunakan untuk mencapai objektif dalam alam pendidikan.

### 1.6.2 Puisi Klasik Bahasa Cina

Dalam kajian ini, puisi klasik Bahasa Cina merujuk kepada karya sastera Bahasa Cina yang dihasilkan oleh manusia pada zaman kuno China. Menurut pakar kajian puisi klasik yang terkenal Ye Jiaying（叶嘉莹）dalam karyanya mengatakan bahawa sebab puisi klasik dikenali sebagai puisi klasik ialah ia mempunyai sifat yang dapat dikekalkan selama-lamanya. Sifat utama dalam puisi klasik yang dimaksudkan ialah fungsi Xingfa gangdong（兴发感动）iaitu puisi klasik mempunyai fungsi menyentuhkan jiwa dan nyawa dari dua punca utama iaitu dari perubahan pemandangan atau cuaca alam sekitar dan segala peluahan perasaan sedih, gembira, kesenangan atau kesusahan dalam kehidupan harian. Tiga bentuk yang asas yang terkandung dalam fungsi ini ialah Fu（赋）, Bi（比）, Xing（兴）(Ye, 2005). Proses penulisan Xing（兴）merujuk kepada proses peralihan dari imej ke perasaan. Proses penulisan Bi（比）pula merujuk kepada proses kemunculan suatu perasaan dalam sanubari seseorang terlebih dahulu dan dia meminjam sesuatu objek untuk meluahkan perasaannya manakala proses penulisan Fu（赋）pula merupakan penghasilan secara langsung dan tidak berpandukan sesuatu imej atau perasaan yang dihasilkan (Ye, 2000).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Menurut kajian Zhao (2018), puisi klasik dapat dibahagikan kepada Gutishi（古体诗） dan Jintishi（近体诗）. Gutishi（古体诗）dikenali sebagai “Gufeng”（古风）di mana karya puisi klasik yang dihasilkan sebelum dinasti Tang（唐）terutamanya pada dinasti Han（汉）dan Wei（魏）, bentuk puisi klasik adalah bebas. Jintishi（近体诗）pula juga dikenali sebagai Gelvshi（格律诗）di mana ia sangat mementingkan bentuk puisi klasik dari aspek bilangan perkataan, bilangan ayat, rima dan konfrontasi. Selain itu, satu lagi jenis format puisi klasik yang dikenali sebagai Ci（词）pula bermula dari akhir dinasti Tang（晚唐）dan terus berkembang sehingga mencapai tahap yang matang pada dinasti Song（宋） (Ye, 2000). Kajian Zhao (2018) mendefinisikan Ci（词）mempunyai penetapan dari segi nada, ayat dan perkataan. Ci（词）dapat digolongkan kepada tiga jenis iaitu Changdiao（长调）di mana bilangan perkataannya melebihi 91 patah perkataan; Zhongdiao（中调）yang bilangan perkataannya antara 59 hingga 90 patah perkataan serta Xiaoling（小令）di mana bilangan perkataanya tidak melebihi 58 patah perkataan. Puisi klasik yang dibincangkan dalam kajian ini merupakan puisi klasik yang dimuatkan ke dalam buku teks Bahasa Cina KSSM tingkatan satu hingga tingkatan tiga.

## 1.7 Batasan Kajian

Kajian yang akan dijalankan hanya untuk buku teks Bahasa Cina bagi Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) tingkatan satu hingga tingkatan tiga sahaja. Buku

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


teks Bahasa Cina bagi Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) tingkatan empat telah diperkenalkan pada tahun 2020 manakala buku teks Bahasa Cina tingkatan lima akan diperkenalkan pada tahun 2021. Kajian ini akan dijalankan bagi Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) menengah rendah sahaja kerana ia merupakan satu tahap pada sekolah menengah.

Dalam sukatan pelajaran Bahasa Cina bagi Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), bukan sahaja terkandung bahagian puisi klasik, tetapi turut merangkumi teks yang pelbagai seperti prosa moden, prosa klasik, sajak, tatabahasa serta seni kebudayaan. Kajian ini akan menitikberat pada bahagian pemilihan puisi klasik sahaja. Hal ini kerana puisi klasik telah memainkan peranan yang agak penting dalam KSSM dan bilangan puisi klasik yang terkandung dalam buku teks Bahasa Cina KSSM telah meningkat jika berbanding dengan buku teks Bahasa Cina KBSM.

Selain itu, kajian ini akan dijalankan dalam bentuk kualitatif yang melibatkan respoden yang terhad pada dua belas orang sahaja. Oleh sebab jenis kajian yang dijalankan terhad dalam bilangan dan masa, maka kajian tidak dapat memberi gambaran yang sangat menyeluruh. Kajian ini akan dijalankan di negeri yang terpilih iaitu negeri Selangor sahaja. Sekolah A di negeri Selangor dipilih disebabkan sekolah ini merupakan sekolah kluster dan telah menunjukkan prestasi pencapaian yang tertinggi dalam mata pelajaran Bahasa Cina di seluruh Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Peserta kajian dipilih dalam kalangan murid yang belajar di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) yang wajib mempelajari mata pelajaran Bahasa Cina dan mendaftarkan mata pelajaran Bahasa Cina dalam dua peperiksaan yang utama iaitu peperiksaan PT3 dan SPM. Hal ini kerana masa pembelajaran mingguan bagi mata pelajaran Bahasa Cina Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) ialah 200 minit manakala di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) hanya diperuntukkan 120 minit sahaja. Hal ini demikian kerana mata pelajaran Bahasa Cina di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) ditakrifkan sebagai mata pelajaran elektif sahaja.

## 1.8 Kepentingan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Wu (2013) menyatakan bahawa banyak puisi klasik telah menyusupi nilai-nilai murni oleh nenek moyang masyarakat etnik Cina dari segi persahabatan, percintaan, masa, negara, pendidikan, peradaban dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, puisi klasik boleh dikatakan sebutir mutiara yang kilat dan bersinar dalam seni budaya tradisional masyarakat Cina. Sebab inilah puisi klasik telah diwarisi sejak beribu-ribu tahun dahulu sehingga masa kini dan daya tarikan dalam puisi klasik semakin lama adalah semakin tinggi.

Apabila murid dapat mempelajari kesusasteraan dengan sempurna dan mendalam, murid akan memahami sejarah perkembangan kesusasteraan dari zaman

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


purba sehingga zaman kini, memahami prinsip-prinsip kemanusiaan yang ditekankan dalam kebudayaan masyarakat Cina. Ia mementingkan pegangan teguh terhadap nilai jati diri yang mulia yang bermula dari diri sendiri sehingga ke seluruh alam dunia. Falsafah tentang nilai jati diri yang mulia ini akan berakar umbi dalam pemikiran murid. Bagi golongan murid yang tidak dapat menguasai bidang kesusasteraan dengan baik, mereka sedikit sebanyak akan menerapkan nutrisi-nutrisi yang terkandung dalam kebudayaan masyarakat Cina dan berasa bangga serta berakar umbi dalam alam masyarakat Cina. Jelaslah bahawa kesusasteraan mempunyai nilai dan makna pembelajaran yang tinggi. (Woo, 2009). Pandangan kajian ini adalah bersamaan dengan kajian yang dijalankan oleh Wu (2013) yang menyatakan bahawa dalam pembelajaran puisi klasik, murid dapat diiringi dengan betul dari segi rohani dan seterusnya minda murid dapat dimuliakan. Puisi klasik akan menjadi tapak didikan pemikiran yang penting dalam kalangan murid. Tema-tema dalam puisi klasik telah mencerminkan nilai-nilai murni yang terkandung dalam minda orang pada zaman dahulu. Antara nilai-nilai murni seperti semangat patriotik, perasaan cinta dan rindu akan kampung halaman, daya usaha yang tinggi dan berdedikasi, budaya yang pelbagai serta keindahan alam sekitar. Dalam proses pembelajaran puisi klasik, murid dapat merasai paparan dan semangat dalam penggunaan bahasa oleh penyajak, mendedahkan diri dalam budaya yang cemerlang. Dengan ini, pemandangan murid secara tidak langsung akan menjadi semakin terbuka, nilai estetik dan semangat murid juga akan meningkat dan konsep kehidupan yang positif dan aktif dapat ditanamkan dalam sanubari murid.

Konsep dan ideologi kesusasteraan bermula menyebar melalui pelbagai saluran dalam pendidikan Bahasa Cina dan telah memainkan peranan penting dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Cina di sekolah-sekolah masyarakat Cina. Ketidaksamaan objektif pembelajaran, keperluan pembelajaran murid, sumber pengajaran serta corak pentadbiran sekolah telah membawa kepada reka bentuk kurikulum yang berlainan. Buku teks Bahasa Cina dari sekolah rendah sehingga sekolah menengah terkandung dengan hasil karya daripada pelbagai ahli falsafah seperti Confucius dalam empat buku dan lima kitab klasik serta hasil karya puisi klasik atau sajak daripada penyajak. Setelah membaca hasil karya kesusasteraan ini, kita tidak semestinya menguasai pengetahuan yang mendalam tentang pemikiran ahli-ahli falsafah, tidak semestinya dapat hafal dan mendeklamasikan puisi yang dipelajari, tetapi budaya yang terkandung dalam kesusasteraan akan berbunga dalam minda dan pemikiran kita. Oleh hal yang demikian, kita akan lebih memahami akar kebudayaan kita apabila kita mempelajari kesusasteraan sejak kecil lagi. Semua bahasa dan tulisan sebenarnya mempunyai kesusasteraan dan kebudayaannya masing-masing. Oleh itu, pembelajaran kesusasteraan adalah satu keperluan dalam kehidupan berbudaya, ia juga merupakan satu konsep yang norma dalam setiap golongan kaum (Hou, 2002). Kenyataan ini disokong oleh Fu (2011) yang menyatakan bahawa status kedudukan dan nilai pembelajaran puisi klasik yang unik dalam proses pembelajaran bahasa tidak dapat dinafikan.

Menurut Jiang (2016), murid dapat memahami dan mempunyai penilaian kendiri serta peka terhadap kesusasteraan dengan menerusi pembelajaran sejarah kesusasteraan. Murid juga akan mempunyai pemahaman yang mendalam dan luar biasa terhadap kehidupan dengan menerusi karya kesusasteraan yang kaya dengan kandungan dan nilai estetik yang pelbagai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Oleh itu, buku teks Bahasa Cina telah memainkan peranan yang penting dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan. Justeru, untuk menyusunkan kandungan kurikulum yang ketidakterhinggaan dalam halaman cetakan yang terhad, maka jenis-jenis teks dan cara pemilihan teks adalah sangat penting supaya dapat menerbitkan buku teks yang berkualiti tinggi (Tan, 2012).

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) baru diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2017 dan dilaksanakan di seluruh sekolah menengah di Malaysia. Pada tahun 2017, kurikulum baru diperkenalkan dan dilaksanakan di peringkat tingkatan satu sahaja. Kurikulum baru bagi tingkatan dua diperkenalkan dan dilaksanakan pada tahun 2018 manakala kurikulum baru bagi tingkatan tiga diperkenalkan dan dilaksanakan pada tahun 2019. Disebabkan tempoh pengenalan dan pelaksanaan kurikulum masih singkat lagi, maka belum banyak lagi kajian mengenai Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dijalankan (Khoo, 2019). Sehingga masa kini, hanya terdapat dua kajian sahaja tentang Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) iaitu kajian Khoo (2019) yang bertajuk perbandingan antara Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dengan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) bagi buku teks Bahasa Cina tingkatan satu dan kajian Tey (2019) yang bertajuk kekuatan dan kekurangan dalam pemilihan teks dalam buku teks Bahasa Cina KSSM tingkatan satu dan dua. Justeru, kajian ini mengambil inisiatif untuk menganalisis bahan pengajaran iaitu buku teks Bahasa Cina dalam aspek pemilihan teks puisi klasik. Hal ini dapat membantu guru lebih menguasai keunikan pemilihan teks puisi klasik dan memperkasa daya penggunaan bahan pengajaran seterusnya meningkatkan kualiti dan tahap pendidikan bahasa. Pada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


masa yang sama, kajian ini mempunyai makna realiti terhadap pewarisan kebudayaan tradisional yang unik serta pembinaan sistem kurikulum dan bahan pengajaran kerana puisi klasik merupakan bahagian pembentukan kebudayaan Tionghua yang penting (Zhu, 2019).

Pada tahun 2020, Lembaga Peperiksaan Malaysia di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengumumkan format baharu peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai tahun 2021 bagi semua mata pelajaran pada 6hb Oktober 2020. Dalam kertas peperiksaan Bahasa Cina kertas kedua, pemberatan bagi bahagian bahasa klasik telah meningkat dari 25 markah kepada 30 markah (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2020). Perubahan ini telah membuktikan bahawa pembelajaran bahasa klasik termasuk puisi klasik adalah semakin penting. Oleh hal yang demikian, kajian ini boleh dikatakan penting untuk Kementerian Pelajaran Malaysia, guru mata pelajaran Bahasa Cina dan juga murid yang mempelajari mata pelajaran Bahasa Cina.

### 1.8.1 Kementerian Pelajaran Malaysia

Demi mempertimbangkan kesinambungan pengetahuan baru dengan pengetahuan yang sedia ada murid-murid serta mengambil kira tentang perkembangan secara menyeluruh bagi murid-murid, kandungan kurikulum perlu memenuhi kriteria-kriteria seperti kepelbagaian, mementingkan perkembangan tentang keupayaan kognitif dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kalangan murid serta menitikberatkan perkembangan emosi, nilai murni dan sikap murid (Khoo, 2019). Dengan memenuhi kriteria semua ini, kurikulum barulah dapat menjadi satu panduan dan pedoman yang asas dalam usaha memelihara murid-murid berkembang secara menyeluruh dalam pelbagai aspek.

Oleh itu, hasil kajian juga dapat menjadikan petunjuk kepada panel penggubal sukatan pelajaran terutamanya dalam perancangan dan perlaksanaan kurikulum di peringkat Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia untuk proses semakan buku teks nanti (Lee, 2004). Panel penggubal kurikulum diharap dapat mengenalpasti dan membentuk struktur kurikulum yang tepat dan relevan kepada guru dan murid di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.8.2 Guru

Kajian ini akan memberikan satu gambaran yang lebih jelas dan menyeluruh bagi meningkatkan tahap penguasaan murid-murid dalam pembelajaran puisi klasik. Hasil kajian akan menjadikan satu penanda aras kepada guru-guru khasnya yang mengajar mata pelajaran Bahasa Cina, sekolah, institusi pengajian pendidikan guru dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Hasil kajian ini akan membantu guru-guru untuk mentafsir teks lebih mendalam dalam proses penyediaan dan perancangan bahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pengajaran mereka kerana mereka telah lebih memahami dan menguasai cara-cara pemilihan teks (Norziana, 2017).

Kajian ini juga memberikan satu gambaran kepada guru mata pelajaran tentang persepsi murid terhadap pembelajaran puisi klasik serta mengenalpasti masalah pembelajaran puisi klasik yang dihadapi oleh murid. Secara amnya, kajian ini penting kerana dapat membantu guru-guru meningkatkan profresionalisme dengan menambahbaikkan kualiti pembelajaran dan pemudahcaraan (Pdpc) bagi puisi klasik, seterusnya pembelajaran puisi klasik dalam kalangan murid akan diperbaiki dan boleh dipelajari secara mendalam (Lee, 2004).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.8.3 Murid

Kandungan puisi klasik kaya dengan unsur-unsur kesenian, sejarah, falsafah penyajak serta mencerminkan hasrat dan cita-cita sepanjang hayat penyajak (Luo, 2017). Justeru, pembelajaran puisi klasik akan menerapkan nilai-nilai murni terhadap murid supaya dapat dijadikan pedoman dalam kehidupan harian mereka. Oleh itu, pembelajaran sastera dikatakan penting dalam pemupukan dan penghayatan nilai-nilai murni dan unsur kebudayaan terhadap murid-murid (Chew, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Budaya Tionghua telah melalui masa yang panjang dan mempunyai kedalaman dan keluasannya yang unik, ia juga merupakan vektor yang penting dalam pemikiran kebudayaan tradisional. Oleh hal yang demikian, adalah perlu untuk mengkaji pemilihan teks sastera dalam buku teks secara mendalam supaya unsur yang asas dalam kebudayaan tradisional dapat dititikberatkan, unsur yang tidak sesuai dengan zaman kini dapat dipinggirkan. Dengan ini, tugas melantasi pemikiran kebudayaan tradisional dapat dikembang dalam pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Cina, murid dapat menguasai dan memahami kebudayaan tradisional bangsa diri yang unik serta memupuk nilai jati diri yang cemerlang dalam kalangan murid, mencapai matlamat untuk melindungi, mewariskan dan mengembangkan budaya Tionghua (Wong, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.8.4 Editor Penerbit

Kajian ini juga memberikan satu gambaran kepada editor penerbit tentang persepsi murid terhadap pemilihan puisi klasik dalam buku teks serta mengenalpasti masalah yang wujud dalam proses pembelajaran puisi klasik dalam kalangan murid. Kajian ini dikatakan penting kerana dapat menjadi petunjuk kepada editor penerbit terutamanya dalam mengenalpasti dan membentuk struktur kurikulum yang tepat dan relevan kepada guru dan murid di sekolah (Lee, 2004).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.9 Rumusan

Bab ini telah membincangkan latar belakang permasalahan yang dihadapi dalam pembelajaran puisi klasik dan membincangkan objektif kajian ini dilakukan serta kepentingannya. Dengan adanya permasalahan, objektif dan persoalan kajian, pengkaji mendapat satu garis panduan yang jelas dalam kajian yang akan dijalankan. Bab yang seterusnya akan membincangkan kajian literatur mengenai kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# BAB 2

# TINJAUAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 2.1 Pengenalan

Puisi klasik adalah warisan budaya masyarakat Cina yang penting, hal ini demikian kerana puisi klasik merupakan warisan tradisional yang kaya dengan daya tarikan. Puisi klasik merupakan pembentukan dari budaya tradisional masyarakat Tionghua yang cemerlang, ia dapat meningkatkan nilai estetik dan memupuk nilai estetik yang mulia serta daya ciptaan dalam kalangan murid (Zhao, 2018). Oleh itu, guru Bahasa Cina telah dianggap sebagai media dan memainkan peranan yang penting untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menyebarkan semangat positif yang terkandung dalam puisi klasik. Tanggungjawab guru adalah menggabungkan tahap kognitif dan tahap kesukaran puisi klasik, memenuhi keperluan murid yang mempunyai tahap pembelajaran yang berbeza dan meningkatkan kualiti pembelajaran puisi klasik dalam kalangan murid. Dengan memahami pengalaman kehidupan manusia zaman kuno, maka nilai estetik kebudayaan masyarakat Cina dapat diwariskan dalam kalangan murid. Dengan adanya proses pengajaran puisi klasik oleh guru dalam kelas, literasi kebudayaan murid akan meningkat dari semasa ke semasa, hal ini akan menjadikan murid sebagai seorang yang mempunyai unsur dan nilai kebudayaan dalam minda mereka serta meluaskan skop pembelajaran mereka (Ma, 2019). Jelas dinyatakan bahawa pembelajaran puisi klasik dapat membina pemikiran dan imaginasi murid yang tajam supaya mereka boleh berfikir secara kritis dan kreatif dari pelbagai sudut serta dapat merasai tema atau mesej yang bersamaan dengan penyajak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab ini akan membincangkan beberapa aspek yang berkaitan dengan pembelajaran puisi klasik seperti sejarah perkembangan kurikulum Bahasa Cina, konsep-konsep bahan pengajaran, buku teks dan bahan pengajaran Bahasa Cina, puisi klasik Bahasa Cina, Dokumen Rasmi Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), kepentingan mempelajari puisi klasik Bahasa Cina, kekangan dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) puisi klasik Bahasa Cina, konsep pemilihan teks puisi klasik, kajian lampau yang mengenai pemilihan teks puisi klasik, teori belajar J.S. Bruner, standard pemilihan kandungan teks puisi klasik dan rumusan tentang bab ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 2.2 Latar Belakang Kurikulum Bahasa Cina

Untuk mengetahui ciri-ciri penulisan bahan pengajaran Bahasa Cina, perlulah kita memahami konsep asas yang dilaksanakan dalam sekolah masyarakat Cina. Matlamat utama dan hala tuju pendidikan dalam kalangan masyarakat Cina pada abad ke-19 adalah untuk melindungi budaya tradisional yang berasal dari negara ibunda iaitu negara China. Hal ini demikian adalah untuk mengelakkan keadaan asimilasi berlaku (Yu, 2011).

Disebabkan pengaruhan arus kempen pemodenan budaya baharu di negara China, bahasa dalam kandungan buku teks telah diubah dari bahasa klasik ke bahasa moden, media bahasa pengajaran dalam sekolah turut berubah dari bahasa dialek ke bahasa Cina moden. Segala sistem, media pengantaran, pedagogi dan objektif pengajaran di Tanah Melayu pada ketika itu telah dipengaruhi oleh sistem pendidikan yang dijalankan di negara China. Buku teks yang digunakan pada masa itu berasal dari The Commercial Press dan Chung Hwa Book Company, segala penulisan kandungan buku teks berpandukan kebudayaan masyarakat negara China, tokoh-tokoh, Geografi, Sejarah dan kesedaran Negara Parti (Mok, 2009).

Setelah pembentukan kerajaan komunis negara China pada tahun 1949, orang Cina tempatan tidak lagi dibenarkan melanjutkan pelajaran ke negara China atas unsur politik penjajah British (Tan, 2012). Pada tahun 1955, sebuah kabinet Persekutuan Tanah Melayu telah dibentuk, kabinet tersebut kemudiannya telah membentuk satu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


jawatankuasa untuk mengkaji semula kurikulum dan susunan jadual waktu persekolahan. Tanah Melayu pada ketika itu bukan sahaja mendapat kemerdekaan politik, tetapi juga telah menjurus ke arah perubahan dasar pendidikan Bahasa Cina yang tidak lagi mencontohi dasar pendidikan yang dilaksanakan di negara China. Hal ini turut mendorong penulisan kurikulum yang menghala tuju ke arah penulisan buku teks yang berasaskan bahan-bahan tempatan. Kandungan dalam penulisan buku teks bagi sekolah masyarakat Cina telah mengalami perubahan dari tahun 1952 sehingga tahun 1956. Pada 27hb March 1956, Kementerian Pelajaran Malaya telah mengadakan satu mesyuarat untuk memutuskan satu kurikulum yang standard bagi semua jenis aliran sekolah di Malaya. Lim Lian Geok dan Dr. Yan Yuan-Zhang merupakan ahli dalam jawatankuasa tersebut dan telah bersepakat untuk menegaskan pendirian mereka dalam mesyuarat untuk mempertahan ciri-ciri kebudayaan yang asas dalam penetapan kurikulum bagi sekolah aliran masyarakat Cina. Dengan kerjasama antara dua jawatankuasa ini, tugas penetapan kurikulum yang berasaskan budaya tempatan bagi sekolah aliran masyarakat Cina telah sempurna pada peringkat akhir menjelang kemerdekaan Tanah Melayu. Jawatankuasa bagi kurikulum mata pelajaran Bahasa Cina telah melantik Dr. Yan Yuan-Zhang sebagai ketua dan juga beberapa orang cendekiawan yang terkenal dalam bidang pendidikan Bahasa Cina untuk mengkaji semula huraian kurikulum bagi mata pelajaran Bahasa Cina (Lee, 2016).

Demi memupuk semua murid yang berbilang bangsa menaati Persekutuan Tanah Melayu yang baharu dibentuk, segala kurikulum bagi sekolah aliran masyarakat Cina wajib diterbitkan oleh penerbit Persekutuan Tanah Melayu bermula dari tahun 1956. Pada tahun 1958, Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah Persekutuan Tanah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Melayu telah memperkenalkan kurikulum standard yang baharu. Semakan buku teks diuruskan oleh guru yang mengajar di sekolah kebangsaan Cina di Malaysia dan Singapura. Kerajaan telah menubuhkan jawatankuasa persekutuan bagi semakan buku teks sekolah aliran masyarakat Cina yang memainkan peranan dalam menetapkan Huraian Sukatan Pelajaran, jawatankuasa penasihat bagi penyemakan semula buku teks sekolah jenis kebangsaan Cina pula memainkan peranan dalam menjalankan pemantauan dan verifikasi buku teks yang diterbitkan. Proses semakan ini telah kekal dilaksanakan selama lima tahun. Buku teks yang telah dilalui proses semakan kemudiannya diterbitkan oleh Syarikat Nanyang Book Co., Sdn. Bhd. yang menghala tuju ke pemilihan teks yang mengandungi unsur tempatan. Buku teks semakan yang diterbitkan ini telah mendapat permuafakatan dari semua sekolah aliran masyarakat Cina dan diguna pakai dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (Lim, 2001).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada tahun 1973, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menubuhkan Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) di mana tugas utama pada ketika itu ialah menjalankan tinjauan dan kajian terhadap kurikulum bagi semua mata pelajaran serta mengemukakan pandangan terhadap perkembangan kurikulum. Pada tahun 1981, Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) telah mengambil alih tugas penyusunan sukatan pelajaran. Mata pelajaran Bahasa Cina di bawah Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) adalah bertanggungjawab terhadap kurikulum sekolah rendah dan sekolah menengah, termasuk kurikulum bahasa ibunda dan kurikulum pengajaran mata pelajaran Bahasa Cina sebagai bahasa kedua. Pada tahun 1983, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan kurikulum yang menekankan konsep 3M iaitu membaca, menulis dan mengira di semua sekolah rendah di Malaysia untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


meningkatkan penguasaan murid bagi semua etnik terhadap kemahiran membaca, menulis dan mengira. Kurikulum 3M menekankan konsep murid sebagai pusat dalam pengajaran dan pembelajaran serta dijalankan secara menyeluruh dengan menyatukan pelbagai kemahiran bahasa dengan pelbagai ilmu dalam bidang lain. Selain itu, kurikulum 3M juga menekankan aktiviti kumpulan dalam pengajaran guru di bilik darjah supaya dapat mengurangkan murid hanya bergantung pada buku teks semata-mata sahaja. Pada masa itu, Kementerian Pendidikan Malaysia hanya menyediakan kurikulum fasa pertama bagi mata pelajaran Matematik dan mata pelajaran Pendidikan Islam. Guru mata pelajaran bagi selain dua mata pelajaran ini pula berperanan dalam menulis bahan pengajaran mengikut tahap penguasaan murid mereka. Kurikulum yang berasaskan konsep 3M ini telah bersambungan ke semua sekolah menengah di Malaysia pada tahun 1988 (Tan, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 2.2.1 Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)

Pada tahun 1986, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan sukatan pelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Cina sekolah menengah. Sukatan pelajaran ini yang berasaskan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) merupakan penyambungan dari Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) yang diperkenalkan pada tahun 1982. Pada masa itu, buku teks yang digunakan di sekolah menengah kebangsaan adalah ditulis oleh Zheng Liang-Shu, terbitan The Malaya Press Sdn. Bhd.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


yang mengasaskan konsep 3M iaitu membaca, menulis dan mengira yang berpandukan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (Lee, 2016).

Pada tahun 1988, mata pelajaran Pendidikan Moral yang diperkenalkan di seluruh sekolah rendah telah menggambarkan Kementerian Pendidikan Malaysia berupaya untuk menerapkan nilai-nilai murni ke dalam minda murid menerusi pelbagai saluran supaya murid dapat berkembang dengan stabil dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Huraian Sukatan Pelajaran untuk mata pelajaran Bahasa Cina turut memainkan peranan dalam penekanan dan menitikberatkan perkembangan murid dalam aspek minda dan emosi, meningkatkan konsep nilai-nilai murni dalam kalangan murid serta memupuk semangat patriotisme dan kerjasama sesama etnik yang berlainan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2000).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam jejak langkah ke abad ke-21 yang merupakan era baru yang ilmunya mengalami kadar perubahan yang pantas, negara Malaysia berusaha untuk membentuk satu sistem pendidikan yang berkualiti tinggi supaya dapat bertanding di persada dunia. Dengan berpandukan perkembangan dalam bidang pendidikan di seluruh dunia, negara Malaysia berusaha untuk mengemukakan konsep pendidikan yang maju dengan memperkenalkan pelbagai pelan pendidikan seperti rancangan Pembangunan Pendidikan 2001-2010 yang menekankan beberapa teras yang asas. Antaranya termasuklah meningkatkan akses kepada pendidikan; meningkatkan ekuiti dalam pendidikan dan meningkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan pengurusan pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001). Pada tahun 2000, Bahagian Pembangunan Kurikulum dalam Kementerian Pelajaran Malaysia telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


memperkenalkan sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Cina peringkat sekolah menengah. Bahagian buku teks turut memperkenalkan panduan menulis buku teks bagi mata pelajaran Bahasa Cina. Proses penulisan buku teks mata pelajaran Bahasa Cina adalah berasaskan ketiga-tiga panduan ini. Selain penulisan buku teks, Bahagian Pembangunan Kurikulum turut menerbitkan naskah panduan guru yang berpandukan buku teks. Buku teks merupakan bahan pembelajaran murid manakala naskah panduan guru menjadikan rujukan utama semasa menjalankan pengajaran (Lee, 2016).

### 2.2.2 Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 telah diperkenalkan bersamaan dengan Rancangan Malaysia Kesembilan yang menggariskan enam teras yang utama iaitu membina negara bangsa; membangunkan modal insan; memperkasa sekolah kebangsaan; merapatkan jurang pendidikan; memartabatkan profesion keguruan dan melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan demi membekalkan pendidikan yang berkualiti tinggi untuk rakyat Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2006). Sejajar dengan enam teras ini, Kementerian Pelajaran Malaysia memperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2011 yang akan dilaksanakan di semua sekolah rendah di seluruh Malaysia pada tahun 2016. Pada tahun 2017, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) diperkenalkan sebagai penyambung daripada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan dilaksanakan di semua sekolah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menengah di seluruh Malaysia (Lee, 2016). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) turut diperkenalkan termasuk mata pelajaran Bahasa Cina berpandukan kurikulum yang baharu ini. DSKP merupakan satu bahan rujukan yang utama bagi para guru dan perlu disediakan ketika sesi persekolahan bermula pada setiap awal tahun.

Sebagai rumusan, perkembangan pendidikan Bahasa Cina negara Malaysia hingga masa kini telah menjadi satu media perantaraan pendidikan dalam usaha menyampaikan kesedaran dalam sivik dan kewarganegaraan, budaya tempatan serta memenuhi hasrat dan terma yang ditekankan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Pendidikan Bahasa Cina turut memainkan peranan yang sama penting dengan jenis pendidikan yang lain dalam memikul tanggungjawab untuk merealisasikan teras-teras yang digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (Tan, 2012). Menerusi perubahan kurikulum yang dibincangkan secara berperingkat di atas, dapat disimpulkan bahawa proses penggubalan buku teks telah menjurus ke arah yang lebih praktikal dan mendekati kehidupan harian murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 2.3 Bahan Pengajaran dan Buku Teks Bahasa Cina

### 2.3.1 Bahan Pengajaran

Konsep bahan pengajaran bermula dari tahun 1913 apabila negara Amerika memperkenalkan cukai kastam yang menyatakan bahawa bahan pengajaran yang diimport dari luar boleh dikecualikan bayaran cukai. Hal ini telah menimbulkan pertikaian tentang konsep bahan pengajaran (Jin, 1931). Banyak pertikaian tentang konsep bahan pengajaran telah berlaku dalam alam pendidikan dan ini membuktikan bahawa konsep bahan pengajaran adalah tidak mempunyai penetapan. Disebabkan para cendekiawan mempunyai pendirian dan pandangan yang berlainan, maka mereka mempunyai persepsi yang berlainan tentang bahan pengajaran. Ada yang mendefinisikan bahan pengajaran dari aspek pendidikan di sekolah, ada pula yang mendefinisikan bahan pengajaran dari aspek pendidikan dalam masyarakat umum, ada yang mendefinisikan bahan pengajaran dari segi teks penulisan, ada lagi yang mendefinisikan bahan pengajaran dari aspek pedagogi, kurikulum, maklumat dan lain-lain (Tan, 2012).

Bahan pengajaran dalam sekolah ialah salah satu bahagian yang penting dalam alam pendidikan, sama ada dalam pengetahuan kebudayaan atau sains dan teknologi, pembentukan pemikiran serta pemupukan nilai murni perlu menerusi bantuan bahan pengajaran secara langsung dan tidak langsung demi mencapai kesemua matlamat ini (Xiong, 1996). Menurut Encyclopedia of China (2009) pula, bahan pengajaran boleh didefinisikan kepada dua takrifan. Takrifan yang pertama ialah bahan pengajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


merupakan bahan yang dihasilkan mengikut tugasan dalam mata pelajaran dengan memilih dan membentuk satu skop serta kedalaman tentang pengetahuan dan kemahiran. Ia sering kali dicerminkan dalam bentuk buku teks. Takrifan yang kedua ialah bahan pengajaran merupakan segala bahan yang digunakan oleh guru dalam proses membimbing murid. Ia sering kali melibatkan buku teks, nota edaran, lakaran mengajar, buku rujukan, bahan bimbingan dan alat pembantu mengajar. Takrifan ini bersamaan dengan kajian Bei (2015) yang menyatakan bahawa definisi secara sempit tentang bahan pengajaran merujuk kepada buku teks, bahan bimbingan dan buku rujukan. Yan (1996) menyatakan bahawa definisi bahan pengajaran secara meluas ialah segala bahan bimbingan, buku rujukan, buku bimbingan tambahan, bahan audiovisual, bahan latihan dan perisian pengajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahan pengajaran pada zaman kini telah menggantikan sebahagian fungsi daripada guru. Semasa kanak-kanak berada dalam keadaan yang tanpa bimbingan guru, kanak-kanak juga dapat belajar menerusi buku teks yang bersifat buku rujukan secara diri sendiri. Bahan pengajaran menerusi tulisan untuk menyampaikan pengetahuan dan mesej kepada kanak-kanak, hal ini dapat merangsang pemikiran kanak-kanak, membantu kanak-kanak untuk memahami mesej yang disampaikan dalam bahan pengajaran dengan lebih mendalam, kandungan bahan pengajaran juga mengandungi seni grafik yang boleh merangsang minat pembelajaran kanak-kanak. Kesemua ini mempunyai taktik penyelesaian pada tahap tertentu untuk membantu kanak-kanak dalam pembinaan pengetahuan (Zhong, 2007). Definisi ini bersamaan dengan definisi yang dikemukakan dalam The Great Didactic of John Amos Comenius (1632). Buku ini menyatakan bahawa jika ingin mewujudkan keadaan di mana proses pengajaran guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dapat dikurangkan dan murid dapat mempelajari lebih mendalam dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan, pada masa yang sama dapat mengurangkan kebisingan murid dan perasaan bosan untuk belajar, bahan pengajaran memainkan peranan yang sangat penting.

Secara keseluruhannya, bahan pengajaran merupakan satu media yang penting dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan, ia juga merupakan segala bahan yang dirujuk dan digunakan oleh guru dalam proses membimbing murid untuk belajar. Skop kandungan bahan pengajaran adalah sangat luas, antaranya seperti ilmu pengetahuan, kemahiran, kebiasaan dan ideal yang diperlukan dalam kehidupan harian, ia juga melibatkan pengalaman manusia yang penting dalam kehidupan sebenar serta merupakan satu media yang sama-sama digunakan oleh guru untuk mengajar dan digunakan oleh murid untuk belajar (Tan, 2012).

### 2.3.2 Buku Teks

Menurut Encyclopedia Americana (1985), penerbitan buku teks adalah untuk tujuan pembelajaran, ia merupakan sejenis buku yang diterbitkan melalui penyusunan dan pemprosesan serta menggunakan cara yang paling ringkas dalam penyampaian ilmu pengetahuan. Menurut Ornstein dan Hunkins (1998) pula, buku teks merupakan aspek utama dalam kurikulum. Jika meminggirkan pengubahsuaian dan permintaan dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kalangan barisan panel penggubal buku teks, buku teks boleh dikatakan bersamaan dengan kurikulum.

Menurut Wang dan Guo (2009), buku teks merupakan bahan pengajaran yang digubal dengan berpandukan rancangan kurikulum, standard kurikulum dan tahap keupayaan penerimaan dalam kalangan murid. Buku teks menampilkan unsur-unsur dalam standard kurikulum yang merupakan bahan pembelajaran dalam kalangan murid dalam penguasaan ilmu yang disampaikan oleh guru dan ia sebagai bahan pengajaran rujukan utama dalam kalangan guru.

Kajian Shi (2007) menyatakan bahawa buku teks melambangkan hasrat negara, semangat dalam kalangan satu bangsa, budaya tradisional dan tahap perkembangan sains. Buku teks merupakan media asas yang digunakan untuk mencapai objektif dalam alam pendidikan, ia juga merupakan satu landasan yang penting dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan serta peperiksaan. Buku teks boleh dikatakan berada dalam status kedudukan yang tidak dapat digantikan dalam pendidikan di sekolah.

Buku teks merupakan sebahagian daripada bahan pengajaran, tetapi kekerapan penggunaannya adalah tinggi dan luas. Buku teks juga merupakan bahan penerbitan yang mempunyai kandungan yang paling asas, paling diiktirafkan dalam kalangan guru dan murid. Ia boleh dijadikan bahan pengajaran, kandungan suatu mata pelajaran serta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


buku yang digunakan oleh guru dan murid dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (Tan, 2012).

Berdasarkan perbincangan di atas, jelaslah bahawa bahan pengajaran sejak dahulu sehingga zaman kini telah memainkan peranan yang penting untuk menghasilkan proses pembelajaran dan pemudahcaraan yang berkualiti. Buku teks bukan sahaja sebahagian daripada kurikulum malah ia merupakan bahagian yang berperanan penting bagi kurikulum.

#### 2.3.2.1 Buku Teks Bahasa Cina Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)

Pada tahun 2017, Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Tujuan pelaksanaan kurikulum baru ini adalah untuk melakarkan aspirasi murid seperti hasrat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) tahun 2013 hingga tahun 2025 supaya keperluan negara dapat dipenuhi. Potensi murid seperti kecenderungan, minat dan kebolehan perlu dibangunkan untuk merealisasikan hasrat ini (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2016).

Buku teks Bahasa Cina Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah menyingkirkan struktur penyusunan yang hanya memilih satu teks sahaja dalam satu unit dan berubah kepada struktur penyusunan yang berbentuk modul di mana satu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


modul mengandungi jenis karya-karya yang pelbagai dan berasaskan tema yang sama. Buku teks Bahasa Cina Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) menekankan kandungan pengajaran yang menyeluruh serta menitikberatkan pemahaman dalam pembacaan, pengumpulan bahasa, penggunaan bahasa dan aspek kerohanian. Demi meningkatkan kualiti bahasa dalam kalangan murid, banyak bahagian baharu telah dimuatkan ke dalam buku teks seperti pengenalan dalam setiap unit, objektif pembelajaran setiap unit, gaya bahasa, pengenalan latar belakang penulis, penerangan ringkas tentang setiap karya, latihan pemahaman, kebudayaan serta mengesyorkan puisi klasik untuk bacaan, kaligrafi Cina dan sebagainya. Tujuan penambahan ini adalah untuk memudahkan guru memimpin murid dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan secara berperingkat dan berinspirasi. Murid juga dapat membuat bacaan, memahami, menerokai, berbincang serta menjawab soalan diri sendiri di bawah bimbingan guru. Selain itu, buku teks Bahasa Cina Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) juga mengikut perkembangan teknologi semasa dengan membekalkan perisian elektronik. Guru dapat menerokai pelbagai bahan pengajaran yang berkaitan dengan tema yang diajar. Hal ini telah memudahkan proses pengajaran guru dan juga dapat merangsangkan minat pembelajaran serta pembelajaran kendiri dalam kalangan murid. Selain itu, latihan merupakan bahagian yang penting dalam buku teks untuk guru menilai hasil pembelajaran dalam kalangan murid. Latihan yang terkandung dalam buku teks misalnya dapat dibahagikan kepada tiga kategori iaitu pengetahuan, kefahaman dan aplikasi. Demi melatih kemahiran berfikir dalam kalangan murid, dalam buku teks Bahasa Cina Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) juga terdapat soalan yang berasaskan konsep pemikiran beraras tinggi. Tujuan latihan yang pelbagai dimuatkan ke dalam buku teks Bahasa Cina Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) ialah murid dapat membuat pembacaan, memahami, mengkaji,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


membincang serta melatih secara berdikari di bawah bimbingan guru. Salah satu matlamat baharu dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) ialah murid dapat menguasai pengetahuan bahasa yang asas agar dapat memahami kandungan teks dalam pembacaan dan meningkatkan penguasaan murid dalam aspek pemahaman dan keupayaan pengolahan. Dalam penguasaan bahasa, ia tidak dapat meninggalkan pengetahuan bahasa, kedua-dua aspek ini adalah saling berkaitan. Justeru, kemahiran bahasa dan pengetahuan dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan tidak boleh dipisahkan. Proses pengajaran guru perlulah berpegang pada prinsip berguna dan senang difahami supaya tidak menjadikan pengetahuan bahasa sebagai satu beban dalam kalangan pembelajaran murid (DSKP, 2016). Oleh hal yang demikian, bahagian pengetahuan bahasa dalam buku teks Bahasa Cina Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah berubah dari belajar berasingan dengan teks kepada menjadi bahagian pembelajaran yang berdasarkan teks. Buku teks Bahasa Cina Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) juga mementingkan bahagian penulisan dan soalan penulisan biasanya berkaitan dengan tema dalam teks yang telah dipelajari seperti penulisan karangan pendek, karangan jenis penceritaan, perbincangan, surat kiriman dan sebagainya (Khoo, 2019).

Secara rumusan, terbitan buku teks Bahasa Cina Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah menggantikan buku teks Bahasa Cina Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang digunakan selama 15 tahun dan ia telah menepati arus perkembangan zaman semasa dan mengandungi pelbagai kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


#### 2.3.2.2 Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)

Pada tahun 2013, Dokumen Standard Kurikulum dan Penilaian (DSKP) telah diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bersama dengan kurikulum baharu iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Segala isi kandungan dalam buku teks perlu menepati elemen-elemen yang terkandung dalam dokumen standard kurikulum dan penilaian (DSKP, 2017).

DSKP merupakan satu bahagian baharu daripada Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) bermula dari tingkatan satu secara berperingkat bermula pada tahun 2017. DSKP telah digubal oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) dalam Kementerian Pendidikan Malaysia di mana ia menjadi panduan utama dalam rujukan guru-guru mata pelajaran di peringkat sekolah (Sarah, 2015).

Kandungan DSKP digubal berdasarkan pendidikan yang dilaksanakan di peringkat antarabangsa supaya pendidikan sekolah di Malaysia dapat setanding dengan taraf antarabangsa dengan menyelitkan standard kandungan, standard pembelajaran dan standard pentaksiran. Selain itu, konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) juga ditekankan dalam KSSM selain pengetahuan, nilai dan kemahiran abad ke-21 (Nasir et al., 2020). Kandungan DSKP juga dibentuk meliputi seluruh topik penting dalam semua mata pelajaran yang dibekalkan. Terdapat dua bahagian yang utama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dalam DSKP iaitu standard pembelajaran dan standard prestasi. Proses pengajaran dan pemudahcaraan guru di dalam kelas perlu berpandukan standard pembelajaran dan menggunakan standard prestasi untuk menilai tahap penguasaan dan pemahaman murid (Zamri & Nurfaradilla, 2020). Untuk memastikan tahap penguasaan murid dapat dinilai dengan lebih tepat dan adil, penilaian standard prestasi wajar berpandukan rubrik yang bersesuaian (Azizi, 2016).

Guru-guru mata pelajaran disaran untuk memperkasakan kemahiran dalam pengajaran agar menepati permintaan dalam perubahan kurikulum dan ini akan meningkatkan potensi pencapaian matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Zamri & Nurfaradilla, 2020). Pengaruh bakat kemahiran guru dalam proses pengajaran adalah penting kerana ia berkait rapat dengan pencapaian murid dalam akademik (Ahmad & Jinggan, 2015).

Berdasarkan DSKP Bahasa Cina tingkatan satu hingga tiga yang didokumenkan dalam sukatan pelajaran baharu KSSM, puisi klasik mempunyai standard pembelajaran yang telah ditetapkan iaitu membaca dan menikmati puisi klasik serta merasai keindahan bahasa, konotasi dan konsepsi kesenian dalam puisi klasik serta memahami persepsi pemikiran dan perasaan, bentuk dan cara penyampaian oleh para penyajak dan memupuk perasaan bahasa yang baik dalam kalangan murid. Dalam DSKP juga menyaran guru bahawa semasa mengajar puisi klasik perlu membawa murid merasai keindahan dalam puisi klasik dan mempunyai perasaan yang menyerupai pengalaman para penyajak serta meningkatkan batasan rohani dalam kalangan murid. Guru perlu mengelakkan keterlaluan dalam penterjemahan dan pencerakinan sesebuah puisi klasik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kerana hal ini akan mempengaruhi konsepsi kesenian yang terkandung dalam puisi klasik. Guru juga disaran untuk membimbing murid merasai maksud dan konsepsi kesenian dan menggalakkan murid mendeklamasi sajak dengan menggunakan cara sendiri dengan berpandukan kefahaman terhadap sesebuah puisi klasik (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016).

Secara rumusan, DSKP merupakan dokumen yang penting dalam KSSM di mana ia dijadikan panduan utama dalam rujukan guru-guru mata pelajaran di peringkat sekolah. Bahagian pengajaran puisi klasik amat dititikberatkan dalam KSSM yang bertujuan meningkatkan penguasaan nilai estetik dalam puisi klasik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

#### 2.3.2.3 Buku Teks Bahasa Cina

Kajian ini menumpukan pada bahan pengajaran Bahasa Cina yang digunakan dalam sekolah untuk menjalankan proses pembelajaran dan pemudahcaraan antara guru dan murid pada peringkat menengah rendah iaitu buku teks Bahasa Cina tingkatan satu, dua dan tiga. Buku teks diterbitkan dengan berpandukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan seperti berikut:

> Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.
>
> (Akta Pendidikan 1996, Akta 550, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tingkatan 1, 2017, p.vii)

Selain buku teks diterbitkan dengan berpandukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, ia juga berpandukan sukatan pelajaran Bahasa Cina dan huraian sukatan pelajaran Bahasa Cina bagi setiap tingkatan. Buku teks yang diterbitkan adalah melalui proses memilih, memproses dan mengatur teks-teks yang mengandungi tatabahasa dan kemahiran bahasa yang berpandukan objektif kurikulum, mengikut keperluan murid, asosasi dan rohani supaya pembelajaran yang sempurna dapat dicapai. Jelaslah bahawa buku teks Bahasa Cina merupakan bahan pengajaran yang dapat menyempurnakan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan antara guru dengan murid dalam proses membimbing murid menerusi bahasa simbolik supaya pemikiran dan perasaan dalam kandungan buku teks dapat disampaikan. Buku teks Bahasa Cina juga memikul tanggungjawab yang penting dalam tugas pelaksanaan bimbingan bahasa dan pemikiran serta nilai estetik, ia akan mempengaruhi pembentukan kelakuan, perasaan dan nilai-nilai murni dalam kalangan murid menengah rendah (Tan, 2012).

Menurut Huang (2014), buku teks melibatkan tema dalam suatu mata pelajaran, segala bahan yang diajar dan dipelajari serta mengandungi pelbagai mesej dan pengetahuan di mana guru menggunakannya dalam proses pengajaran untuk membantu murid mencapai objektif pengajaran. Kajian Song (2019) menyatakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


bahawa mesej dan pengetahuan dalam buku teks bukan segala bahan pengajaran yang dipersembahkan di dalam kelas.

Secara keseluruhannya, kandungan dalam buku teks dalam proses pengajaran akan dipilih dan didalami mengikut keperluan dalam pengajaran dengan menerusi penggunaan dua hala antara guru dan murid supaya kandungan yang bersesuaian dengan pengajaran sebenar dapat diguna pakai. Oleh hal yang demikian, buku teks adalah bahan pengajaran yang penting untuk dieksploitasi.

#### 2.3.2.4 Bahagian Bimbingan Bacaan dan Catatan Penerangan Maksud Istilah dalam Buku Teks Bahasa Cina

Kebanyakan teks dalam bahan pengajaran bahasa merupakan karya yang klasik dan kandungannya agak luas. Teks yang dipilih dan dimuatkan ke dalam buku teks mestilah mempunyai tugasan atau matlamat tertentu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Biasanya tugasan atau objektif ini akan dinyatakan dalam bahagian bimbingan bacaan, catatan penerangan maksud serta latihan yang dibekalkan (Zhu, 2019).

Pakar pendidikan dan kesusasteraan Ye Shengtao telah mengemukakan konsep yang penting iaitu mengajar adalah demi tidak perlu mengajar pada masa akan datang dan menekankan konsep bahawa bahan pengajaran bukan semata-mata untuk pengajaran guru, tetapi juga merupakan bahan pembelajaran murid (Ye, 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Pemupukan pembelajaran kendiri dan pembinaan struktur ilmu dalam kalangan murid adalah penting seperti yang dikemukakan oleh J.S. Bruner.

Pakar kurikulum dan teori pengajaran Wang rongsheng（王荣生）pernah berkata, kita perlu mengambil kira dua persoalan yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran iaitu apakah ilmu pengetahuan yang akan murid akan pelajari dalam teks berkenaan dan apakah yang kita harus membimbing murid untuk menguasai dalam teks berkenaan. Oleh hal yang demikian, bahagian bimbingan bacaan dan catatan penerangan maksud istilah telah memainkan peranan penting dalam fungsi bimbingan terhadap pembelajaran murid. Hal ini akan mengurangkan tahap kesukaran dalam proses pembacaan murid dan seterusnya minat pembelajaran murid dapat dipertingkatkan (Wang, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian bimbingan bacaan dikatakan penting kerana ia telah memainkan peranan sebagai membantu murid dalam pembelajaran puisi klasik dan mendalamkan lagi kefahaman murid terhadap sesuatu teks. Kebanyakan murid sebelum mempelajari puisi klasik akan membaca bahagian bimbingan bacaan yang memainkan peranan penting dalam pembelajaran puisi klasik yang berkesan (Khoo, 2019). Bahagian catatan penerangan maksud istilah pula mempunyai sifat inspirasi dan membolehkan murid menerokai ilmu pengetahuan. Catatan penerangan maksud istilah membantu murid supaya lebih memahami kandungan sesebuah teks terutamanya teks puisi klasik kerana ia menekankan warisan kebudayaan terutamanya ilmu kesusasteraan. Catatan penerangan maksud istilah yang biasanya dapat merangsang khayalan dalam pemikiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


murid. Dengan bantuan unsur konsepsi seni dalam catatan penerangan maksud, murid dapat melangkah masuk ke dalam sentimen yang terkandung dalam puisi klasik dengan segera lalu merangsang khayalan dalam pemikiran murid serta merasai keindahan nilai kesenian dalam puisi klasik (Zhu, 2019).

Secara keseluruhannya, bahagian bimbingan bacaan dan catatan penerangan maksud istilah telah memainkan peranan yang amat penting dan merupakan alat bantuan yang sangat berguna dalam menghasilkan pembelajaran puisi klasik yang berkesan dalam kalangan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 2.4 Pengkategorian Puisi Klasik Bahasa Cina Mengikut Tema

Menurut kajian Xu (2015), karya puisi klasik yang dihasilkan dalam sejarah kesusasteraan Cina telah mencatatkan bilangan yang tinggi. Karya puisi klasik dapat dikategorikan kepada beberapa kumpulan mengikut tema puisi klasik berkenaan. Dengan adanya kemajuan dalam masyarakat dan perasaan manusia yang semakin menyempurna dan ditingkatkan, perasaan dan intonasi penyajak dalam puisi klasik semakin jelas dikaji secara berurutan. Hal ini telah mempamerkan pelbagai perubahan perasaan yang sebenar manusia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Sesebuah hasil karya puisi klasik akan tersembunyi sesuatu perasaan dalam minda penyajak dan perlu dicungkil serta dikaji supaya dapat memahami sebab penyajak berpandangan demikian. Pandangan penyajak yang menyeluruh terhadap kehidupan dan huraian tentang sesuatu perkara merupakan tema dalam puisi klasik. Jika mengatakan tema adalah berpandukan bahan atau perkara yang objektif, maka tema adalah bergabungan dengan pemikiran penyajak yang subjektif. Dengan ini, dapat disimpulkan bahawa tema merupakan kecenderungan perasaan dan pemikiran penyajak terhadap persoalan yang asas dalam karya yang dihasilkan (Xu, 2015).

Pengajaran puisi klasik dapat dikategorikan kepada beberapa aspek, iaitu puisi klasik yang berasaskan masa, puisi klasik yang berasaskan kebendaan, puisi klasik yang berasaskan sejarah dan puisi klasik yang berasaskan perasaan (Tang, 2014). Cara mengkategorikan puisi klasik ini adalah bersamaan dengan kajian Tang (2020). Kajian Tang (2020) juga mengkategorikan puisi klasik kepada puisi klasik yang berasaskan kebendaan, puisi klasik yang berasaskan sejarah dan puisi klasik yang berasaskan perasaan. Perbezaannya ialah kajian ini mengkategorikan puisi klasik yang berasaskan kebendaan lebih terperinci iaitu puisi klasik yang berasaskan pemandangan bukit, air dan tanah penanaman. Kajian ini juga mengkategorikan puisi klasik yang berasaskan peperangan di mana jenis puisi klasik ini agak penting dalam kebudayaan tradisional masyarakat Cina. Dalam kajian Chen (2008) pula, kajian dijalankan tentang pembahagian tema puisi klasik Cina menyatakan bahawa puisi klasik dapat dikategorikan kepada sepuluh tema yang utama iaitu masa, kehidupan, percintaan, perpisahan, khidmat negara, kebimbangan, kehidupan bersembunyi, peperangan, kerinduan terhadap sejarah dan hiburan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 2.4.1 Puisi Klasik yang Berasaskan Masa（时间）

Nenek moyang pada zaman dahulu agak sensitif dengan perubahan masa dan cuaca dan banyak puisi klasik telah dihasilkan mengikut kepekaan mereka terhadap perubahan cuaca iaitu musim bunga, musim panas, musim luruh dan musim sejuk (Tang, 2014). Kenyataan ini disokong oleh kajian Xu (2015) yang menyatakan bahawa masa merupakan unit penghitungan kehidupan manusia dan kaya dengan makna falsafah dalam renungan nenek moyang pada zaman dahulu. Para penyajak telah melakukan refleksi terhadap masa dan kehidupan serta menghasilkan puisi klasik yang bertemakan penghargaan masa. Persoalan hidup dan mati juga membawa sejenis makna antara kehidupan dan masa dalam puisi klasik yang bertemakan masa. Wang (1988) mengemukakan bahawa tema penghargaan masa dalam puisi klasik telah membentuk dua aspek utama iaitu pengejaran masa dari segi mutlak dan bertentangan. Hal ini dipersetujui dalam kajian Xu (2015) yang menyatakan bahawa pengejaran masa dari segi mutlak adalah menekankan semangat sokongan moral. Para penyajak beranggapan bahawa kehidupan seseorang manusia adalah terhad dan perlu menghargai masa dengan meningkatkan kemahiran serta pengetahuan diri, membina semangat yang aktif dalam diri sendiri dalam masa kehidupan yang terhad. Pengejaran masa dari segi bertentangan pula menekankan gaya hidup yang menikmati kegembiraan pada setiap masa, mengutamakan proses memenuhi keinginan dalam pengejaran materialistik diri sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Secara amnya, puisi klasik yang bertemakan menghargai masa telah mendorong kognisi kebendaan dari zaman kegemilangan sehingga keruntuhan, dari perasaan kegembiraan sehingga kekecewaan atau kesedihan dalam kebudayaan tradisional Tionghua.

### 2.4.2 Puisi Klasik yang Berasaskan Kebendaan

Nenek moyang pada zaman dahulu juga sering menggunakan ciri-ciri kebendaan yang terdapat dalam alam sekitar untuk meluahkan perasaan dalam sanubari mereka seperti matahari, bulan, bukit, air, bunga, burung, ikan, ulat, sungai, tasik, laut dan sebagainya (Tang, 2014). Kenyataan ini disokong oleh kajian Tang (2020) yang mengatakan bahawa keunikan puisi klasik yang berasaskan kebendaan ini ialah penyajak mementingkan penulisan puisi yang menerusi sesuatu perkara yang berlaku di sekelilingnya lalu meluahkan pemikiran kemanusiaan dan cita-cita mereka. Hasil karya puisi klasik jenis ini mempunyai nilai yang tinggi disebabkan para penyajak perlu memilih sesuatu benda yang dapat diwakili tetapi perasaan itu tidak boleh singgah pada permukaan benda itu sahaja dan perlu menyatakan keunikan benda itu dalam puisi klasik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Secara keseluruhannya, penyajak telah banyak meninggalkan hasil yang cemerlang berkenaan dengan tema kebendaan dengan menggunakan sesuatu benda yang menepati situasi mereka untuk meluahkan perasaan mereka.

#### 2.4.2.1 Haiwan （动物）

Hubungan antara imej dengan puisi klasik adalah saling berkaitan seperti hubungan ikan dengan air. Puisi klasik Cina mempunyai seni budaya yang indah adalah berasal dari penggunaan imej yang unik dalam penyampaian perasaan atau pendapat para penyajak. Pembentukan alam yang penuh dengan perasaan disebabkan penggunaan imej dalam puisi klasik dan membawa puisi klasik ke arah seni budaya yang cantik. Penggunaan imej haiwan dalam puisi klasik biasanya ialah haiwan yang hidup dalam dunia nyata yang mengikut pengalaman kehidupan penyajak sendiri sama ada perasaan dalam pengalaman bertemuan, kedengaran atau ternakan. Sesetengah penyajak pula mengaplikasikan imej haiwan yang telah mempunyai simbolik mengikut pengalaman dalam penghasilan karya puisi klasik dalam meluahkan perasaan yang hampir menyerupai (Chu, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


#### 2.4.2.1.1 Haiwan dalam Dunia Nyata（现实世界中的动物）

Haiwan jenis pertama dalam puisi klasik ialah burung yang merupakan imej yang paling ketara digunakan oleh para penyajak dalam penulisan karya puisi klasik. Hal ini disebabkan dalam zaman pertanian dahulu, alam semula jadi belum lagi dibangunkan oleh manusia secara besar-besaran. Berjenis-jenis burung telah berada di sekitar hutan, bukit serta sawah padi yang senang ditemui oleh manusia. Disebabkan pergerakan para penyajak atas sebab tugas pentadbiran atau mengelilingi hutan dan bukit, maka mereka sering kali dapat bertemu dengan pelbagai jenis burung dalam pengalaman yang nyata. Sebagai contoh, para cendekiawan atau penyajak biasanya menggunakan imej burung suangi dan Partridge untuk menggambarkan nasib kehidupannya yang penuh dengan kemuraman dan kesedihan atas lucutan jawatan ke tempat yang berjauhan (Chu, 2019). Pandangan ini disokong oleh kajian Wu (1995) yang menyatakan bahawa penyajak telah menggunakan imej burung suangi untuk menggambarkan kerinduan yang mendalam dan hubungan percintaan terhadap pasangan mereka. Selain itu, kekerapan burung Partridge digunakan dalam puisi oleh penyajak adalah tinggi. Burung Partridge hidup di tempat yang rendah dan berehat di sekitar kawasan bukit-bukau. Biasanya burung Partridge akan keluar berpasangan mencari makanan di sawah padi. Hal ini telah menyebabkan manusia sering kali menggunakan burung Partridge sebagai lambangan percintaan (Chu, 2019). Kajian Zhang (2007) telah mempersetujui kenyataan ini dengan menyatakan bahawa burung Partridge juga digunakan sebagai lambangan perasaan rindu terhadap kampung halaman, perpisahan antara sahabat atau saudara mara, kesedihan pada musim bunga dan perasaan kesenangan dalam hati.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Burung angsa liar yang berpindah-randah mengikut musim juga sering muncul dalam puisi klasik. Pada musim bunga, burung angsa liar telah menghadap ke arah utara dan akan menghadap ke arah selatan semasa musim luruh. Tabiat kehidupan burung angsa liar ini mempengaruhi makna penggunaan dalam puisi klasik terutamanya pada musim luruh (Chu, 2019). Kajian Yan (2003) juga mengemukakan bahawa bunyi bagi burung angsa liar yang meninggalkan kumpulannya dan terbang bersendirian adalah bersayu-sayu dan kesedihan. Apabila keadaan ini wujud pada musim luruh di mana semua tumbuhan dalam kelayuan akan mendalamkan lagi perasaan kesedihan penyajak.

Burung bangau dan burung kuning sering muncul pada musim bunga. Badan burung kuning berwarna-warni, bunyi yang dikeluarkan adalah merdu dan membawa kegembiraan, ketenteraman serta kesenangan hati kepada manusia. Kedua-dua jenis burung ini sering kali muncul secara bersama dan dapat menggambarkan kesenangan dan kegembiraan dalam puisi klasik (Chu, 2019).

Itik manderin adalah sejenis burung yang hidup di sekeliling air dan sering hidup berpasangan yang menggambarkan percintaan yang murni, kedamaian antara pasangan suami isteri dalam puisi klasik. Selain itu, burung merak juga menjadi lambangan percintaan (Chu, 2019). Burung ketitir makan mulberi dalam puisi klasik membawa mesej yang menasihati wanita supaya jangan merendamkan diri dalam alam percintaan. Hal ini demikian kerana dalam mitos zaman purba dan karya sastera, pokok mulberi melambangkan pujaan terhadap reproduksi serta percintaan antara lelaki dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


wanita. Burung ketitir juga digunakan untuk melambangkan pengejaran lelaki terhadap percintaan (Wen, 2010).

Burung kakak tua pada zaman kini dilambangkan sebagai tanda yang tidak bertuah. Hal ini disebabkan burung kakak tua suka makan daging yang reput dan mengeluarkan bunyi yang tidak sedap didengar. Akan tetapi, burung kakak tua dalam zaman dahulu adalah sejenis burung yang mempunyai kuasa ghaib (Chu, 2019). Kajian Chen (2005) pula mendapati bahawa ada dalam kalangan penyajak yang menganggap burung kakak tua sebagai burung yang bertuah dan berkait rapat dengan penyembahan matahari pada zaman purba. Burung kakak tua bukan sahaja sebagai totem dalam penyembahan matahari, malah ia juga merupakan media yang digunakan oleh bomoh untuk berkomunikasi dengan jin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Burung camar balai dalam puisi klasik membawa makna perpisahan dari keduniaan dan penyingkiran kelicikan. Terdapat juga penyajak yang menggunakan burung camar balai sebagai lambang diri sendiri yang keseorangan semasa umur yang tinggi dan kehidupan yang berpindah-randah (Chu, 2019).

Haiwan jenis kedua dalam puisi klasik ialah haiwan mamalia seperti kuda, rusa, mawas, harimau, anjing dan sebagainya. Kuda merupakan imej haiwan yang paling kerap muncul dalam puisi klasik. Imej kuda lebih berkaitan dengan peperangan dan membentuk satu keadaan yang mendesak, bersemangat dan ketegangan dalam puisi klasik. Imej kuda juga menggambarkan semangat kesetiaan dan penghargaan, benda

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


abstrak atau konkrit seperti askar atau perubahan yang berlaku dalam barisan askar (Chu, 2019).

Kajian Chu (2019) mengemukakan bahawa imej mawas dalam puisi klasik menggambarkan kesedihan, kedendaman, kemuraman, kebimbangan atau persekitaran yang bersunyi sepi di mana bersamaan dengan pernyataan yang dikemukakan dalam kajian Yan (2003) yang menyatakan bahawa bunyi yang dikeluarkan oleh mawas mempunyai unsur kesedihan dan hal ini telah menyebabkan perasaan kesedihan dan kebimbangan muncul dalam sanubari para penyajak sewaktu kedengaran bunyi mawas.

Haiwan jenis ketiga dalam puisi klasik ialah serangga seperti rama-rama, reriang dan kunang-kunang. Imej rama-rama biasanya menyampaikan perasaan imaginasi, kebinggungan atau kekecewaan (Chu, 2019). Kajian Cao (1991) mengemukakan bahawa reriang sering kali berada pada pokok yang tinggi dan hanya meminum embun. Oleh hal yang demikian, imej reriang dalam puisi klasik menggambarkan personaliti seseorang yang mulia, tidak mengejar status kedudukan masyarakat tetapi menemui bencana yang tidak dapat dikenal pasti. Reriang biasanya melambangkan manusia yang berada dalam kekecewaan yang bersamaan dengan pernyataan dalam kajian Chu (2019). Reriang pada musim yang berlainan membawa maksud yang berbeza. Misalnya reriang pada musim panas melambangkan semangat keghairahan musim panas manakala reriang pada musim luruh membawa kesedihan kerana telah mencapai di penghujung hayat. Kunang-kunang pula hidup di kawasan sekitar rumpun yang sunyi sepi. Oleh hal yang demikian, penyajak telah menggunakan imej kunang-kunang untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


melambangkan gundik di istana telah kehilangan sentimen percintaan daripada maharaja atau melambangkan keruntuhan sesebuah dinasti (Chu, 2019).

Haiwan jenis keempat dalam puisi klasik ialah ikan yang merupakan imej yang istimewa dalam puisi klasik dan tidak mempunyai klasifikasi yang banyak (Chu, 2019). Terdapat cendekiawan yang mengatakan bahawa manusia primitif pada zaman purba mementingkan sembahan pembiakan dan menjadikan ikan sebagai lambangan pembiakan pada ketika itu kerana keupayaan pembiakan ikan adalah tinggi (Yan, 2003). Ikan dalam Shijing（诗经）melambangkan kemakmuran, kekayaan, perkahwinan dan percintaan (Wang, 2007). Terdapat juga lambangan ikan dalam puisi klasik yang membawa maksud perasaan yang inginkan kebebasan (Chu, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa jenis haiwan dalam dunia nyata yang terpapar dalam puisi klasik Cina adalah berbagai-bagai, tetapi keempat-empat jenis haiwan ini adalah sering kali digunakan oleh para penyajak sebagai imej dalam meluahkan perasaan atau pendapat dalam puisi klasik (Chu, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


#### 2.4.2.1.2 Haiwan dalam Alam Maya（想像世界中的动物）

Karya sastera yang hebat bukan sahaja menggambarkan alam dunia yang nyata tetapi juga mempunyai pencapaian pada sesuatu tahap dalam penciptaan kesenian imaginasi. Haiwan dalam alam maya berasal daripada mitos zaman dahulu, totem atau karya sastera pada zaman purba. Antaranya termasuklah phoenix, naga, arnab bulan dan sebagainya. Haiwan dalam alam maya ini melambangkan bertuah, kesucian atau kengerian. Imej ini yang digunakan oleh para penyajak dipenuhi daya fikiran dan telah membentuk sebuah alam maya yang luar biasa dan membawa perasaan yang berlainan kepada pembaca (Chu, 2019). Pernyataan ini bersamaan dengan kajian Yuan (2005) yang menyatakan bahawa penyajak telah menerusi khayalan terhadap alam dunia yang subjektif untuk mengesan alam dunia dalam hati diri sendiri.

Pendek kata, kesemua haiwan dalam maya ini amat penting dalam budaya Tionghua walaupun tidak dapat dilihat dan bersentuhan, namun haiwan dalam maya ini tidak boleh dicerobohi (Chu, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


#### 2.4.2.2 Tumbuhan （植物）

Tumbuhan merupakan kawan yang rapat dengan manusia, ia juga merupakan bahan penulisan yang penting bagi para penyajak. Penyajak bukan sahaja menggunakan tumbuhan sebagai lambangan untuk meluahkan perasaan dan pemikiran mereka, mereka juga menyanjung sesetengah jenis bunga menerusi puisi klasik. Selain itu, penyajak pada dinasti Tang sering kali menggubal sebuah puisi klasik pada gambar lukisan yang berasaskan tumbuhan. Penyajak juga menggunakan imej tumbuhan dalam puisi klasik untuk menggambarkan kemeriahan pada musim menuai dan sanjungan penduduk terhadap kehidupan yang menyenangkan hati (Shi, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Buluh dalam kesusasteraan adalah penting dari segi konotasi kebudayaan kerana buluh melambangkan kebudayaan reproduksi (Wang, 2010). Pokok ru pula sering kali dikaitkan dengan perkuburan dan dewa-dewi terutamanya dalam puisi klasik dinasti Tang (Shi, 2014). Pokok willow membawa makna dari tiga aspek iaitu kerinduan, rindu terhadap kampung halaman dan perpisahan. Ia juga digunakan untuk mencerminkan personaliti seseorang (Shi, 2009). Imej bunga teratai telah mencatatkan kekerapan penggunaan yang tinggi terutamanya puisi klasik dinasti Tang dan biasanya digunakan untuk menggambarkan personaliti seseorang serta kecantikan dinamik bunga teratai (Yu, 2005).

Lumut merupakan tumbuhan yang bertahap rendah di mana akar, batang dan daunnya tidak senang dibezakan serta bertumbuh di kawasan yang gelap dan lembap.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Keadaan pertumbuhan lumut ini telah membawa maksud kegelisahan dan kedendaman dalam puisi klasik, penyajak sering kali menggunakan lumut untuk menggambarkan cita-cita yang ada pada diri sendiri tidak dapat dicapai dan perubahan peristiwa di alam dunia yang tidak dapat dikawal (Shi, 2014). Bunga persik dalam puisi klasik pula menggambarkan keluhan terhadap kemudaan yang berlalu, asal usul penyajak diri sendiri dan persembunyian diri dari alam nyata yang mengamanahkan diri terhadap dunia dewa-dewi (Qu, 2009). Para penyajak sering kali menikmati bahagian bunga, daun, kewangian bunga anggerik dalam menggambarkan manusia yang berakhlak mulia dan disanjungi orang ramai. Pokok laurel pula merupakan imej yang paling lama digunakan oleh para penyajak yang sering dikaitkan dengan bulan dan juga berkait rapat dengan mitos. Puisi klasik jenis ini mempunyai bayangan jin dalam alam maya, seperti penyajak mempunyai niat untuk memohon Dao tetapi sebenarnya penyajak berniat menyembunyikan diri dari dunia nyata (Shi, 2014).

Karya sastera yang menyanjung bunga plum adalah bermula dari dinasti Weijing（魏晋）dan telah mencapai zaman kegemilangannya. Kesunyian bunga plum yang tumbuh di tanah terbiar dan sifatnya yang menahan kesejukan telah digunakan oleh para penyajak untuk menggambarkan manusia yang berakhlak mulia dan disanjung tinggi (Chen, 2002). Duri merupakan sejenis tumbuhan pokok renek dikesan oleh masyarakat di negeri China. Disebabkan duri tumbuh dalam keadaan kekecohan dan tidak dapat menimbulkan hati yang tenang dalam kalangan orang ramai, maka duri biasanya digunakan untuk menggambarkan kemunduran, kemerosotan dan keadaan peperangan yang berhuru-hara (Shi, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa perhatian manusia terhadap tumbuhan telah mencapai ke tahap kesenian estetik. Apabila pokok, rumput atau bunga berada dalam karya para penyajak, ia akan mempunyai nilai kesusasteraan yang tinggi.

#### 2.4.2.3 Pemandangan Alam Sekitar（山水田园）

Puisi klasik yang bertemakan alam sekitar lebih berpusat dalam menyanjungi alam sekitar terutamanya bukit, air dan tanah penanaman. Puisi klasik jenis ini mula berkembang dari dinasti Tang dan telah banyak meninggalkan hasil karya yang cemerlang. Penyajak biasanya menggunakan pemandangan alam sekitar untuk meluahkan perasaan mereka dan segala pemandangan bukit dan air telah menerap ke dalam minda penyajak dan mendorong penyajak menghasilkan puisi klasik yang mempunyai tahap kesenian yang cemerlang (Tang, 2020).

Secara rumusan, kandungan hasil karya jenis tema ini telah menggambarkan alam sekitar dengan kesenian yang unik dan mempunyai daya tarikan yang tinggi. Hal ini kerana minda penyajak dan pemandangan alam sekitar telah bergabungan dan menghasilkan karya kesusasteraan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 2.4.3 Puisi Klasik yang Berasaskan Sejarah（咏史怀古）

Puisi klasik yang berasaskan sejarah dapat dibahagikan kepada dua jenis mengikut tempat iaitu bandar tua dan bangunan bersejarah di mana lokasi yang pernah dijadikan bandar atau pernah berlaku peristiwa bersejarah yang penting serta perkuburan, tokong kenangan dan tempat tinggal lama maharaja atau tokoh yang penting (Wang, 2003). Semasa para cendekiawan atau penyajak mengunjungi tempat bersejarah yang penting, minda mereka automatik terfikir akan peristiwa-peristiwa yang pernah berlaku di lokasi tersebut dan perasaan mengeluh akan muncul (Xu, 2015) seperti mengeluh terhadap perubahan dan keruntuhan sesebuah dinasti, perubahan masa dan umur hidup yang pantas, menyindir lapisan pemerintah yang hanya mengutamakan kehidupan yang berfoya-foya sehingga mengabaikan negara seperti dinyatakan dalam kajian Tang (2014). Mereka mempertimbangkan apa yang berlaku pada ketika itu dan meluahkan kerinduan mereka terhadap zaman pemerintahan yang gemilang pada ketika dahulu (Tang, 2020).

Secara amnya, penyajak akan mencatatkan perasaan mereka yang berkait rapat dengan sejarah melalui puisi klasik yang dikaryakan oleh mereka. Dalam proses menghasilkan puisi klasik yang berasaskan sejarah, penyajak biasanya menggunakan perkataan yang ringkas, imej yang terpilih dan gabungan perasaan penyajak terhadap alam sekitar, masyarakat dan sejarah. Mereka lebih kepada menyatakan perkembangan sejarah, kesedihan tentang keruntuhan negara disebabkan zaman kini tidak dapat dibandingkan dengan zaman kegemilangan yang berlepas atau menggunakan perkara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


yang berlaku dalam sejarah untuk mengejek sistem pemerintahan atau masyarakat semasa.

### 2.4.4 Puisi Klasik yang Berasaskan Perasaan

Nenek moyang pada zaman dahulu sering kali meluahkan perasaan mereka melalui puisi klasik. Dalam kebudayaan tradisional masyarakat Cina, puisi klasik yang berasaskan perasaan telah mencatatkan bilangan yang tertinggi dalam puisi klasik. Ia dapat dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu perpisahan, cinta akan negara, rindu akan kampung halaman dan kerinduan. Kesemua ini telah menjelaskan perasaan yang terkandung dalam sanubari dalam kalangan para penyajak (Tang, 2014).

#### 2.4.4.1 Perpisahan dan Kerinduan terhadap Kampung Halaman （离别、思乡）

Para penyajak sering kali menyanjungkan perwatakan ahli keluarga yang mulia terutamanya tentang ibu bapa mereka dan menunjukkan kemesraan serta kerinduan mereka terhadap ahli keluarga. Mereka sanggup meluahkan perasaan dengan menyalahkan diri disebabkan tidak berada di sisi untuk menaati ahli keluarga sewaktu mereka masih hidup. Perasaan terhadap perpisahan dan kerinduan terhadap negara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dan kampung halaman dan perasaan ini sering kali dijadikan tema dalam karya sastera. Perasaan muram dan sedih bertambahan apabila mereka mendapati bahawa negara mereka telah mengalami keruntuhan dan menyebabkan mereka tidak lagi dapat pulang ke kampung halaman mereka (Wong, 2019).

Keunikan jenis puisi klasik ini adalah menerusi sesuatu peristiwa untuk meluahkan perasaan rindu dalam minda penyajak. Disebabkan puisi klasik dapat menyatakan cita-cita seseorang penyajak, maka jenis puisi klasik yang berasaskan perpisahan ini telah mencatatkan bilangan yang agak tinggi (Tang, 2020). Penterjemah puisi klasik Cina yang terkenal di England, Athur D. Waley dalam hasil karyanya bertajuk A Hundred and Seventy Chinese Poems telah mengemukakan bahawa jika dikatakan puisi klasik yang bertemakan perpisahan telah mencatatkan bilangan separuh daripada jumlah puisi klasik di negara China adalah tidak melampau (Chen, 2008). Hal ini kerana para cendekiawan dan penyajak pada zaman dahulu terpaksa meninggalkan kampung halaman mereka untuk menjawat tugas pentadbiran di luar sama ada menjadi askar untuk melindungi negara, melayari tempat-tempat untuk tujuan menghasilkan karya-karya atau terpaksa mencari rezeki di luar kampung halaman. Perasaan rindu semakin menular dalam minda mereka kerana tidak dapat pulang ke pangkuan ahli keluarga dan kekasih mereka disebabkan sistem pengangkutan yang tidak maju dalam zaman dahulu (Wong, 2019). Dengan ini, dalam sanubari para penyajak telah muncul perasaan kerinduan terhadap keluarga, sahabat atau kehidupan di kampung halaman sehinggalah puisi klasik yang menyentuh perasaan orang ramai dihasilkan. Para penyajak sering menggunakan bulan, pokok, rumput, matahari terbenam, burung angsa dan imej yang lain untuk meluahkan perasaan kerinduan mereka. Puisi klasik yang bertema

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


perpisahan ini telah membantu pembentukan dan pengukuhan kesusasteraan yang meluahkan perasaan. Hal ini telah meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap golongan Tionghua dan meningkatkan kohesi sesama bangsa Tionghua (Xu, 2015).

Berdasarkan perbincangan di atas, jelaslah bahawa kandungan jenis puisi klasik ini mencatatkan kesusahan dan kesulitan yang dihadapi ketika berada di luar halaman rumah dan negara. Apabila seseorang terpaksa meninggalkan kampung hamalannya, kerinduan terhadap kampung halaman pasti akan menular di dalam hati seseorang itu tidak mengira di mana tempatnya berada, tidak mengira perkara jenis apa yang sedang dihadapinya, tidak mengira seseorang itu berada dalam kekayaan atau kemiskinan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

#### 2.4.4.2 Kenangan Kehidupan Diri（感怀身世）

Kajian Wong (2019) menyatakan bahawa kenestapaan dalam kehidupan diri sendiri merupakan tema yang penting dalam puisi klasik Cina. Golongan cendekiawan biasanya mempunyai cita-cita yang tinggi untuk berbakti terhadap negara. Harapan mereka yang mulia ini sering kali dihancurkan disebabkan kegelapan dalam kalangan pemerintah dan keadaan sistem pentadbiran yang huru-hara. Para cendekiawan atau penyajak sering kali menanjak ke sesuatu menara tinggi untuk meluahkan perasaan diri dan puisi klasik jenis ini penting dalam karya sastera negara China serta mempunyai sejarah yang berjauhan. Sebab utama mereka menanjak ke tempat yang tinggi ialah penglihatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mereka akan menjadi lebih luas, maka pemikiran dan perasaan akan wujud dalam minda mereka pada ketika itu.

Secara amnya, keadaan sebegini yang dibincangkan di atas telah mendorong golongan cendekiawan meninggalkan karya yang terkenal semasa mereka berada pada menara yang bertingkat tinggi.

#### 2.4.4.3 Politik（政治）

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Puisi klasik yang bertemakan politik mempunyai status kedudukan yang penting kerana ia mempunyai kebudayaan yang mendalam (Xia, 2006). Kajian Wong (2019) menyatakan bahawa para cendekiawan dan penyajak sentiasa mengambil berat tentang perkembangan masyarakat terutamanya golongan yang berada pada lapisan bawahan dan mengkritik kegelapan dalam masyarakat. Kajian Lu (1994) mengemukakan bahawa puisi dihasilkan oleh bangsawan adalah bertujuan melindungi atau memadankan status politik di istana. Kandungan puisi biasanya mencerminkan keadaan dan keunikan politik di istana dari pelbagai sudut yang merupakan saluran yang penting dalam sistem pemerintahan ketika itu. Selain itu, kajian Liu (2002) menyatakan bahawa semangat misi dan tanggungjawab yang ada pada para cendekiawan telah mendorong mereka melibatkan diri dalam bidang politik dan berani untuk membincangkan politik secara mendalam tanpa memikirkan kepentingan diri sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jelaslah bahawa para cendekiawan atau penyajak mengambil kesempatan untuk mencerminkan masalah politik melalui penulisan puisi klasik dan puisi klasik bertema ini telah dijadikan bahan yang penting sebagai rujukan peristiwa bersejarah.

#### 2.4.4.4 Percintaan（爱情）

Percintaan tetap dikejar oleh manusia. Percintaan memanipulasikan pengalaman perasaan dalam kalangan manusia, merangsangkan kepekaan ciptaan para penyajak. Oleh hal yang demikian, percintaan telah menjadi satu pemandangan yang indah dan menarik dalam kesusasteraan Cina (Xu, 2015). Pandangan ini disokong dalam kajian Wong (2019) menyatakan bahawa penyajak atau cendekiawan yang sering kali berada di luar sisi kekasih atas sebab pekerjaan atau pelajaran juga meluahkan perasaan rindu akan pasangan mereka kerana masing-masing berada di tempat yang jauh dan sukar ditemui pada bila-bila masa. Kajian Xu (2015) juga menyatakan bahawa pasangan terpaksa meninggalkan isteri mereka untuk beperang, menjadi pegawai kerajaan di luar kampung halaman atau akibat daripada pelucutan status pegawai kerajaan dan diagihkan ke tempat yang berjauhan. Terdapat juga puisi klasik percintaan yang menggambarkan wanita tidak dapat bercinta dengan pasangan yang dicintai walaupun berada dalam sisi masing-masing pada setiap masa disebabkan orang yang dicintainya tidak mempunyai perasaan terhadapnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Secara amnya, puisi klasik percintaan dapat dibahagikan kepada beberapa tema termasuklah kerinduan, teguran isteri, isteri yang ditinggalkan, pasangan yang telah meninggal dunia, kerinduan percintaan yang lepas, kesedihan dan lain-lain (Chen, 2008).

### 2.4.5 Puisi Klasik yang Berasaskan Falsafah

#### 2.4.5.1 Nilai Murni（道德伦理）

Budaya Tionghua sangat mementingkan fungsi nilai-nilai murni dan penanaman nilai murni dalam sanubari seseorang. Minda dalam seseorang yang mengandungi konsep nilai murni akan melakukan sesuatu dengan berlandaskan ajaran nilai murni. Sejak dinasti Han, ajaran falsafah Confucius telah menjadikan aliran utama dalam kebudayaan tradisional. Ajaran Confucius telah menekankan etika dan kesusilaan dalam kehidupan harian seperti lebih mementingkan konsep kesetiaan daripada kepentingan diri sendiri, cinta akan negara, menaati ibu bapa, lima perkara yang terkandung dalam sanubari manusia iaitu belas kasihan, kesetiaan, kesopanan, kecerdasan dan amanah. Kesemua konsep nilai murni ini yang terkandung dalam budaya tradisonal terutamanya puisi klasik adalah menepati keperluan dalam masyarakat zaman kini (Wong, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


#### 2.4.5.2 Budaya Pertapa（隐士文化）

Menurut kajian Wong (2019), budaya pertapa adalah elemen yang penting dan unik dalam budaya Tionghua. Para pertapa dalam zaman masyarakat dahulu bukan sengaja menyembunyikan diri dan tidak melibatkan diri dengan masyarakat luar, bukan sengaja tidak mahu meluahkan perasaan dan pendapat mereka, bukan sengaja menyembunyikan kebijaksanaan dan bakat sendiri, mereka berbuat demikian adalah untuk melindungi diri yang berada dalam zaman yang berhuru-hara dan membuat keputusan menjalani kehidupan bertapa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

#### 2.4.5.3 Beroptimis dan Berfikiran Terbuka（乐观旷达）

Jika ajaran falsafah Confucius dan Dao dilihat dari permukaan mungkin mendapati bahawa kedua-dua budaya ini bertentangan, ajaran falsafah Confucius bersifat tegap dan kukuh manakala ajaran falsafah Dao lebih bersifat lembut. Ajaran falsafah Confucius menekankan penyertaan diri dengan aktif dalam masyarakat manakala ajaran falsafah Dao menekankan berundur diri dari sosial dan menjalani pertapaan. Dalam perkembangan jangka masa beribu-ribu tahun, kedua-dua falsafah ini telah bergabungan dan saling melengkapi serta menyempurnakan kekurangan masing-masing (Mou & Lim, 1998). Setelah ajaran Buddha dibawa masuk ke negara China, proses penggabungan antara ketiga-tiga falsafah ini telah berlaku sehingga satu konsep

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


berwujud di mana seseorang itu ketika berada dalam keadaan yang tidak mengizinkan mereka berbakti pada masyarakat, mereka akan meningkatkan nilai jati diri sehingga keadaan yang dibenarkan barulah berbakti pada masyarakat dan negara. Konsep ini telah ditanamkan dalam sanubari sasterawan pada masa itu dan menjadikannya sebagai nilai pegangan dalam kehidupan mereka. Mereka melibatkan diri dengan aktif untuk berbakti terhadap rakyat dan negara seperti yang ditekankan dalam ajaran Confucius. Apabila mereka menemui kesulitan dan masalah dalam kerjaya perkhidmatan, mereka sanggup berundur diri seperti yang ditekankan dalam ajaran Dao dan menerimanya dengan hati yang terbuka seperti yang ditekankan dalam ajaran Buddha. Hal ini telah membentuk satu nilai kehidupan yang beroptimis dan berfikiran terbuka. Teks sastera jenis tema ini akan membentuk satu sikap yang aktif dalam kehidupan dan memupuk nilai yang positif dalam kalangan murid (Wong, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

#### 2.4.5.4 Konsep Politik（政治理念）

Pemikiran dalam politik dipengaruhi oleh wakilan ajaran falsafah Confucius yang berharapan agar sedunia dapat mencapai keadaan yang aman dan berharmoni. Semangat pemikiran seperti pelbagai taktik dalam pengurusan politik, membanteras terhadap pemimpin yang keganasan dan kezaliman juga dititikberatkan. Tempoh keemasan pemikiran budaya negara China adalah pada zaman bunga dan luruh（春秋时期）. Disebabkan keruntuhan adat istiadat dan sistem pemerintahan yang lama telah kehilangan fungsi serta setiap negara semakin kuat, para cendekiawan telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


membangkitkan pemikiran terhadap sistem pentadbiran negara masing-masing. Hal ini juga menyebabkan wujudnya kejadian satu keadaan yang unik di mana falsafah di negara China berkait rapat dengan unsur politik (Wu, 2018). Ajaran falsafah Confucius menekankan sistem pentadbiran yang berasaskan Ren（仁）iaitu pentadbir seharusnya mengutamakan rakyat, melayankan rakyat dengan pengampunan, sering mempunyai kemurahan hati demi mewujudkan perlindungan yang asas terhadap peperangan yang tidak berasalkan prinsip keadilan (Schwartz, 1985).

#### 2.4.5.5 Semangat Keadilan（侠义精神）

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Semangat keadilan merupakan unsur yang unik dalam kebudayaan Cina. Dalam keadaan pentadbiran yang huru-hara, apabila ramai dalam kalangan golongan yang lemah tidak mendapat bantuan dengan serta-merta, golongan pahlawan akan muncul dan bersedia untuk membantu golongan lemah ini untuk menyelamatkan mereka atau menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh golongan ini. Golongan pahlawan ini sanggup mengorbankan nyawa diri demi prinsip pegangan keadilan dalam minda mereka dengan menegakkan keadilan untuk golongan yang lemah. Semangat yang unik dalam pahlawan ini telah diwarisi beribu-ribu tahun dalam masyarakat negara China dan telah mempengaruhi bangsa Tionghua secara mendalam (Wong, 2019). Semangat ini bergabungan dengan impian cendekiawan dan menghasilkan unsur yang positif dan beroptimis (Ruan, 2017). Semangat ini juga dilihat sebagai kewiraan yang perlu dipelajari dan menjadi nilai yang penting dalam masyarakat dinasti Tang. Semangat ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


juga bergabungan dengan para cendekiawan yang meluahkan perasaan yang tidak adil dan perasaan berbakti terhadap negara. Hal ini telah mempengaruhi cita-cita dalam kehidupan serta nilai estetik kesusasteraan orang ramai (Wang, 2002).

### 2.4.6 Puisi Klasik yang Berasaskan Peperangan dan Semangat Patriotik（战争与爱国情操）

Konsep patriotisme sangat ditekankan dalam kebudayaan tradisional terutamanya dalam ajaran Confucius sehingga sanggup mengorbankan nyawa diri sendiri untuk melindungi negara, menekankan konsep kepentingan negara adalah melepasi kepentingan nyawa diri sendiri. Selain itu, matlamat utama dalam ajaran pembinaan nilai jati diri ialah mewujudkan keharmonian dan keamanan sedunia. Untuk merealisasikan matlamat ini, setiap manusia perlu menyempurnakan ahklak dan nilai-nilai murni dalam diri sendiri supaya keluarga dapat berada dalam keadaan harmoni. Jika keadaan sedemikian tercapai, maka wujudlah masyarakat yang aman dan damai kerana sesebuah masyarakat dibentuk oleh pelbagai keluarga. Dengan itu, negara akan berada dalam keadaan harmoni, aman dan damai serta akan mencapai tahap kemajuan dengan kadar yang cepat (Wong, 2019).

Pencetusan peperangan biasanya disebabkan kegemilangan dan keruntuhan sesebuah dinasti atau perebutan tanah jajahan. Para cendekiawan atau penyajak menyanjung pengorbanan askar-askar atau meluahkan semangat mereka yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


bersedia untuk berjuang demi negara. Kecederaan dan kematian ekoran dari peperangan juga dinyatakan melalui puisi klasik dalam bentuk tulisan. Puisi klasik yang bertemakan peperangan biasanya berkait rapat dengan tema patriotisme yang melambangkan semangat patriotik dalam bangsa diri sendiri. Sejak awal dinasti Zhou（周）, puisi klasik bertemakan peperangan telah muncul dan kebanyakan dalam kandungan puisi klasik ini menghuraikan proses pembangunan dan perkembangan bangsa yang berada dalam peristiwa sejarah yang penting serta menggambarkan pengorbanan wira-wira. Hal ini telah memaparkan daya tahan dan perkembangan sesebuah bangsa yang munasabah. Dalam zaman bunga dan luruh, perubahan masyarakat yang besar telah menyebabkan kebudayaan Tionghua mengalami perubahan. Pelbagai ahli falsafah telah muncul dan mengembangkan falsafah mereka dalam pembinaan masyarakat yang ideal. Pada zaman dinasti Wei（魏）dan Jing（晋）, keadaan pentadbiran negara berada dalam huru-hara, segolongan cendekiawan yang cinta akan negara dan bangsa berhasrat untuk berkhidmat untuk negara telah mengamalkan nilai kehidupan diri sendiri. Oleh hal yang demikian, puisi klasik peperangan telah berkembang pesat sehingga dinasti Tang（唐）dan telah meninggalkan hasil karya yang banyak (Xu, 2015).

Pandangan yang sama dinyatakan dalam kajian Tang (2020) yang menyatakan bahawa puisi klasik yang berasaskan peperangan merupakan hasil karya yang penting pada sesuatu dinasti kerana ia menggambarkan kegemilangan dan keruntuhan sesuatu dinasti terutamanya pada awal dinasti Tang. Negara mulai menunjukkan kemunduran dan kejatuhan pada pertengahan dinasti Tang, maka nada puisi klasik telah menunjukkan kesedihan. Semasa zaman dinasti Song（宋）, negara sering kali berada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dalam peperangan dan negara sering menghadapi ancaman luar. Para cendekiawan tidak mempunyai peluang untuk berbakti terhadap negara dan perasaan seperti kemarahan, kemurungan dan kerinduan telah muncul disebabkan mereka tidak dapat pulang ke kampung halaman disebabkan berlakunya peperangan.

Kesedaran terhadap kebimbangan keamanan masyarakat merupakan kesedaran tanggungjawab para cendekiawan atau penyajak. Mereka mengambil berat tentang diri sendiri, orang ramai, alam semula jadi serta masyarakat dan telah meluahkan perasaan mereka melalui puisi klasik. Kesedaran tentang kebimbangan peperangan bukan sahaja daripada golongan atasan, golongan bawahan juga mengambil berat tentang isu peperangan dan menentang peperangan ke akar umbi melalui hasil karya puisi klasik. Kebanyakan dalam kalangan mereka telah menghasilkan karya yang mencerminkan keadaan huru-hara sewaktu peperangan dan kesengsaraan yang dialami oleh rakyat serta nasib negara (Xu, 2015).

Berdasarkan perbincangan di atas, kandungan puisi klasik yang berasaskan falsafah dapat dijadikan teladan dan pengajaran dalam kehidupan harian murid. Adalah penting bagi murid untuk mempelajari puisi klasik yang berasaskan falsafah supaya insan yang berbudi dan mulia dapat dilahirkan menerusi pemupukan nilai-nilai positif yang terkandung dalam puisi klasik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 2.5 Ciri-Ciri Puisi Klasik

Fungsi utama puisi klasik yang penting dan paradigma ialah menyatakan cita-cita seseorang penyajak. Konsep ini berasal dari zaman bunga dan luruh yang menjadi prinsip dalam menggubal puisi klasik. Prinsip sebegini kemudian dikembang oleh para cendekiawan dinasti Xianqing（先秦）dan merupakan ontologi pertama dalam puisi klasik Cina yang mempunyai pengaruhan yang berjauhan (Qian, 2017).

Apabila perasaan seseorang dalam hati tersentuh dengan ikhlas dan dinyatakan melalui tulisan, maka sebuah puisi akan terbentuk (Ruan, 1980). Perubahan musim dan kebendaan dalam alam semesta telah membentuk pelbagai pemandangan persekitaran serta segala mahkluk telah mengalami perubahan. Sanubari manusia tersentuh dengan perubahan yang dialami (Wang, 1976) disebabkan merasai pelbagai imej melalui perubahan persekitaran. Misalnya apabila dilihat pemandangan pokok bunga yang layu pada musim luruh, perasaan sedih akan muncul dalam sanubari manakala pada musim bunga, pemandangan pokok bunga yang tumbuh di persekitaran akan membawa hati yang ceria kepada manusia (Lu, 1974). Sesudah sanubari manusia tersentuh akan alam sekitar dan haiwan apatah lagi dengan dunia manusia yang penuh dengan perkara yang terharu (Ruan, 1980). Hal ini telah menyatakan bahawa penyajak bukan sahaja mempunyai perasaan terhadap gambar objek dalam alam sekitar, mereka juga berperasaan terhadap peristiwa yang berlaku dalam kalangan manusia seperti dinyatakan oleh pakar kajian puisi klasik Ye jiaying (2000). Apabila manusia berada dalam persidangan yang ceria, mereka boleh menghasilkan sebuah puisi untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menggambarkan keceriaan dalam sanubarinya. Apabila berpisah dengan suatu kelompok manusia yang berkenaan, mereka juga boleh meluahkan perasaan sedih menerusi sesebuah puisi (Wang, 1976).

Jelaslah bahawa sanubari seseorang tersentuh dan ingin meluahkan perasaannya adalah titik permulaan untuk menghasilkan sesebuah puisi klasik. Akan tetapi, perasaan perlu disampaikan menerusi tulisan barulah wujudnya puisi klasik. Oleh hal yang demikian, seseorang penyajak bukan sahaja peka terhadap sesuatu yang berlaku pada persekitaran, dia juga perlu mahir menyampaikan perasaannya melalui tulisan (Ye, 2000).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 2.5.1 Nilai Kesenian Puisi Klasik

Kajian Wu (2013) juga menyatakan bahawa orang ramai menggunakan satu perkataan untuk menggambarkan perasaan yang terkandung dalam puisi klasik iaitu “cantik”. Puisi klasik bukan sahaja cantik dari segi bahasa, malah ia juga cantik dari segi intonasi dan sebutan, cantik dari segi bentuk, yang penting sekali ialah puisi klasik cantik dari segi ruangan makna yang tinggi. Kenyataan ini telah disokong oleh kajian Fu (2011) yang mengemukakan bahawa puisi klasik bukan sahaja cantik dari bentuk, irama dan senang dideklamasi serta dihafal, ia juga cantik dari segi perasaan. Hal ini kerana segala perasaan seperti kegembiraan, kesedihan, kemarahan, kemurungan penyajak telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menyusupi ke dalam karya yang dihasilkan. Dengan adanya perasaan penyajak yang ikhlas dan benar, karya mereka tetap menyentuh perasaan pembaca walaupun telah beribu-ribu tahun berlalu.

Dalam puisi klasik terkandung unsur nilai estetik yang mendalam dan mempunyai fungsi yang istimewa dapat membentuk perspektif nilai estetik yang sihat dalam minda murid, memupuk kebolehan yang unik dalam merasai dan mencipta berdasarkan estetik serta mendorong perkembangan yang menyeluruh dalam kalangan murid (Li, 2017).

Secara amnya, puisi klasik mempunyai ciri-ciri dari empat aspek iaitu kecantikan dari aspek konsepsi seni, kecantikan dari aspek perasaan, kecantikan dari aspek pembinaan dan kecantikan dari aspek fonologi mengikut kajian Yu (2016).

#### 2.5.1.1 Kecantikan dari Aspek Konsepsi Seni

Konsepsi seni merupakan pembinaan objek yang sering berpandukan perasaan penyajak. Penyajak biasanya menggabungkan beberapa objek atau imej untuk meluahkan sesuatu perasaan (Yu, 2016). Konsepsi seni merupakan gabungan pengalaman estetik, keseronokan, cita-cita dan diproses seterusnya menghasilkan sebuah alam kesenian (Wu, 2010). Kenyataan ini dipersetujui dalam kajian Li (2017)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


yang menyatakan bahawa apabila penyajak menayangkan perasaan subjektif terhadap sesuatu kebendaan yang objektif, maka terbentuklah suatu konsepsi seni.

Penyajak biasanya mengamanahkan perasaan dan harapan pada sesuatu benda dalam puisi klasik (Wu, 2010). Kajian Li (2017) yang menyatakan bahawa penyajak biasanya tidak ingin meluahkan perasaan secara nyata dan jelas, mereka sering memilih cara penyampaian yang tersirat di mana menyembunyikan perasaan mereka pada suatu benda atau perkara. Selain itu, ada penyajak yang terus meluahkan perasaan mereka apabila perasaan penyajak tersentuh terhadap sesuatu perkara atau seseorang. Terdapat juga penyajak yang menggabungkan perasaan dengan pemandangan dalam puisi klasik di mana baris pertama dan kedua merupakan pemerihalan pemandangan, baris ketiga dan keempat barulah meluahkan perasaan penyajak diri sendiri atau sebaliknya.

Oleh itu, pembaca akan terasa benda berkenaan mempunyai perasaan seperti manusia dan menghasilkan sebuah gambaran yang menarik dan mempunyai nilai kesenian yang tinggi (Wu, 2010). Kenyataan ini dipersetujui dalam kajian Ren (2007) yang mengemukakan bahawa puisi klasik dikatakan cantik kerana ia dibentuk secara mudah dengan perkataan yang ringkas serta mengandungi gambaran yang dinamik, bersemangat dan ruangan yang mendalam. Biasanya puisi klasik dapat melakarkan suatu gambaran, menerusi gambaran tersebut juga dapat mencerminkan puisi berkenaan. Keadaan ini wujud disebabkan konsepsi seni dalam puisi klasik. Tahap tertinggi dalam pembinaan karya puisi klasik dan nilai estetik ialah penyajak dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


meluahkan perasaan mereka menerusi sesuatu pemandangan serta menyatukan perasaan mereka dengan pemandangan.

#### 2.5.1.2 Kecantikan dari Aspek Perasaan

Alam sekitar dipenuhi dengan pelbagai imej yang dapat menyentuh perasaan orang ramai tidak kira langit yang luas, tapak yang lebar, lautan yang mendalam atau pokok bunga yang istimewa. Kebanyakan puisi klasik telah menggambarkan imej yang terdapat dalam alam sekitar. Pewarisan puisi klasik beribu-ribu tahun bukan semata-mata bergantung pada imej dalam puisi klasik, malah ia lebih bergantung pada perasaan manusia yang pelbagai yang terkandung dalam puisi klasik (Li, 2017).

Oleh itu, kecantikan dari aspek perasaan merujuk kepada penyajak yang menerusi pemandangan atau imej untuk meluahkan perasaannya (Yu, 2016). Hal ini telah dipersetujui dalam kajian Li (2015) yang menyatakan bahawa puisi klasik biasanya menyembunyi perasaan penyajak yang mendalam. Kajian Wu (2010) menyatakan bahawa puisi klasik merupakan kesenian dalam meluahkan perasaan yang merupakan unsur aktiviti utama dalam puisi klasik. Tanpa perasaan penyajak yang tebal dan kuat, puisi klasik yang dapat menyentuh perasaan manusia tidak dapat dihasilkan. Kenyataan ini dipersetujui oleh Ye (2000) yang menyatakan bahawa syarat utama dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menghasilkan karya puisi klasik adalah sanubari seseorang penyajak tersentuh dan ingin meluahkan perasaannya.

### 2.5.1.3 Kecantikan dari Aspek Pembinaan

Kecantikan dari aspek pembinaan merujuk kepada keindahan tentang pelbagai struktur, bentuk, cara penyampaian penyajak misalnya berdasarkan cara penulisan Fu（赋）, Bi（比）, Xing （兴） (Yu, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam puisi klasik Cina, terdapat tiga cara utama dalam menghasilkan sesebuah puisi klasik iaitu Fu（赋）, Bi（比）, Xing （兴）. Proses penulisan Xing （兴）merujuk kepada apabila seseorang bertemu dengan sesuatu imej atau pemandangan, dalam hatinya akan menghasilkan perasaan yang tersentuh terhadap imej atau pemandangan itu. Proses peralihan dari imej ke perasaan dikenali sebagai Xing. Hubungan Xing tentang imej kebendaan dan sanubari adalah ia bermula dari imej kebendaan dan kemudian ke sanubari seseorang. Proses penulisan Bi（比）merujuk kepada proses kemunculan suatu perasaan dalam sanubari seseorang terlebih dahulu dan dia meminjam sesuatu objek untuk meluahkan perasaannya. Jika dilihat dari hubungan Bi tentang imej kebendaan dengan sanubari adalah ia bermula dari sanubari seseorang dan kemudian ke imej kebendaan. Bagi proses penulisan Fu（赋）pula, cara penghasilan adalah secara langsung dan tidak berpandukan sesuatu imej atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


perasaan yang dihasilkan. Hubungan Fu tentang imej kebendaan dan sanubari adalah bersamaan. Kandungan puisi klasik yang dihasilkan adalah penyampaian perasaan penyajak secara langsung (Ye, 2000).

#### 2.5.1.4 Kecantikan dari Aspek Fonologi

Kecantikan dari aspek fonologi merujuk kepada unsur seni muzik dalam puisi klasik (Yu, 2016). Warisan puisi klasik adalah berdasarkan aktiviti tradisional iaitu mendeklamasi puisi klasik. Hal ini tidak dapat dipisahkan dengan persoalan tempo dan irama dalam puisi klasik. Puisi klasik biasanya dibentuk dari unsur rima dan irama. Rima yang harmoni mendorong puisi klasik yang dihasilkan mempunyai efek seni muzik dan membawa perasaan yang diluahkan semakin tebal dan kuat, mendalamkan lagi imej yang dinyatakan dan unsur kesenian dalam puisi klasik (Ye, 2000).

Puisi klasik sangat mementingkan kerataan irama, bilangan perkataan, kekemasan dan keseimbangan setiap ayat serta memenuhi nada dan tempo dalam gubahan. Oleh hal yang demikian, apabila sesebuah puisi klasik dideklamasi akan dirasai kecantikan fonologi yang sedap didengar dan tempo yang harmoni (Wu, 2010) seperti dinyatakan dalam kajian Li (2017) bahawa penggubalan puisi klasik tidak dapat dipisahkan dengan seni muzik terutamanya dalam aspek irama dan tempo.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 2.5.2 Nilai Bahasa Puisi Klasik

Bahasa bukan sahaja merupakan kesenian yang hebat, tetapi juga merupakan media yang penting bagi mewariskan tamadun manusia yang melibatkan pemikiran, perasaan, pertuturan dan kelakuan. Puisi klasik merupakan kesenian bahasa yang anggun di mana ia dapat menyatakan perasaan yang mendalam walaupan bilangan perkataannya terhad. Tempo dalam puisi klasik yang nyata juga membawa perasaan yang ceria kepada pembaca. Hal ini demikian kerana semasa penyajak menggubal karya puisi klasik, mereka amat mementingkan aspek penggunaan ayat yang paling ringkas dan perkataan yang paling tepat maknanya untuk menggambarkan sesuatu benda atau meluahkan perasaannya. Salah satu kecantikan puisi klasik adalah kecantikan dari aspek bentuk puisi klasik yang teratur di mana penggunaan bilangan perkataan dalam setiap baris puisi klasik adalah sama (Li, 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Wu (2010) menyatakan bahawa penyajak biasanya meminjam sesuatu benda untuk meluahkan cita-cita atau perasaan mereka dalam puisi klasik. Mereka menemui objek yang sesuai untuk diperihal dengan menerusi pelbagai kebendaan dan menggabungkan kehidupan dalam masyarakat yang luas serta latar belakang sejarah lalu memerihal supaya perasaan mereka dapat diluahkan dan mengungkapkan prinsip kebendaan. Bahasa yang digunakan dalam puisi klasik bukan sahaja mempunyai kecantikan dari pembinaan, tetapi juga kecantikan bahasa. Dengan berpandukan perkara ini, kajian Wu (2013) mengemukakan bahawa bahasa yang digunakan dalam puisi klasik adalah padat dan ringkas serta tersirat dalam meluahkan perasaan. Nenek moyang masyarakat Cina telah menggunakan bahasa yang paling ringkas dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mempunyai imej yang nyata untuk menggambarkan pelbagai gambaran yang berwarna-warni serta mempunyai makna yang mendalam, membina pelbagai ruangan yang penuh dengan kecantikan, menyatakan perasaan mereka dengan tulus hati yang ikhlas. Justeru, pembelajaran puisi klasik mempunyai makna yang tinggi dari segi warisan budaya tradisional yang bernilai ini serta meningkatkan nilai peribadi murid.

Apabila murid mempelajari bahasa dalam sesuatu teks karya sastera, murid bukan sahaja dapat memahami isi kandungan karya sastera, tetapi juga dapat menguasai penggunaan bahasa dalam karya sastera tersebut. Pengajaran Bahasa Cina yang dijalankan adalah melatih dan meningkatkan tahap penguasaan bahasa murid, karya sastera pula merupakan satu kesenian yang penting dalam bahasa (Woo, 2009). Kenyataan ini dipersetujui dalam kajian Li (2017) yang mengatakan bahawa apabila murid merasai kecantikan dalam puisi klasik bukan sahaja akan meningkatkan tahap penguasaan bahasa malah juga memupuk kebolehan estetik dalam kalangan murid. Hal ini diterangkan dalam kajian Woo (2009) bahawa cara penggunaan sesuatu perkataan oleh penulis atau penyajak dalam huraian detik-detik kehidupan mereka selalunya ditapis dan ditinjau beberapa kali demi memastikan bahasa atau perkataan yang digunakan adalah indah dan tepat maknanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 2.5.3 Nilai Kebudayaan Puisi Klasik

Kesusasteraan merupakan satu elemen yang unik dan penting dalam kebudayaan masyarakat Cina. Kesusasteraan adalah saling berhubung kait dengan kehidupan sebenar kita dan mempunyai status kedudukan yang penting dalam kehidupan harian kita. Aktiviti harian manusia telah mendorong penghasilan karya puisi klasik. Puisi klasik pada peringkat awal dihasilkan untuk merangsangkan semangat dalam kalangan buruh dan mendorong mereka melaksanakan tugas dan aktiviti harian (Wu, 2010). Apabila kita mengkaji sesebuah karya sastera puisi klasik, prosa moden, sajak atau novel, kita akan mendapati bahawa karya sastera yang dikaji tersebut kaya dengan unsur-unsur kebudayaan tradisional dalam masyarakat Cina. Pandangan sebegini juga dikemukakan oleh Fu (2011) yang menyatakan bahawa kita berada dalam lingkungan kehidupan yang penuh dengan budaya tradisional dan tidak boleh memutuskan hubungan dengan budaya tradisional.

Kajian Fu (2011) menegaskan bahawa adalah wajib kita untuk mempelajari puisi klasik untuk memahami budaya tradisional masyarakat Cina. Dengan mempelajari hasil karya kesusasteraan, kita dapat memahami cara pemikiran dan makna kehidupan sebenar yang ditanam dalam minda penyajak dari pelbagai aspek. Unsur-unsur dalam kesusasteraan adalah berasal dari kehidupan sebenar dan balik ke alam kehidupan sebenar. Perbezaannya ialah pembelajaran kesusasteraan boleh menerap pengajaran daripada penyajak dan dapat dijadikan pedoman kita dalam kehidupan sebenar. Jika kita tidak dapat menguasai bahasa klasik, maka kita tidak dapat mencungkil pemikiran yang terkandung dalam karya-karya tradisional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kajian Wong (2019) berpendapat bahawa budaya tradisional masyarakat Cina adalah mengutamakan ajaran falsafah Confucius dan gabungan falsafah Dao, Buddha dan golongan yang lain. Budaya tradisional masyarakat Cina telah melalui proses pemendakan dan pewarisan beribu-ribu tahun sehingga zaman kini tetap mempunyai fungsinya yang positif dan aktif. Ia membolehkan masyarakat Cina menuju ke arah yang maju dan berkembang pesat dalam aspek budaya tradisional. Aspek yang paling penting adalah budaya tradisonal menekankan nilai positif dan memenuhi ketatasusilaan yang diperlukan pada zaman moden ini. Fu (2011) juga menyatakan bahawa pembelajaran puisi klasik bukan sahaja dapat mewarisi kebudayaan tradisional, ia juga dapat meningkatkan sifat kesenian serta nilai dan semangat kemanusiaan murid supaya dapat melahirkan murid yang berakhlak mulia, berbudi pekerti dan disanjungi orang ramai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Woo (2009) berpendapat bahawa tugas mewarisi kebudayaan ini selain diaplikasikan dalam kehidupan harian menerusi keluarga dan masyarakat, satu lagi saluran media yang sangat penting ialah buku teks Bahasa Cina. Dengan adanya pembelajaran pendidikan Bahasa Cina, murid dapat mengesan dan mempelajari semangat kebudayaan masyarakat Cina yang terkandung dalam karya sastera melalui bahan pengajaran guru. Fu (2011) juga mengatakan bahawa dengan cara ini barulah murid dapat menguasai pemikiran asas dalam kesusasteraan seterusnya meningkatkan kemahiran membaca dan menulis serta memikul tanggungjawab untuk mewarisi kebudayaan tradisional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 2.5.4 Nilai Perkembangan Minda Puisi Klasik

Puisi klasik membekalkan satu ruangan bagi murid untuk melatih daya fikiran, menambahkan, mencipta serta mereka bentuk suatu gambaran yang terdapat dalam pemikiran mereka. Melalui aktiviti mendeklamasi puisi klasik, minda murid akan mendapat suatu gambaran dan gambaran tersebut akan digabungkan dengan pemahaman tentang maksud puisi klasik serta menghasilkan satu ciptaan gambaran yang baharu dan pelbagai. Oleh itu, pembelajaran puisi klasik adalah penting dalam kalangan murid kerana puisi klasik dapat membina dan mengembangkan pemikiran murid yang tajam. (Wu, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Karya puisi klasik biasanya terkandung hasrat dan cita-cita penyajak sendiri. Hal ini kerana hasrat dan cita-cita mereka tidak dapat mengembangkan atau tercapai dalam dunia yang nyata. Hasrat dan cita-cita yang dimasukkan dalam karya puisi klasik telah menggambarkan para cendekiawan mengejar kebenaran, kebaikan dan keindahan. Semangat yang kukuh dan tabah yang ditonjolkan dalam kalangan penyajak amat dikagumi. Oleh hal yang demikian, pembelajaran puisi klasik bukan sahaja menghayati inti dalam kebudayaan tradisional, ia juga melibatkan proses pengajaran murid supaya membentuk persepsi nilai kemanusiaan yang betul, mempunyai cita-cita yang megah serta menjadi insan yang berguna dan berwawasan (Fu, 2011). Pandangan ini telah disokong oleh Sun (2019) yang menyatakan bahawa semangat murid dalam kehidupan dapat dipimpin dengan betul, minda murid juga dapat ditenangkan dan penghayatan nilai estetik murid juga akan meningkat melalui proses pembelajaran puisi klasik. Sahsiah keperibadian murid yang positif juga dapat dibina menerusi pembelajaran puisi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


klasik. Oleh itu, puisi klasik boleh dikatakan genre yang mempunyai unsur kecantikan yang istimewa dalam kesusasteraan Cina. Hal ini demikian kerana puisi klasik mempunyai nilai dan makna pembelajaran yang unik dan memainkan peranan yang penting dalam proses pembelajaran Bahasa Cina.

Berdasarkan perbincangan di atas, jelaslah bahawa puisi klasik adalah satu media yang penting dalam mencerminkan kehidupan bangsa dan penampilan budaya untuk memupuk murid mempunyai kesedaran dan keyakinan tentang dalam aspek kebudayaan. Dengan menerusi pembelajaran pelbagai tema dan gaya dalam puisi klasik yang unggul, pengetahuan murid dalam bidang puisi klasik akan meningkat serta pemandangan terhadap kebudayaan akan menjadi lebih luas. Selain itu, perasaan, pemahaman dan kemampuan pentaksiran terhadap puisi klasik juga akan meningkat (Wu, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 2.6 Teori Belajar J.S. Bruner

J.S. Bruner mengemukakan teori pembelajaran “kognitif-penemuan” yang mengatakan bahawa inti pembelajaran ialah pembinaan secara automatik terhadap ilmu dalam kalangan murid. Beberapa perspektif dalam teori ini termasuklah (1) Proses pembelajaran bukan semata-mata guru menyampaikan ilmu dan murid menerimanya secara pasif, murid seharusnya membina struktur ilmu sendiri secara automatik dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


proses ini tidak dapat digantikan oleh orang lain. (2) Pembelajaran ilmu dalam semua mata pelajaran seharusnya berada pada pengalaman yang sedia ada dalam kalangan murid. Dengan ini, murid dapat memilih mesej luaran dengan aktif dan memproseskannya serta membina pemahaman sendiri iaitu membina semula terhadap pengetahuan yang sedia ada. Pengetahuan yang sedia ada akan mengalami perubahan akibat daripada penyerapan pengetahuan baharu. (3) Pembelajaran murid adalah menerusi proses antara “asimilasi” dan “adaptasi” dengan persekitaran. Hal ini menerangkan bahawa murid bukan semata-mata melaksanakan proses replika dalam ingatan terhadap pengetahuan luaran, malah ia menerusi pengalaman yang sedia ada dengan persekitaran luaran untuk memahami, membina lambang dalaman psikologi. (4) Pembinaan pengetahuan dalam kalangan murid bukan sahaja melibatkan struktur pengetahuan yang saling berkaitan, perbandingan, rumusan, ia juga melibatkan pembinaan atas pengalaman informal yang dihasilkan berdasarkan persekitaran (Wang & Wu, 2008).

J.S. Bruner menekankan bahawa tidak kira guru mengajar mana-mana satu mata pelajaran, adalah wajib untuk membolehkan pelajar memahami struktur-struktur yang asas bagi mata pelajaran tersebut. Struktur asas ini termasuklah prinsip asas dan konsep asas yang mencerminkan hubungan antara kebendaan. J.S. Bruner beranggapan bahawa hanya menguasai struktur asas sesuatu mata pelajaran barulah dapat membentuk kongnitif yang menyeluruh dan memahami ilmu dalam sesuatu pelajaran secara mendalam. Oleh itu, pemikiran teras dalam teori belajar J.S. Bruner ialah semangat penerokaan ilmu. Beliau berpendapat bahawa bahan pengajaran bukan sahaja hanya memainkan peranan dalam penyampaian struktur pengetahuan, yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


penting ialah memupuk semangat penerokaan ilmu dalam kalangan murid (Lee, 2015). Keunikan mata pelajaran bahasa adalah aspek kemanusiaan dan mementingkan pemupukan rasa bahasa（语感）yang merupakan asas untuk meningkatkan keupayaan murid dalam penggunaan bahasa serta kualiti kesusasteraan dalam kalangan murid. Teori J.S. Bruner juga menyatakan bahawa tiada pertentangan antara pembinaan sistem pengetahuan dengan pemupukan kebolehan estetik dalam kalangan murid (Fu, 2011). Bahan pengajaran yang baik akan menghasilkan ilmu baharu dan memainkan peranan dalam pengaplikasian ilmu dan seterusnya menggalakkan pemindahan pembelajaran. Oleh hal yang demikian, struktur bahan pengajaran perlu memenuhi kemampuan pembelajaran murid (He, 2005).

Kajian Wu (2013) mengemukakan bahawa apabila murid berpandukan pengetahuan pengalaman sendiri dan menerusi proses asimilasi serta penyesuaian dalam pembelajaran, maka pembinaan struktur pengetahuan akan diselesaikan. Oleh itu, guru perlu mendalami struktur pengajaran puisi klasik dan mengubah cara pengajaran serta merangsang keinginan murid untuk mempelajari puisi klasik diri sendiri. Dengan ini, murid barulah dapat mempelajari puisi klasik diri sendiri dan merasai keunikan dalam puisi klasik.

Secara rumusannya, murid perlu menguasai keindahan seni muzik dan perasaan yang dikemukakan oleh penyajak supaya dapat membangunkan inisiatif dan keaktifan belajar, pengumpulan bahasa serta kebudayaan dalam proses pengajaran puisi klasik seperti yang dinyatakan oleh pakar pendidikan bahasa Yu (2006). Pandangan ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


bersamaan dengan teori J.S. Bruner yang menekankan pemupukan semangat penerokaan ilmu dalam kalangan murid. Oleh hal yang demikian, keupayaan bahan pengajaran dalam membangunkan semangat penerokaan ilmu diri kendiri adalah penting.

## 2.7 Standard Pemilihan Kandungan Teks Puisi Klasik

Untuk memastikan proses pembelajaran dan pemudahcaraan dijalankan secara berkesan, kandungan teks bahan pengajaran memainkan peranan yang penting dari aspek memenuhi prinsip pengajaran dan keperluan murid (Ren, 1995). Dalam pemilihan teks bahan pengajaran bahasa di negara China sangat mementingkan keindahan dari segi bahasa dan kualiti (Fu, 2011). Kajian Zhu (2007) telah mengemukakan beberapa standard seperti ideologi, saintifik, informatif, keseronokan dan kesenian. Kajian Cai (2002) pula mengemukakan standard pemilihan teks seperti saintifik, perkembangan, keseronokan dan keterbukaan antara guru dan murid. Kajian Tan (2012) pula mengemukakan teks dalam bahan pengajaran selain perlu memastikan ideologi pemikiran yang betul, ia juga penting dalam memastikan kandungan teks memenuhi psikologi dan pengalaman sebenar murid, meningkatkan keseronokan dan sifat kontemporari. Dengan ini, teks bahan pengajaran barulah dapat menarik minat pembelajaran murid dan murid dapat belajar diri sendiri secara automatik. Kajian He (2013) pula mencadangkan teks sastera seharusnya dipilih berdasarkan sifat kontemporari, kesenian dan keseronokan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kajian ini akan menggunakan standard pemilihan kandungan teks yang dikemukakan oleh kajian Fu (2011) yang menyatakan bahawa pemilihan kandungan teks perlu berdasarkan ideologi, kesenian, keseronokan, informatif dan sifat kontemporari yang lebih menepati kriteria pemilihan teks puisi klasik. Dengan memenuhi lima standard pemilihan puisi klasik ini, maka teori pembelajaran “kognitif-penemuan” yang dikemukakan oleh J.S. Bruner dapat dicapai disebabkan minat pembelajaran puisi klasik dalam kalangan pelajar telah dicungkil dan dipertingkatkan. Pembelajaran secara kendiri dapat dipupuk dalam kalangan murid dan proses penemuan ilmu baharu akan wujud.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 2.7.1 Ideologi 思想性

Kajian Tan (2012) menyatakan bahawa unsur kemanusiaan dalam pendidikan adalah sangat penting dalam membina pemikiran yang positif, sentimen yang sihat, sikap yang beroptimis dan semangat estetik serta konsep nilai murni yang berpatutan. Kandungan kesusasteraan meliputi segala perasaan gembira, kemarahan, kesedihan dan kegembiraan penyajak atau watak dalam sesebuah karya kesusasteraan. Hal ini akan memupuk sikap pembelajaran yang murni, cara berhubung dengan manusia yang positif, membezakan segala benar dan palsu, baik dan buruk serta meningkatkan semangat estetik dan pemikiran positif dalam kalangan pelajar. Konotasi sentimen pemikiran biasanya diterap melalui pembelajaran di dalam kelas dan dipengaruhi secara tidak langsung serta membentuk konsep nilai murni diri sendiri dalam sanubari murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Fu (2011) menyatakan bahawa sejak puisi klasik dihasilkan telah memikul tanggungjawab untuk membimbing orang ramai. Pandangan ini telah disokong oleh Yuan (2005) yang menyatakan bahawa menurut catatan dalam Liji（《礼记》）, puisi klasik mencerminkan pemikiran seseorang penyajak. Para pemerintah zaman kuno telah menitikberat karya puisi klasik kerana puisi klasik berfungsi untuk memperadabkan orang ramai. Penyajak Bai Juyi（白居易）juga menyatakan bahawa puisi klasik dihasilkan bagi pihak maharaja, menteri, rakyat, benda dan perkara, bukan dihasilkan demi catatan tulisan sahaja. Hal ini membuktikan bahawa puisi klasik telah berfungsi sebagai media pemerhatian antara pemerintah dan rakyat (Yuan, 2005).

Kajian Fu (2011) juga menyatakan bahawa pemilihan teks perlu menitikberatkan keindahan dari segi tulisan dan kualiti supaya teks yang dipilih akan melahirkan semangat patriotik, nilai murni dan seterusnya membentuk satu falsafah kehidupan yang beroptimis serta meningkatkan nilai estetik kesusasteraan. Oleh itu, pemilihan teks puisi klasik perlu mengutamakan unsur kebudayaan yang positif yang terkandung dalam teks puisi klasik tersebut. Kenyataan ini disokong oleh kajian He (2013) yang mengemukakan bahawa kandungan buku teks akan menyampaikan bentuk kesedaran terhadap murid. Oleh hal yang demikian, pemilihan teks perlu mempertimbang secara mendalam tentang kesesuaian sesebuah karya itu dimuatkan ke dalam buku teks. Dengan menerusi karya kesusasteraan yang dipelajari, murid barulah dapat memahami akar kebudayaan Tionghua dan menjadikan haluan mewarisi kebudayaan Tionghua yang utama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 2.7.2 Kesenian 艺术性

Konsep pendidikan estetik dalam bahasa adalah digalakkan oleh pakar pendidikan yang terkenal iaitu Cai Yuan Pei. Beliau berpendapat bahawa pendidikan estetik dalam bahasa adalah penting dalam mempelbagaikan konsep dan pengetahuan estetik serta memupuk keupayaan menilai dan mencipta dalam kalangan murid (Cai, 1925). Kajian Zhang dan Xu (2010) menyatakan bahawa pendidikan estetik dalam pendidikan Bahasa Cina merujuk kepada proses pengajaran yang menonjolkan semangat dan prinsip pendidikan estetik agar memupuk struktur mentaliti tentang estetik dan keupayaan untuk mencipta berdasarkan nilai estetik yang dipelajari. Hal ini bertujuan untuk membina perkembangan yang sempurna dalam sahsiah secara menyeluruh dalam kalangan murid. Kajian Tan (2012) menyatakan bahawa pendidikan estetik adalah dijalankan dengan menerusi kesenian dalam kesusasteraan serta alam sekitar dan kehidupan nyata. Kurikulum Bahasa Cina mengandungi fungsi pendidikan estetik yang unik dan kaya dengan unsur estetik. Keupayaan penguasaan sentimen terhadap bahasa dalam kalangan murid akan dipertingkatkan dengan menitikberatkan pendidikan estetik dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Kajian Hu (2008) menyatakan bahawa aspek peningkatan semangat dunia dalaman murid, kenalan terhadap dunia nyata, masyarakat dan diri sendiri bukan dari pengalaman luaran malah ia diperoleh menerusi tanggapan dan kesedaran diri tentang keindahan dalam kalangan murid. Oleh hal yang demikian, pemilihan teks puisi klasik perlu mengutamakan keindahan dalam sesebuah karya supaya dapat membangunkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kesedaran tentang hayat hidup dan mengetuai murid berghairah untuk memahami hayat hidup mereka serta merasai keindahan yang nyata atau anggun. Kebanyakan puisi klasik mengandungi daya tarikan yang tinggi, perasaan yang tidak terhingga serta keindahan bahasa akan membimbing murid memasuki dunia yang indah dan terpendam dalam nilai estetik sehingga deria dan jiwa dirangsang seterusnya menghasilkan dunia estetika diri sendiri. Hal ini kerana karya yang cemerlang adalah karya yang menggabungkan perasaan, pemikiran, bahasa dan irama. Konsep ini bersamaan dengan kajian Chen (2019) yang menyatakan bahawa kebanyakan pembaca puisi klasik tidak semestinya memahami maksud kandungan seluruh puisi klasik tetapi mereka dapat menghafal ayat-ayat dalam puisi klasik disebabkan keindahan ayat-ayat tersebut.

Fungsi didikan nilai estetik penting bagi perkembangan insan yang sihat dan tidak dapat digantikan (Wu, 2013). Didikan nilai estetik bukan bermakna didikan pengetahuan yang biasa. Ia berkait rapat dengan perasaan keindahan yang merupakan pendidikan yang istimewa (Huang, 2010). Oleh itu, puisi klasik yang dipilih seharusnya mempunyai nilai estetik yang tinggi. Guru juga perlu membimbing murid menikmati keindahan bahasa dan fonologi dengan cara yang betul supaya murid dapat merasai keindahan konsepsi seni dan falsafah serta keindahan sanubari manusia dalam puisi klasik. Hal ini akan memupuk daya pemerhatian dan imaginasi seterusnya meningkatkan kualiti murid secara menyeluruh (Liu, 2005). Kenyataan ini disokong oleh kajian Wu (2013) yang menyatakan bahawa murid merasai dan mengalami semangat dalam bahasa dan tulisan serta menerima didikan kebudayaan dalam pembelajaran puisi klasik telah membantu murid meluaskan perspektif dan meningkatkan nilai estetik serta sahsiah seterusnya membentuk sikap kehidupan ke arah yang positif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kajian He (2013) menyatakan bahawa jika pemilihan karya yang tanpa penulis atau sering dikritik akan kehilangan nilai kesenian karya. Kajian menunjukkan bahawa pemilihan teks jenis ini tidak dapat diterima oleh orang ramai disebabkan ia bertentangan dengan pengalaman pembelajaran. Kandungan karya yang dipilih seharusnya menggabungkan persekitaran dan pengalaman kehidupan murid barulah sesuai dijadikan bahan pengajaran.

### 2.7.3 Keseronokan 趣味性

Minat merupakan dorongan seseorang untuk berhubung dan mengenal sesuatu perkara. Minat belajar ialah dorongan seseorang murid untuk mendekati dan mendalami sesuatu ilmu secara automatik. Hanya dengan anjakan minat belajar dalam kalangan murid, biarkan murid berada pada aras yang asas dalam sesuatu perkara iaitu dengan pengalaman yang gembira dan mengekalkan hati yang cenderung kepada keaktifan, barulah murid mempunyai daya penumpuan untuk mengenal sesuatu ilmu baru dengan aktif dan automatik, membina sistem kognisi yang baharu atau mengembangkan sistem kognisi yang sedia ada. Minat belajar dalam kalangan murid adalah bergantung pada keseronokan bahan pengajaran (Fu, 2011). Konsep ini bersamaan dengan kajian Ren (1995) yang menyatakan bahawa hanya kandungan bahan pengajaran yang memenuhi keperluan mental pembelajaran dan tahap penerimaan murid, barulah mereka sanggup belajar dengan lebih bersemangat. Pemilihan kandungan yang berdekatan dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pengalaman murid akan meningkatkan perasaan nyata dan mesra terhadap kandungan. Hal ini akan mendorong motivasi dan keaktifan pembelajaran murid.

Pemikiran murid sekolah rendah adalah berada pada tahap peralihan dari pemikiran berimej ke pemikiran abstrak. Oleh hal yang demikian, pemikiran berimej yang nyata memainkan peranan penting dalam jangka masa ini. Semasa murid berada pada peringkat menengah rendah, walaupun logik pemikiran murid akan berkembang, tetapi ia hanya merupakan pemikiran abstrak yang berdasarkan pengalaman. Segala aktiviti pemikiran masih memerlukan sokongan terhadap sesuatu yang nyata, terbukti dan pengalaman diri sendiri (Liu, 2000). Pandangan ini bersamaan dengan Fu (2011) yang menyatakan bahawa pemikiran murid menengah rendah berada pada peringkat berimej, perkara khas yang terang dan nyata serta perwatakan yang nyata lebih memenuhi ciri-ciri psikologi murid menengah rendah. Menurut kajian yang dijalankan oleh Sun (2008), apabila murid sekolah menengah memperoleh bahan pengajaran, sembilan puluh peratus dalam kalangan mereka akan membaca bahagian novel dan drama terlebih dahulu. Apabila murid menyentuh bahagian klasik pula, perasaan gelisah dan kebimbangan akan wujud dalam kalangan murid. Oleh hal yang demikian, Fu (2011) menyatakan bahawa demi meningkatkan daya tarikan dan minat pembelajaran puisi klasik dalam kalangan murid, proses pemilihan teks bukan sahaja memastikan keupayaan pemikiran murid dapat berkembang, tetapi juga perlu memberi perhatian terhadap unsur keseronokan bagi teks berkenaan. Pemilihan teks seharusnya dijalankan berdasarkan perspektif murid dan bukan dari mentaliti dewasa dalam kalangan penulis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kajian Cai (2002) menyatakan bahawa bahan pengajaran bukan sahaja mengambil kira tahap pengetahuan yang sedia ada serta tahap kognisi, tetapi juga perlu memilih teks yang mengandungi unsur keseronokan. Hal ini akan membekalkan ruangan yang ceria dalam kalangan murid untuk mempelajari serta meningkatkan minat dan motif pembelajaran.

### 2.7.4 Informatif 启发性

Kajian Zheng (2004) menyatakan bahawa kurikulum Bahasa Cina mengumpulkan konotasi antara intelek, rohani, nilai estetik dan jasmani. Kurikulum Bahasa Cina bukan sahaja mempunyai fungsi asosiasi yang berguna, ia juga mempunyai fungsi dorongan perkembangan dalam aspek pemikiran dan psikologi murid serta memupuk dan membina sanubari yang sihat. Zhu (2005) menyatakan bahawa kurikulum Bahasa Cina berfungsi untuk menyampaikan pengetahuan, memupuk keupayaan, sentimen, sikap dan nilai murni, pendidikan kebudayaan, mengilham pemikiran, membina sahsiah yang mulia. Cao dan Li (2005) berpendapat bahawa kurikulum Bahasa Cina mempunyai fungsi sains kebudayaan dan pengetahuan kehidupan bermasyarakat, penyampaian pengetahuan bahasa, melatih kemahiran bahasa, mengilham pemikiran serta menghidupkan intelek dan sifat kemanusiaan dalam kalangan murid. Jelaslah dilihat bahawa bahan pengajaran telah memainkan peranan yang penting dalam mengilham pemikiran murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Oleh hal yang demikian, kandungan teks yang dipilih perlu berpotensi untuk mendorong perkembangan pemikiran murid terutamanya teks puisi klasik yang dapat memberi inspirasi dalam pemikiran murid. Kritirea bagi sesebuah karya yang cemerlang selain keindahan dari segi bahasa dan struktur, unsur yang terpenting ialah pemaparan penghayatan jiwa yang unik. Keunikan sebegini dapat menyentuh jiwa seseorang seterusnya melahirkan perasaan sejiwa dengan penyajak. Puisi klasik menampilkan imej yang nyata dan dapat dirasai oleh murid seterusnya mendorong murid memulakan proses pemikiran yang lebih mendalam, memahami mesej yang ingin disampaikan oleh penyajak terhadap alam sekitar dan kehidupan hayat, membolehkan murid berada dalam keadaan sebenar dan meningkatkan pemikiran murid ke arah pemikiran yang tajam, sensetif dan unik (Fu, 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 2.7.5 Sifat Kontemporari 时代性

Tidak dapat dinafikan bahan pengajaran bahasa perlu mempunyai sifat kontemporari. Walaupun teks klasik merupakan hasil karya dari kebudayaan tradisional, namun ia tidak terikat dengan jangka masa dan bersinar dalam warisan sejarah kebudayaan. Sebelum dinasti Song（宋）, pemikiran falsafah Confucius, Buddha dan Tao berkembang serentak. Setelah dinasti Song, hanya falsafah Confucius sahaja mempengaruhi pemikiran para literati dan rakyat. Karya klasik adalah berkait rapat dengan perkembangan latar belakang masyarakat pada zaman berkenaan. Masyarakat pada zaman abad ke-21 ini telah menjurus ke arah berbilang dan terbuka, masyarakat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


moden ini telah mengemukakan beberapa terma seperti mematuhi undang-undang, menghormati pemerintah dan cinta akan negara, memiliki keupayaan menjalani kehidupan bermasyarakat. Perkembangan media massa yang pesat juga telah menyebabkan remaja berhubung dengan dunia luar menerusi pelbagai saluran. Malangnya, proses modenisasi yang menitikberatkan teknologi telah menyebabkan manusia kehilangan nilai murni dan warisan semangat kebudayaan tradisional serta kehilangan jagaan tentang dunia jiwa diri sendiri. Oleh hal yang demikian, pemilihan teks klasik perlulah mengikuti kehendak zaman berkenaan supaya nilai murni tradisional dan ahlak mulia dapat ditonjolkan. Unsur-unsur seperti menghormati ibu bapa, guru dan pihak atasan, mementingkan urutan antara golongan tua dan muda, memupuk kejujuran dan keikhlasan dapat ditonjolkan melalui karya kebudayaan tradisional. Teladan yang ditunjukkan pada orang zaman purba dalam fungsi mendidik nilai moral telah melampaui orang pada zaman kini (Fu, 2011). Kajian Mao (2018) menyatakan bahawa pemilihan teks puisi klasik harus memenuhi perkembangan emosi dan fizikal murid serta membantu murid dalam pembinaan sentimen kesedaran zaman kini dan bersesuaian dengan perkembangan masyarakat kini. Karya yang mundur atau mengandungi nilai yang tidak bersesuaian dengan zaman kini harus dipinggirkan.

Selain itu, pemilihan teks puisi klasik perlu mempertimbangkan tahap pemahaman murid. Perasaan dan nilai murni yang terkandung dalam teks puisi klasik perlulah memenuhi zaman kini dan diwarisi sejak zaman dahulu. Jika tidak, kemungkinan akan mengganggu keteraturan psikologi pertumbuhan mereka sebagai orang zaman moden (Chen, 2019). Mengikut kajian Cai (2002), pemilihan bahan pengajaran bahasa juga perlu mengambil kira unsur kontemporari, kandungan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


segar dan unik, kesenian yang tajam akal agar murid dapat merasai dunia dan karya kesusasteraan adalah berwarna-warni.

Kajian He (2013) pula menyatakan bahawa sesebuah karya disingkirkan adalah disebabkan kandungan karya tersebut tidak menepati alam kehidupan dan pengalaman belajar dalam kalangan murid. Bahan pengajaran yang membosankan tidak dapat membangkitkan motif pembelajaran murid dan telah mewujudkan masalah “usang” dalam bahan pengajaran. Oleh hal yang demikian, bahan pengajaran perlu berpotensi untuk menghasilkan kemesraan dan meningkatkan minat pembelajaran dalam kalangan murid. Kajian juga mengemukakan pandangan yang penting iaitu bukan semua karya dalam setiap tahap perkembangan sesuai dijadikan bahan pengajaran. Pemilihan karya perlu menitikberatkan pada karya yang mengandungi semangat kontemporari dan tidak akan menjadi halangan pemahaman dalam pembelajaran.

Secara keseluruhannya, pemlihan teks puisi klasik perlu berpegang pada lima standard yang dibincangkan di atas agar minat pembelajaran puisi klasik dalam kalangan murid dapat dipertingkatkan, kebudayaan Tionghua barulah dapat diwarisi serta nilai estetik dalam diri murid akan meningkat dengan menerusi pembelajaran puisi klasik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 2.8 Kajian-Kajian Lepas

Kajian tentang pemilihan teks atau kajian tentang buku teks bagi sekolah di Malaysia tidak menunjukkan bilangan yang tinggi. Oleh hal yang demikian, kajian mengenai kurikulum sekolah menengah terutamanya buku teks bagi menengah rendah mempunyai nilai kaji yang tinggi (Fang & Lee, 2012). Tambahan pula, pembaharuan kurikulum bagi sekolah menengah baru dimulakan pada tahun 2017 sahaja di mana penggantian dari Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) ke Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) di seluruh sekolah menengah di Malaysia. Kajian lampau mengenai kurikulum lama iaitu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) juga tidak menunjukkan bilangan yang tinggi apatah lagi dengan kajian tentang Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang baru-baru ini diperkenalkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun terdapat kajian yang telah dijalankan mengenai buku teks, tetapi kebanyakan kajian yang dijalankan adalah berdasarkan perspektif kesusasteraan yang umum sahaja. Antaranya termasuklah kajian Woo Yet Ha yang bertajuk "*Review on the relationship of Malaysian Chinese Education and Chinese Literature*"; kajian Fan Pik Wah yang bertajuk "*Historical Memory in Mahua Literature*" dan "*The Reception and Dissemination of Chinese Modern Literature in Malaysia*" ; kajian Kek Lian Wah yang bertajuk "*The Reading of Malaysian Chinese Writings among Upper Secondary Students in Malaysia : A Survey*"; kajian Gao Wanyun yang bertajuk "*Chinese Literary Language Study in the Last 20 Years of the 20th Century*" dan sebagainya (Tan, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dalam kajian-kajian yang lepas, didapati bahawa beberapa aspek perlu dititikberatkan semasa proses pemilihan teks puisi klasik.

### 2.8.1 Mendekati Kehidupan Sebenar Murid

Menurut kajian Wang (2020) dalam proses menganalisis ciri-ciri dan keunikan pemilihan puisi klasik dalam empat buah buku teks, kajian mendapati bahawa teks puisi klasik yang dipilih adalah kaya dengan pelbagai tema dan memenuhi kriteria perkembangan minda murid sekolah rendah dan mempunyai estetika yang tinggi. Dalam kajiannya juga mencadangkan beberapa kriteria pertimbangan dalam pemilihan puisi klasik dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan. Antaranya ialah pengajaran puisi klasik perlu mendekati kehidupan sebenar murid. Dengan ini, minat pembelajaran dalam puisi klasik akan meningkat kerana murid beranggap bahawa perkara itu relevan dengan pengalaman kehidupan diri mereka dan memahami kecantikan yang unik dalam puisi klasik. Konsep sebegini disokong oleh kajian Fang dan Li (2012) yang mengemukakan bahawa karya-karya yang mendekati kehidupan sebenar murid perlu diberikan keutamaan dan menjadikannya sebagai satu panduan yang asas dalam pemilihan teks. Karya yang mempunyai unsur Sains popular seperti tema yang berkenaan dengan alam komputer, punca berlakunya kesan rumah hijau dan apakah cara untuk mengatasi masalah ini seharusnya diberi perhatian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Ma (2019) telah menyatakan bahawa dalam era globalisasi yang penuh dengan ilmu pengetahuan, guru sewajarnya memastikan kandungan dipelajari oleh murid adalah kandungan yang relevan dengan zaman kini. Untuk membolehkan murid mempelajari puisi klasik dengan berkesan, pemilihan teks puisi klasik yang tepat adalah sangat penting. Hal ini demikian kerana kandungan yang dipelajari oleh murid adalah pada tahap cemerlang dan banyak ilmu pengetahuan dapat diterapkan ke dalam minda murid. Kajian Tan (2012) mengemukakan bahawa bahan pengajaran merupakan elemen yang asas dan penting dalam penyemaian pengetahuan, budaya dan nilai-nilai murni bagi murid yang belajar di sekolah menengah. Oleh hal yang demikian, penerbitan kurikulum perlu mempertimbangkan dan berpandukan keperluan dalam perkembangan murid serta bersepadan dengan kehidupan sebenar murid, tahap kemesraan dan tarikan minat pembelajaran murid baru dapat dipertingkatkan. Justeru, untuk menilai tahap minat pembelajaran mata pelajaran Bahasa Cina, selain menilai teknik pengajaran oleh guru, bahan pengajaran adalah penentu minat pembelajaran murid yang penting. Jika dapat menerbitkan buku teks yang kandungannya padat, bahasa yang menarik, kaya dengan perasaan dan nilai murni yang ragam, maka ia akan meningkatkan tahap penguasaan murid dan kecerdasan pemikiran murid.

Kajian Wu (2013) menyatakan bahawa pemilihan teks puisi klasik bukan sahaja menepati objektif kurikulum yang ditetapkan, tetapi juga perlu mengambil kira keadaan sebenar murid dengan mempertimbangkan sama ada bersesuaian dengan tahap pembelajaran murid atau tidak, adakah kandungan puisi klasik menepati tahap kefahaman dan pengalaman murid yang asas. Jika tidak, ia hanya merupakan khayalan dalam satu kalangan sahaja dan tidak dapat menarik perhatian murid untuk belajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


apatah lagi keinginan untuk merangsang dan meningkatkan minat pembelajaran murid terhadap puisi klasik. Oleh itu, pemilihan puisi klasik sewajarnya mempertimbangkan kognisi dan minat pembelajaran murid, tidak wajar menilai sesebuah teks dari perspektif orang dewasa dalam proses pemilihan puisi klasik.

Dalam kajian Wong (2019) pula mendapati bahawa karya tentang kemahiran tradisional yang dimuatkan ke dalam buku teks tidak rapat dengan pengalaman murid dan payah untuk menarikan minat pembelajaran murid. Kajian ini bercadang agar pemilihan teks perlu mempertimbangkan karya itu adakah berjauhan dengan pengalaman kehidupan sebenar murid supaya proses pembelajaran dan pemudahcaraan dapat dijalankan dengan lancar dan kemahiran tradisional dapat dititikberatkan, dilindungi serta diwarisi dalam kalangan murid pada zaman kini. Kenyataan ini disokong oleh hasil kajian yang membuktikan pengajaran karya sastera telah berjaya menerapkan kebudayaan tradisional kepada para murid. Dalam kajian tentang pemerhatian murid terhadap kandungan kebudayaan tradisional, 85% daripada 117 orang murid lebih menitikberatkan karya yang beraspek perayaan tradisional. Hal ini demikian disebabkan karya berkenaan berkait rapat dengan pengalaman murid etnik Cina di Malaysia. Perayaan tradisional biasanya disambut oleh murid diri sendiri. Justeru, persefahaman, pemerhatian dan pengalaman tentang karya yang bertema perayaan tradisional adalah tinggi.

Secara rumusan, pemilihan karya yang tidak rapat dengan kehidupan sebenar murid, murid agak susah untuk memahami dan tidak berminat untuk mendalami pengetahuan mereka terutamanya dalam aspek tentang kemahiran tradisional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 2.8.2 Menyelitkan Gambar dalam Teks Puisi Klasik

Penggunaan gambar yang menarik dan menepati kandungan teks adalah lebih bermakna jika berbanding dengan perkataan (Pan, 1922). Hal ini demikian kerana dalam kajian Levin (1979) mengatakan bahawa gambar rajah dapat menarik perhatian serta minat pembelajaran terhadap bahan pengajaran dan merangsangkan motif pembelajaran dalam kalangan murid.

Berdasarkan kajian Wu (2013) dalam pemilihan teks puisi klasik sekolah rendah terbitan Su Jiaoban（苏教版）juga mempersetujui konsep menyelitkan gambar yang dapat mencerminkan kandungan puisi klasik, setiap puisi klasik dibekalkan latar belakang penyajak yang ringkas, catatan dan rumusan tentang kandungan puisi klasik tersebut supaya murid dapat mempelajari serta menguasai puisi klasik dengan mudah dan jelas. Kajian Fang dan Li (2012) mencadangkan bahawa setiap unit wajar dimuatkan pengenalan teks berkenaan terutamanya puisi klasik supaya murid boleh menguasai ilmu kesusasteraan dengan lebih mendalam. Selain itu, setiap teks yang dimuatkan dalam buku teks seharusnya mempunyai pengenalan tentang latar belakang penulis teks tersebut supaya murid dapat mengaitkan latar belakang penulis dengan kandungan teks tersebut. Murid akan lebih menguasai tujuan atau cara penulis dalam meluahkan pendapat atau perasaan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Sebagai rumusan, penyelitan gambar dalam teks puisi klasik telah menjadikan aspek yang penting bukan sahaja dalam menarik minat pembelajaran murid, maka ia juga membantu pelajar untuk lebih memahami kandungan dalam sesebuah karya.

### 2.8.3 Kesinambungan dengan Era Masa Kini

Kajian Wu (2013) menyatakan bahawa pemilihan puisi klasik juga perlu menitikberatkan aspek kesinambungan dengan era masa kini. Tahap penerimaan dalam kalangan murid merupakan elemen yang penting dan perlu diambil kira dalam proses pemilihan teks puisi klasik. Puisi klasik merupakan penyatuan kecerdasan oleh nenek moyang dalam masyarakat Cina yang merupakan elemen penting dalam pelaksanaan pendidikan kebudayaan tradisional dalam kalangan murid.

Secara amnya, pemilihan teks puisi klasik perlu mengambil kira aspek saintifik dan modenisasi. Kandungan puisi klasik yang tidak relevan atau terlalu menjemukan seharusnya dipinggirkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 2.8.4 Penyusunan Teks Puisi Klasik Mengikut Tema yang Sama

Kajian Fang dan Li (2012) menyatakan bahawa dalam proses penyusunan kurikulum seharusnya mengambil kira tentang penyusunan teks mengikut unit-unit di mana teks yang dipilih adalah berasaskan tema yang sama. Hal ini akan mendorong murid mempelajari sesuatu bidang ilmu lebih mendalam. Kenyataan ini disokong oleh Wong (2019) dalam kajiannya juga mencadangkan bahawa penyusunan tentang tema pemikiran budaya yang sama seperti pengumpulan karya yang bertema patriotik antara penulis atau penyajak yang berlainan akan membantu murid menguasai semangat patriotik dengan mendalam dan lebih membantu dalam proses menanamkan pemikiran tentang cinta akan negara dalam minda murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Wong (2019) menyatakan susunan teks kekurangan konsisten, misalnya dalam unit satu adalah prosa moden, unit tiga adalah puisi klasik, susunan sebegini mempunyai kebaikan dari segi pengumpulan bentuk teks dan mengukuhkan penguasaan serta pemahaman murid terhadap sesuatu bentuk teks, tetapi susunan ini juga menimbulkan kekurangan seperti pemisahan antara bentuk teks dan hal ini telah menyebabkan murid apabila mempelajari bentuk teks yang baharu, mereka mungkin lupa akan bentuk teks yang dipelajari sebelum ini. Hal ini telah menyebabkan guru perlu berulang semasa mengajar setiap bentuk teks, tema atau penulis yang sama dan keadaan sebegini telah membazirkan masa dan tenaga pengajaran guru serta tidak membantu murid menguasai semangat pemikiran bagi penulis atau penyajak yang tertentu secara mendalam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Secara amnya, penyusunan teks puisi klasik mengikut tema yang sama dapat mengukuhkan penguasaan serta pemahaman murid terhadap sesuatu bidang ilmu lebih mendalam.

### 2.8.5 Meningkatkan Nilai Murni dalam Kalangan Murid

Kajian Wong (2019) yang menganalisis unsur kebudayaan tradisional yang terkandung dalam teks sastera yang dimuatkan dalam buku teks sekolah persendirian dengan harapan dapat mencapai fungsi pengajaran bahasa iaitu membolehkan murid merasai kedalaman, keluasan, kejauhan budaya Tionghua dan seterusnya boleh mewarisi serta mengembang budaya Tionghua yang indah ini supaya dapat menanam nilai-nilai murni yang positif tentang negara, bangsa, masyarakat dan persendirian dalam minda murid.

Kajian Wu (2013) menyatakan bahawa pemilihan teks puisi klasik yang bertemakan keamanan dan kerohanian perlu diperbanyakkan kerana masyarakat pada zaman kini adalah masyarakat yang terbuka dan pelbagai serta mementingkan keharmonian dan kedamaian. Zaman kini yang penuh dengan unsur teknologi telah membawa perubahan yang besar kepada masyarakat dan mendatangkan kesan yang negatif kerana ramai dalam kalangan remaja menggunakan alat teknologi dapat memperoleh maklumat dengan kadar yang pantas dan mudah, meskipun mereka telah mengenal alam dunia yang meluas ini, tetapi mereka telah mengabaikan tahap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


perkembangan dalam sanubari dan minda. Sesetengah nilai murni dan kerohanian tradisional seperti hormat-menghormati dalam kalangan guru dan orang tua, etika dalam kalangan golongan tua dengan golongan muda, kejujuran, keikhlasan, amanah dan sebagainya telah diabaikan oleh golongan remaja pada zaman kini. Oleh hal yang demikian, pemilihan teks puisi klasik seharusnya menitikberatkan kejadian ini dengan menambahkan bilangan teks puisi klasik yang menekankan nilai murni tradisional, cara berhubung dan layanan semasa manusia yang betul.

Secara keseluruhannya, nilai murni khususnya terkandung dalam teks puisi klasik dikatakan penting kerana murid dapat mengesan dan menyentuh perasaan dalam sanubari mereka dari segi kualiti keperibadian dan nilai serta mencontohi peribadi serta nilai yang mulia dalam kalangan nenek moyang, seterusnya menjadi insan yang dapat mematuhi etika masyarakat, cinta akan negara dan mempunyai kemahiran hidup dalam masyarakat yang menyeluruh.

### 2.8.6 Kajian Pemilihan Teks Berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)

Disebabkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) baru diperkenalkan pada tahun 2017, maka kajian mengenai buku teks berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) tidak menunjukkan bilangan yang tinggi lagi (Tey, 2019). Dalam kajian Khoo (2019) mengenai perbandingan buku teks Bahasa Cina tingkatan satu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


antara Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dengan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dalam pemilihan teks mendapati bahawa kedua-dua edisi buku teks adalah berasaskan matlamat asas kurikulum Bahasa Cina bagi sekolah menengah serta menitikberatkan warisan seni budaya dalam kaligrafi Cina dan tidak mengabaikan kepentingan dalam aspek memupuk nilai murni yang berkualiti tinggi serta sikap terhadap kehidupan yang mulia. Perbezaan antara kedua-dua edisi buku teks Bahasa Cina tingkatan satu ialah buku teks Bahasa Cina Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) lebih mementingkan aspek menanamkan minat pembacaan dalam kalangan murid dan menguasai pelbagai teknik pembacaan supaya mempunyai kemampuan untuk berfikir dari pelbagai sudut dan dapat menghayati karya-karya sastera serta memahami pemikiran dan perasaan yang ingin disampaikan oleh penulis atau penyajak. Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bermatlamat untuk meningkatkan kualiti penguasaan bahasa dalam kalangan murid. Dalam proses penulisan buku teks, para penulis telah mengumpulkan karya-karya yang mempunyai tema yang sama dan dimuatkan dalam unit yang sama serta memegang pada prinsip praktikal dan menjadikan bahan pengajaran memenuhi keperluan murid dalam kehidupan sebenar. Selain itu, buku teks Bahasa Cina Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) juga tidak meminggirkan unsur keseronokan dalam pembelajaran demi menarik serta meningkatkan minat dan motif pembelajaran dalam kalangan murid. Kajian ini dijalankan secara menyeluruh bagi buku teks Bahasa Cina KBSM dan KSSM tingkatan satu sahaja dan tiada pemberatan yang spesifik pada bahagian puisi klasik.

Kajian Tey (2019) telah dijalankan terhadap kekuatan dan kekurangan dalam pemilihan teks dalam buku teks Bahasa Cina KSSM tingkatan satu dan dua. Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mendapati bahawa buku teks Bahasa Cina KSSM telah meneliti dalam aspek pemilihan teks, penyuntingan kesenian serta pengaplikasian unsur teknologi. Kekuatan buku teks Bahasa Cina KSSM yang didapati dalam kajian ialah teks yang dipilih adalah pengantarabangsaan, menitikberatkan karya klasik, memasukkan karya sastera Mahua serta mempunyai aspek dan pemikiran akedemik serta unsur pemodenan. Cadangan yang dikemukakan dalam kajian ini ialah pemilihan teks perlu ringkaskan lagi kerana waktu pengajaran yang terhad tidak sesuai untuk teks karya yang terlalu panjang, menambahkan lagi teks karya kesusasteraan Mahua（马华文学）serta memperkasa pengenalan unsur kebudayaan etnik Cina tempatan. Kajian ini juga bercadang pemilihan teks puisi klasik tidak boleh terlalu banyak dan memilih teks yang tidak popular. Teks puisi klasik yang dipilih seharusnya teks yang popular kerana ia telah mengharungi beribu-ribu tahun dan membuktikan teks ini mempunyai daya tarikannya. Dengan mempelajari teks puisi klasik yang popular barulah dapat meningkatkan minat pembelajaran murid dan seterusnya murid dapat mempelajari teks puisi klasik yang lain diri sendiri secara automatik. Pemahaman terhadap puisi klasik adalah berkait rapat dengan pengalaman kehidupan harian. Oleh itu, pembelajaran teks puisi klasik yang popular adalah satu kewajipan. Hal ini kerana murid di Malaysia tidak pernah mengalami perubahan musim dan cuaca serta tidak jelas tentang kedudukan geografi dan tidak pernah berada di tempat bersejarah di negara China. Kajian ini juga mencadangkan bahawa pemilihan puisi teks perlu berpandukan tahap kesukaran penguasaan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 2.9 Rumusan

Bab ini telah berbincang tentang sejarah perkembangan kurikulum Bahasa Cina yang sebagai rujukan penting dalam kajian menganalisis buku teks. Konsep bahan pengajaran, buku teks dan bahan pengajaran Bahasa Cina, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) turut dijelaskan. Puisi klasik Bahasa Cina yang berlainan tema telah dibincangkan. Selain itu, kepentingan mempelajari puisi klasik Bahasa Cina dan kekangan dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) puisi klasik Bahasa Cina telah dibincangkan. Konsep pemilihan teks puisi klasik dijelaskan dan kajian mengenai pemilihan teks puisi klasik turut dibincangkan. Bab yang seterusnya akan membincangkan metadologi kajian dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# BAB 3

# METODOLOGI KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 3.1 Pengenalan

Puisi klasik yang mempunyai konsepsi seni yang tinggi merupakan satu media yang penting dalam mencerminkan kehidupan manusia dan penampilan budaya. Hal ini demikian kerana puisi klasik mempunyai kecantikan dari aspek fonologi, bahasa dan kesenian (Li, 2018). Oleh itu, pembelajaran puisi klasik dapat memupuk murid mempunyai kesedaran dan keyakinan tentang dalam aspek kebudayaan. Pengetahuan murid dalam bidang puisi klasik akan dipertingkatkan serta pemahaman terhadap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kebudayaan akan menjadi lebih luas dengan menerusi pembelajaran pelbagai tema dan gaya dalam puisi klasik yang unggul. Perasaan, pemahaman dan daya pentaksiran terhadap puisi klasik juga akan meningkat (Wu, 2013).

Bab ini akan menjelaskan metodologi kajian yang terdiri daripada proses pelaksanaan kajian, reka bentuk kajian, sampel-sampel serta instrumen dalam kajian, pengumpulan data dan prosedur penganalisisan data.

## 3.2 Reka Bentuk Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Zikmud (2003) menyatakan bahawa reka bentuk kajian merupakan perancangan khas bagi sesuatu kaedah dan penentuan prosedur pengumpulan dan penganalisisan data bagi mencapai objektif kajian dan menjawab persoalan dalam kajian yang dibentuk. Reka bentuk kajian dapat digolongkan kepada eksperimental seperti kajian eksperimental benar serta kajian kuasi-eksperimental dan bukan eksperimental seperti kajian tinjauan, kajian lapangan, kajian kes, kajian tindakan serta kajian sejarah. Secara amnya, penyelidik boleh melaksanakan kajian berdasarkan pendekatan kualitatif atau pendekatan kuantitatif (Chua, 2011).

Kajian tentang proses pelaksanaan kurikulum biasanya menggunakan kaedah kualitatif dan protokol yang sering diaplikasikan seperti pemerhatian kelas, temu bual

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dan analisis dokumen dalam proses pemungutan data (Bekalo & Welford, 2000; Wiseman & Brown, 2003). Pendekatan kualitatif dipilih supaya dapat menjelaskan persoalan kajian yang menekankan bagaimana dan apa yang berlaku, kajian yang memerlukan penjelasan yang mendalam serta tajuk yang berjenis penerokaan (Creswell, 2014).

Kajian ini telah mengambil inisiatif untuk memahami apakah persepsi murid terhadap teks puisi klasik yang dimuatkan dalam buku teks Bahasa Cina menengah rendah bagi KSSM. Selain itu, kajian ini juga ingin melihat bagaimanakah penerapan nilai murni dan estetik menerusi pembelajaran teks puisi klasik. Oleh hal yang demikian, kajian ini dilaksanakan dengan kaedah kualitatif dengan menggunakan pendekatan kajian kes.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah kajian soal selidik biasanya tidak dapat membekalkan informatif yang sempurna dan menyeluruh kerana murid agak susah untuk mengimbas kembali perisitiwa yang dilalui ketika berada di dalam kelas. Hal ini demikian kerana ingatan manusia adalah terhad dan kaedah soal selidik pula memerlukan ingatan untuk mengimbas kembali apa jua yang dialami. Nilai informasi melalui soal selidik akan berkurangan jika berbanding dengan pemerhatian dalam kelas dan temu bual kerana informasi yang mendalam dan menyeluruh akan dikumpul melalui temu bual yang dijalankan (Draper, 1996). Secara amnya, untuk memahami interpretasi seseorang terhadap alam dunianya, kajian kualitatif lebih sesuai untuk mengkaji sesuatu fenomena dengan intepretif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Mengikut Merriam (1998), pengkaji merupakan instrumen utama dalam kajian dan melibatkan diri dalam proses pengumpulan dan penginterpretasian data secara langsung. Kaedah kajian kualitatif dikatakan boleh menghasilkan suatu penyelidikan yang mengandungi kebenaran yang holistik kerana kaedah kajian ini akan mengkaji sesuatu fenomena dari pelbagai sudut iaitu persepsi murid terhadap teks puisi klasik yang dimuatkan dalam buku teks Bahasa Cina menengah rendah bagi KSSM dan penerapan nilai murni dan estetik dalam kalangan murid menerusi pembelajaran teks puisi klasik di mana dipersetujui oleh Creswell (2014) yang mengatakan bahawa salah satu ciri kaedah kualitatif adalah “the problems need to be explored to obtain a deep understanging”. Oleh hal yang demikian, kaedah kajian kualitatif dikatakan lebih tepat dan mendalam untuk menghuraikan sesuatu kebenaran. Disebabkan kajian ini memerlukan pemahaman yang mendalam dan deskripsi yang menyeluruh dalam proses menganalisis, maka kaedah kajian kualitatif amat bersesuaian diaplikasikan dalam kajian ini.

Secara amnya, untuk mengkaji fenomena pendidikan dalam bidang pendidikan, penyelidikan kualitatif biasanya digunakan dalam beberapa bentuk kajian seperti etnografi, kajian kes, fenomenalogi, kajian secara naratif, grounded theory (Creswell, 2018). Kajian kes merupakan bentuk kajian yang kerap digunakan dalam kajian bidang pendidikan supaya salah satu objektif yang berikut tercapai iaitu menjelaskan fenomena dengan mendalam dan terperinci, menjelaskan kemungkinan fenomena yang berlaku serta menilai sesuatu fenomena. Kajian kes juga membolehkan fenomena sesebuah kajian diterokai secara mendalam dan menyeluruh dalam konteks yang sebenar (Gall, Borg, & Gall, 2003). Bagi membolehkan kajian menguji interaksi kriteria setiap unit

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dalam penyelidikan terhad, maka kajian kes dilaksanakan kerana kajian kes lebih tertumpu pada proses sesuatu kajian (Merriam, 2001; Yin, 2003; Stake, 2010).

Selain itu, kajian kes turut digunakan kerana kajian kes lebih menumpukan proses daripada hasil supaya interaksi antara penyelidik dengan peserta dapat difahami sehingga maklumat yang bermakna terbina (Merriam, 2001; Crotty, 2003). Untuk menerokai persoalan kajian secara jelas, reka bentuk kajian kes sering kali digunakan (Yin, 2003; Stake, 2010). Untuk mendapatkan pemahaman dan penerangan secara holistik terhadap pengaruh dan kesan setiap unit yang terlibat, maka suatu bentuk kajian kes diperlukan (Merriam, 2001; Yin, 2003; Johnson dan Christensen, 2004; Stake, 2010). Selain itu, untuk memperoleh penjelasan terhadap sesuatu kes atau individu, maka kajian kes dilaksanakan untuk mendedahkan penjelasan terhadap sebab sesuatu situasi itu berlaku serta menilai sesuatu program atau individu (Gall et al, 2003). Menurut De Vaus (2009), kajian kes merupakan suatu penerokaan secara mendalam yang berupaya menjurus ke arah pembinaan konsep. Hal ini kerana ia melalui proses pengumpulan dan penganalisisan data secara induktif.

Berdasarkan perbincangan di atas, kajian ini telah memilih kaedah kajian kes untuk menerokai keadaan pemilihan kandungan puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina dan sejauh mana pandangan murid terhadap kandungan puisi klasik yang dimuatkan dalam buku teks Bahasa Cina serta nilai-nilai murni dan estetik yang dapat diterapkan menerusi pembelajaran puisi klasik.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kaedah kualitatif yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis dokumen dan temu bual. Analisis dokumen merujuk kepada proses menganalisis pemilihan kandungan puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina menengah rendah iaitu dari tingkatan satu hingga tingkatan tiga. Kajian ini bertujuan untuk mengkategorikan susunan kandungan puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina dan menganalisis kandungan puisi klasik berdasarkan prinsip pemilihan teks iaitu ideologi, kesenian, keseronokan, informatif dan sifat kontemporari. Selain itu, temu bual juga dijalankan dalam kajian ini untuk mengenalpasti persepsi murid terhadap kandungan puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina serta nilai murni dan estetik yang dipelajari menerusi pembelajaran puisi klasik. Proses transkripsi dan pengekodan dalam analisis data akan dilaksanakan kemudian. Seterusnya penyelidik akan membuat kesimpulan berdasarkan data-data yang didapati dalam kajian. Rajah 3.1 di bawah menunjukkan reka bentuk dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


*Rajah 3.1*. Reka Bentuk Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Reka bentuk dapat membantu penyelidik memahami aktiviti yang berlaku dalam keadaan sebenar di kawasan persekitaran kajian (Creswell, 2014). Kaedah kajian kes dalam kajian ini dilaksanakan dengan triangulasi dalam proses pengumpulan data di mana analisis dokumen dan temu bual akan dijalankan. Penyelidik berjangka pada akhir kajian dapat mengemukakan satu matriks pernyataan tentang ciri-ciri proses pemilihan puisi klasik ke dalam buku teks Bahasa Cina. Matriks ini dapat memberikan gambaran kepada guru mata pelajaran mengenai persepsi murid terhadap pembelajaran puisi klasik dan juga dapat dijadikan petunjuk kepada panel penggubal sukatan pelajaran dalam proses semakan buku teks nanti.


## 3.3 Kerangka Konsep

Tujuan kerangka konsep dibentuk adalah untuk membekalkan panduan kepada penyelidik untuk membina serta menjawab soalan kajian (Norziana, 2017). Skop kajian ini terpilih kerana penyelidik ingin mengenal pasti persepsi murid terhadap pemilihan puisi klasik dalam buku teks KSSM menengah rendah serta penerapan nilai murni dan estetik menerusi pembelajaran puisi klasik. Standard pemilihan puisi klasik ini adalah dirujuk berdasarkan teori pembelajaran “kognitif-penemuan” yang dikemukakan oleh J.S. Bruner seperti yang dihuraikan dalam bab kedua. Lima prinsip yang digunakan sebagai standard pemilihan kandungan teks puisi klasik ialah ideologi, kesenian, keseronokan, informatif dan sifat kontemporari (Fu, 2011). Kajian ini akan mengkaji sama ada pemilihan teks puisi klasik dalam buku teks berpegang pada lima standard pemilihan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


teks puisi klasik dan seterusnya teori pembelajaran "kognitif-penemuan" yang dikemukakan oleh J.S. Bruner dapat dicapai.




*Rajah 3.2.* Kerangka Konseptual Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 3.4 Peserta / Informan

Peserta kajian yang terlibat dalam kajian kualitatif biasanya tidak menunjukkan bilangan yang tinggi dan tidak mempunyai penetapan yang khas untuk cara penentuan saiz sampel yang bersesuaian dengan pelaksanaan sesuatu kajian (Miles & Huberman, 1994; Merriam, 2009; Yin, 2009). Pernyataan ini selaras dengan pernyataan Patton (2002) yang menyatakan bahawa tiada peraturan dalam penentuan saiz sampel dalam kajian kualitatif. Hal ini demikian kerana pemberatan peserta yang dipilih dalam sesuatu penyelidikan kualitatif adalah terletak pada peserta yang dapat membekalkan data mentah yang pelbagai dan dapat menjawab persoalan kajian sehingga wujudnya keadaan tepu, bukannya pada bilangan peserta yang tinggi (Corbin & Strauss, 1990; Merriam, 2009). Menurut Patton (2002), saiz sampel dipilih dalam jumlah yang kecil supaya maklumat yang mendalam dan berfokus akan diperoleh.

Pemilihan peserta dalam kajian ini adalah berpandukan kebolehan dan kesediaan kendiri yang dapat mengemukakan maklumat yang boleh menjawab persoalan kajian (Creswell, 2012). Saiz sampel dalam kajian kualitatif tidak boleh ditentukan pada peringkat awal kajian dan perlu dijalankan secara berterusan sehingga maklumat baharu tidak lagi diperoleh. Apabila wujudnya keadaan di mana jawapan yang sama dan berulangan didapati dalam kalangan informan, maka proses pengumpulan data telah mencapai tahap ketepuan (Glesne, 2011). Oleh hal yang demikian, peserta kajian dalam kajian ini dipilih berdasarkan cadangan Creswell (2012) iaitu kaedah persampelan bertujuan bagi membolehkan penyelidik memilih informan yang bersedia untuk membekalkan maklumat mengikut ilmu pengetahuan dan pengalaman yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


berkaitan dengan kajian ini. Peserta yang dipilih secara persampelan bertujuan telah dikenal pasti memiliki ciri yang sama yang banyak mempunyai maklumat yang bersesuaian dengan persoalan kajian (Patton, 2002; Gall et al, 2003; Merriam, 2009) iaitu (1) kumpulan murid menengah rendah dari tingkatan satu hingga tiga; (2) mempelajari mata pelajaran Bahasa Cina dan (3) belajar di sekolah menengah jenis kebangsaan.

Peserta yang dipilih berdasarkan kriteria yang ditetapkan iaitu murid tingkatan satu hingga tingkatan tiga sekolah A di negeri Selangor yang mempelajari mata pelajaran Bahasa Cina. Sekolah A di negeri Selangor dipilih dalam kajian ini disebabkan sekolah ini merupakan sekolah kluster dan telah menunjukkan prestasi pencapaian yang tertinggi dalam mata pelajaran Bahasa Cina di seluruh Malaysia. Temu bual berfokus akan dilaksanakan ke atas enam orang murid tingkatan tiga (T1, T2, T3, T4, T5, T6), tiga orang murid tingkatan dua (D1, D2, D3) dan tiga orang murid tingkatan satu (S1, S2, S3). Peserta dipilih mengikut keputusan yang cemerlang, sederhana dan lemah. Pemberatan pemilihan peserta terletak pada murid tingkatan tiga kerana kematangan pemikiran murid berada pada tahap yang lebih tinggi dan berkeupayaan untuk menjawab soalan temu bual adalah lebih menyeluruh disebabkan mereka telah mempelajari puisi klasik tingkatan satu, tingkatan dua serta tingkatan tiga (Muhammad Faez, Wan Wuna Ruzanna & Melor, 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 3.5 Instrumen Kajian

Penyelidik merupakan instrumen yang utama dalam kajian kualitatif. Instrumen yang berupa manusia akan membekalkan data dan penyelidik mentafsir serta menilai terhadap perkataan, perbuatan dan pengalaman peserta (Othman, 2018). Ini bersamaan dengan Merriam (2009) yang menyatakan bahawa penyelidik akan mengendalikan semua aktiviti dalam proses kajian terutamanya mengumpul data dan menganalisis data. Beliau juga menyatakan bahawa kesabaran, kesensitifan dan kemahiran berkomunikasi adalah penting bagi seseorang pengkaji kualitatif.

Kajian kualitatif memerlukan kepintaran penyelidik untuk mengumpul data dalam kalangan peserta kajian termasuklah sesuatu informasi yang berada dalam lingkungan luar pemerhatian atau dokumen (Merriam, 2009). Penyelidik biasanya tidak mempunyai satu garis panduan yang ditetapkan dan boleh menjalankan kajian mengikuti langkah demi langkah walaupun penyelidik dapat membuat rujukan daripada pakar sewaktu kajian kualitatif dilaksanakan. Hal ini telah membuktikan bahawa ilmu pengetahuan dan pengalaman penyelidik adalah memainkan peranan penting dalam memperoleh data yang berguna serta menginterpretasi dan menganalisiskan data yang sedia ada.

Pengalaman kehidupan penyelidik tersendiri yang serupa dengan peserta kajian mendorong penyelidik lebih memahami fenomena yang diterangkan oleh peserta kajian sungguhpun munculnya kritikan yang menyatakan bahawa bias sekiranya mengaplikasikan data peribadi (Corbin & Strauss, 2008). Corbin dan Strauss

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menyatakan bahawa “We are not suggesting that a researcher impose his or her or our experience upon the data. Rather, we want to use our experiences to bring up other possibilities of meaning.” (ms. 80) dan “We find it more helpful to acknowledge our biases and experiences and consciously use experience to enchance the analytic process.” (ms 85). Secara amnya, data kajian tidak terpengaruh dengan pengalaman penyelidik sendiri malah ia memberikan makna terhadap data dan meningkatkan proses analitik.

### 3.6 Prosedur Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebelum kajian ini bermula, penyelidik akan mendapat kebenaran Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD) dan kebenaran daripada Jabatan Pelajaran Negeri Selangor untuk menjalankan kajian dalam sesebuah sekolah di negeri Selangor. Setelah mendapat kelulusan daripada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, penyelidik akan berkunjung ke sekolah kajian untuk mendapat kelulusan daripada pengetua. Segala prosedur surat menyurat seperti permohonan, kebenaran khas juga akan disediakan dan dipatuhi supaya proses penyelidikan akan dijalankan dengan lancar dan mendapat kerjasama yang erat daripada pihak berkenaan.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif di mana kaedah pengumpulan data melibatkan analisis dokumen dan temu bual. Pendekatan kualitatif dikatakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


bersesuaian dalam kajian ini kerana ia melibatkan peristiwa, aktiviti dan proses (Creswell, 2018) serta keadaan semula jadi dalam alam persekitaran yang sebenar (Merriam, 2009).

### 3.6.1 Analisis Dokumen

Menurut Creswell (2012) dan Merriam (2009), dokumen dapat membekalkan data yang amat berguna kerana ia akan membantu penyelidik lebih memahami sesuatu fenomena secara mendalam dan dapat menjadi bukti sebenar yang dapat dilihat, dirasai dan dipegang. Dokumen dalam kajian ini ialah buku teks Bahasa Cina tingkatan satu sehingga tingkatan tiga serta Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).

Kajian ini akan menganalisis puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina tingkatan satu sehingga tingkatan tiga melalui penelitian tema dan dinasti yang dipilih. Pengkaji akan menyenaraikan semua puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina tingkatan satu sehingga tingkatan tiga dalam senarai semak. Kemudian pengkaji akan mengkategorikan setiap puisi klasik yang terkandung dalam buku teks Bahasa Cina tingkatan satu sehingga tingkatan tiga mengikut tema. Kajian akan memulakan proses menganalisis dengan melihat puisi klasik yang dipilih sama ada mendekati kehidupan harian murid atau tidak (Wang, 2020) melalui pengkategorian puisi klasik yang telah dibuat. Lima prinsip yang asas dalam pemilihan teks puisi klasik akan dianalisis iaitu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


idealogi, kesenian, keseronokan, informatif dan sifat kontemporari. Siri buku teks yang diperakui oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia dalam kajian ini adalah buku teks Bahasa Cina tingkatan satu, buku teks Bahasa Cina tingkatan dua dan buku teks Bahasa Cina tingkatan tiga.

Jadual 3.1

*Senarai Puisi Klasik wajib Diajar dalam Buku Teks Bahasa Cina KSSM Tingkatan Satu*

| No | Tajuk Puisi Klasik | Peyajak | Dinasti |
|---|---|---|---|
| 1 | 《冬夜读书示子聿》 | 陆游 | 宋 |
| | (Dongye dushu shiziyu) | (Lu you) | (Song) |
| 2 | 《七步诗》 | 曹植 | 三国 |
| | (Qibu shi) | (Cao zhi) | (Sanguo) |
| 3 | 《燕诗》 | 白居易 | 唐 |
| | (Yan shi) | (Bai juyi) | (Tang) |
| 4 | 《慈乌夜啼》 | 白居易 | 唐 |
| | (Ciwu yeti) | (Bai juyi) | (Tang) |
| 5 | 《梅花》 | 王安石 | 宋 |
| | (Meihua) | (Wang anshi) | (Song) |

*(bersambung)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 3.1 *(sambungan)*

| | | | |
|---|---|---|---|
| 6 | 《端午》<br>(Duanwu) | 文秀<br>(Wen xiu) | 唐<br>(Tang) |
| 7 | 《和端午》<br>(He duanwu) | 张耒<br>(Zhang lei) | 宋<br>(Song) |
| 8 | 《明日歌》<br>(Mingri ge) | 钱鹤滩<br>(Qian hetan) | 明<br>(Ming) |

(Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.2

*Senarai Puisi Klasik wajib Diajar dalam Buku Teks Bahasa Cina KSSM Tingkatan Dua*

| No | Tajuk Puisi Klasik | Peyajak | Dinasti |
|---|---|---|---|
| 1 | 《山中》<br>(Shanzhong) | 王维<br>(Wang wei) | 唐<br>(Tang) |
| 2 | 《望庐山瀑布》<br>(Wanglushan pubu) | 李白<br>(Li bai) | 唐<br>(Tang) |
| 3 | 《竹石》<br>(Zhushi) | 郑燮<br>(Zheng xie) | 清<br>(Qing) |

*(bersambung)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 3.2 *(sambungan)*

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4 | 《青玉案・元夕》<br>(Qingyuan • Yuanxi) | 辛弃疾<br>(Xing qiji) | 宋<br>(Song) |
| 5 | 《秋夕》<br>(Qiuxi) | 杜牧<br>(Du mu) | 唐<br>(Tang) |

(Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018).

Jadual 3.3

*Senarai Puisi Klasik wajib Diajar dalam Buku Teks Bahasa Cina KSSM Tingkatan Tiga*

| No | Tajuk Puisi Klasik | Peyajak | Dinasti |
|---|---|---|---|
| 1 | 《宿建德江》<br>(Sujian dejiang) | 孟浩然<br>(Meng haoran) | 唐<br>(Tang) |
| 2 | 《虞美人》<br>(Yumeiren) | 李煜<br>(Li yu) | 唐<br>(Tang) |
| 3 | 《天净沙・秋思》<br>(Tianjingsha • Qiusi) | 马致远<br>(Ma zhiyuan) | 元<br>(Yuan) |

*(bersambung)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 3.3 *(sambungan)*

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4 | 《满江红》 | 岳飞 | 宋 |
| | (Manjianghong) | (Yue fei) | (Song) |
| 5 | 《送友人》 | 李白 | 唐 |
| | (Songyouren) | (Li bai) | (Tang) |

(Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2019).

Jadual 3.4

*Senarai Cadangan Pembacaan Puisi Klasik dalam Buku Teks Bahasa Cina KSSM Tingkatan Satu*

| No | Tajuk Puisi Klasik | Peyajak | Dinasti |
|---|---|---|---|
| 1 | 《绝句》 | 杜甫 | 唐 |
| | (Jueju) | (Du fu) | (Tang) |
| 2 | 《劝学诗》 | 颜真卿 | 唐 |
| | (Quanxue shi) | (Yan zhenqing) | (Tang) |
| 3 | 《逢入京使》 | 岑参 | 唐 |
| | (Feng rujing shi) | (Cen shen) | (Tang) |

*(bersambung)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 3.4 *(sambungan)*

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4 | 《过故人庄》 | 孟浩然 | 唐 |
| | (Guo guren zhuang) | (Meng haoran) | (Tang) |
| 5 | 《黄鹤楼》 | 崔颢 | 唐 |
| | (Huanghelou) | (Cui hao) | (Tang) |
| 6 | 《咏柳》 | 贺知章 | 唐 |
| | (Yongliu) | (He zhizhang) | (Tang) |
| 7 | 《古朗月行》 | 李白 | 唐 |
| | (Gulang yuexing) | (Li bai) | (Tang) |
| 8 | 《奉和令公绿野堂种花》 | 白居易 | 唐 |
| | (Fenghelinggong lvyetang zhonghua) | (Bai juyi) | (Tang) |
| 9 | 《竹里馆》 | 王维 | 唐 |
| | (Zhuliguan) | (Wang wei) | (Tang) |
| 10 | 《饮酒》 | 陶渊明 | 晋 |
| | (Yinjiu) | (Tao yuanming) | (Jin) |
| 11 | 《风》 | 李峤 | 唐 |
| | (Feng) | (Li qiao) | (Tang) |
| 12 | 《金缕衣》 | 杜秋娘 | 唐 |
| | (Jinlvyi) | (Du qiuniang) | (Tang) |

(Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 3.5

*Senarai Cadangan Pembacaan Puisi Klasik dalam Buku Teks Bahasa Cina KSSM Tingkatan Dua*

| No | Tajuk Puisi Klasik | Peyajak | Dinasti |
|---|---|---|---|
| 1 | 《浪淘沙》 | 刘禹锡 | 唐 |
| | (Langtaosha) | (Liu yuxi) | (Tang) |
| 2 | 《春望》 | 杜甫 | 唐 |
| | (Chunwang) | (Du fu) | (Tang) |
| 3 | 《游山西村》 | 陆游 | 宋 |
| | (You shanxicun) | (Lu you) | (Song) |
| 4 | 《长歌行》 | 佚名 | 汉 |
| | (Changge xing) | (Yi ming) | (Han) |
| 5 | 《论诗五首・其二》 | 赵翼 | 清 |
| | (Lunshiwushou・Qier) | (Zhao yi) | (Qing) |
| 6 | 《渔子歌》 | 张志和 | 唐 |
| | (Yuzi ge) | (Zhang zhihe) | (Tang) |
| 7 | 《赠从弟・其二》 | 刘桢 | 魏晋 |
| | (Zhencongdi・Qier) | (Liu zhen) | (Wei Jing) |
| 8 | 《池上二绝・其一》 | 白居易 | 唐 |
| | (Chishangerjue・Qiyi) | (Bai juyi) | (Tang) |

*(bersambung)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 3.5 *(sambungan)*

| | | | |
|---|---|---|---|
| 9 | 《暮江吟》 | 白居易 | 唐 |
| | (Mujiangyin) | (Bai juyi) | (Tang) |
| 10 | 《过零丁洋》 | 文天祥 | 宋 |
| | (Guolingdingyang) | (Wen tianxiang) | (Song) |

(Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018).

Jadual 3.6

*Senarai Cadangan Pembacaan Puisi Klasik dalam Buku Teks Bahasa Cina KSSM Tingkatan Tiga*

| No | Tajuk Puisi Klasik | Peyajak | Dinasti |
|---|---|---|---|
| 1 | 《登飞来峰》 | 王安石 | 宋 |
| | (Dengfeilaifeng) | (Wang anshi) | (Song) |
| 2 | 《苏幕遮 • 怀旧》 | 范仲淹 | 宋 |
| | (Sumuzhe • Huaijiu) | (Fan zhongyan) | (Song) |
| 3 | 《春日偶成》 | 程颢 | 宋 |
| | (Chunri oucheng) | (Cheng hao) | (Song) |

*(bersambung)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 3.6 *(sambungan)*

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4 | 《一剪梅 • 红藕香残玉簟秋》<br>(Yijianmei • Hongou xiangcan yudianqiu) | 李清照<br>(Li qingzhao) | 宋<br>(Song) |
| 5 | 《渡汉江》<br>(Duhanjiang) | 宋之问<br>(Song zhiwen) | 宋<br>(Song) |
| 6 | 《宣州谢朓楼饯别校书叔云》<br>(Xuanzhouxietiaolou jianbie jiaoshu shuyun) | 李白<br>(Li bai) | 唐<br>(Tang) |
| 7 | 《山居秋暝》<br>(Shanjuqiumin) | 王维<br>(Wang wei) | 唐<br>(Tang) |
| 8 | 《折桂令 • 九日》<br>(Zheguiling • Jiuri) | 张可久<br>(Zhang kejiu) | 元<br>(Yuan) |
| 9 | 《古诗十九首 • 迢迢牵牛星》<br>(Gushi shijiushou • Tiaotiao qianniuxing) | - | 汉<br>(Han) |
| 10 | 《四块玉 • 别情》<br>(Sikuaiyu • Bieqing) | 关汉卿<br>(Guan hanqing) | 元<br>(Yuan) |
| 11 | 《十一月四日风雨大作二首》<br>(Shiyiyue siri fengyu dazuo ershou) | 陆游<br>(Lu you) | 宋<br>(Song) |

(Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 3.6.2 Temu Bual

Bruhn (2002) menyatakan bahawa pengumpulan data kualitatif menerusi temu bual sangat dikenali dengan kebaikannya kerana ketelusan, kepercayaan, pemahaman terhadap persepsi, sikap dan pengalaman dapat diwujudkan dalam kalangan infoman. Penyelidik berkomunikasi dengan informan membolehkan penyelidik memperoleh maklumat daripada informan. Temu bual melibatkan dua watak di mana ia merupakan proses aktif dalam melihat topik kajian daripada pelbagai perspektif subjek.

Merriam (2009) menyatakan bahawa untuk memperoleh data secara terperinci daripada informan, kaedah temu bual adalah kaedah yang paling sesuai digunakan kerana data diperoleh dalam jangka masa yang singkat. Temu bual dilaksanakan untuk memperoleh maklumat yang unik dalam kalangan informan, memperoleh kenyataan lisan atau pengakuan daripada informan secara jujur serta memperoleh maklumat terperinci terhadap sesuatu hal yang tidak dapat diperoleh melalui pemerhatian (Stake, 2010).

Faridah, Chang, dan Kuik (2012) berpendapat bahawa temu bual dilaksanakan untuk mengumpul data yang berkaitan dengan persepsi informan. Wimmer dan Dominick (2003) pula menjelaskan bahawa temu bual dapat membekalkan jawapan yang lebih mendalam terhadap isu-isu yang diketengahkan. Dalam kajian ini, temu bual akan dilaksanakan bersama dengan beberapa orang pilihan informan yang bersesuaian dengan objektif kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Menurut Rogers et al. (2011), temu bual dapat dibahagikan kepada tiga jenis iaitu temu bual tidak berstruktur, temu bual berstruktur dan temu bual separa berstruktur. Gabungan temu bual berstrukur dan tidak berstruktur iaitu temu bual separa berstruktur digunakan dalam kajian ini kerana temu bual jenis ini lebih fleksibel dan dapat berhubung dengan peserta lebih rapat serta membolehkan peserta menyatakan pemikiran mereka lebih mendalam yang bersesuaian dengan persoalan kajian selain menjawab soalan-soalan yang ditetapkan.

Jadual 3.7

*Protokol Temu Bual*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

| Prosedur | Protokol Temu Bual |
|---|---|
| Kata-kata aluan/ Sesi icebreaking | 1) Penyelidik memperkenalkan diri.<br>2) Berterima kasih kepada informan kerana sudi berkongsi maklumat dengan penyelidik.<br>3) Menyatakan bidang kajian dan tujuan mengadakan sesi temu bual.<br>4) Berjanji akan merahsiakan segala maklumat yang dikemukakan.<br>5) Memberitahu jangkaan tempoh sesi temu bual yang akan dilaksanakan.<br>6) Memberitahu informan bahawa sesi temu bual akan dirakam dan mendapatkan persetujuan daripada informan. |

*(bersambung)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



*Jadual 3.7 (sambungan)*

| | |
|---|---|
| | 7) Bolehkan anda menceritakan sedikit berkenaan dengan latar belakang anda? (Usia, tempat tinggal, pencapaian akademik, hobi, cita-cita)<br><br>能否请您简单介绍您的背景？（年龄、住处、成绩、爱好、愿望） |
| Persoalan Kajian:<br><br>Sejauh manakah persepsi murid terhadap kandungan puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina? | 1) Antara puisi klasik yang telah anda pelajari, namakan satu puisi klasik yang meninggalkan pengalaman yang mendalam pada anda. (semangat patriotik, percintaan, hemah tinggi, optimistik dan berfikiran terbuka, sentimen perpisahan dan kerinduan terhadap kampung halaman)<br><br>Mengapa? Bolehkah anda nyatakan secara ringkas mengenai kandungan puisi klasik tersebut?<br><br>在古诗词的学习中，哪首诗或词让您印象最为深刻？（爱国情操、爱情、高尚的情操、积极乐观、离别愁绪、思乡）<br><br>为什么？请您简略说出有关诗词的内容。<br><br>2) Sejauh manakah puisi klasik yang dipelajari mendekati kehidupan harian anda?<br><br>您认为课堂内古诗词学习是否贴近您的生活？<br><br>3) Sejauh manakah bahagian bimbingan bacaan dalam teks puisi klasik membantu anda dalam mempelajari puisi klasik?<br><br>课文古诗词的阅读指引能否对您的预习及自学情况有实质性的指导意义？ |

*(bersambung)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


*Jadual 3.7 (sambungan)*

| | |
|---|---|
| | 4) Sejauh manakah bahagian catatan penerangan maksud istilah dalam teks puisi dapat membantu anda dalam mempelajari puisi klasik?<br><br>课文古诗词下方的注释是否对您的诗歌预习及自学情况有实质性帮助？<br><br>5) Adakah anda mempunyai minat yang mendalam dalam mempelajari puisi klasik? Mengapa?<br><br>您对中国古典诗词的学习有浓厚的兴趣吗？为什么？ |
| Persoalan Kajian:<br><br>Sejauh manakah penerapan nilai murni dan estetik dalam kalangan murid menerusi teks pilihan pembelajaran puisi klasik yang sedia ada? | 1) Tema puisi klasik yang manakah memberikan inspirasi yang lebih mendalam kepada anda? (etika moral, pedoman kehidupan, sains politik, sentimen kerinduan, percintaan, peka terhadap masyarakat, optimistik dan berfikiran terbuka)<br><br>哪一类主题的古诗词对您有较大的启发？（伦理道德、人生价值观、政治谋略、思乡之情、爱情、社会关怀、乐观积极）<br><br>2) Apakah persepsi kehidupan dapat anda pelajari menerusi pembelajaran puisi klasik?<br><br>您从古诗词学习中学到什么人生价值观？<br><br>3) Sejauh manakah pedoman kehidupan yang dipelajari dalam puisi klasik membantu anda dalam kehidupan sebenar?<br><br>古诗词中的人生价值观对您的生活上有何帮助？ |

*(bersambung)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


*Jadual 3.7 (sambungan)*

| | |
|---|---|
| | 4) Pada pandangan anda, apakah makna sebenar mempelajari puisi klasik?<br><br>对您而言，古诗词学习的实际意义是什么？ |
| Penutup/ Menamatkan sesi temu bual | 1) Adakah anda masih mempunyai maklumat tambahan yang ingin dikongsikan?<br><br>2) Bolehkan saya menemui anda sekali lagi seandainya mempunyai perkara yang perlu diberi pencerahan?<br><br>3) Bolehkah saya menghubungi anda untuk meneliti salinan transkrip temu bual?<br><br>4) Penyelidik mengucapkan terima kasih atas kesudian informan dalam mengemukakan maklumat yang diperlukan. |

Saiz sampel tidak dapat ditentukan pada peringkat awal kajian dan dilakukan secara berterusan sehingga tidak memperoleh maklumat baru dalam kalangan peserta kajian. Tahap ketepuan dikatakan tercapai disebabkan tiada lagi data baru dijumpai kerana wujudnya keadaan di mana jawapan yang sama diulangi dalam kalangan peserta kajian (Glesene, 2011).

Penentuan peserta kajian dilakukan secara pensampelan bertujuan kerana ia membolehkan penyelidik memilih peserta kajian yang bersiap sedia dan berpengalaman untuk mengemukakan maklumat berpandukan pengetahuan dan pengalaman mereka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


yang berkait rapat dengan kajian ini (Creswell, 2012). Untuk mencapai objektif kajian bagi melihat persepsi murid terhadap kandungan puisi klasik dalam buku teks yang telah dipelajari, seramai dua belas orang murid yang memenuhi ciri-ciri yang berikut akan dipilih untuk melibatkan diri dalam kajian ini iaitu murid menengah rendah dari tingkatan satu hingga tiga yang telah mempelajari mata pelajaran Bahasa Cina dan belajar di sekolah menengah jenis kebangsaan. Kriteria keputusan yang cemerlang, sederhana dan lemah akan diambil kira dalam pemilihan peserta.

Penyelidik telah menyediakan protokol temu bual di mana ia dijadikan sebagai panduan yang merupakan satu senarai yang mencatatkan soalan yang akan dipersembahkan kepada informan semasa proses temu bual dilaksanakan. Protokol temu bual biasanya mengandungi komponen-komponen seperti tajuk, arahan kepada informan, soalan-soalan kajian utama yang akan ditemu bual, soalan-soalan sampingan yang diikuti oleh soalan utama, ruangan untuk mencatatkan mesej yang dikemukakan oleh informan, ruangan untuk mencatatkan komen penemu bual dan ruangan untuk mencatatkan nota reflektif (Othman Lebar, 2018). Temu bual akan dilaksanakan dengan bantuan pita rakaman. Sebelum temu bual dijalankan, penyelidik akan mengambil perhatian terhadap pita rakaman sama ada berfungsi dengan sempurna atau tidak.

Sebelum protokol temu bual digunakan dalam kajian sebenar, penyelidik telah mendapatkan semakan daripada tiga orang pakar. Menurut Turner (1995), guru baharu biasanya mengambil masa lebih kurang dua setengah tahun untuk mempelajari teknik mengajar. Guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih kurang selama empat tahun setengah barulah dapat diteladani. Oleh itu, Berliner (2004) mengatakan bahawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


seseorang guru dikatakan memperoleh kemahiran dalam mengajar pada tahap yang tinggi akan mengambil masa selama lima hingga tujuh tahun. Memandangkan perkara ini, kriteria untuk memilih pakar kesahan dalam kajian ini adalah (1) mempunyai sepuluh tahun dan ke atas pengalaman mengajar; (2) mengajar mata pelajaran Bahasa Cina dan (3) pernah atau sedang mengajar di sekolah menengah jenis kebangsaan (SMJK).

Pakar kesahan pertama dalam kajian ini merupakan seorang guru yang bersara, beliau mempunyai pengalaman mengajar 29 tahun, berkhidmat di SMJK selama 15 tahun dan telah mengajar mata pelajaran Bahasa Cina selama 29 tahun. Pakar kesahan kedua pula merupakan seorang guru yang mempunyai pengalaman mengajar 16 tahun, berkhidmat di SMJK selama 16 tahun sehingga kini dan telah mengajar mata pelajaran Bahasa Cina selama 16 tahun. Pakar kesahan ketiga merupakan seorang guru yang mempunyai pengalaman mengajar 10 tahun, sedang berkhidmat di SMJK dan telah mengajar mata pelajaran Bahasa Cina selama 10 tahun.

Tiga orang pakar ini telah diminta supaya menyemak dan mengemukakan komen terhadap protokol temu bual yang dirancangkan. Selepas penyelidik telah mendapatkan komen dan pandangan yang terbina daripada tiga orang pakar, penyelidik telah membaiki semula protokol temu bual tersebut dengan berpandukan komen dan pandangan yang dikemukakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 3.7 Kebolehpercayaan dan Kesahan

Kesahan membawa maksud ketepatan, kebenaran dan kebolehgunaan instrumen bagi menginferenkan data-data (Kamarul Azmi, 2012) dengan melaksanakan kaedah trangulasi (Moeloeng, 2007). Menurut Bailey (2007) dan Othman Lebar (2018), kesahan merupakan langkah untuk mengukurkan ketepatan kajian tentang gambaran yang sebenar yang diberikan mengenai perkara yang hendak dikaji. Merriam (2001) menyatakan bahawa kesahan berkait rapat dengan cara dapatan kajian dapat dipadankan dengan realiti sebenar. Kebolehpercayaan pula merujuk kepada sejauh mana dapatan kajian dapat berulang semula demi mengemukakan hasil yang bersamaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian kualitatif, kesahan dan kebolehpercayaan adalah penting (Lincoln & Cuba, 1985; Merriam, 2009) yang merupakan isu kejujuran dalam penentuan kesahan dalaman dan kesahan luaran serta sejauh mana sesuatu perbuatan, tingkah laku atau sesuatu perkara itu berulang (Lincoln & Cuba, 1985; Scale, 2002). Oleh hal yang demikian, Wiersma (2000) mengemukakan bahawa pengulangan akan berlaku di mana proses pemungutan data yang pelbagai cara diulang dan berterusan.

Kesahan dan kebolehpercayaan dalaman dan luaran biasanya boleh dilakukan dengan cara termasuklah penelitian rakan sebaya, audit trial, member-checks, bias penyelidik dan lain-lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Protokol temu bual telah disemak kebolehgunaan dan kebolehpercayaan oleh tiga orang pakar yang mempunyai pengalaman mengajar dalam mata pelajaran Bahasa Cina dan berpengalaman dalam menulis buku teks Bahasa Cina. Tiga orang pakar ini telah menyemak dan mengemukakan komen terhadap protokol temu bual yang dirancangkan. Penyelidik telah membaiki semula protokol temu bual tersebut setelah penyelidik mendapatkan komen dan pandangan yang terbina daripada tiga orang pakar.

Bagi menentukan kesahihan dan kebolehpercayaan data, beberapa pendekatan telah dilaksanakan seperti triangulasi, member-checking, bias penyelidik dan penelitian rakan sebaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 3.7.1 Member-Checking

Member-checking merupakan maklum balas pengesahan informan kajian dalam menyemak ketepatan laporan (Creswell, 2012) untuk mengawal kualiti serta penambahbaikan dapat dibuat supaya menepati data temu bual yang dicatat (Melissa & Patricia, 2012). Kaedah member-checking ini dilaksanakan antara penyelidik dengan informan yang ditemu bual berkenaan dengan persoalan kajian.

Untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan data dalam kajian ini, member-check telah dilaksanakan di mana penyelidik merujuk semula dengan informan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


bagi mengesahkan data temu bual sebagai pemeriksaan data dan proses interpretasi (Merriam, 2001; Othman Lebar, 2018). Informan diminta supaya memeriksa semula interpretasi awalan supaya dapat menepati dan bersesuaian dengan data yang disampaikan sepanjang kajian (Merriam, 2009). Oleh itu, penemuan semula dengan informan bukan sahaja mengesahkan data temu bual yang diperoleh, tetapi juga mendorong data yang diperoleh mengandungi kredibiliti dan kebolehpercayaan dapatan yang tinggi dan hal ini juga dapat mengurangkan keadaan bias yang akan mempengaruhi data serta mengurangkan masalah ketidakjelasan dan ketidakfahaman penyelidik dalam memahami keadaan sebenar (Miles & Huberman, 1994).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 3.7.2 Bias Penyelidik

Bias penyelidik merujuk kepada kebolehan penyelidik dalam menginterpretasi dapatan kajian tanpa melibatkan andaian sendiri (Merriam, 2001). Menurut Othman (2018) pula, bias pengkaji merupakan prosedur di mana penyelidik boleh bersikap terbuka terhadap maklumat dan tidak dipengaruhi oleh diri sendiri. Dalam pendekatan kualitatif, bias dapat dikurangkan dalam diri penyelidik dengan mengelakkan daripada membuat andaian sendiri dan justifikasi terhadap sesuatu perkara yang dicatatkan.

Bias, andaian dan peranan sebagai penyelidik akan mempengaruhi teks dalam kajian kualitatif (Creswell, 2018). Hal ini penting untuk penyelidik kualitatif sedar akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


subjektiviti dan akan memastikan dapatan kajian bersifat objektif. Selain itu, bias mungkin juga wujud dari prespektif penyelidik yang akan mempengaruhi protokol temu bual, pemilihan dan interpretasi pengekodan, kategori dan tema (Merriam, 2009). Oleh hal yang demikian, penyelidik selaku instrumen kajian seperti yang dibincangkan sebelum ini amat mengambil berat tentang isu yang berkaitan dengan bias. Menurut Guthrie (2010), beberapa langkah perlu diambil kira untuk mengelakkan bias penyelidik, antaranya ialah (1) berpakaian normal agar tidak membawa keadaan yang tertekan kepada informan, (2) berfikiran secara terbuka dan menerima segala maklumat yang dikemukakan oleh informan, (3) mengelakkan dari perwatakan yang mengetuai soalan disebabkan penyelidik teringin-ingin untuk menanyakan soalan tambahan supaya mendapatkan jawapan, (4) berfikir dari sudut informan tanpa sebarang gangguan emosi walaupun terdapat kesilapan yang dikemukan oleh informan, (5) keselesaan dengan kewujudan suasana yang sunyi, menunggu sebentar jika informan tidak menjawab soalan serta-merta.

### 3.7.3 Penelitian Rakan Sebaya

Penelitian rakan sebaya ialah semakan data untuk penilaian sama ada dalam kalangan rakan sekerja atau pihak yang sering melibatkan diri dalam penyelidikan atau fenomena dalam kajian (Merriam, 2009; Othman 2018). Menurut Othman Lebar (2018), pemeriksaan rakan merupakan salah satu cara untuk meningkatkan kesahan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Menerusi proses ini, penyelidik mungkin akan mendapat idea yang bernas berkenaan dengan dapatan kajian dalam pembentukan tema dan kategori.

Secara amnya, penelitian rakan sebaya terbahagi kepada tiga cara iaitu perbincangan dengan penyelia, perbincangan tidak formal dalam kalangan rakan sepengajian serta mengadakan perbincangan formal. Penyelidik telah mengadakan beberapa sesi perbincangan dengan penyelia dalam sepanjang pengajian untuk memperoleh gambaran dan persetujuan dalam proses menganilisis dan pembentukan tema. Hal ini kerana penyelia memainkan perwatakan yang penting kerana terlibat secara langsung sejak peringkat awal dalam perbincangan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, perbincangan secara tidak formal dengan rakan sepengajian juga akan dilaksanakan khususnya dalam kalangan mereka yang menjalankan kajian kualitatif. Penyelidik akan meminta bantuan perkhidmatan dua orang rakan dan seorang yang merupakan penulis buku teks untuk melaksanakan proses semakan dan pengesahan kategori dan tema yang diperoleh supaya dapat meminimumkan bias penyelidik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 3.8 Analisis Data

Proses analisis data dalam kajian ini melibatkan analisis kandungan, analisis dokumen serta analisis data temu bual.

### 3.8.1 Analisis Kandungan

Analisis kandungan ialah satu kaedah yang sering digunakan dalam penyelidikan yang merangkumi berbagai-bagai bidang (Krippendorff, 2013) dan aplikasinya digunakan secara meluas (Duriau, Reger & Pfarrer, 2007). Analisis kandungan dikatakan mempunyai tahap sensitiviti terhadap kandungan teks sesuatu dokumen atau laporan (Krippendorff, 2013).

Cohen, Manion dan Marrison (2007) menyatakan bahawa analisis kandungan merupakan satu proses dalam membuat rumusan serta melaporkan data secara bertulis. Proses analisis dilakukan sama ada kandungan teks berkenaan berbentuk dokumen rasmi atau tidak rasmi (Ghazali Darussalam & Sufean Hussin, 2016). Menurut Sulaiman Masri (2003), kaedah ini menggunakan analisis bukan manusia tetapi perkataan pada wayang gambar, program, surat, buku dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Menurut Hsieh dan Shannon (2005), kategori data kajian dapat diperoleh melalui kaedah analisis kandungan dalam proses analisis data. Segala data yang diperoleh akan dibaca berulang kali untuk mencapai erti yang lebih mendalam dan menyeluruh (Tesch, 1990).

### 3.8.2 Data Temu Bual

Dalam kajian kualitatif berbentuk temu bual, proses pengumpulan data dijalankan dengan proses analisis secara bersama bagi mengelakkan kewujudan kehilangan data yang penting atau terpandang lepas atas data yang melambak. Temu bual seseorang respoden ditranskripsikan dalam masa yang singkat. Proses pelaziman diteruskan dengan mendengar semula pita rakaman mengenai kandungan temu bual, semua data-data dibaca semula serta membuat memos dan ringkasan sebelum bermulanya proses analisis secara formal (Abdul Hafidz, Sariffudin, Awang Hamid, Dayang Tiawa, Omar, & Rio Sumarni 2005). Seterusnya data dianalisis menerusi perkataan demi perkataan agar kod diperoleh terlebih dahulu di mana perkataan yang tepat dari teks akan ditonjolkan (Miles & Huberman, 1994).

Kekerapan penggunaan terma-terma yang saling berkaitan juga diberi perhatian kemudiannya dipilih serta dikategorikan dalam kategori yang menghuraikan istilah-istilah yang lebih umum (Jose & Lee, 2007). Kod-kod yang berlainan yang berhubung kait

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


antara satu sama lain disusun ke dalam satu kategori (Patton, 2002). Kewujudan kategori-kategori ini akan disusun secara berkumpulan ke dalam kelompok yang mengandungi maksud tertentu. Proses pengekodan dikatakan sangat penting kerana ia akan mempengaruhi proses analisis kandungan berjaya atau pun tidak (Hsieh & Shannon, 2005).

### 3.8.3 Analisis Dokumen

Secara umumnya, analisis kandungan dokumen dibahagikan kepada dua jenis iaitu analisis konseptual dan analisis relational atau semantik. Menurut Ghazali Darussalam dan Sufean Hussin (2016), analisis konseptual melaksanakan kajian terhadap konsep-konsep sesuatu kandungan teks yang diteliti manakala analisis semantik adalah mengkaji tentang hubungan antara konsep-konsep yang bermakna. Analisis kandungan dokumen dilaksanakan secara analisis konseptual dalam kajian ini dan perolehan data adalah bersifat deskriptif iaitu penghuraian dan pemerihalan. Kajian ini membuat pengkategorian puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina tingkatan satu hingga tingkatan tiga berdasarkan tema-tema puisi klasik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 3.9 Rumusan

Bab ini telah menjelaskan metodologi kajian yang terdiri daripada proses pelaksanaan kajian, reka bentuk kajian, sampel-sampel serta instrumen dalam kajian, pengumpulan data dan prosedur penganalisisan data.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# BAB 4

# DAPATAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 4.1 Pendahuluan

Pakar kajian puisi klasik yang terkenal Ye Jiaying （叶嘉莹）dalam karyanya mengatakan bahawa manusia seharusnya mengambil berat dan prihatin terhadap alam semesta dan kehidupan seumur hidup. Pembelajaran puisi akan membolehkan seseorang insan menghasilkan perasaan prihatin terhadap dunia, pokok bunga, burung dan binatang serta perjumpaan dan perpisahan dalam kalangan manusia (Ye, 2008).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Hal ini telah menunjukkan bahawa pembelajaran puisi klasik akan mengembangkan kerohanian murid dan sahsiah peribadi yang sempurna, memupuk murid supaya berprihatin terhadap alam sekitar dan masyarakat.

Bab ini akan menjelaskan hasil dapatan kajian tentang analisis pemilihan teks puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina Menengah Rendah bagi Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Konteks objektif dan persoalan kajian juga akan dibincangkan dalam kajian ini, iaitu mengkategori dan menganalisis kandungan puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina; menentukan persepsi murid tentang pemilihan kandungan puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina serta mengenalpasti penerapan nilai murni dan estetik dalam kalangan murid menerusi teks pilihan pembelajaran puisi klasik yang sedia ada. Penyelidik akan menjawab tiga persoalan kajian yang dikemukakan iaitu apakah kandungan puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina; sejauh manakah persepsi murid terhadap kandungan puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina dan sejauh manakah penerapan nilai murni dan estetik dalam kalangan murid menerusi teks pilihan pembelajaran puisi klasik yang sedia ada.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 4.2 Analisis Puisi Klasik dalam Buku Teks Bahasa Cina Menengah Rendah KSSM

Kandungan puisi klasik yang dimuatkan dalam buku teks Bahasa Cina menengah rendah disusun berdasarkan dua bahagian iaitu puisi klasik yang wajib diajar dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (Pdpc) dan cadangan pembacaan puisi klasik dalam kalangan murid.

### 4.2.1 Analisis Bilangan Puisi Klasik yang Dimuatkan ke Dalam Buku Teks Bahasa Cina Menengah Rendah KSSM

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat banyak puisi klasik telah dipilih dan dimuatkan ke dalam buku teks Bahasa Cina tingkatan satu hingga tingkatan tiga mahupun teks puisi klasik yang wajib dipelajari ataupun teks puisi klasik yang dicadangkan untuk pembacaan. Jadual 4.1 telah menunjukkan kategori puisi klasik berdasarkan puisi klasik yang wajib diajar serta bilangannya dalam setiap tema puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina KSSM tingkatan satu hingga tiga.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 4.1

*Bilangan Puisi Klasik yang Dimuatkan ke dalam Buku Teks Bahasa Cina KSSM Tingkatan Satu hingga Tiga*

| No | Buku Teks Bahasa Cina Tingkatan | Bilangan Puisi Klasik yang Wajib Diajar | Bilangan Puisi Klasik yang Dicadangkan Pembacaan |
|---|---|---|---|
| 1 | Satu | 8 | 12 |
| 2 | Dua | 5 | 10 |
| 3 | Tiga | 5 | 11 |
| | Jumlah | 18 | 33 |

(Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017, 2018 & 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 4.1 di atas, sebanyak 51 buah puisi klasik telah dipilih dan dimuatkan ke dalam buku teks Bahasa Cina dari tingkatan satu hingga tingkatan tiga di mana bilangan puisi klasik yang wajib diajar mencatatkan 18 buah dan cadangan pembacaan puisi klasik mencatatkan 33 buah. Bahagian cadangan pembacaan puisi klasik ini merupakan bahagian penambahan jika berbanding buku teks Bahasa Cina KBSM. Hal ini dapat menyatakan pihak Bahagian Pembangunan Kurikulum semakin menitikberatkan pembelajaran puisi klasik dalam kalangan murid. Penambahan bahagian cadangan pembacaan puisi klasik ini boleh dikatakan selaras dengan tujuan pelaksanaan kurikulum baru supaya dapat melakarkan aspirasi murid seperti hasrat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) tahun 2013 hingga tahun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


2025 agar keperluan negara dapat dipenuhi. Untuk merealisasikan hasrat ini, potensi murid seperti kecenderungan, minat dan kebolehan perlu dibangunkan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2016).

### 4.2.2 Analisis Tema Puisi Klasik yang Dimuatkan ke Dalam Buku Teks Bahasa Cina Menengah Rendah KSSM

Jadual 4.2 telah menunjukkan kategori puisi klasik berdasarkan puisi klasik yang wajib diajar serta bilangannya dalam setiap tema puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina KSSM tingkatan satu hingga tiga.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Jadual 4.2

*Kategori Puisi Klasik Berdasarkan Puisi Klasik yang Wajib Diajar serta Bilangannya dalam Setiap Tema Puisi Klasik dalam Buku Teks Bahasa Cina KSSM Tingkatan Satu hingga Tiga*

| No | Tema | Tajuk Puisi | Buku Teks Tingkatan | Bilangan | Peratus (%) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Puisik klasik yang berasaskan masa<br>（时间） | 《明日歌》<br>(Mingri ge) | Satu | 1 | 5.56 |
| 2 | Puisi klasik yang berasaskan haiwan dalam dunia nyata<br>（现实世界中的动物） | 《慈乌夜啼》<br>(Ciwu yeti)<br>《燕诗》<br>(Yan shi) | Satu<br>Satu | 2 | 11.11 |
| 3 | Puisi klasik yang berasaskan haiwan dalam alam maya<br>（想像世界中的动物） | - | - | 0 | - |
| 4 | Puisi klasik yang berasaskan tumbuhan<br>（植物） | 《梅花》<br>(Meihua) | Tiga | 1 | 5.56 |

*(bersambung)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



*Jadual 4.2 (sambungan)*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 5 | Puisi klasik yang berasaskan pemandangan alam sekitar<br>（山水田园） | 《望庐山瀑布》<br>(Wanglushan pubu) | Dua | 1 | 5.56 |
| 6 | Puisi klasik yang berasaskan sejarah<br>（咏史怀古） | - | - | 0 | - |
| 7 | Puisi klasik yang berasaskan perpisahan dan kerinduan terhadap kampung halaman<br>（离别、思乡） | 《山中》<br>(Shanzhong)<br>《宿建德江》<br>(Sujiandejiang)<br>《天净沙・秋思》<br>(Tianjingsha・Qiusi)<br>《送友人》<br>(Song youren) | Dua<br>Tiga<br>Tiga<br>Tiga | 4 | 22.22 |
| 8 | Puisi klasik yang berasaskan kenangan kehidupan diri<br>（感怀身世） | 《秋夕》<br>(Qiuxi)<br>《虞美人》<br>(Yumeiren) | Dua<br>Tiga | 2 | 11.11 |
| 9 | Puisi klasik yang berasaskan percintaan<br>（爱情） | - | - | 0 | - |

*(bersambung)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



*Jadual 4.2 (sambungan)*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 10 | Puisi klasik yang berasaskan nilai murni<br>（道德伦理） | 《冬夜读书示子聿》<br>(Dongye dushu shi ziyu)<br>《七步诗》<br>(Qibu shi) | Satu<br>Satu | 2 | 11.11 |
| 11 | Puisi klasik yang berasaskan budaya pertapa<br>（隐士文化） | - | - | 0 | - |
| 12 | Puisi klasik yang berasaskan beroptimis dan berfikiran terbuka<br>（乐观旷达） | 《端午》<br>(Duanwu)<br>《竹石》<br>(Zhushi) | Satu<br>Dua | 2 | 11.11 |
| 13 | Puisi klasik yang berasaskan konsep politik<br>（政治理念） | 《青玉案・元夕》<br>(Qingyuan・Yuanxi) | Dua | 1 | 5.56 |
| 14 | Puisi klasik yang berasaskan semangat keadilan<br>（侠义精神） | 《和端午》<br>(He duanwu) | Satu | 1 | 5.56 |

*(bersambung)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



*Jadual 4.2 (sambungan)*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 15 | Puisi klasik yang berasaskan peperangan dan semangat patriotik<br><br>**（战争与爱国情操）** | 《满江红》<br>(Manjianghong) | Satu | 1 | 5.56 |

(Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017, 2018 & 2019).

Jadual 4.3

*Kategori Puisi Klasik Berdasarkan Cadangan Pembacaan Puisi Klasik serta Bilangannya dalam Setiap Tema Puisi Klasik dalam Buku Teks Bahasa Cina KSSM Tingkatan Satu hingga Tiga*

| No | Tema | Tajuk Puisi | Buku Teks Tingkatan | Bilangan | Peratus (%) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Puisik klasik yang berasaskan masa<br><br>**（时间）** | 《劝学诗》<br>(Quanxue shi) | Satu | 3 | 9.09 |
| | | 《金缕衣》<br>(Jin lvyi) | Satu | | |
| | | 《长歌行》<br>(Changge xing) | Dua | | |

*(bersambung)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



*Jadual 4.3 (sambungan)*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 2 | Puisi klasik yang berasaskan haiwan dalam dunia nyata<br>（现实世界中的动物） | - | - | 0 | - |
| 3 | Puisi klasik yang berasaskan haiwan dalam alam maya<br>（想像世界中的动物） | - | - | 0 | - |
| 4 | Puisi klasik yang berasaskan tumbuhan<br>（植物） | 《咏柳》<br>(Yongliu)<br>《赠从弟・其二》<br>(Zhencongdi・Qier) | Satu<br>Dua | 2 | 6.06 |
| 5 | Puisi klasik yang berasaskan pemandangan alam sekitar<br>（山水田园） | 《绝句》<br>(Jueju)<br>《古朗月行》<br>(Gulang yuexing)<br>《奉和令公绿野堂种花》<br>(Fenghe linggong lvyetang zhonghua) | Satu<br>Satu<br>Satu | 9 | 27.27 |

*(bersambung)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



*Jadual 4.3 (sambungan)*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 《风》<br>(Feng) | Satu | | |
| | | 《过故人庄》<br>(Guo guren zhuang) | Satu | | |
| | | 《游山西村》<br>(You shanxi cun) | Dua | | |
| | | 《暮江吟》<br>(Mujiang yin) | Dua | | |
| | | 《春日偶成》<br>(Chunri oucheng) | Tiga | | |
| | | 《山居秋暝》<br>(Shanjuqiumin) | Tiga | | |
| 6 | Puisi klasik yang berasaskan sejarah<br>**（咏史怀古）** | 《黄鹤楼》<br>(Huanghe lou) | Satu | 1 | 3.03 |
| 7 | Puisi klasik yang berasaskan perpisah-an dan kerinduan terhadap kampung halaman<br>**（离别、思乡）** | 《逢入京使》<br>(Fengru jingshi)<br>《苏幕遮・怀旧》<br>(Sumuzhe・Huaijiu) | Satu<br>Tiga | 5 | 15.15 |

*(bersambung)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



*Jadual 4.3 (sambungan)*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 《渡汉江》<br>(Du hanjiang) | Tiga | | |
| | | 《古诗十九首・迢迢牵牛星》<br>(Gushi shijiu shou・Tiaotiao qianniu xing) | Tiga | | |
| | | 《四块玉・别情》<br>(Sikuai yu・Bieqing) | Tiga | | |
| 8 | Puisi klasik yang berasaskan kenangan kehidupan diri<br>（感怀身世） | 《宣州谢朓楼饯别校书叔云》<br>(Xuanzhouxietiao lou jianbie jiaoshu shuyun) | Tiga | 2 | 6.06 |
| | | 《折桂令・九日》<br>(Zheguiling・Jiuri) | Tiga | | |
| 9 | Puisi klasik yang berasaskan percinta-an<br>（爱情） | 《一剪梅・红藕香残玉簟秋》<br>(Yijianmei・Hongou xiangcan yudianqiu) | Tiga | 1 | 3.03 |

*(bersambung)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



*Jadual 4.3 (sambungan)*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 10 | Puisi klasik yang berasaskan nilai murni<br>（道德伦理） | - | - | 0 | - |
| 11 | Puisi klasik yang berasaskan budaya pertapa<br>（隐士文化） | 《饮酒》<br>(Yinjiu) | Satu | 4 | 12.12 |
| | | 《竹里馆》<br>(Zhuliguan) | Satu | | |
| | | 《渔子歌》<br>(Yuzi ge) | Dua | | |
| | | 《池上二绝・其一》<br>(Chishangerjue・Qiyi) | Dua | | |
| 12 | Puisi klasik yang berasaskan beroptimis dan berfikiran terbuka<br>（乐观旷达） | 《浪淘沙》<br>(Langtaosha) | Dua | 3 | 9.09 |
| | | 《论诗五首・其二》<br>(Lunshiwushou・Qier) | Dua | | |
| | | 《登飞来峰》<br>(Dengfeilaifeng) | Tiga | | |

*(bersambung)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



*Jadual 4.3 (sambungan)*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 13 | Puisi klasik yang berasaskan konsep politik<br>（政治理念） | - | - | 0 | - |
| 14 | Puisi klasik yang berasaskan semangat keadilan<br>（侠义精神） | - | - | 0 | - |
| 15 | Puisi klasik yang berasaskan peperang-an dan semangat patriotik<br>（战争与爱国情操） | 《春望》<br>(Chunwang)<br>《过零丁洋》<br>(Guolingdingyang)<br>《十一月四日风雨大作二首》<br>(Shiyiyue siri feng yu dazuo ershou) | Dua<br>Dua<br>Tiga | 3 | 9.09 |

(Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017, 2018 & 2019).

Teks puisi klasik merupakan pengenalan aspek-aspek seperti kemanusiaan, kebudayaan, agama, moral, keindahan dan sebagainya terhadap murid yang berkait rapat dengan kehidupan seharian mereka. Menurut Dai (2008), bahan pengajaran dalam kurikulum bukan memisahkan murid dengan kehidupan sebenar, realitinya perlu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menggabungkan kehidupan sebenar dengan murid dan balik ke alam kehidupan sebenar. Oleh hal yang demikian, pemilihan kandungan pembelajaran teks adalah wajar mendekati kehidupan nyata murid. Sebuah puisi klasik yang dihasilkan oleh penyajak mungkin merangkumi satu atau melebihi satu tema. Kajian ini telah mengkategorikan puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina menengah rendah mengikuti tema yang lebih nyata atau difokuskan yang terkandung dalam sesebuah puisi klasik.

Berdasarkan jadual 4.2 di atas, didapati bahawa tema bagi teks puisi klasik yang dimuatkan dalam buku teks Bahasa Cina menengah rendah pada bahagian yang wajib diajar adalah luas. Tema puisi klasik yang dipilih telah merangkumi tema masa sebanyak sebuah (5.56%), tema haiwan dalam dunia nyata sebanyak dua buah (11.11%), tema tumbuhan sebanyak sebuah (5.56%), tema pemandangan alam sekitar sebanyak sebuah (5.56%), tema perpisahan dan kerinduan terhadap kampung halaman sebanyak empat buah (22.22%), tema kenangan kehidupan diri sebanyak dua buah (11.11%), tema nilai murni sebanyak dua buah (11.11%), tema beroptimis dan berfikiran terbuka sebanyak dua buah (11.11%), tema politik sebanyak sebuah (5.56%), tema semangat keadilan sebanyak sebuah (5.56%) serta tema peperangan dan semangat patriotik sebanyak sebuah (5.56%).

Jadual 4.3 pula menunjukkan analisis teks puisi klasik bagi bahagian cadangan pembacaan. Berdasarkan jadual 4.3, didapati bahawa tema bagi teks puisi klasik yang dimuatkan dalam buku teks Bahasa Cina menengah rendah pada bahagian yang cadangan pembacaan juga luas. Tema puisi klasik yang dipilih telah merangkumi tema masa sebanyak tiga buah (9.09%), tema tumbuhan sebanyak dua buah (6.06%), tema

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pemandangan alam sekitar sebanyak sembilan buah (27.27%) telah mencatatkan bilangan yang tertinggi, tema sejarah hanya sebuah (3.03%), tema perpisahan dan kerinduan terhadap kampung halaman sebanyak lima buah (15.15%), tema kenangan kehidupan diri sebanyak dua buah (6.06%), tema percintaan hanya sebuah (3.03%), tema budaya pertapa sebanyak empat buah (12.12%), tema beroptimis dan berfikiran terbuka sebanyak tiga buah (9.09%) serta tema peperangan dan semangat patriotik sebanyak tiga buah (9.09%).

Matlamat utama Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran bagi mata pelajaran Bahasa Cina sekolah menengah ialah pelajar berkebolehan untuk menguasai kemahiran bahasa dari aspek mendengar, bertutur, membaca dan menulis, menggunakan bahasa Cina untuk berfikir, belajar, berkomunikasi, menguruskan maklumat, berkarya dan menghayati pelbagai teks karya kesusasteraan dan kesenian. Menerusi proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina dapat menggalakkan proses mewarisi kebudayaan Tionghua dan meningkatkan kualiti dari segi pemikiran dan mental serta memupuk nilai estetik dan nilai moral yang berkualiti tinggi. Setelah mempelajari mata pelajaran Bahasa Cina pada peringkat sekolah menengah, murid diharap dapat menguasai kemahiran membaca secara kendiri, memperoleh ilmu dan mesej dari pelbagai saluran media, memahami pemikiran dan makna didikan dalam sesebuah karya serta memupuk tabiat membaca yang baik. Selain itu, murid diharap juga dapat menghayati karya kesusasteraan serta memahami dan merasai pemikiran dalam sesebuah karya, memahami cara penulisannya serta mengembangkan rasa bahasa yang baik (DSKP, 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Pemilihan tema teks puisi klasik yang pelbagai telah membekalkan asas yang baik terhadap pendidikan estetik. Dalam proses pembelajaran bahasa terutamanya puisi klasik akan memupuk semangat patriotik, bersosial, sifat moral yang berkualiti dan membina konsep nilai murni yang betul serta beroptimis dan berfikiran terbuka (Wan, 2020). Berdasarkan jadual 4.2 dan 4.3, didapati bahawa teks puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina dikatakan telah merangkumi tema yang pelbagai. Hal ini telah menjurus ke arah konsep yang ditekankan dalam Falsafah Pendidikan Negara untuk melahirkan seseorang insan yang berseimbangan dari segi emosi, rohani, jasmani dan intelek dapat dicapai. Hal ini demikian kerana puisi klasik mampu berfungsi sebagai pelengkap ilmu kesusasteraan yang bermatlamat bahawa murid dapat menghargai, menghayati, mencintai dan berbunga mekar dalam jiwa mereka dalam alam dunia yang serba moden ini (Siti Khariah, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan teks puisi klasik yang dikategorikan dalam jadual 4.2 dan 4.3, kita boleh mendapati bahawa puisi klasik yang bertema sejarah, keadilan dan percintaan hanya mencatatkan sebuah sahaja yang dimuatkan ke dalam buku teks Bahasa Cina menengah rendah. Sebuah puisi klasik iaitu Gushi shijiu shou • Tiaotiao qianniu xing（古诗十九首 • 迢迢牵牛星）yang mempunyai unsur percintaan telah dikategorikan ke tema perpisahan dan kerinduan terhadap kampung halaman.

Sebagaimana kita tahu, murid menengah rendah berada pada tempoh keremajaan, mereka sering prihatin terhadap diri sendiri dan jantina yang berlainan, menghajati percintaan serta mempunyai perasaan istimewa ialah fenomena yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


normal. Hal ini merupakan perasaan yang mulia bagi seseorang insan. Akan tetapi, ramai guru dan ibu bapa sering mengelakkan topik yang sensitif ini menyebabkan remaja yang tiada pengalaman kehidupan yang mencukupi serta kurangnya keupayaan menilai ketika berada dalam kebingungan. Sebenarnya, murid memerlukan bimbingan yang betul dalam didikan terhadap perasaan khususnya percintaan. Penulis Jerman yang terkenal Johann Wolfgang von Goethe mengatakan bahawa mana-mana remaja perempuan tidak akan enggan jatuh percintaan, mana-mana remaja lelaki tidak akan enggan melibatkan diri dalam percintaan (Ge, 2013)? Jelas bahawa remaja mempunyai perasaan percintaan terhadap jantina berlainan adalah fenomena psikologi yang normal. Apabila remaja menjejak langkah ke alam remaja, mereka berhasrat untuk saling mencintai antara satu sama lain. Fenomena ini merupakan perkembangan psikologi yang penting dalam kalangan remaja (Guo & Liu, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Ruan (2017) telah menyatakan bahawa menerusi dapatan kajian, bahan pengajaran Renjiaoban （人教版）negara China telah memuatkan sebanyak tujuh buah puisi klasik yang bertema percintaan manakala bahan pengajaran Hanlinban（翰林版）negara Taiwan telah memuatkan sebanyak enam buah puisi klasik yang bertema percintaan. Teks puisi klasik yang bertema percintaan telah mencatatkan bilangan yang tertinggi dalam kedua-dua bahan pengajaran ini. Dapat dilihat bahawa kedua-dua bahan pengajaran ini telah mengambil kira ciri-ciri perkembangan psikologi murid.

Percintaan adalah pengejaran manusia yang berkekalan, ia memanipulasikan sentimen pengalaman manusia dan juga membangkitkan jiwa ciptaan para penyajak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Oleh hal yang demikian, percintaan telah menjadi pemandangan yang menarik dalam kesusasteraan Cina (He, 2019). Dengan menerusi pembelajaran puisi klasik yang bertema percintaan dapat membantu murid menbina konsep percintaan yang betul. Hal ini sangat penting kerana ia merupakan perkara yang amat mendekati kehidupan percintaan dalam kalangan murid. Didikan percintaan menerusi puisi klasik dikatakan berkesan kerana ia akan mendorong murid lebih rela untuk menerima konsep dalam puisi klasik supaya menyingkirkan pemikiran yang berkonsep di mana hanya mementingkan pernah memiliki dan tidak mengira ia dapat dikekalkan selama-lamanya atau tidak.

Selain itu, puisi klasik tema bersejarah amat penting dalam warisan kebudayaan Tionghua. Peristiwa bersejarah telah dijadikan tempat keluhan para penyajak tentang tokoh-tokoh yang berjuang demi negara apabila mereka berkunjung ke tempat berkenaan (Xu, 2015). Keruntuhan sesebuah dinasti, perubahan kehidupan yang pantas dan sindiran terhadap lapisan pemerintah yang sanggup berfoya-foya sehingga mengetepikan kepentingan negara (Tang, 2014) sering dibangkitkan oleh para penyajak dalam puisi klasik tema bersejarah.

Dari aspek perkembangan etnik Tionghua, apabila manusia mula merasai kebingungan, golongan yang paling awal menyedari daripada kenyataan sosial. Oleh hal yang demikian, kebanyakan penyajak menggunakan pandangan yang objektif dan pemikiran yang tajam untuk melihat kegemilangan dan keruntuhan sesebuah dinasti. Menerusi pembelajaran puisi klasik bertema sejarah, murid dapat berfikir tentang kebaikan, keburukan, keindahan dan kehodohan manusia lalu menerapkan pengajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


daripada peristiwa sejarah (He, 2019). Kesemua ini akan dijadikan pengajaran yang penting bagi generasi akan datang dan amat penting untuk dikenali dalam sejarah kebudayaan Tionghua (Tang, 2020).

Puisi klasik yang bertema keadilan pula merupakan tema yang penting dalam kebudayaan Tionghua kerana semangat yang terkandung pada golongan pahlawan dan pewira ini mempunyai nilai yang penting khususnya dalam masyarakat dinasti Tang. Nilai yang menegakkan keadilan dan kesanggupan mengorbankan nyawa diri demi berbakti terhadap negara turut ditonjolkan dalam diri mereka (Wang, 2002). Semangat yang unik ada pada golongan pahlawan ini telah mempengaruhi etnik Tionghua dan telah diwarisi beribu-ribu tahun dalam masyarakat negara China (Wong, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, bilangan puisi klasik yang bertemakan alam sekitar dalam bahagian wajib diajar adalah rendah di mana hanya mencatatkan bilangan sebanyak sebuah sahaja berbanding dengan puisi klasik yang dimuatkan dalam bahagian cadangan pembacaan yang mencatatkan bilangan sebanyak lapan buah. Sebenarnya, puisi klasik tema alam sekitar seharusnya dititikberatkan kerana hasil karya telah menggambarkan alam sekitar dengan kesenian yang unik dan mempunyai daya tarikan yang tinggi. Penyajak biasanya menggunakan pemandangan alam sekitar untuk meluahkan perasaan mereka dan segala pemandangan bukit dan air telah menerap ke dalam minda penyajak lalu bergabungan kemudian menghasilkan puisi klasik yang mempunyai tahap kesenian yang cemerlang (Tang, 2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Sebenarnya, pemilihan teks puisi klasik seharusnya merangkumi banyak tema kerana semua tema puisi klasik mempunyai unsur kemanusiaan yang tertentu. Dengan mempelajari tema puisi klasik yang pelbagai, dunia sentimen murid akan disempurnakan dengan kecantikan serta kesenian puisi klasik (Li, 2019). Oleh hal yang demikian, puisi klasik yang bertemakan sejarah, percintaan dan keadilan sewajarnya dipilih dan dimuatkan ke dalam buku teks.

### 4.2.3 Analisis Puisi Klasik yang Dimuatkan ke Dalam Buku Teks Bahasa Cina berdasarkan Standard Pemilihan Puisi Klasik

Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam bab dua, Fu (2011) menyatakan bahawa kandungan teks puisi klasik yang dipilih sewajarnya berasaskan lima standard pemilihan iaitu ideologi, kesenian, keseronokan, informatif dan sifat kontemporari. Hal ini penting kerana dalam teori belajar J.S. Bruner telah mengemukakan bahawa dalam pembelajaran murid seharusnya dapat membina struktur ilmu secara diri sendiri iaitu memiliki semangat penerokaan ilmu ditanam pada diri murid. J.S. Bruner menyatakan bahawa semua mata pelajaran mempunyai struktur yang asas dan kelakuan penemuan murid dapat mengembangkan keupayaan berfikir, meningkatkan minat pembelajaran, motif belajar dan keyakinan belajar dalam kalangan murid (Fu & Wang, 2010). Oleh itu, dengan memenuhi lima standard pemilihan puisi klasik, teori belajar J.S. Bruner dapat direalisasikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Disebabkan globalisasi dan bilangan maklumat telah meningkat secara mendadak, tidak mungkin kesemua maklumat diterima oleh murid. Dalam alam pengetahuan yang luas ini, pemilihan ilmu pengetahuan yang bersesuaian adalah penting. Oleh hal yang demikian, dalam proses pemilihan dan penyusunan teks dalam bahan pengajaran bahasa, adalah perlu memerhatikan struktur asas mata pelajaran dan memberi perhatian terhadap penerimaan ilmu pengetahuan, minat pembelajaran serta motif pembelajaran dalam kalangan murid (Luo, 2017).

Nilai bahan pengajaran perlulah memenuhi kehidupan sebenar murid dan mampu meningkatkan perkembangan murid. Chen (2021) beranggapan bahawa bahan pengajaran sewajarnya menjadi kunci pembelajaran bahasa dalam kalangan murid di mana ia merupakan saluran murid dalam proses memperoleh ilmu pengetahuan, meningkatkan keupayaan bahasa dan memupuk nilai bahasa yang baik. Sesebuah karangan atau karya kesusasteraan yang memiliki kandungan pemikiran yang baik atau penggunaan bahasa yang baik, ia tidak semestinya sesuai untuk dijadikan bahan pengajaran. Hal ini kerana pemilihan sesebuah teks kesusasteraan sewajarnya memenuhi standard pengajaran, kognitif murid, ciri-ciri usia murid dan diterima oleh murid. Teks yang memanfaatkan proses pengajaran dan pembelajaran adalah memiliki kesesuaian dari aspek tahap kesukaran sesebuah teks, kepanjangan teks serta proses pengajaran dan pembelajaran teks. Perkara ini adalah perlu dititikberatkan dalam aspek piawaian pengajaran.

Sebenarnya, dalam proses pemilihan teks adalah wajar mempertimbangkan proses pembelajaran dan pengajaran dapat dijalankan dengan mudah. Penulisan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


sesebuah teks kesusasteraan oleh para penyajak biasanya berpusat pada pembaca dan menitikberatkan ideologi, penggunaan kata-kata, bahasa serta nilai dalaman karya dari perspektif ketulenan sastera, mereka jarang mempertimbangkan dari sudut tahap penerimaan murid serta sudut proses pengajaran. Sebagaimana yang kita ketahui, bahan pengajaran merupakan bahan pembelajaran murid yang utama. Disebabkan pihak penerima karya kesusasteraan adalah berlainan, maka fungsi dan nilai sesebuah teks juga akan berubah. Hal ini kerana teks bahan pengajaran dikatakan statik manakala proses pemilihan teks adalah dinamik. Selain itu, fungsi didikan bahan pengajaran bahasa merujuk kepada bahan pengajaran yang dapat menggalakkan murid memperoleh pengetahuan, mengembangkan kebolehan murid, membina falsafah kehidupan serta nilai murni dalam kalangan murid. Ia sepatutnya dihasilkan mengikut kehendak zaman dan mempunyai perkaitan yang rapat dalam kehidupan harian manusia (Chen, 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pakar pendidikan bahasa Yu (2006) telah menyatakan bahawa pembangunan inisiatif dan keaktifan belajar dalam kalangan murid adalah wajib. Selain itu, ilmu yang dipelajari oleh pelajar sewajarnya berada pada pengalaman murid yang sedia ada supaya murid dapat memahami, membina lambang dalam psikologi berpandukan pengalaman yang sedia ada dengan persekitaran luaran. Dengan ini, murid barulah dapat membina pengalaman informan yang dihasilkan berpandukan persekitaran.

Jadual 4.4 di bawah merupakan analisis teks puisi klasik berdasarkan lima standard pemilihan kandungan teks puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina KSSM tingkatan satu hingga tiga.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 4.4

*Analisis Teks Puisi Klasik Berdasarkan Lima Standard Pemilihan Kandungan Teks Puisi Klasik dalam Buku Teks Bahasa Cina KSSM Tingkatan Satu hingga Tiga*

| No | Tajuk Puisi | Ideologi | Kesenian | Kesero-nokan | Infor-matif | Sifat Kontem-porari |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 《冬夜读书示子聿》 (Dongye dushu shiziyu) | √ | | √ | √ | √ |
| 2 | 《七步诗》 (Qibu shi) | √ | √ | √ | √ | √ |
| 3 | 《燕诗》 (Yan shi) | √ | √ | √ | √ | √ |
| 4 | 《慈乌夜啼》 (Ciwu yeti) | √ | √ | √ | √ | √ |
| 5 | 《梅花》 (Meihua) | √ | √ | √ | √ | √ |
| 6 | 《端午》 (Duanwu) | √ | √ | √ | √ | √ |

*(bersambung)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



*Jadual 4.4 (sambungan)*

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 7 | 《和端午》<br>(Heduanwu) | √ | | | √ | √ |
| 8 | 《明日歌》<br>(Mingri ge) | √ | √ | √ | √ | √ |
| 9 | 《山中》<br>(Shanzhong) | √ | √ | | √ | |
| 10 | 《望庐山瀑布》<br>(Wanglushan pubu) | √ | √ | √ | √ | √ |
| 11 | 《竹石》<br>(Zhushi) | √ | √ | √ | √ | √ |
| 12 | 《青玉案・元夕》<br>(Qingyuan • Yuanxi) | √ | √ | | √ | √ |
| 13 | 《秋夕》<br>(Qiuxi) | √ | | | √ | |
| 14 | 《宿建德江》<br>(Sujian dejiang) | √ | √ | | √ | |
| 15 | 《虞美人》<br>(Yumeiren) | √ | √ | √ | √ | |
| 16 | 《天净沙・秋思》<br>(Tianjingsha • Qiusi) | √ | √ | | √ | |

*(bersambung)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



*Jadual 4.4 (sambungan)*

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 17 | 《满江红》<br>(Manjianghong) | √ | √ | √ | √ | √ |
| 18 | 《送友人》<br>(Songyouren) | √ | √ | √ | √ | √ |
| 19 | 《绝句》<br>(Jueju) | √ | √ | | √ | |
| 20 | 《劝学诗》<br>(Quanxue shi) | √ | √ | √ | √ | √ |
| 21 | 《逢入京使》<br>(Feng rujing shi) | √ | √ | | √ | √ |
| 22 | 《过故人庄》<br>(Guo guren zhuang) | √ | √ | √ | √ | √ |
| 23 | 《黄鹤楼》<br>(Huanghelou) | √ | √ | | √ | √ |
| 24 | 《咏柳》<br>(Yongliu) | √ | √ | | √ | |
| 25 | 《古朗月行》<br>(Gulang yuexing) | √ | √ | √ | √ | √ |
| 26 | 《奉和令公绿野堂种花》<br>(Fenghelinggong lvyetang zhonghua) | √ | √ | | √ | |

*(bersambung)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



*Jadual 4.4 (sambungan)*

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 27 | 《竹里馆》 (Zhuliguan) | √ | √ | | √ | |
| 28 | 《饮酒》 (Yinjiu) | √ | √ | | √ | √ |
| 28 | 《风》 (Feng) | √ | √ | | √ | |
| 30 | 《金缕衣》 (Jinlvyi) | √ | √ | √ | √ | √ |
| 31 | 《浪淘沙》 (Langtaosha) | √ | √ | √ | √ | √ |
| 32 | 《春望》 (Chunwang) | √ | √ | √ | √ | √ |
| 33 | 《游山西村》 (You shanxicun) | √ | √ | √ | √ | √ |
| 34 | 《长歌行》 (Changge xing) | √ | √ | √ | √ | √ |
| 35 | 《论诗五首・其二》 (Lunshiwushou・Qier) | √ | √ | √ | √ | √ |
| 36 | 《渔子歌》 (Yuzi ge) | √ | √ | | √ | √ |

*(bersambung)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



*Jadual 4.4 (sambungan)*

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 37 | 《赠从弟・其二》<br>(Zhencongdi・Qier) | √ | √ | | √ | √ |
| 38 | 《池上二绝・其一》<br>(Chishangerjue・Qiyi) | √ | √ | √ | √ | |
| 39 | 《暮江吟》<br>(Mujiangyin) | √ | √ | | √ | |
| 40 | 《过零丁洋》<br>(Guolingdingyang) | √ | √ | √ | √ | √ |
| 41 | 《登飞来峰》<br>(Dengfeilaifeng) | √ | √ | √ | √ | √ |
| 42 | 《苏幕遮・怀旧》<br>(Sumuzhe・Huaijiu) | √ | √ | | √ | √ |
| 43 | 《春日偶成》<br>(Chunri oucheng) | √ | √ | | √ | |
| 44 | 《一剪梅・红藕香残玉簟秋》<br>(Yijianmei・Hongou xiangcan yudianqiu) | √ | √ | | √ | √ |
| 45 | 《渡汉江》<br>(Duhanjiang) | √ | | | √ | √ |

*(bersambung)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



*Jadual 4.4 (sambungan)*

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 46 | 《宣州谢朓楼饯别校书叔云》<br><br>(Xuanzhouxietiaolou jianbie jiaoshu shuyun) | √ | | | √ | |
| 47 | 《山居秋暝》<br><br>(Shanjuqiumin) | √ | √ | | √ | √ |
| 48 | 《折桂令・九日》<br><br>(Zheguiling・Jiuri) | √ | √ | √ | √ | |
| 49 | 《古诗十九首・迢迢牵牛星》<br><br>(Gushishijiushou ・ Tiao tiao qianniuxing) | √ | √ | √ | √ | √ |
| 50 | 《四块玉・别情》<br><br>(Sikuaiyu・Bieqing) | √ | √ | | √ | √ |
| 51 | 《十一月四日风雨大作二首》<br><br>(Shiyiyue siri fengyu dazuo ershou) | √ | √ | √ | √ | √ |

(Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017, 2018 & 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


#### 4.2.3.1 Analisis Teks Puisi Klasik yang Memenuhi Lima Standard Pemilihan Kandungan Teks Puisi Klasik

Jadual 4.4 di atas telah menunjukkan bahawa dua puluh tiga buah teks puisi klasik telah memenuhi lima standard pemilihan kandungan teks puisi klasik. Puisi klasik Yan shi（燕诗）merupakan hasilan karya Bai juyi（白居易）dalam dinasti Tang. Puisi klasik ini menggunakan burung layang-layang yang berpasangan untuk menyindir serta menasihati insan yang ingin meninggalkan ibu bapa dan kampung halaman perseorangan. Menerusi puisi klasik ini, penyajak menasihati burung layang-layang jangan sedih dan perlulah mengimbas kembali bahawa adakah pernah menyakiti hati ibu bapa sewaktu muda. Burung layang-layang tentu tidak memahami kata-kata manusia, realitinya penyajak ingin mengingati Liusou（刘叟）bahawa sewaktu muda dia telah meninggalkan ibu bapa, maka kini sendiri telah melalui peristiwa yang sama. Tujuan penyajak memerihalkan perkara ini adalah untuk mengingati orang ramai bahawa jika inginkan anak berbakti pada diri sendiri, kita perlulah mengetuai untuk berbakti terhadap ibu bapa dahulu (Luo, 2017). Puisi klasik ini dikatakan telah memenuhi standard ideologi, informatif dan sifat kontemporari kerana puisi klasik ini telah memberikan pengajaran terhadap orang ramai tentang kepentingan didikan teladan diri daripada didikan bahasa. Puisi klasik ini juga memberikan kesedaran terhadap pemikiran setiap insan dan memenuhi keperluan zaman kini yang kekurangan berbakti pada ibu bapa. Di samping itu, maksud penggunaan imej burung layang-layang yang nyata dalam puisi klasik telah menampilkan kandungan yang ingin disampaikan dengan jelas. Teknik penulisan puisi klasik yang unik ini telah ditonjolkan dalam teks puisi klasik Bai juyi (Zhou, 2012) di mana memiliki standard kesenian dan keseronokan dalam penggunaan haiwan sebagai imej dalam puisi klasiknya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Puisi klasik Duanwu（端午）adalah hasil karya Wen xiu（文秀）dalam dinasti Tang. Kandungan puisi klasik adalah mengingati penyajak Quyuan（屈原）yang membunuh diri di sungai Miluo（汨羅江）. Disebabkan orang ramai berasa kematian Quyuan adalah tidak adil, maka mereka melemparkan zongzi（粽子）ke dalam sungai untuk mengelakkan mayatnya dimakan oleh ikan serta mengayuh perahu naga untuk mengaut mayat Quyuan. Penyajak menerusi puisi ini mengemukakan satu persoalan iaitu tragedi sebegini yang telah berlaku dan ketidakadilan yang dialami tidak dapat dibersihkan dengan mudah yang mempunyai aspek ideologi dan informatif dalam standard pemilihan puisi klasik. Penyajak telah menggunakan soalan retorik untuk menyatakan kemarahan dan rasa simpati beliau terhadap ketidakadilan yang dilalui oleh Quyuan (Li, 2016) di mana cara penyampaian ini memiliki standard pemilihan puisi klasik dalam aspek kesenian. Teks puisi klasik ini boleh dikatakan meningkatkan penguasaan kebudayaan Tionghua tentang perayaan Duanwu dan mendekati kehidupan murid (Liu, 2015) kerana perayaan Duanwu masih dirai sehingga masa kini dan telah memenuhi standard pemilihan puisi klasik dari aspek keseronokan dan sifat kontemporari.

Puisi klasik Zhushi（竹石）adalah hasil karya penyajak dinasti Qing, Zheng xie（郑燮）. Puisi klasik ini adalah sanjungan buluh yang mengandungi semangat ketabahan dan bukan semata-mata pada keindahannya sahaja. Penyajak meminjam perwatakan buluh untuk meluahkan pemikirannya yang tidak rela mengikuti perkembangan sosial semasa yang tidak seiras dengan pemikirannya yang mulia. Puisi klasik ini dapat menyentuh hati pembaca kerana semangat ketabahan bersamaan dengan buluh yang sanggup menghadapi dan mengharungi dugaan kehidupan. Puisi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


klasik ini bukan sahaja memuji keindahan buluh tetapi telah menonjolkan ketabahan buluh yang perlu kita pelajari dalam kehidupan harian kita (He, 2019) di mana puisi klasik ini telah memenuhi standard ideologi, informatif serta sifat kontemporari. Nilai murni yang mulia ini dapat diterapkan ke dalam minda murid menerusi pembelajaran puisi klasik ini. Selain itu, penggunaan istilah yang tepat dapat menonjolkan semangat yang kuat pada buluh (Xiang, 2010) telah menonjolkan standard kesenian serta keseronokan dalam puisi klasik ini.

Puisi klasik Langtaosha（浪淘沙）pula merupakan hasil karya Liu yuxi（刘禹锡）dalam dinasti Tang. Puisi klasik menggambarkan keadaan ombak yang bergelora di Hwang Ho berderas sehingga ke galaksi bertemu dengan Niulang zhinv（牛郎织女）. Penyajak juga ingin menyampaikan dirinya perlu bersamaan dengan ombak Hwang Ho yang mempunyai semangat perjuangan yang kukuh, tidak mudah berputus asa dan tidak menundukkan kepala terhadap segala kesulitan dan halangan yang ditemui. Dua ayat puisi klasik yang pertama telah menjelaskan semangat ketabahan penyajak dan beliau mempercayai bahawa setelah mengharungi pelbagai rintangan kehidupan akan menonjolkan keheroan diri dan telah memenuhi standard pemilihan teks puisi klasik dari aspek ideologi dan informatif. Peyajak telah menggunakan imej yang nyata untuk merumuskan sentimen penyajak bahawa semangat keadilan pasti akan mengalahkan kejahatan dan telah memberikan pencerahan kepada generasi yang akan datang. Imej yang nyata yang ditampilkan dalam puisi klasik dapat mendorong murid berfikir dengan lebih mendalam dan juga mememuhi standard pemilihan teks puisi klasik dari aspek kesenian, keseronokan serta mengaplikasikan mesej yang disampaikan oleh penyajak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dalam kehidupan harian murid yang memenuhi standard pemilihan teks puisi klasik dari aspek sifat kontemporari (Li, 2018).

Puisi klasik Wanglushan pubu（望庐山瀑布）yang merupakan hasil karya penyajak dinasti Tang yang terkenal, Li bai（李白）. Penyajak telah menggunakan bahasa dan imej yang nyata serta teknik pemerian yang berlebih-lebihan untuk menggambarkan keindahan pemandangan di air terjun Lushan（庐山）(Li, 2009). Puisi klasik ini mempunyai keunikan dalam strukturnya yang menggunakan kata kerja untuk menggambarkan pergerakan, pemikiran, sikap, perubahan dalam keadaan tertentu. Puisi klasik yang bertema pemandangan alam sekitar khususnya menggambarkan kemantapan bukit-bukau dan pergerakan air untuk menggambarkan ketenangan dan pergerakan (Wu, 2001). Sentimen penyajak adalah bersamaan dengan irama puisi klasik di mana meluahkan sentimen pada pemandangan bukit-bukau dan air serta berupaya untuk menyentuh perasaan pembaca. Selain itu, hasil karya puisi klasik Wang anshi（王安石）, Meihua（梅花）telah meminjam bunga plum untuk menggambarkan ketabahan dan berhemah tinggi dalam diri sendiri. Walaupun bunga plum berada pada keadaan yang sukar iaitu kesejukan yang tinggi, ia masih dapat berbunga dengan baik seperti penyajak masih dapat berpegang teguh pada etika dan keadilan. Penyajak menggunakan bahasa yang mudah untuk menggambarkan ketabahan dan kesucian bunga plum sebagai wakilan beliau yang tabah menghadapi persekitaran yang sukar (Wang, 2015). Selain bunga plum mengandungi kesucian salji, ia juga mengandungi bau wangi yang tiada dalam salji. Bau wangi adalah keunikan bunga plum yang menggambarkan keperibadian penyajak yang tabah. Pemikiran imej yang nyata serta perwatakan yang nyata (Liu, 2000) telah ditonjolkan melalui puisi klasik ini yang dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


membentuk sikap kehidupan yang positif (Wu, 2013) dalam kalangan murid. Hal ini telah memenuhi aspek ideologi, informatif dan sifat kontemporari dalam standard pemilihan puisi klasik. Di samping itu, penyajak tidak menggambarkan warna bunga plum adalah putih secara langsung, beliau telah menggunakan salji untuk menyatakan warna bunga plum. Penggunaan metafora ini telah memenuhi aspek kesenian dalam standard pemilihan puisi klasik. Selain itu, penyajak menyatakan bahawa beliau telah merasai kewangian bunga plum dari jauh. Apabila penyajak berdiri di sudut dinding, pemandangan yang dilihat adalah putih-putihan dan beliau menyedari bahawa ia bukan salji tetapi merupakan bunga plum yang telah berbunga dan membawa bau wangi dari berjauhan (Zhang, 2019). Unsur keseronokan telah ditonjolkan dengan cara penyampaian penyajak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Puisi klasik Lunshi wushou • Qier（论诗五首 • 其二）merupakan hasil karya Zhao yi（赵翼）dalam dinasti Qing. Puisi klasik ini menggalakkan penyajak yang menghasilkan puisi klasik perlu mengandungi keunikan dari segi semangat kezamanan dan personaliti, berani dalam pembaharuan dan membantah terhadap hasil karya yang mengikuti zaman yang sebelum ini semata-mata sahaja. Penyajak mengemukakan mesej bahawa puisi klasik seharusnya berkembang mengikut perkembangan semasa dan perlu menitikberat unsur kreativiti bukan sahaja mencontohi karya sebelum ini. Puisi klasik ini telah memberikan kesedaran terhadap murid bahawa golongan muda perlu mempunyai cita-cita dan hasrat sendiri supaya dapat membina masa depan yang cerah (Li, 2011) yang memiliki aspek ideologi dan informatif dalam standard pemilihan puisi klasik. Selain itu, standard kesenian telah ditonjolkan oleh penyajak menerusi puisi klasik mengemukakan satu kenyataan dalam alam semesta ini ialah perubahan sentiasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


berlaku pada alam sekitar dan kehidupan manusia serta mempunyai zaman kegemilangannya. Proses penciptaan merupakan proses secara berterusan dan bukannya telah disempurnakan serta wajar mempertimbangkan cara mengkarya puisi klasik yang mengandungi idea baharu dan memenuhi semangat kontemporari (Peng, 2021).

Puisi klasik Gulang yuexing（古朗月行）merupakan hasil karya Li bai（李白）dalam dinasti Tang. Puisi klasik ini menyatakan kenalannya bulan yang pada peringkat kanak-kanak adalah jernih dan kejernihan bulan semakin berkurangan sehingga berada dalam kekaburan seterusnya meluahkan perasaan kemarahan dan kekecewaan penyajak tentang kehilangan bulan (Luo, 2017). Penggunaan peristiwa kiasan seperti dewa-dewi, arnab dalam puisi klasik dan sentimen penyampaian yang kuat telah memenuhi aspek keseronokan dan kesenian dalam standard pemilihan puisi klasik yang mempunyai imej kesenian yang nyata di mana unsur romantisisme yang mendalam telah terkandung dalam puisi klasik ini (Huang, 2019). Puisi klasik Dengfeilaifeng（登飞来峰）pula merupakan hasil karya Wan anshi（王安石）dalam dinasti Song. Puisi klasik ini menghuraikan keadaan penyajak yang berada pada puncak gunung yang menyaksikan penerbitan matahari menonjolkan semangat penyajak dan berkeyakinan terhadap masa depannya. He (2019) telah menyatakan bahawa dengan menerusi pemerihalan pemandangan alam semula jadi dapat menonjolkan semangat cinta akan alam sekitar dan kehidupan seharian serta semangat optimis yang terkandung pada penyajak. Emosi dan fizikal murid dapat berkembang kerana nilai murni tradisional dan akhlak yang mulia dapat ditonjolkan menerusi pembelajaran puisi klasik ini. Menurut Wang (2019), dua ayat puisi yang pertama telah mengemukakan falsafah yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mendalam iaitu manusia tidak boleh berfikir kepentingan semasa sahaja dan perlulah mempunyai pemikiran yang luas dan berjauhan. Hal ini telah memenuhi aspek ideologi dan informatif dalam standard pemilihan puisi klasik. Penggunaan peristiwa kiasan tentang awan telah menambahkan unsur keseronokan dalam puisi klasik. Penyajak telah membalikkan penggunaan peristiwa kiasan ini dengan mengatakan bahawa beliau tidak takut akan awan yang menutup penglihatannya kerana dia berdiri di tempat yang tertinggi. Hal ini telah menonjolkan aspek kesenian dalam standard pemilihan puisi klasik. Dengan ini, murid akan merasai konotasi kebudayaan Tionghua yang mendalam serta mengaplikasikannya dalam kehidupan harian mereka.

Puisi klasik Tiaotiao qianniuxing（迢迢牵牛星）pula merupakan hasil puisi klasik yang dihasilkan dalam dinasti Han. Sentimen dalam puisi klasik ini adalah mendalam yang meluahkan perasaan kesedihan atas perpisahan dan kerinduan wanita dengan meminjamkan kisah mitos Niulang（牛郎）dan Zhinv（织女）dipisahkan oleh galaksi dan tidak dapat bertemu antara satu sama lain. Penggunaan mitos dalam puisi klasik dikatakan telah memenuhi aspek ideologi, informatif dan keseronokan. Penyajak telah menghuraikan pergerakan Zhinv yang teliti dan berjaya memerihalkan sentimennya (Guo, 2014). Puisi klasik Mingri ge（明日歌）merupakan hasil karya Qian hetan（钱鹤滩） pada dinasti Ming. Penyajak menggunakan diri sendiri sebagai teladan untuk menasihati orang ramai supaya menghargai setiap hari dan memanfaatkan setiap detik masa, jangan membazirkan masa dan hanya semata-mata menunggu hari yang akan datang sahaja. Penyajak juga menasihati orang ramai supaya jangan menjadikan hari keesokan sebagai beban kerana hal ini akan melepaskan banyak peluang dan akhirnya meninggalkan kesesalan. Wu (2013) menyatakan bahawa kandungan puisi klasik ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


telah mempunyai nilai dan pengajaran dan memenuhi kehendak zaman kini di mana menghargai masa pada setiap detik adalah konsep yang perlu ditanamkan dalam minda setiap insan. Hal ini telah memenuhi aspek ideologi, informatif dan sifat kontemporari dalam standard pemilihan puisi klasik. Selain itu, ayat puisi klasik telah mengingati orang ramai supaya menghargai masa terutamanya pada zaman remaja dan menjadikan hayat hidup zaman remaja bernilai. Ayat puisi yang kedua akhir telah menjawab persoalan yang dikemukakan dalam puisi klasik menjadikan puisi klasik ini memenuhi aspek kesenian dan keseronokan dalam standard pemilihan puisi klasik (Yuan, 2001).

Puisi klasik Quanxue shi（劝学诗）pula merupakan hasil karya Yan zhenqing（颜真卿）dalam dinasti Tang. Puisi klasik ini mengingati orang yang bercita-cita seharusnya mengambil kesempatan untuk belajar dan meningkatkan jati diri pada setiap masa, dengan ini barulah dapat menguasai keupayaan untuk berbakti terhadap negara. Puisi klasik ini juga menggunakan teknik perbandingan, sentimen irama yang mendalam serta bahasa yang mudah untuk menyampaikan mesej utama yang menasihati remaja jangan membuang masa dan perlu belajar dengan tekun sejak muda lagi supaya tidak kesal pada masa yang akan datang (Dai, 2008) telah memenuhi aspek kesenian dan keseronokan dalam standard pemilihan puisi klasik. Selain itu, ayat puisi klasik yang kedua akhir telah menggunakan teknik perbandingan untuk menyeru orang ramai berfikir tentang zaman muda dan zaman tua yang menonjolkan imej yang nyata serta mengemukakan ideologi dan informatif tentang kerajinan belajar zaman muda adalah sangat penting (Li, 2000). Puisi klasik ini juga memenuhi aspek sifat kontemporari dalam standard pemilihan puisi klasik di mana pemikiran penyajak masih bersesuaian dengan manusia zaman kini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Puisi klasik Jinlv yi（金缕衣）merupakan hasil karya Du qiuniang（杜秋娘）dalam dinasti Tang. Puisi klasik ini menyeru orang ramai supaya tidak mementingkan kekayaan semata-mata dan perlu menghargai zaman remaja supaya masa tidak disia-siakan telah merangkumi aspek ideologi, informatif dan sifat kontemporari dalam standard pemilihan puisi klasik. Puisi klasik ini mempunyai falsafah dan makna kehidupan yang mendalam dan mempunyai nilai estetik yang tinggi (Li, 2018). Hal ini kerana penyajak telah mengaplikasikan retorik dalam pengkaryaan dengan menggunakan bunga serta teknik perbandingan untuk menasihati orang muda supaya menghargai dan memanfaatkan zaman muda (Cai, 2002) telah memenuhi aspek kesenian dan keseronokan dalam standard pemilihan puisi klasik.

Puisi klasik Changge xing（长歌行）merupakan hasil karya yang dihasilkan dalam dinasti Tang. Puisi klasik ini menggunakan pemandangan alam sekitar untuk meluah perasaan serta menyatakan falsafah yang menasihati orang ramai supaya menghargai masa dan mengambil kesempatan untuk berjuang demi kemajuan. Puisi klasik juga mengingati orang ramai bahawa masa berlalu dengan pantas dan seumur hidup manusia adalah singkat, maka orang ramai perlu berusaha pada zaman remaja dan mencapai ke suatu peringkat hasil kejayaan (Li, 2017) telah memenuhi aspek ideologi, informatif dan sifat kontemporari dalam dalam standard pemilihan puisi klasik. Penggunaan retorik dalam lapan ayat puisi klasik yang pertama mempunyai imej kesenian dan unsur kesusasteraan yang mendalam (Zhong, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Selain itu, pengetahuan estetik seperti dalam puisi klasik Ciwu yeti（慈乌夜啼）yang merupakan hasilan karya Bai juyi（白居易）dalam dinasti Tang. Ciwu merupakan sejenis burung kakak tua yang saiz badannya lebih kecil dan mempunyai nilai murni dalam berbakti terhadap ibunya. Penyajak meminjam sahsiah yang berada pada burung kakak tua untuk menggambarkan perasaan kesal dan kesedihan diri kerana gagal berbakti terhadap ibu bapa (Zhang, 2017). Cara penyampaian penyajak ini telah memenuhi aspek kesenian dan keseronokan dalam standard pemilihan puisi klasik. Perkembangan murid juga dapat ditingkatkan dari aspek pemikiran (Fu, 2011) dan sanubari yang sihat dapat dibentuk (Zheng, 2004) di mana murid dapat memanfaatkan hayat hidup mereka serta berbakti terhadap ibu bapa mereka.

Puisi klasik Qibu shi（七步诗）pula menyatakan peristiwa tentang Caopi（曹丕）yang iri hati terhadap bakat yang berada pada adiknya Caozhi（曹植）dan menurunkan perintah perlu menghasilkan sebuah puisi klasik yang bertema adik-beradik dalam tujuh langkah. Jika Caozhi gagal berbuat demikian, dia akan dijatuhkan hukuman mati. Caozhi menggunakan proses memasak kacang sebagai tema untuk menggambarkan kesedihannya disebabkan permusuhan antara adik-beradik. Ahkirnya Caopi insaf diri dan membebaskan adiknya Caozhi. Puisi klasik ini telah menyatakan kepentingan berdamaian antara adik-beradik yang memenuhi aspek ideologi, informatif dan sifat kontemporari di mana konsep mengeratkan silatuharim antara adik-beradik masih ditekankan sehingga zaman kini. Penyajak telah menggunakan teknik metafora dengan meminjamkan masakan kacang di mana ia merupakan perkara biasa dalam kehidupan orang ramai untuk meluahkan perasaannya (Li, 2020). Hal ini telah memenuhi aspek kesenian dan keseronokan dalam standard pemilihan puisi klasik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Hasil karya Du fu（杜甫），Chunwang（春望）dalam dinasti Tang pula merupakan puisi klasik yang menggambarkan keadaan Changan（长安）selepas peperangan dan mengeluh tentang kekalahan peperangan yang dilalui oleh negara serta kebimbangan tentang masa depan negara sehingga rambutnya telah berubah menjadi berwarna putih dan semakin nipis. Puisi klasik ini telah menyampaikan mesej bahawa surat keselamatan sukar sampai ke tangan ahli keluarga disebabkan peperangan yang berlarutan. Struktur dalam puisi klasik adalah padat dan menggabungkan pemandangan dengan sentimen keluhan penyajak disebabkan membimbangkan masa hadapan negara dan rakyat (Fan, 2010). Apabila penyajak melihat pemandangan yang bunga-bungaan dan kepulangan burung, penyajak telah berfikir tentang ahli keluarganya dan sentimen penyajak telah tersentuh lalu menggunakan pemandangan ini dengan berpandukan unsur retorik untuk meluahkan sentimen kesedihannya. Konsepsi seni yang dicipta oleh penyajak telah mencapai tahap gabungan antara manusia dengan kebendaan di mana bunga dan burung juga mempunyai sentimen manusia. Enam ayat puisi klasik yang pertama ditulis dari sudut makro dan dua ayat puisi klasik yang terakhir adalah menonjolkan diri sendiri. Cara penyampaian penyajak boleh dikatakan fleksibel dan berubah-ubah. Hal ini telah memenuhi aspek kesenian dan keseronokan dalam standard pemilihan puisi klasik. Di samping itu, penyajak telah menggabungkan kerinduan terhadap ahli keluarga dan negara di mana kebimbangan penyajak telah termasuk negara serta kerinduan terhadap kampung halamannya. Penyajak bukan menggunakan puisi klasik untuk mencatatkan peristiwa sejarah, tetapi menggunakan puisi klasik untuk mencipta kenyataan sebenar dalam kehidupan masyarakat yang penuh dengan kesedihan dan kerinduan (Wang, 2020). Aspek ideologi, informatif dan sifat kontemporari telah ditonjolkan dalam puisi klasik ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Puisi klasik Song youren（送友人）pula merupakan hasil karya Li bai（李白）dalam dinasti Tang. Puisi klasik ini telah meluahkan perasaan yang tidak sampai hati ketika penyajak berpisah dengan rakannya dan memaparkan hubungan persahabatan yang mendalam dalam kalangan mereka. Cara penyampaian penyajak adalah baharu serta luar biasa dengan menggabungkan keindahan pemandangan alam sekitar dan ketulenan hubungan persahabatan (Zhao, 2003). Puisi klasik ini dapat menambahkan unsur keseronokan dalam pemilihan teks puisi klasik kerana puisi klasik ini dapat meningkatkan keaktifan pembelajaran murid dan mengaplikasikannya ke dalam kehidupan murid agar murid dapat meluahkan perasaan sebenarnya (Wu, 2013). Puisi klasik Guo gurenzhuang（过故人庄）pula merupakan hasil karya Meng haoran（孟浩然）dalam dinasti Tang. Puisi klasik ini menyatakan penyajak mempelawa rakannya ke kampung halamannya untuk menjamu selera dan minum serta bersembang. Puisi klasik ini telah menggambarkan keindahan kampung dan kehidupan penanaman yang tenteram serta menyatakan hubungan persahabatan yang tulen (Gao, 2008). Puisi klasik Youshan xichun（游山西村）pula merupakan hasil karya Lu you（陆游）dalam dinasti Song. Puisi klasik ini menggambarkan keadaan kehidupan harian serta pemandangan di kampung Jiangnan（江南）. Penyajak menyatakan perasaan cinta akan kehidupan yang berada dalam alam sekitar yang indah (He, 2019). Layanan para penduduk kampung yang baik serta kesucian para penduduk kampung telah ditonjolkan dalam puisi klasik ini. Gabungan imej bukit, air, pokok willow, bunga telah membentuk satu gambaran yang indah dan pembaca dapat bersamaan dengan penyajak yang bersiar-siar dalam keadaan alam sekitar yang indah serta dapat merasai penyajak yang mencintai kebudayaan tradisonal khasnya pada kebudayaan dalam kampung (Li, 2020). Kandungan ketiga-tiga buah puisi klasik ini telah mendekati kehidupan harian murid (Ren, 1995) yang memenuhi sifat kontemporari dalam standard pemilihan puisi klasik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dan minat pembelajaran dapat dianjakkan (Fu, 2011) kerana sentimen kemesraan telah menggalakkan motivasi dan keaktifan pembelajaran murid (Ren, 1995) dalam aspek ideologi dan informatif.

Puisi klasik Guolingdingyang（过零丁洋）pula merupakan hasil karya Wen tianxiang（文天祥）dalam dinasti Song. Puisi klasik ini meluahkan semangat patriotik yang kukuh dan beranggapan bahawa berkorban demi negara adalah tanggungjawab diri serta memandangkan kematian diri adalah kepulangan yang berbangga. Sentimen penyajak yang megah dalam puisi klasik ini telah menampilkan integriti yang tinggi dalam budaya Tionghua yang sanggup mengorbankan diri untuk keadilan (Xu, 2011). Ci Manjianghong（满江红）pula merupakan hasil karya Yue fei（岳飞）dalam dinasti Song. Ci ini telah menyatakan kekuatan hajat dan keyakinan penyajak untuk menang dalam menentang penaklukan Jin untuk menyelamatkan negara. Hal ini telah menonjolkan semangat kegagahan dan kepahlawanan serta unsur patriotisme yang tegap. Ayat dalam ci telah menggambarkan kebimbangan penyajak terhadap negara dan kebencian akan musuh negara serta menghargai masa yang sedia ada untuk menyempurnakan tugas demi menyatukan negara (Yu, 2000). Ci ini telah menggalakkan sentimen dan pemikiran cinta akan negara dalam kalangan rakyat Tionghua disebabkan nada yang menunjukkan keheroan yang tinggi (Song, 2014). Puisi klasik Shiyiyuesiri fengyudazhuo ershou （十一月四日风雨大作二首）merupakan hasil karya Lu you（陆游）dalam dinasti Song. Puisi klasik ini menyatakan penyajak melibatkan diri dalam peperangan dan semangat berjuang demi negara tidak akan berkurangan sehingga tua. Walaupun umur penyajak sudah tua, tetapi semangat kehidupan dalam jiwanya tidak berkurangan (Li, 2017). Ketiga-tiga buah puisi klasik ini dapat menghidupkan kesedaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


murid yang bersesuaian dengan masyarakat kini (Mao, 2018) dan mengetuai murid untuk menyedari tanggungjawab diri (Hu, 2008) sebagai rakyat. Kesemua puisi klasik ini merupakan tema yang mendekati kehidupan pelajar di mana ia dapat menanamkan semangat patriotisme dalam minda murid yang memenuhi aspek ideologi, informatif, sifat kontemporari dalam standard pemilihan puisi klasik.

Secara rumusan, dua puluh tiga buah puisi klasik yang dibincangkan di atas dikatakan telah memenuhi kelima-lima standard pemilihan puisi klasik di mana kandungan puisi klasik telah mengemukakan pemikiran yang positif, sikap yang beroptimis (Tan, 2012), menggambarkan keindahan dalam puisi klasik (Hu, 2008) serta mendekati kehidupan harian murid demi meningkatkan minat pembelajaran murid (Fu, 2011). Perkembangan dalam aspek pemikiran dan psikologi murid (Zheng, 2004) dapat direalisasikan kerana teks puisi klasik telah mengikuti perkembangan zaman semasa dan dapat menonjolkan kesedaran zaman, memerhatikan kehidupan dan balik ke alam sekitar (Li, 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


#### 4.2.3.2 Teks Puisi Klasik yang Standard Ideologi Kurang Nyata dalam Pemilihan Kandungan Teks Puisi Klasik

Penitikberatan tentang semangat patriotik, nilai murni, pembentukan falsafah kehidupan yang beroptimis dan peningkatan nilai estetik kesusasteraan amat penting dalam pemilihan teks puisi klasik. Hal ini demikian kerana puisi klasik memainkan peranan dalam memperadabkan orang ramai disebabkan puisi klasik mencerminkan pemikiran seseorang penyajak yang dapat membimbing orang ramai (Fu, 2011). Oleh hal yang demikian, aspek ideologi amat penting dalam sesebuah teks puisi klasik. Berikut merupakan perbincangan tentang puisi klasik yang standard ideologinya kurang nyata.

Sebagai contoh, puisi klasik Jueju（绝句）merupakan hasil karya Du fu（杜甫）dalam dinasti Tang. Puisi klasik ini telah menggambarkan pemandangan musim bunga yang indah di Chengdu, China. Penyajak hanya menghuraikan keindahan pemandangan pada musim bunga di mana pemikiran dan konsep nilai murni yang kurang nyata payah diterapkan ke dalam minda murid khususnya murid menengah rendah. Karya ini dihasilkan setelah An Lusahan Rebellion（安史之乱）di mana hati penyajak berada dalam keadaan ceria. Menurut Rao (2013), jika tidak meneliti puisi klasik Du fu dengan mendalam, maka pemahaman terhadap kandungan puisi klasik tidak akan menyeluruh. Teori pembelajaran “Kongnitif-Penemuan” J.S. Bruner menekankan bahawa pembelajaran ilmu seharusnya berada pada pengalaman murid dan berupaya untuk memahami, membina lambang dalam psikologi berdasarkan persekitaran. Selain itu, puisi klasik Mujiangyin（暮江吟）merupakan hasil karya Bai juyi（白居易）dalam dinasti Tang. Penyajak telah menggunakan dua jenis pemandangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dan teknik metafora untuk meluahkan perasaan cinta akan alam semula jadi dengan mengemukakan tempoh keadaan penerbitan matahari sehingga kemunculan bulan yang mempunyai konsepsi seni yang aman dan tenteram (Wu, 2013). Penyajak hanya meluahkan perasaan cinta akan keindahan alam sekitar dalam puisi klasik ini dan kurang memberi kesedaran terhadap murid (He, 2013). Dari aspek proses pemilihan teks, kandungan teks yang dipilih perlu menggalakkan perkembangan pemikiran terutamanya teks klasik yang dapat memberikan inspirasi yang unik. Karya puisi klasik yang cemerlang bukan sahaja mempunyai kecantikan dari segi bahasa dan struktur, sentimen penanggapan dalam minda yang unik dalam diri penyajak adalah penting (Fu, 2011). Menurut Wang (2015), pemikiran murid menengah rendah adalah peralihan dari pemikiran imej ke pemikiran abstrak khususnya murid tingkatan satu dan dua masih berada pada pemikiran imej seperti yang dinyatakan dalam kajian Liu (2000) dan kajian Fu (2011) dalam bab dua.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Puisi klasik Chunri oucheng（春日偶成）merupakan hasil karya Cheng hao（程颢）dalam dinasti Song. Penyajak telah menggunakan bahasa yang mudah untuk menggambarkan pemandangan musim bunga yang bercuaca baik dan meluahkan perasaan gembira sewaktu bersiar-siar di luar. Menurut Yang (2012), penyajak hanya meluahkan sentimen kerinduan beliau terhadap peristiwa di kampung halaman sewaktu muda. Puisi klasik Zheguiling • Jiuri（折桂令 • 九日）pula merupakan hasil karya Zhang kejiu（张可久）dalam dinasti Yuan. Puisi klasik ini meluahkan perasaan kesayuan terhadap keuzuran. Sewaktu penyajak bersiar-siar pada perayaan chongyang（重阳节）, penyajak melihat pemandangan musim luruh dan angsa liar yang menghala ke selatan untuk kepulangan, penyajak mengeluh bahawa umurnya sudah besar dan tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dapat lagi berbakti terhadap masyarakat dan negara. Puisi klasik ini menggambarkan ketekadan penyajak untuk menjalani kehidupan budaya pertapa dan juga sentimen kontradiksi penyajak (Zhang, 2016). Akan tetapi, dari aspek proses pemilihan teks, falsafah kehidupan beroptimis yang nyata boleh dikatakan sukar ditonjolkan dan diterapkan ke dalam minda murid melalui puisi klasik ini. Pemupukan sentimen nilai murni yang mulia dan membentuk nilai kesenian serta kehidupan yang beroptimis adalah penting dalam karya puisi klasik (Wang & Cai, 2006). Tanggungjawab puisi klasik dalam bimbingan dari segi ideologi (Fu, 2011) kurang jelas dinyatakan dalam kedua-dua buah puisi klasik ini.

Puisi klasik yang dibincangkan di atas pada keseluruhannya aspek ideologi kurang nyata ditonjolkan. Pemikiran yang beroptimis dan nilai kemanusiaan yang tinggi yang terkandung dalam puisi klasik akan mendorong pembentukan pemikiran yang positif, sentimen yang sihat, sikap yang beroptimis, semangat estetik serta konsep nilai murni yang berpatutan dalam kalangan pelajar menerusi pengajaran dan pembelajaran. Dengan menerusi penanaman unsur kemanusiaan ini, semangat estetik dan pemikiran yang positif dapat dipupuk dalam kalangan murid (Tan, 2012). Oleh hal yang demikian, puisi klasik yang dipilih wajar menitikberatkan aspek ideologi yang nyata dengan mengambil kira pemikiran murid menengah rendah yang berpusatkan pemikiran imej serta memastikan murid dapat mempelajari ilmu yang berada pada pengalaman murid dan berupaya untuk memahami, membina lambang dalam psikologi berdasarkan persekitaran seperti yang dikemukakan oleh J.S. Bruner.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


#### 4.2.3.3 Teks Puisi Klasik yang Kekurangan Standard Kesenian dalam Pemilihan Kandungan Teks Puisi Klasik

Perkembangan sahsiah murid yang sempurna dan secara menyeluruh adalah hasilan dari pendidikan estetik dalam bahasa kerana pendidikan estetik dapat mempelbagaikan konsep dan pengetahuan estetik serta memupuk keupayaan penilaian dan penciptaan dalam kalangan murid seperti yang dikemukakan oleh pakar pendidikan yang terkenal, Cai Yuan Pei（蔡元培）. Hal ini penting dalam pembinaan sahsiah di mana perkembangannya yang sempurna dan menyeluruh dalam kalangan murid (Zhang & Xu, 2010).

Puisi klasik Dongye dushu shi ziyu（冬夜读书示子聿）yang merupakan hasil karya seorang penyajak dinasti Song, Lu you（陆游）. Puisi klasik ini memuji semangat orang zaman kuno yang tabah dalam proses mengejar ilmu pengetahuan dan mengingatkan anaknya supaya menjadikan semangat pembelajaran orang zaman kuno sebagai teladan serta kepentingan mengaplikasikan ilmu pengetahuan. Puisi klasik ini mengandungi falsafah kehidupan yang nyata di mana penyajak menekankan bahawa proses pembelajaran perlu mempunyai semangat ketabahan dan belajar pada usia awal untuk mengelakkan dirinya kesal pada usia uzur (Yan, 2012). Puisi klasik ini telah menggunakan bahasa yang mudah untuk menyatakan sikap penyajak dalam hayat kehidupan serta pengajaran terhadap anaknya (Ding, 2016) dan kurangnya aspek kesenian dalam puisi klasik tersebut. Konsep dan pengetahuan estetik yang pelbagai (Cai, 1925) kurang ditonjolkan dengan nyata dalam puisi klasik ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Hasil karya puisi klasik Heduanwu（和端午）merupakan hasil karya Zhang lei（张耒）dalam dinasti Song yang mengingati Quyuan（屈原）yang telah menghadapi situasi ketidakadilan sehingga membunuh diri. Penyajak menggunakan bahasa yang mudah untuk memuji kesetiaan Quyuan terhadap negara dan hanya meninggalkan puisi klasik Lisao（离骚）yang terkenal di dunia. Walaupun nilai murni kesetiaan telah ditonjolkan dalam puisi klasik ini, tetapi unsur yang negatif seperti membunuh diri turut terkandung pada puisi klasik ini di mana Wu (2013) mengatakan bahawa puisi klasik seharusnya membantu murid dalam membentuk sikap kehidupan yang positif. Keindahan puisi klasik yang membangunkan kesedaran murid (Hu, 2008) sukar ditonjolkan dengan nyata dalam puisi klasik ini.

Pada keseluruhannya, puisi klasik yang dibincangkan di atas dikategorikan dalam kekurangan aspek kesenian yang nyata. Keindahan sesebuah karya seharusnya diutamakan dengan harapan kesedaran tentang hayat hidup dapat dibangunkan agar murid dapat merasai dan memahami keindahan yang nyata serta anggun dalam hayat hidup mereka (Hu, 2008). Keindahan ayat-ayat dalam puisi klasik adalah penting kerana ia akan menerapkan ke dalam minda pembaca secara mendalam (Chen, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


#### 4.2.3.4 Teks Puisi Klasik yang Kekurangan Standard Keseronokan dalam Pemilihan Kandungan Teks Puisi Klasik

Kajian Fu (2011) telah menyatakan bahawa untuk berhubung dan memahami sesuatu perkara, minat telah memainkan peranan sebagai motivasi seseorang dan mendorong murid untuk mendekati dan mendalami pengetahuan secara automatik. Hanya minat pelajar untuk belajar dianjakkan, barulah murid dapat berada kekal pada tahap asas tentang sesuatu perkara dan mengekalkan hati yang keaktifan untuk menumpukan perhatian secara aktif serta mengenal pasti pengetahuan baru secara automatik bagi mewujudkan sistem kognisi atau perkembangan kognitif baru. Oleh hal yang demikian, Ren (1995) telah berpendapat bahawa untuk meningkatkan sentimen nyata dan mesra terhadap kandungan, kandungan teks perlulah berdekatan dengan pengalaman murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Puisi klasik Feng rujing shi（逢入京使）pula merupakan hasil karya Cen shen（岑参）dalam dinasti Tang. Puisi klasik ini memerihalkan penyajak meninggalkan kampung halaman, di pertengahan jalan telah menemui duta yang balik ke kampung halaman dan menumpang duta untuk mengirimkan keselamatannya kepada ahli keluarganya. Puisi klasik menonjolkan kerinduan terhadap kampung halaman dan keinginan terhadap status kedudukan dalam bidang politik. Keindahan telah diutamakan dalam puisi klasik ini demi membangunkan kesedaran murid tentang hayat hidup dan merasai keindahan yang anggun dalam puisi klasik. Penyajak telah menggunakan bahasa yang mudah untuk menggambarkan kehidupan di sekitar sempadan peperangan (Yu, 2010). Akan tetapi, murid tidak mempunyai pengalaman tentang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kehidupan di sekitar sempadan peperangan. Kemesraan serta perasaan yang nyata (Ren, 1995) sukar ditonjolkan dalam kalangan murid dari aspek pemilihan teks.

Puisi klasik Huanghelou（黄鹤楼）pula merupakan hasil karya Cui hao（崔顥）dalam dinasti Tang. Apabila penyajak melihat pemandangan sekitar di Huanghelou, maka perasaan kerinduan khasnya pada kampung halaman dan ahli keluarga telah muncul lalu mengeluh tentang kepantasan masa berlalu dan dunia yang berubah-ubah apabila melihat pemandangan persekitaran Hanyang cheng（汉阳城）, Yingwu zhou（鹦鹉洲）dan kemudiannya membangkitkan perasaan rindu akan kampung halaman penyajak (Zhuo, 2013). Hasil karya He zhizhang（贺知章）, Yongliu（咏柳）merupakan hasil karya dalam dinasti Tang yang berasaskan kebendaan mengenai keadaan pokok willow yang berimbun-rimbun dan hijau-berhijauan. Penyajak menggunakan bahasa yang indah dan lancar dengan meminjam pokok willow untuk menyanjungi angin pada musim bunga di mana penyajak menganggap bahawa angin adalah pencipta keindahan pada musim bunga (Li, 2010). Ci Sumuzhe • Huaijiu（苏幕遮 • 怀旧）pula merupakan hasil karya Fan zhongyan（范仲淹）dalam dinasti Song. Ci ini telah menggunakan bahasa yang mudah dengan meminjam pemandangan musim luruh untuk meluahkan perasaan rindu akan kampung halaman di mana penyajak menyampaikan keadaannya yang tidak dapat tidur pada waktu malam dan melangkah ke menara tinggi lalu minum arak untuk menghilangkan kemurungan (Li, 2013). Puisi klasik Zengcongdi • Qier（赠从弟 • 其二）pula merupakan hasil karya Liu zhen（刘桢）dalam dinasti Weijing. Puisi klasik ini menggambarkan ketabahan pokok ru yang sanggup menahan kesejukan salji dan dahannya yang kuat telah memberikan semangat kekuatan kepada pembaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Penyajak berjaya menerusi pujian akan pokok ru untuk menonjolkan diri sendiri yang mengejar dan memuji tentang personaliti ketegapan serta menyampaikan mesej kepada pembaca supaya perlu memiliki personaliti yang tegap dan tabah menghadapi segala dugaan. Penyajak juga menerusi puisi klasik ini untuk menasihati adiknya di mana cara penyampaian penyajak adalah secara tersirat (Liu, 2013). Dari aspek pemilihan teks, kemesraan serta perasaan yang nyata (Ren, 1995) sukar ditonjolkan serta keupayaan pemikiran juga sukar sejajar (Fu, 2011) dengan pemikiran penyajak secara mendalam di mana kedudukan geografi murid dengan penyajak adalah berlainan terutamanya tidak melalui perubahan musim dalam kehidupan harian murid seperti yang dikemukakan dalam ketiga-tiga puisi klasik ini seperti yang dinyatakan dalam teori pembelajaran "Kongnitif-Penemuan" J.S. Bruner bahawa pembelajaran ilmu seharusnya berada pada pengalaman murid dan berupaya untuk memahami, membina lambang dalam psikologi berdasarkan persekitaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Puisi klasik Zhuli guan（竹里馆）pula merupakan hasil karya Wang wei（王维）dalam dinasti Tang. Karya ini menyatakan penyajak Wang wei yang menjalani kehidupan bertapa pada jangka hayat. Puisi klasik memerihalkan kehidupan pertapa yang berlapangan di mana penyajak duduk di bawah bulan persendirian serta memainkan alat muzik dan menyampaikan suasana hati penyajak yang berkedamaian dengan alam semula jadi (Xu, 2007). Satu lagi hasil karya Wang wei（王维）, Shanju qiumin（山居秋暝）telah menggambarkan pemandangan waktu senja selepas hujan dan kesucian penghuni kampung. Penyajak meluahkan perasaan yang mencapai kepuasan menerusi puisi klasik ini ketika menjalani kehidupan di kawasan luar bandar dan menyukai kehidupan keseorangan (Zhang, 2010). Pemikiran yang berpisah dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


alam masyarakat sukar bergabungan dengan pemikiran murid pada zaman kini di mana pemikiran berimej yang nyata (Liu, 2000) lebih memenuhi psikologi murid menengah rendah (Fu, 2011).

Puisi klasik Xuanzhou xietiaolou jianbie jiaoshu shuyun（宣州谢朓楼饯别校书叔云） merupakan hasil karya Li bai（李白）dalam dinasti Tang. Puisi klasik ini menyatakan perasaan ketidakpuasan terhadap masyarakat yang gelap dan mengejar dunia yang terang. Penyajak juga menggunakan bahasa yang nyata untuk meluahkan perasaan marah disebabkan bakatnya tidak dihargai serta tidak dapat berbakti terhadap negara dan masyarakat (Wang, 2010). Emosi dalam puisi klasik yang tidak stabil telah ditonjolkan dalam puisi klasik ini di mana kerisauan berubah menjadi kegembiraan, berubah pula kepada kemurungan yang bertambahan serta berubah kepada hati yang melepasi kebosanan (Feng, 2020). Puisi klasik Fenghelinggong lvyetang zhonghua（奉和令公绿野堂种花）pula merupakan hasil karya Bai juyi（白居易）dalam dinasti Tang. Puisi klasik ini hanya menggunakan buah persik dan buah plum sebagai gantian murid dan memuji nama baik seseorang guru yang mempunyai ramai anak murid disiarkan berjauhan (Li, 2017). Pemikiran abstrak yang berasaskan pengalaman (Liu, 2000) khususnya murid menengah rendah dan unsur keseronokan kurang ditonjolkan dengan nyata dalam kedua-dua buah puisi klasik ini.

Berdasarkan puisi klasik yang dibincangkan di atas, jelaslah bahawa minat pelajar semasa belajar adalah bergantung pada keseronokan teks yang dipilih dan memenuhi keperluan psikologi pembelajaran serta penerimaan pelajar, sehingga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mereka bersedia belajar dengan lebih bersemangat (Fu, 2011). Unsur keseronokan dalam sesebuah teks dikatakan penting kerana ia memutuskan peningkatan minat dan motif pembelajaran dengan membekalkan satu ruangan yang ceria dalam kalangan murid menengah rendah(Cai, 2002).

#### 4.2.3.5 Teks Puisi Klasik yang Standard Informatif Kurang Nyata dalam Pemilihan Kandungan Teks Puisi Klasik

Perkembangan dalam aspek pemikiran dan psikologi murid merupakan fungsi yang agak penting dalam Kurikulum Bahasa Cina. Kandungan teks yang dipilih sewajarnya berpotensi dalam pemupukan dan pembinaan sanubari yang sihat serta berfungsi untuk mendorong perkembangan pemikiran dan psikologi murid (Zheng, 2004). Kajian Li (2018) telah menyatakan bahawa konotasi kemanusiaan yang kaya akan mempengaruhi pemahaman murid terhadap kebudayaan, memupuk integriti dalam kalangan murid dan seterusnya mempengaruhi perkembangan kebudayaan dalam seluruh masyarakat.

Sikuaiyu • Bieqing（四块玉 • 别情）pula merupakan hasil karya Guan hanqing（关汉卿）dalam dinasti Yuan. Xiaoling（小令）ini meluahkan perasaan perpisahan yang menonjolkan hati yang tidak sampai ketika berpisah. Xiaoling juga menyatakan perasaan yang menderita setelah berpisah dengan orang kesayangannya. Wanita dalam xiaoling ingin mendaki bukit untuk melihat bayang dari belakangnya tetapi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pemandangan dihalang oleh bukit Guanshan（关山）, hal ini telah meningkatkan lagi penderitaan wanita ini. Xiaoling ini telah menggunakan perkataan yang jitu dalam menghuraikan sentimen kerinduan dan memberikan sentimen kesenian yang mendalam kepada pembaca (Wang & Li, 2011). Ci Qingyuan • Yuanxi《青玉案 • 元夕》pula adalah hasil karya penyajak dinasti Song, Xing qiji（辛弃疾）. Ci ini menerusi suasana kemeriahan Chap Goh Meh untuk menonjolkan perwatakan seorang wanita yang luar biasa di mana beliau berada di tempat sudut yang sunyi sepi. Penyajak menerusi perwatakan wanita yang "ideal" ini untuk menonjolkan perwatakan yang mulia ada pada penyajak (Tang, 2000) yang tidak rela mengikuti arus dunia yang tidak berhemah tinggi walaupun penyajak tidak dapat berbakti dalam bidang politik (Li, 2009). Dari aspek pemilihan teks, sentimen yang rumit dalam puisi klasik adalah sukar dirasai oleh murid menengah rendah dan sukar untuk meningkatkan minat pembelajaran puisi klasik mereka. Pemaparan penghayatan jiwa yang unik (Fu, 2011) dan pembinaan sahsiah murid yang mulia (Zhu, 2005) sewajarnya ditonjolkan dalam puisi klasik.

Selain itu, hasil karya Tao yuanming（陶渊明）, Yinjiu（饮酒）merupakan hasil karya yang terkenal dalam dinasti Tang. Puisi klasik ini menggambarkan keseronokan dalam menjalani kehidupan secara perseorangan. Setelah menghabiskan kerja penanaman, dia minum arak dan memetik bunga kekwa serta melihat Nanshan（南山）dari sudut berjauhan. Puisi klasik ini telah menggabungkan sentimen dan keterampilan penyajak serta memaparkan hati penyajak yang ketenteraman dan menyukai kehidupan yang bebas dan aman di kampung serta perasaan benci akan kehitaman birokrasi, menampilkan pengejaran kehidupan yang tenteram dan aman serta mendekati alam sekitar. Puisi klasik ini telah menggambarkan kebebasan minda penyajak setelah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menjauhi bidang politik dan kembali ke kampung untuk menjalani kehidupan yang mendekati alam sekitar serta merendamkan diri dalam lingkungan alam sekitar (Ya & Zhou, 2012). Jika ingin menguasai puisi klasik ini dengan mendalam, adalah perlu kosongkan hati kita dan memerhatikan pemandangan sekitar barulah dapat melangkah masuk ke alam pemikiran penyajak. Murid menengah rendah masih tidak dapat mencapai tahap sebegini (Wu, 2019). Di samping itu, hasil karya Zhang zhihe（张志和）, Yuzige（渔子歌）merupakan hasil karya dalam dinasti Tang. Puisi klasik ini menggambarkan seorang pemancing sedang duduk berlega di sampan untuk memancing, walaupun angin kencang atau hujan pun tidak pulang ke rumah. Hal ini demikian kerana dia ditindas oleh kerajaan dan tidak rela untuk balik ke tempat tersebut. Konsepsi seni puisi klasik adalah mendalam dan mengemukakan satu gambar yang jelas untuk pembaca (Peng, 2006). "Hati yang jauh" dalam puisi klasik Yinjiu（饮酒）merupakan konsep yang dibincangkan oleh pakar metafizik yang merujuk kepada penceraian psikologi dengan kenyataan dalam kehidupan termasuklah masyarakat, politik, kehidupan kampung dan juga keperluan dalam kehidupan harian (Chen, 2019). Dalam aspek pemilihan teks, proses mengilham pemikiran murid (Cai & Lee, 2005) sukar dicapai dalam kedua-dua buah puisi klasik khususnya murid menengah rendah.

Puisi klasik Yijianmei • Hongou xiangcan yudianqiu（一剪梅 • 红藕香残玉簟秋）merupakan hasil karya penyajak wanita, Li qingzhao（李清照）dalam dinasti Song. Puisi klasik ini meluahkan perasaan yang tidak sampai hati ketika berpisah dengan orang kesayangan pada musim luruh dan kemurungan hati yang tidak terhingga. Penyajak telah mencerminkan hati sucinya yang baru kahwin menerusi puisi klasik ini. Gaya bahasa yang digunakan dalam puisi klasik ini telah menggambarkan imej

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


penyajak sendiri dengan nyata. Teknik pemerihalan penyajak telah memberikan gambaran yang baharu kepada pembaca dan mempunyai daya tarikan yang tinggi dalam aspek kesenian sahaja (Chen, 1992). Fungsi untuk mendorong perkembangan pemikiran kurang nyata ditonjolkan dalam puisi klasik yang dapat memberikan inspirasi terhadap pemikiran murid khususnya murid menengah rendah (Fu, 2011).

Puisi klasik Sujiandejiang（宿建德江）adalah hasil karya Meng haoran（孟浩然）pada dinasti Tang. Puisi klasik ini menggambarkan pemandangan waktu senja pada musim luruh. Sebuah sampan kecil yang berada pada tepi sungai yang berkabus telah menyebabkan penyajak terimbas kembali tentang perkara yang berlalu dan menggunakan sampan kecil tersebut untuk meluahkan perasaan rindu akan kampung halaman (Yu, 2002). Puisi klasik Duhanjiang（渡汉江）pula merupakan hasil karya Song zhiwen（宋之问）dalam dinasti Tang. Puisi klasik ini meluahkan psikologi penyajak yang rumit termasuk teruja, kebimbangan serta ketakutan disebabkan perpisahan dengan orang kesayangan dan ahli keluarga. Puisi klasik ini dihasilkan sewaktu penyajak dalam perjalanan balik ke kampung halaman dan menyatakan keadaan sewaktu berada di luar serta perasaan kontradiksi semasa penyajak telah mendekati kampung halamannya. Penyajak telah menggunakan teknik pemerian yang jitu dalam meluahkan perasaan kontradiksi dan kesedihannya. Akan tetapi, pembaca perlu meninjau puisi klasik ini dengan teliti barulah dapat merasai sentimen penyajak dan berkomunikasi dengan penyajak (Zhao, 2005). Oleh itu, imej yang nyata sukar dirasai oleh murid menengah rendah untuk memulakan proses pemikiran yang mendalam (Fu, 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jelaslah bahawa menerusi pembelajaran puisi klasik yang memiliki unsur infomatif, aspek pemikiran dan psikologi murid dipercayai akan berkembang dan berakar umbi dalam minda murid. Hal ini dikatakan demikian kerana Fu (2011) menyatakan bahawa puisi klasik memaparkan gambaran yang jelas dan dapat dilihat oleh murid serta mendorong para murid untuk memulakan proses pemikiran yang lebih mendalam, memahami maklumat dan kehidupan mengenai persekitaran yang ingin disampaikan oleh penyajak, menempatkan murid berada dalam situasi sebenar dan meningkatkan ketajaman pemikiran pelajar. Oleh hal yang demikian, teks puisi klasik yang dipilih sewajarnya memenuhi kriteria di mana ia dapat memberi inspirasi yang baik dalam pemikiran murid agar pemikiran yang tajam, sensitif dan unik dalam kalangan murid dapat dipertingkatkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

#### 4.2.3.6 Teks Puisi Klasik yang Kekurangan Standard Sifat Kontemporari dalam Pemilihan Kandungan Teks Puisi Klasik

Bahan pengajaran bahasa yang sezaman dengan masa kini adalah satu kriteria yang penting. Pemilihan teks klasik adalah wajar mengikuti kehendak zaman untuk menonjolkan nilai-nilai tradisional dan akhlak mulia yang terkandung dalam puisi klasik. Hal ini dikatakan penting kerana situasi kehilangan nilai murni dan warisan semangat budaya tradisional serta kehilangan penjagaan dunia jiwa sendiri telah wujud disebabkan penekanan terhadap pemodenan sains dan teknologi pada zaman moden kini ekoran daripada perkembangan media massa yang pesat telah membolehkan orang muda berhubung dengan dunia luar melalui pelbagai saluran (Fu, 2011). Pandangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


sebegini juga dikemukakan dalam kajian Li (2018) yang mengatakan bahawa pemilihan teks puisi klasik perlu mengikuti perkembangan zaman semasa dan dapat menonjolkan kesedaran zaman, memerhatikan kehidupan dan balik ke alam sekitar.

Puisi klasik Shanzhong（山中）pula adalah hasil karya Wang bo（王勃）pada dinasti Tang. Puisi klasik ini dihasilkan semasa Wang bo berada di Bashu（巴蜀）setelah kuasanya dilucutkan. Puisi klasik ini telah meluahkan perasaan beliau yang berhasrat untuk kembali ke kampung halaman pada masa yang terdekat. Penyajak memulakan puisi klasik dengan meluahkan perasaannya melalui pemandangan sekitar dan juga mengakhiri puisi klasik dengan pemandangan sekitar (Liang, 2010). Penyajak telah menggabungkan sentimen diri sendiri dengan pemandangan sekitar di mana penyajak yang sedih akan kerinduan kampung halaman dan Yangtze River（长江）semacam juga berada dalam kesedihan, sentimen kesedihan penyajak pun meluas tanpa batasan seperti pemandangan Changjiang (Zhang, 2010). Hasil karya Ma zhiyuan（马致远）, Tianjingsha • Qiusi （天净沙 • 秋思）pula menggabungkan beberapa imej yang nyata telah membentuk sebuah gambaran yang menggambarkan waktu senja dalam musim luruh. Penyajak juga menonjolkan pengembara yang berada di luar kampung halaman yang berada dalam keadaan lesu dan menambahkan lagi perasaan kesedihan. Penyajak menggunakan pemandangan sekitar sebagai imej untuk menggambarkan sentimen yang murung, sedih dan lesu. Penyajak menggunakan bahasa yang mudah telah menggambarkan sentimen kesedihan pengembara sewaktu berada di luar pada musim luruh (Li, 2019). Dari aspek nilai estetik, pembaca dapat menyusun dan menggabungkan imej dalam puisi secara fleksibel. Dari aspek kesenian, puisi klasik yang mengandungi titik ruangan dan kebelumpastian akan menggalakkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pembaca membayangkan dan mengisikan ruangan itu (Shi, 2019). Pakar kesusasteraan Yuan xingpei（袁行霈）telah mengatakan bahawa keunikan seni bina puisi klasik adalah fleksibeliti dalam penggunaan imej berkumpulan. Hal ini akan meningkatkan kepelbagaian makna dan loncatan dalam puisi klasik (Yuan, 1987). Puisi klasik Chishang erjue（池上二绝）pula merupakan hasil karya Bai juyi（白居易）dalam dinasti Tang. Puisi klasik ini menggambarkan dua sami sedang bermain catur di dalam hutan. Sami yang tinggal di dalam hutan sememangnya tidak berebut atau berhubung dengan dunia luar, mereka lagi bermain catur di bawah buluh telah meningkatkan lagi tahap ketenteraman menyebabkan penyajak berhasrat untuk memiliki kehidupan sebegini. Gaya penyajak yang umum dan menggunakan bahasa yang mudah untuk menggambarkan ketenteraman sekitar (Xie, 2005). Ketiga-tiga puisi klasik ini memiliki aspek kesenian yang tinggi manakala nilai murni serta ahlak mulia kurang ditonjolkan dengan nyata di mana Fu (2011) telah menyatakan bahawa teks puisi klasik yang memenuhi keperluan zaman wajar menonjolkan nilai murni tradisional dan ahklak mulia. Chen (2019) menyatakan bahawa sentimen dan nilai murni puisi klasik perlulah memenuhi keperluan zaman kini.

Puisi klasik feng（风）pula merupakan hasil karya Li qiao（李峤）dalam dinasti Tang yang menggambarkan daya tarikan dan kehebatan angin kerana angin dapat meluruhkan daun pokok pada musim luruh dan membungakan pokok tumbuhan pada musim bunga. Puisi klasik ini juga meluahkan perasaan penghormatan penyajak terhadap alam semula jadi. Keistimewaan puisi klasik ini adalah selain tajuknya mempunyai perkataan angin, kandungannya tiada muncul perkataan angin dan dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menggambarkan fungsi angin yang sering berubah dari semasa ke semasa (Cai, 2013). Nilai murni dan semangat beroptimis (Fu, 2011) kurang ditonjolkan dalam puisi klasik ini.

Ci Yumeiren • Chunhua qiuyue heshiliao （虞美人 • 春花秋月何时了）adalah hasil karya maharaja yang terakhir dalam dinasti Wan Tang （晚唐）, Liyu（李煜）. Penyajak membuat perbandingan antara alam semula jadi yang kekal dengan kehidupan manusia yang berubah-ubah yang menunjukkan percanggahan yang tajam. Penyajak meluahkan perasaan kesedihan yang tidak terhingga akibat keruntuhan negara. Penggunaan struktur kesenian yang pelbagai telah mendatangkan kesan keharuan terhadap murid dan juga memberikan inspirasi dalam pemikiran murid. Dalam aspek pemilihan teks, puisi klasik ini kurang membantu murid dalam perkembangan emosi dan fizikal yang positif khususnya murid menengah rendah serta kekurangan aspek semangat kontemporari dalam puisi klasik ini.

Puisi klasik Qiuxi（秋夕）adalah hasil karya Du mu（杜牧）pada dinasti Tang. Puisi klasik ini menggambarkan kesunyian seorang pembantu istana pada Qixi（七夕）dan nasib seorang pembantu istana yang malang. Penyajak menggunakan bahasa yang lancar serta sentimen yang tersirat untuk menggabungkan pemandangan dengan peristiwa yang diperihalkan (Shang, 1987). Walau bagaimanapun, sentimen dalam puisi klasik ini sukar dirasai oleh murid dan berkemungkinan akan menghasilkan pengaruh yang negatif. Puisi klasik jenis ini tidak bersesuaian untuk murid khususnya murid menengah rendah di mana perkembangan emosi dan fizikal serta permbinaan sentimen yang sihat (Mao, 2018) tidak dapat dipupuk menerusi puisi klasik ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Puisi klasik yang memiliki sifat kontemporari yang mengandungi unsur kemesraan. Hal ini demikian kerana puisi klasik jenis ini berkeupayaan untuk meningkatkan minat pembelajaran puisi klasik dalam kalangan murid dan merupakan elemen yang penting dan seharusnya diambil kira kerana banyak nilai kemanusiaan dapat ditonjolkan melalui karya budaya tradisional untuk membantu murid mewujudkan sentimen moden yang sejajar dengan perkembangan masyarakat masa kini seperti yang dinyatakan dalam kajian He (2013), Mao (2018) dan Chen (2019).

Kajian Li (2018) telah menyatakan bahawa zaman persekolahan menengah adalah pembentukan konsep hayat hidup, nilai dan dunia. Oleh hal yang demikian, pemilihan teks puisi klasik perlu mengambil kira sama ada mendekati kehidupan murid atau tidak, sama ada memenuhi keperluan nyata kehidupan serta perkembangan semasa murid atau tidak. Hal ini penting untuk menggalakkan kreativiti murid dan motif serta semangat pembelajaran murid.

Secara keseluruhannya, pemikiran murid menengah rendah merupakan tempoh yang paling aktif dan merupakan detik yang penting dalam perkembangan pemikiran (Dai, 2008). Kajian Chen (2018) menyatakan bahawa pembelajaran puisi klasik dalam kalangan murid mementingkan proses membaca. Murid bukan sahaja membaca karya puisi klasik tetapi juga perlu membaca minda penyajak. Hanya dengan memahami pemikiran penyajak dan karya puisi klasik barulah dapat memperoleh pengalaman penyajak dan menjejak langkah ke dalam hati penyajak. Oleh hal yang demikian, teks puisi klasik yang dipilih perlu menggabungkan pengalaman kehidupan murid dan memenuhi rasa ingin tahu murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Secara amnya, kandungan puisi klasik yang memiliki lima standard pemilihan teks puisi klasik akan memenuhi psikologi pembelajaran murid dan mengurangkan perasaan ketakutan terhadap kandungan yang mendalam serta memenuhi prinsip kognitif dalam kalangan murid. Hal ini telah memenuhi perspektif yang dikemukakan oleh J.S. Bruner dalam teori belajar di mana murid perlu membina struktur ilmu secara automatik, pembelajaran ilmu seharusnya berada pada pengalaman murid dan berupaya untuk memahami, membina lambang dalam psikologi berdasarkan persekitaran.

## 4.3 Persepsi Murid, Penerapan Nilai Murni dan Nilai Estetik dalam Pembelajaran Puisi Klasik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Temu bual telah dijalankan atas dua belas peserta iaitu enam orang murid tingkatan tiga (T1, T2, T3, T4, T5, T6), tiga orang murid tingkatan dua (D1, D2, D3) dan tiga orang murid tingkatan satu (S1, S2, S3) di sekolah A di negeri Selangor yang mempelajari mata pelajaran Bahasa Cina. Peserta telah dipilih mengikut kategori keputusan yang cemerlang, sederhana dan lemah. Temu bual telah dijalankan untuk melihat sejauh manakah persepsi murid terhadap kandungan puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina serta sejauh manakah penerapan nilai murni dan estetik dalam kalangan murid menerusi teks pilihan pembelajaran puisi klasik yang sedia ada. Pemaparan dapatan kajian di bawah ini merupakan interpretasi penyelidik daripada perolehan data dalam proses temu bual yang telah dijalankan untuk menjawab persoalan dan objektif kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 4.3.1 Persepsi Murid terhadap Puisi Klasik yang Terkandung dalam Buku Teks Bahasa Cina Menengah Rendah KSSM

Bahagian ini menjawab akan persoalan kajian yang kedua iaitu sejauh manakah persepsi murid terhadap kandungan puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina. Secara amnya, murid mempunyai persepsi masing-masing tentang puisi klasik yang dimuatkan ke dalam buku teks Bahasa Cina. Dapatan kajian telah wujud beberapa tema seperti yang akan dibincangkan di bahagian-bahagian yang seterusnya.

#### 4.3.1.1 Fungsi Pembelajaran Puisi Klasik dapat Direalisasikan dengan Mempelajari Teks Puisi Klasik yang Mendekati Kehidupan Harian Murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Latar belakang kebudayaan yang mendalam dikatakan penting kerana ia merupakan asas terhadap manusia zaman ini. Akan tetapi, jangka masa zaman penghasilan puisi klasik dengan zaman masa kini adalah berjauhan dan perubahan masyarakat yang mendadak ini menyebabkan kita tidak dapat merasai sentimen yang disampaikan oleh penyajak pada ketika itu. Tambahan pula, penyajak biasanya meluahkan perasaan mereka secara tersirat dan tidak langsung menyebabkan murid pada zaman kini sukar memahami mesej yang ingin disampaikan oleh penyajak berkenaan.

Menurut persepsi pengajaran strukturalisme menyatakan bahawa proses pembelajaran merupakan proses pembinaan ilmu pengetahuan. Dalam proses pembinaan pengetahuan, pengalaman pengetahuan yang sedia ada dalam kalangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


murid telah memainkan peranan yang penting (Ni, 2006). Oleh hal yang demikian, proses pengajaran tidak boleh mengabaikan pengalaman yang sedia ada dalam kalangan murid.

Menurut Auguste Comte (2018), hasil sastera mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat, terutamanya dalam masyarakat pembaca. Oleh hal yang demikian, karya-karya yang dipilih sewajarnya memenuhi kriteria atau unsur-unsur yang dapat menarik minat pelajar untuk menghayati sastera dan bukannya gemar membaca sahaja. Teks-teks ini semestinya dapat menarik minat murid dari segi peristiwa, tema, persoalan dan isu, aspek alam sekitar, masalah sosial, perkembangan sains dan teknologi, dunia kewangan dan ekonomi. Segala perubahan yang dialami pasti akan menyentuh sanubari manusia (Wang, 1976) kerana mereka mempunyai perasaan terhadap imej dalam alam sekitar serta peristiwa yang dilalui oleh mereka (Ye, 2000). Biarlah pelajar dapat merasai dan mempelajari kerelevanan teks dengan realiti kehidupan masa kini.

Apabila murid mempunyai pengalaman dalam kehidupan sebenar di mana mereka telah melalui sesuatu peristiwa dan pengalaman yang sedia ada dibawa masuk ke dalam puisi klasik, murid dapat memahami perasaan yang diluahkan oleh penyajak dengan mudah (Zhu, 2009). Dengan ini, kebudayaan tradisional dapat diwarisi dan kehidupan murid akan lebih mengandungi unsur kebudayaan. Wong (2019) juga mengemukakan bahawa pertimbangan tentang jarak perjauhan zaman karya puisi klasik dengan kehidupan sebenar murid adalah penting bagi melancarkan proses pembelajaran dan pemudahacaraan. Unsur kemesraan dalam sesuatu karya mampu meningkatkan lagi minat pembelajaran murid (He, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Berdasarkan dapatan kajian dalam proses temu bual, didapati bahawa kebanyakan puisi klasik yang dipelajari memenuhi zaman kini dan mempunyai kemesraan dalam kalangan murid. Kerelevanan kandungan puisi klasik dengan kehidupan sebenar murid adalah unsur yang sangat penting (Fang & Li, 2012) kerana ia dapat mendorong murid memahami keindahan yang unik dalam puisi klasik (Wang, 2020) dan ilmu pengetahuan yang banyak dapat diterapkan ke dalam minda murid (Ma, 2019). Untuk merealisasikan situasi ini, pertimbangan aspek tahap kefahaman, pengalaman murid yang asas (Wu, 2013), keperluan serta perkembangan murid demi meningkatkan kemesraan dan tarikan minat terhadap teks puisi klasik dalam kalangan murid adalah sangat penting (Tan, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Jadual 4.5

*Analisis Persepsi Murid Terhadap Teks Pilihan Pembelajaran Puisi Klasik dalam Buku Teks Bahasa Cina KSSM Menengah Rendah*

| Kandungan Soalan Temu Bual | S1 | S2 | S3 | D1 | D2 | D3 | T1 | T2 | T3 | T4 | T5 | T6 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Antara puisi klasik yang telah anda pelajari, namakan satu puisi klasik yang meninggalkan pengalaman yang mendalam pada anda.<br><br>(Tanda √ menunjukkan bahawa peserta dapat namakan sebuah puisi klasik.) | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ |
| Puisi klasik yang dipelajari mendekati kehidupan harian anda.<br><br>(Tanda √ menunjukkan bahawa peserta bersetuju dengan kenyataan ini.) | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ |
| Anda mempunyai minat yang mendalam dalam mempelajari puisi klasik.<br><br>(Tanda √ menunjukkan bahawa peserta bersetuju dengan kenyataan ini manakala tanda X menunjukkan bahawa peserta tidak bersetuju dengan kenyataan ini.) | √ | √ | √ | X | X | X | √ | √ | √ | X | X | X |

Jadual 4.5 menunjukkan persepsi murid terhadap teks pilihan pembelajaran puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina KSSM menengah rendah. Dua belas orang peserta dapat mengemukakan nama dan kandungan puisi klasik yang meninggalkan kesan yang mendalam pada diri mereka. Mereka juga menyetujui bahawa kebanyakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kandungan puisi klasik yang dipelajari sedikit sebanyak mempunyai perkaitan dengan kehidupan harian mereka dan mesej dalam puisi klasik dapat dijadikan pedoman dalam kehidupan mereka. Berdasarkan analisis dapatan kajian, penyelidik mendapati bahawa fungsi pembelajaran puisi klasik dapat direalisasikan dengan mempelajari teks puisi klasik yang mendekati kehidupan harian murid. Akan tetapi, terdapat enam orang peserta yang kurang berminat dalam pembelajaran puisi klasik.

Peserta D1 telah mengemukakan bahawa menerusi pembelajaran puisi klasik, beliau telah lebih menghargai masanya khususnya memanfaatkan cuti persekolahan dengan mengulang kaji kandungan mata pelajaran yang telah dipelajari dan mengelakkan diri belajar sewaktu musim peperiksaan mendekati sahaja. Peserta S1 juga memberikan pendapatnya bahawa menerusi pembelajaran puisi klasik dapat menerima mesej yang disampaikan dalam puisi klasik iaitu perlulah belajar pada zaman remaja dan jangan tunggu sehingga umur yang tinggi baru insaf diri bahawa tidak rajin belajar sewaktu remaja. Mesej menghargai detik masa sekarang untuk belajar dapat diterapkan ke dalam minda peserta S3.

> Mesej dalam puisi klasik Changge xing（长歌行）adalah menghargai detik masa dalam kehidupan kita. Sebagai contoh, masa cuti persekolahan sekarang perlulah dimanfaatkan dengan mengulangkaji pelajaran kerana peperiksaan akan berlangsung pada bulan Oktober. Sesetengah murid tidak memanfaatkan cuti persekolahan dengan mengulangkaji pelajaran, masa telah dibazirkan dan menunggu sehingga peperiksaan hampir berlangsung barulah mengulangkaji adalah perkara yang tidak baik. (D1/K-1/T1)

> Kandungan utama dalam puisi klasik Quanxue shi（劝学诗）adalah perihalan tentang pembelajaran iaitu kita perlu menghargai masa sekarang untuk rajin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> belajar. Oleh hal yang demikian, kandungan puisi klasik adalah berkait rapat dengan kehidupan pembelajaran kita sebagai murid. (S1/K-1/T1)

> Menerusi kandungan puisi klasik Quanxue shi（劝学诗）, dapatlah mesej bahawa kita perlu belajar dengan bersungguh-sungguh buat masa sekarang. (S3/K-1/T1)

Selain itu, unsur ketabahan dalam menghadapi dugaan kehidupan juga diterapkan ke dalam minda peserta D2. Semangat yang dipelajari dalam puisi klasik dapat diaplikasikan ke dalam kehidupan hariannya. Berikut merupakan pendapat yang dikemukakan oleh peserta D2.

> Seperti dalam puisi klasik Zengcongdi • Qier（赠从弟 • 其二）, mesej yang ingin disampaikan ialah tidak putus asa sewaktu menghadapi rintangan hidup. Dalam kehidupan harian kita kadangkala akan menemui kesukaran tetapi menerusi mesej yang disampaikan dalam puisi klasik ini, saya dapat mempelajari supaya tabah dalam menghadapi segala dugaannya. (D2/K-2/T1)

Di samping itu, kewujudan keluarga yang harmoni merupakan hasrat setiap insan. Dengan mempelajari puisi klasik, murid dapat mengaplikasikan konsep berbakti terhadap ibu bapa serta bertoleransi dalam kalangan adik-beradik dalam usaha membina keluarga yang bahagia. Misalnya peserta D3, S2, T1, T3 dan T6 telah berupaya mengaplikasikan sifat yang mulia ini dalam kehidupan mereka dengan berbakti terhadap ibu bapa dan mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan adik-beradik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> Puisi klasik Youziyin（游子吟）memberitahu kita bahawa kita perlu membalas jasa budi ibu bapa kerana ibu bapa telah banyak mencurahkan tenaga dan masa demi kita. Oleh hal yang demikian, kita adalah wajib untuk berbakti terhadap ibu bapa. (T3/K-3/T1)

> Puisi klasik Qibu shi（七步诗）telah memberi pengajaran kepada kita bahawa tidak boleh menganiayai antara satu sama lain dalam kalangan adik-beradik. Kita harus mencurahkan kasih sayang serta bersatu padu antara adik-beradik. Situasi dalam puisi klasik memang berkait rapat dengan kehidupan seharian saya dan perlulah berbuat demikian. Puisi klasik Yanshi（燕诗）pula mengajar kita supaya berbakti terhadap ibu bapa. Saya sering kali menggunakan kandungan puisi klasik yang dipelajari untuk sebagai peringatan saya agar menunaikan dalam kehidupan saya. (S2/K-3/T1)

Unsur cinta akan negara juga diterapkan ke dalam minda peserta T2 menerusi pembelajaran puisi klasik. Semangat patriotisme yang dipelajari dalam puisi klasik terutamanya ditekankan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dapat diaplikasikan ke dalam kehidupan hariannya. Berikut merupakan pendapat yang dikemukakan oleh peserta T2.

> Kandungan puisi klasik Guolingdingyang（过零丁洋）menyatakan bahawa manusia yang mana tidak akan mati, tetapi perlu meninggalkan nama baik dengan semangat yang cinta akan tanah air. Situasi ini dapat mencerminkan kehidupan harian terutamanya dalam bulan Ogos dan September ini yang merupakan bulan kemerdekaan. Jalur gemilang yang berkibar di kebanyakan kawasan telah mendorong saya mengingati kandungan puisi klasik ini dan menganggap bahawa cinta akan tanah air adalah tanggungjawab kita bersama. (S2/K-4/T1)

Di samping itu, peserta T3, T4, T5 dan T6 telah mengemukakan puisi klasik yang berada di luar buku teks Bahasa Cina KSSM menengah rendah. Mereka telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menyatakan puisi klasik yang dipelajari sewaktu sekolah rendah. Puisi klasik yang dikemukakan oleh peserta-peserta merupakan puisi klasik yang kandungan, bahasa dan sentimen penyajak mudah difahami. Hal ini kerana perasaan nyata dan mesra dalam kalangan peserta telah ditonjolkan dalam kandungan puisi klasik tersebut (Ren, 1995). Oleh itu, puisi klasik yang dimuatkan ke dalam buku teks Bahasa Cina menengah rendah perlulah meningkatkan lagi tahap kemesraan teks puisi klasik dengan murid.

> Puisi klasik yang memberikan imej yang mendalam kepada saya ialah puisi klasik Youziyin（游子吟）. Hal ini kerana puisi klasik ini merupakan puisi klasik yang pertama saya baca, kandungannya mudah difahami serta menyentuh perasaan saya di mana seorang ibu telah menggunakan jarum untuk menjahit baju dan dihadiahkan kepada anaknya yang akan meninggalkan kampung halaman. Penyajak mengeluh tentang dirinya yang tidak dapat menaati ibunya. (T3/K-5/T1)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Puisi klasik Minnong ershou（悯农二首）memberikan imej yang mendalam kepada saya. Puisi klasik ini menyatakan kesukaran petani dalam menanam sawah padi. Ramai rakyat sanggup membazirkan makanan kerana tidak memahami para petani bersusah payah untuk menghasilkan makanan. (T4/K-5/T1)

> Saya mengingati pernah mempelajari puisi klasik Jingyesi（静夜思）, karya Libai（李白）sewaktu sekolah rendah. Saya mendapati bahawa penyajak amat merindui kampung halamannya dan sentimen penyajak dapat dirasai dengan nyata. (T5/K-5/T1)

> Saya beranggapan puisi klasik Youziyin（游子吟）yang dipelajari sewaktu saya darjah satu telah memberikan imej yang mendalam kepada saya. Ibu dalam puisi klasik telah menjahitkan baju demi anaknya yang akan meninggalkan kampung halaman. Perasaan kasih sayang yang ada pada ibu dapat dirasai dengan nyata. (T6/K-5/T1)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Minat pembelajaran puisi klasik dalam kalangan murid akan meningkat dengan adanya kandungan yang relevan dengan pengalaman kehidupan sebenar mereka (Wang, 2020). Kecantikan yang unik dalam puisi klasik dapat difahami dan dipelajari dengan berkesan agar banyak ilmu pengetahuan dapat diterapkan ke dalam minda murid (Ma, 2019). Beberapa orang peserta telah mengemukakan bahawa mereka tidak berminat dalam pembelajaran puisi klasik disebabkan kandungan puisi klasik membosankan dan tidak relevan dengan zaman kehidupan kini.

> Saya tidak berminat dalam pembelajaran puisi klasik setelah mempelajari puisi klasik kerana saya berasa pembelajaran puisi klasik adalah bosan. Peristiwa yang dikatakan 'tua' yang tidak berkait rapat dengan kehidupan zaman kini dan saya tidak mempunyai minat untuk memahami kandungan dengan mendalam. (T6/K-5/T1)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Saya tidak mempunyai minat yang mendalam terhadap pembelajaran puisi klasik kerana saya tidak dapat memahami kandungan puisi klasik tersebut kecuali puisi klasik yang mengandungi unsur nilai murni. (T5/K-5/T1)

Berdasarkan perbincangan di atas, bahan pengajaran teks puisi klasik yang berasal dari kehidupan sebenar membolehkan murid dapat menguasai kebolehan pemahaman dan interpretasi dengan sempurna. Hal ini kerana ia mempunyai hubungan yang rapat dengan murid lalu membangunkan minat pembelajaran murid serta meningkatkan kualiti bahasa mereka. Kategori puisi klasik yang jenis perihalan, penuh dengan nilai kemanusiaan mampu menarik minat pembelajaran murid disebabkan mereka lebih mudah memahami kandungan puisi klasik tersebut. Sebagai contoh, puisi klasik yang bertemakan hubungan kekeluargaan, persahabatan serta percintaan di mana murid sedikit sebanyak mempunyai pengalaman yang sedia ada. Hal ini telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


meningkatkan keaktifan murid dalam pembelajaran puisi klasik dan kandungan puisi klasik yang dipelajari dapat menerap ke dalam kehidupan harian murid, membimbing murid berkeupayaan untuk menyatakan sentimen yang sebenar serta memanfaatkan segala ilmu yang dipelajari.

Di samping itu, penyelidik mendapati bahawa puisi klasik yang dikemukakan oleh para peserta berdasarkan buku teks Bahasa Cina KSSM menengah rendah seperti Guolingdingyang （过零丁洋）, Qibu shi （七步诗）, Zengcongdi • Qier（赠从弟 • 其二）, Quanxue shi（劝学诗）dan Changge xing（长歌行）merupakan puisi klasik yang telah memenuhi lima atau empat standard pemilihan kandungan teks puisi klasik seperti yang disenaraikan dalam jadual 4.4 di atas. Selain itu, penyelidik juga mendapati bahawa kelima-lima puisi klasik yang dikemukakan oleh para peserta ini telah memenuhi aspek sifat kontemporari dalam standard pemilihan puisi klasik seperti yang dicatatkan dalam jadual 4.4 di atas.

Justeru, Wu (2013) telah menyatakan bahawa aspek kesinambungan dengan zaman kini adalah penting dan perlu diambil kira dalam proses pemilihan teks puisi klasik. Hal ini demikian kerana proses pembelajaran murid adalah menerusi pengalaman pesekitaran yang sedia ada dalam pemahaman serta pembinaan lambang dalaman psikologi seperti yang dikemukakan oleh J.S. Bruner dalam teori belajarnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


#### 4.3.1.2 Bahagian Bimbingan Bacaan dan Catatan Penerangan Maksud Istilah dalam Teks Puisi Klasik Memainkan Peranan dalam Meningkatkan Minat Pembelajaran Murid

Pakar pendidikan dan kesusasteraan Ye (2015) telah mengemukakan bahawa keupayaan belajar kendiri dan membina struktur ilmu seharusnya dipupuk dalam kalangan murid. Mengikut teori belajar J.S. Bruner, beliau telah menyatakan bahawa guru bukan semata-mata menyampaikan ilmu dan murid menerimanya secara pasif sahaja dalam proses pembelajaran, proses yang unik seharusnya dibina iaitu pembinaan struktur ilmu sendiri secara automatik dalam kalangan murid. Oleh hal yang demikian, bahagian bimbingan bacaan serta catatan penerangan maksud istilah telah memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk mencapai matlamat ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Untuk mendalamkan kefahaman murid terhadap sesebuah teks puisi klasik, bahagian bimbingan bacaan telah memainkan peranan yang penting sebagai bimbingan murid untuk menguasai kandungan sesebuah teks puisi klasik. Bahagian bimbingan bacaan biasanya menggunakan bahasa yang indah dan sentimen yang mendalam untuk mencungkil minat pembelajaran murid. Bahasa yang mengandungi kemesraan yang tinggi biasanya akan menarik murid berminat untuk membaca kandungan sesebuah teks dengan lebih mendalam (Zhu, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Jadual 4.6

*Analisis Persepsi Murid Terhadap Bahagian Bimbingan Bacaan dan Catatan Penerangan Maksud Istilah dalam Teks Pilihan Pembelajaran Puisi Klasik dalam Buku Teks Bahasa Cina Menengah Rendah*

| Soalan Temu Bual | S1 | S2 | S3 | D1 | D2 | D3 | T1 | T2 | T3 | T4 | T5 | T6 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Bahagian bimbingan bacaan dalam teks puisi klasik membantu anda dalam mempelajari puisi klasik.<br><br>(Tanda √ menunjukkan bahawa peserta bersetuju dengan kenyataan ini.) | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ |
| Bahagian catatan pene-rangan maksud istilah dalam teks puisi dapat membantu anda dalam mempelajari puisi klasik.<br><br>(Tanda √ menunjukkan bahawa peserta bersetuju dengan kenyataan ini.) | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6 menunjukkan persepsi murid terhadap bahagian bimbingan bacaan dan catatan penerangan maksud istilah dalam teks pilihan pembelajaran puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina menengah rendah. Berdasarkan dapatan kajian dalam proses temu bual, didapati bahawa bahagian bimbingan bacaan telah memainkan peranan yang penting dalam mengetuai murid menguasai kandungan teks pada peringkat asasnya. Berikut merupakan pendapat yang dikemukakan oleh beberapa orang peserta dalam proses temu bual yang telah dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> Bahagian bimbingan bacaan telah membantu saya dalam pembelajaran puisi klasik. Sebagai contoh, semasa saya pertama kali membaca sesebuah puisi klasik, saya telah mempunyai satu gambaran tentang puisi klasik tersebut kerana saya telah membaca bahagian bimbingan bacaan. Apabila kita telah mempunyai kefahaman yang asas, kita akan lebih cepat menguasai puisi klasik tersebut sewaktu guru mengajar di dalam kelas. Hal ini telah meningkatan efisien dalam proses pembelajaran dan pengajaran puisi klasik. (D1/B-1/T2)

> Bahagian bimbingan bacaan memang dapat membantu saya dalam pembelajaran puisi klasik. Sebagai contoh, apabila saya menemui sesebuah puisi klasik di mana kandungannya agak mendalam, saya akan merujuk pada bahagian bimbingan bacaan untuk membantu saya lebih memahami dan menguasai kandungan puisi klasik yang disampaikan oleh penyajak dengan lebih menyeluruh. (S2/B-5/T2)

Kandungan puisi klasik yang agak berjauhan dengan kehidupan sebenar murid kerana murid tidak mempunyai pengalaman dan susah memasuki pemikiran penyajak. Bahagian bimbingan bacaan telah mengurangkan jurang antara penyajak dengan murid serta melancarkan lagi proses pembelajaran puisi klasik. Perasaan yang ingin menjauhi pembelajaran puisi klasik dalam kalangan murid dapat dikurangkan (Zhu, 2007). Peserta T3 dan T5 masing-masing telah mengemukakan pandangan mereka seperti yang dicatatkan di bawah.

> Saya biasanya akan membaca bahagian bimbingan bacaan terlebih dahulu dan ia dapat memberikan satu gambaran dalam ungkapan puisi klasik dan makna yang ingin disampaikan oleh penyajak. Jika saya hanya membaca teks puisi klasik tersebut, saya akan memahami maksudnya pada permukaan sahaja. Hal ini tidak membantu saya untuk memahami mesej yang disampaikan oleh penyajak secara menyeluruh. (T3/B-9/T2)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> Setelah saya membaca puisi klasik, saya akan merujuk bahagian bimbingan bacaan dan dapat memahami sentimen penyajak yang sebenar ketika mereka mengkarya sesebuah ayat dalam puisi klasik. Oleh hal yang demikian, saya berpendapat bahawa bahagian bimbingan bacaan dapat membantu saya lebih memahami sentimen dan perasaan yang diluahkan oleh penyajak dan memang membantu saya dalam pembelajaran puisi klasik. (T5/B-11/T2)

Berdasarkan pandangan yang diberikan oleh para peserta, didapati bahawa dengan adanya bantuan bimbingan bacaan, pemupukan pembelajaran kendiri dan pembinaan struktur ilmu dalam kalangan murid yang diutamakan dalam teori belajar J.S. Bruner dapat direalisasikan dari semasa ke semasa. Semangat penerokaan ilmu dalam kalangan murid juga dapat dipupuk. Jelaslah bahawa bahagian bimbingan bacaan merupakan tali rangkaian yang penting antara penulis buku teks, guru dan murid. Menerusi bantuan bahagian bimbingan bacaan, murid dapat mempelajari ilmu yang sepatutnya dikuasai, guru juga dapat memastikan objektif pengajaran dengan lebih tepat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, catatan penerangan maksud juga memainkan peranan yang penting dalam membantu murid untuk memahami dan menguasai makna atau mesej yang disampaikan oleh penyajak dengan menerangkan sesuatu perkataan atau istilah tentang keistimewaan penggunaannya. Catatan penerangan maksud ini melancarkan lagi proses pembelajaran dan pengajaran terutamanya dalam teks puisi klasik. Ia juga penting dalam pemupukan keupayaan belajar diri sendiri dan keupayaan menerokai dalam kalangan murid kerana catatan penerangan maksud ini telah mengurangkan emosi yang takut akan kesukaran dalam pembelajaran puisi klasik (Zhu, 2019). Berikut merupakan pendapat yang dikemukakan oleh beberapa orang peserta dalam proses temu bual yang telah dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> Saya bersetuju catatan penerangan maksud istilah telah membantu saya dalam pembelajaran puisi klasik. Apabila saya menemui sesuatu istilah yang tidak difahami, saya akan merujuk kepada bahagian catatan penerangan maksud istilah untuk cuba memahami kandungan yang ingin disampaikan oleh penyajak. Dengan adanya catatan penerangan maksud istilah, saya boleh meneka maksud ayat dalam sesebuah puisi klasik serta memahami makna dan mesej yang disampaikan. (D1/C-1/T2)

> Saya rasa catatan penerangan maksud istilah memainkan peranan sebagai kamus, apabila saya menemui istilah yang tidak difahami dalam puisi klasik, saya dapat merujuk bahagian catatan penerangan maksud istilah dan cuba memahami makna yang disampaikan oleh penyajak. Saya dapat mempelajari istilah tersebut serta faham akan penggunaannya dan dapat menggunakannya pada masa yang diperlukan. (S2/C-5/T2)

> Apabila saya mempelajari puisi klasik, saya biasanya perlu merujuk kepada kamus yang menterjemahkan maksud istilah tersebut dan hal ini telah melambatkan proses pembelajaran puisi klasik saya. Dengan merujuk kepada bahagian catatan penerangan maksud istilah yang dibekalkan, maka saya akan menjejak langkah ke dalam kandungan serta sentimen yang terkandung dalam puisi klasik dengan mudah. (T5/C-11/T2)

Di samping itu, catatan penerangan maksud istilah dikatakan mampu meningkatkan minat pembelajaran puisi klasik dalam kalangan murid secara tidak langsung kerana ia telah mengurangkan konsep kesukaran dalam minda murid dalam proses pembelajaran puisi klasik. Berikut merupakan pendapat yang diluahkan oleh peserta T3 dan T4.

> Catatan penerangan maksud istilah membolehkan saya mempelajari puisi klasik lebih lega hati dan menguasai kandungan dalam puisi klasik dengan kadar yang segera. Keadaan sebegini telah banyak menjimatkan masa saya dalam proses pembelajaran puisi klasik. (T3/C-9/T2)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> Catatan penerangan maksud istilah membolehkan saya mempelajari puisi klasik lebih lega hati dan menguasai kandungan dalam puisi klasik dengan kadar yang segera. Keadaan sebegini telah banyak menjimatkan masa saya dalam proses pembelajaran puisi klasik. (T3/C-9/T2)

> Disebabkan istilah dalam sesetengah puisi klasik agak mendalam dan sukar difahami, maka dengan merujuk kepada bahagian catatan penerangan maksud telah membolehkan saya memahami kandungan puisi klasik tersebut dengan mudah. (T4/C-10/T2)

Oleh hal yang demikian, catatan penerangan maksud istilah dalam puisi klasik telah memainkan peranan yang amat penting demi membantu murid melancarkan proses pembelajaran puisi klasik. Murid dapat memahami maksud atau mesej yang disampaikan oleh penyajak menerusi catatan penerangan maksud istilah, memahami sentimen penyajak ketika mengkarya sesebuah puisi klasik serta menguasai kandungan yang penting dalam puisi klasik tersebut.

Berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh peserta di atas, jelaslah bahawa fungsi utama catatan penerangan maksud istilah adalah membantu murid memahami kandungan yang penting dalam sesebuah teks puisi klasik. Puisi klasik merupakan warisan kebudayaan Tionghua yang sangat penting dan bernilai tinggi. Akan tetapi, disebabkan tempoh puisi klasik yang dihasilkan sehingga zaman kini mempunyai jurang yang amat luas dan menyebabkan sesetengah istilah dalam puisi klasik sukar difahami secara mendalam (He, 2019), peserta T1 telah mengemukakan bahawa catatan penerangan istilah dapat membantunya memahami kandungan puisi klasik pada tahap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


yang asas sahaja dan memerlukan bahagian penerangan yang lebih mendalam untuk menguasai kandungan teks puisi klasik dengan menyeluruh.

> Catatan penerangan maksud istilah memang membantu saya dalam pembelajaran puisi klasik kerana ia membekalkan penerangan terhadap sesuatu istilah. Akan tetapi, ia tidak dapat membantu saya dalam memahami latar belakang penyajak mengkarya puisi klasik tersebut secara mendalam dan menyeluruh. Saya perlu menghabiskan masa untuk menstrukturkan semula pemikiran saya dan menggabungkan gambaran yang ingin disampaikan oleh penyajak menerusi puisi klasik. Saya berpendapat bahawa catatan penerangan maksud istilah masih tidak mencukupi untuk saya menguasai puisi klasik dengan lebih mendalam, jika berpandukan dengan bahagian penerangan dalam menikmati dan menganalisis bagi puisi klasik berkenaan, barulah dapat memahami puisi klasik tersebut lebih menyeluruh. (T1/C-7/T2)

Peserta T4, D1, D2 dan D3 pula menyatakan bahawa mereka tidak berminat dalam pembelajaran puisi klasik disebabkan puisi klasik sukar difahami. Menerusi pandangan yang dikemukakan oleh peserta, bahagian bimbingan bacaan dan catatan penerangan maksud istilah dalam buku teks masih belum mencapai fungsinya serta meningkatkan minat pembelajaran puisi klasik secara menyeluruh.

> Saya tidak berminat untuk mempelajari puisi klasik kerana istilah dalam puisi klasik agak susah untuk difahami. Bahasa klasik adalah lebih sukar difahami berbanding dengan bahasa moden. (T4/C-12/T2)

> Saya tidak berminat mempelajari puisi klasik kerana sesetengah maksud istilah sukar didapati. Walaupun sesetengah maksud istilah dapat di internet, ia juga sukar untuk menggabungkan ayat puisi untuk difahami, maka seluruh puisi klasik tidak mudah difahami. (D3/C-13/T2)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> Saya tidak berminat mempelajari puisi klasik disebabkan puisi klasik agak rumit dan membosankan. Saya tidak berminat untuk memahami puisi klasik dengan mendalam. (D2/C-14/T2)

> Saya kurang berminat dalam mempelajari puisi klasik kerana agak susah untuk mempelajari puisi klasik secara diri sendiri, perlu bimbingan dan penjelasan daripada guru barulah dapat menguasai kandungan puisi klasik. (D1/C-15/T2)

Berdasarkan perbincangan di atas, catatan penerangan maksud istilah memainkan peranan dalam memenuhi kongnitif pembelajaran bahasa dan perkembangan prinsip murid. Dari segi pembelajaran murid, catatan penerangan maksud telah membantu murid dalam peningkatan keaktifan dan inisiatif semasa belajar (He, 2019). Pembelajaran murid kendiri dapat menonjolkan kesan yang nyata dengan bantuan catatan penerangan maksud yang dapat membantu murid memahami kandungan dan sentimen yang disampaikan oleh penyajak (Li, 2019). Dengan ini, bahan pengajaran barulah dapat berkhidmat demi murid dengan sempurna.

Secara rumusan, kebanyakan murid beranggapan bahawa catatan penerangan maksud telah banyak membantu mereka dalam pembelajaran kendiri. Dapat disimpulkan bahawa catatan penerangan maksud merupakan alat yang penting dalam pembelajaran puisi klasik, ia juga merupakan asas dalam pembelajaran puisi klasik dan membantu murid dalam memahami kandungan puisi klasik serta memainkan peranan dalam mewariskan kebudayaan. Di samping itu, bahagian bimbingan bacaan dan catatan penerangan maksud dalam buku teks perlu ditambahbaikkan kerana masih terdapat segelintir peserta menyatakan bahawa istilah tidak mudah difahami dan payah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


untuk belajar diri sendiri. Hal ini telah menyebabkan minat pembelajaran murid dalam puisi klasik terjejas.

### 4.3.2 Penerapan Nilai Murni dan Estetik Murid Menerusi Pembelajaran Teks Puisi Klasik yang Terkandung dalam Buku Teks Bahasa Cina Menengah Rendah KSSM

Bahagian ini akan menjawab persoalan kajian yang ketiga iaitu sejauh manakah penerapan nilai murni dan estetik dalam kalangan murid menerusi teks pilihan pembelajaran puisi klasik yang sedia ada. Secara amnya, banyak nilai murni dan estetik dapat diterapkan ke dalam minda murid menerusi pembelajaran sebahagian puisi klasik di dalam mahupun di luar buku teks Bahasa Cina. Dapatan kajian telah wujud beberapa tema seperti yang akan dibincangkan dalam bahagian-bahagian yang seterusnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



#### 4.3.2.1 Penguasaan Nilai Murni dapat Ditonjolkan Menerusi Pembelajaran Puisi Klasik dan Diaplikasikan dalam Kehidupan Harian Murid

Sebagaimana yang kita ketahui, demi perkembangan murid secara menyeluruh, bahan pengajaran perlu memenuhi aspek kepelbagaian, menitikberatkan perkembangan kognitif murid serta mengambil kira bimbingan sentimen dan nilai murni dalam kalangan murid (Khoo, 2019). Budaya Tionghua yang indah yang terkandung dalam puisi klasik mampu menerapkan nilai-nilai murni yang positif dan optimis mahupun dalam negara, bangsa, masyarakat ataupun diri sendiri dalam minda murid (Wong, 2019).

Jadual 4.7

*Analisis Penerapan Nilai Murni Menerusi Teks Pilihan Pembelajaran Puisi Klasik dalam Buku Teks Bahasa Cina Menengah Rendah*

| Kandungan Soalan Temu Bual | S1 | S2 | S3 | D1 | D2 | D3 | T1 | T2 | T3 | T4 | T5 | T6 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Puisi klasik yang telah memberikan inspirasi yang lebih mendalam kepada anda.<br><br>(Tanda √ menunjukkan bahawa peserta bersetuju dengan kenyataan ini.) | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ |
| Nilai murni telah diterapkan ke dalam minda anda menerusi pembelajaran puisi klasik.<br><br>(Tanda √ menunjukkan bahawa peserta bersetuju dengan kenyataan ini.) | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ |

*(bersambung)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



*Jadual 4.7 (sambungan)*

| | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Pedoman kehidupan yang dipelajari dalam puisi klasik membantu anda dalam kehidupan sebenar.<br><br>(Tanda √ menunjukkan bahawa peserta bersetuju dengan kenyataan ini.) | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ |

Jadual 4.7 menunjukkan penerapan nilai murni menerusi teks pilihan pembelajaran puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina menengah rendah. Penyelidik telah mendapati bahawa puisi klasik yang dikemukakan oleh para peserta telah memenuhi aspek ideologi atau aspek informatif atau kedua-dua aspek ini dalam standard pemilihan puisi klasik seperti yang dijadualkan dalam jadual 4.4 di atas. Tan (2012) telah menyatakan bahawa teks yang memenuhi aspek ideologi akan memupuk sikap pembelajaran yang murni serta membina pemikiran yang positif dalam kalangan murid. Zheng (2004) menyatakan bahawa teks yang memenuhi aspek informatif pula akan mendorong perkembangan pemikiran murid ke arah pemikiran yang positif, tajam dan unik seperti yang dibincangkan dalam bab dua. Berdasarkan dapatan kajian dalam proses temu bual, didapati bahawa penerapan nilai murni ke dalam minda murid berdasarkan puisi klasik yang dipelajari telah menunjukkan respon yang positif seperti yang akan dibincangkan di bawah ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


#### 4.3.2.1.1 Nilai Murni Menghargai Masa

Sebagaimana yang kita ketahui, jangka masa kehidupan seumur hidup manusia adalah terhad. Justeru, pemikiran yang berkonsep menghargai masa, mengambil kesempatan pada setiap masa dalam kehidupan, membina semangat yang aktif dalam diri sendiri (Xu, 2015) sedikit sebanyak telah berbunga mekar dalam minda setiap insan.

Menerusi pembelajaran puisi klasik yang kandungannya berasaskan masa, nilai menghargai masa telah diterapkan ke dalam minda murid dan berupaya untuk mengaplikasikannya dalam kehidupan harian mereka. Dalam proses temu bual dijalankan, penyelidik mendapati bahawa kebanyakan peserta telah menyedari bahawa kepentingan menghargai masa dan memanfaat setiap detik masa dalam kehidupan mereka menerusi pembelajaran puisi klasik. Berikut adalah pandangan yang dikemukakan oleh peserta sewaktu proses temu bual dijalankan.

> Dalam pembelajaran puisi klasik Change xing（长歌行）, saya dapat mempelajari tentang konsep menghargai masa, mengambil kesempatan untuk menghabiskan perkara yang diingini pada masa kini. (D1/M-1-1/T3)

> Berdasarkan puisi klasik Quanxue shi（劝学诗）, penyajak menasihati kita bahawa perlu menghargai zaman persekolahan dan tekun belajar, jangan biarkan masa berlalu sahaja dan kesal akan perbuatan semasa zaman muda yang tidak belajar dengan sebaik-baiknya. (S1/M-1-2/T3)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> Menerusi pembelajaran puisi klasik Quanxue shi（劝学诗）, saya telah memperoleh pengajaran bahawa saya perlu menghargai detik masa dan segala kepunyaan saya. (S3/M-1-3/T3)

> Ayat dalam puisi klasik Jin lvyi（金缕衣）yang menasihati kita bahawa 'jangan menghargai baju yang dijahit dengan emas yang membawa maksud kekayaan semata-mata, tetapi perlu menghargai detik masa sewaktu kita muda'. Ayat puisi klasik ini telah memberitahu kita bahawa perlu menghargai masa dan mengambil kesempatan untuk berusaha dengan bersungguh-sungguh serta tidak membazirkan masa agar tidak menyesal pada masa akan datang khususnya pada umur yang tua. (T4/M-1-4/T3)

Puisi klasik yang bertemakan masa bukan sahaja dapat menyedari murid menghargai masa, tetapi juga dapat membangunkan semangat yang mengambil kesempatan pada setiap detik masa kini untuk berbakti terhadap ibu bapa dan menghargai masa yang bersama dengan ahli keluarga. Peserta yang berikut telah menyatakan pemikiran mereka bahawa mesej dalam puisi klasik dapat diaplikasikan dalam kehidupan harian dengan berbakti terhadap ibu bapa pada setiap detik masa.

> Puisi klasik Huanghelou（黄鹤楼）telah memberi pengajaran kepada kita bahawa haruslah menghargai ahli keluarga, menghargai segala yang berada pada diri kita. Puisi klasik ini telah mengingati saya bahawa adalah perlu untuk menghargai kepunyaan saya pada setiap masa. (S2/M-1-5/T3)

Berdasarkan dapatan kajian dalam kalangan peserta, dapat dilihat bahawa nilai jati diri yang mulia telah berbunga mekar dalam minda murid kerana kesusasteraan amat mementingkan pegangan nilai jati diri yang mulia terutamanya dalam teks puisi klasik (Woo, 2009). Nilai menghargai setiap detik masa telah pun menanam dalam minda murid dan sentiasa mengaplikasikan dalam kehidupan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


#### 4.3.2.1.2 Nilai Murni Cinta akan Negara

Sebagaimana kita ketahui, pembelajaran puisi klasik dapat mengiringi murid dari segi rohani dan memuliakan minda murid kerana ia telah menjadikan tapak didikan khasnya nilai murni yang penting dalam kalangan murid (Wu, 2013). Nilai cinta akan negara juga diterapkan ke dalam minda murid menerusi pembelajaran puisi klasik seperti yang dinyatakan oleh peserta-peserta yang berikut.

> Puisi klasik Gulang yuexing（古朗月行）telah menyatakan peristiwa Houyi（后羿）, cerita dalam puisi klasik juga menyatakan bahawa jangan semata-mata merosakkan negara, hal ini mengajar kita bahawa adalah kewajipan untuk berusaha mengekalkan keamanan sesebuah negara. (S2/M-2-1/T3)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Ci Manjianghong（满江红）telah menampilkan semangat penyajak yang meletakkan kepentingan negara di depan kepentingan diri. Kita perlu menaati negara terutamanya di Malaysia yang merupakan sebuah negara yang berbilang bangsa, adalah perlu kita melindungi perpanduan dan keamanan bersama. Ci ini mengingati kita bahawa adalah perlu bersetia pada negara pada setiap masa. (T1/M-2-2/T3)

> Saya beranggapan bahawa ayat dalam puisi klasik Guolingdingyang（过零丁洋）telah menyatakan bahawa seseorang insan yang manakah tidak akan mati, yang penting meninggalkan nama baik terutamanya cinta akan negara dalam catatan riwayat memang berguna dalam kehidupan harian kita. Kita boleh menyumbang terhadap negara dan masyarakat mengikut keupayaan kita, tidak kira sama ada sumbangan kita dapat dicatatkan ke dalam riwayat atau tidak, saya berpendapat bahawa kita tetap perlu berkhidmat dan menyumbang kepada masyarakat dan negara. (T2/M-2-3/T3)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> Ci Manjianghong（满江红）dan Yumeiren（虞美人）merupakan puisi klasik yang bertema cinta akan negara. Kedua-dua ci ini mengajar kita seharusnya berusaha untuk berjuang demi negara agar dapat membantu negara mencapai tahap yang lebih gemilang. (T4/M-2-4/T3)

Berdasarkan pendapat yang diberikan oleh peserta di atas, maka jelaslah bahawa nilai patriotisme dapat menerapkan ke dalam minda murid menerusi teks puisi klasik yang dipelajari. Mereka juga sanggup mengamalkan nilai murni yang dipelajari dalam kehidupan harian mereka. Objektif pendidikan yang mengutamakan nilai patriotisme dan perpaduan antara kaum yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (He, 2013) akan dicapai dengan adanya teks yang mengandungi nilai murni cinta akan negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

#### 4.3.2.1.3 Nilai Murni Semangat Beroptimis

Pembinaan pemikiran yang positif, sentimen yang sihat, semangat estetik serta sikap yang beroptimis dan konsep nilai murni merupakan unsur kemanusiaan yang penting dalam pendidikan. Hasrat kurikulum yang mengutamakan penerapan nilai-nilai murni dalam pemikiran murid dapat dicapai dengan pengajaran nilai-nilai yang berada dalam sesuatu teks puisi klasik (Tan, 2012). Peserta telah mengemukakan pendapat yang berikut di mana semangat beroptimis dalam puisi klasik dapat mempengaruhi minda dan kehidupan harian mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> Apabila saya menghadapi kesukaran dalam kehidupan, emosi saya akan terganggu dan tidak bergembira. Puisi klasik yang bersemangat optimis telah memberikan inspirasi kepada saya. Dengan menerusi pembelajaran puisi klasik Dongye dushu shiziyu（冬夜读书示子聿）, kandungan puisi klasik telah membantu saya lebih memahami falsafah kehidupan yang lebih mendalam dan mengubah pemikiran dan konsep saya tentang pembelajaran. (S1/M-3-1/T3)

> Pembelajaran puisi klasik telah banyak memberikan inspirasi kepada saya dalam aspek pemikiran tentang nilai murni dan pengalaman kehidupan penyajak. Apabila penyajak menghadapi dugaan dalam kehidupan mereka, cara penyelesaian dan sikap untuk menghadapinya telah dikaryakan dalam puisi klasik misalnya puisi klasik Dengfeilaifeng（登飞来峰）. Kita dapat menerapkan pengajaran daripada puisi klasik dan memahami bagaimana untuk menghadapi dan menyelesaikannya. Saya berpendapat bahawa adalah wajar dengan menerusi pengalaman orang lain untuk memperkasa diri sendiri dan menghidupkan semangat yang terpendam dalam diri kita. Cara ini amat berkesan kerana kita masih muda dan masih tidak melalui pengalaman kehidupan yang banyak. (T1/M-3-2/T3)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Apabila penyajak menghadapi rintangan hidup khususnya dalam kerjayanya, mereka biasanya akan mengikuti ajaran Dao yang mengundurkan diri daripada kegelapan dan menerimanya secara terbuka di mana ajaran Buddha yang amat menekankan konsep ini (Wong, 2019). Menerusi pembelajaran puisi klasik bertemakan konsep ini, satu semangat kehidupan yang beroptimis telah dibentuk dan memupuk nilai positif dan sikap yang aktif dalam kehidupan juga dibentuk dalam kalangan murid.

> Saya rasa puisi klasik Shanjuqiumin（山居秋暝）merupakan puisi klasik yang menonjolkan semangat beroptimis kerana penyajak sanggup meninggalkan alam politik yang huru-hara dan bermastautin di kampung yang tenteram. Saya berpendapat bahawa sikap penyajak yang menghadapi dugaan hidup adalah positif kerana beliau tidak dipengaruhi oleh kegelapan politik dan menjalani kehidupannya di kampung dengan hati yang tenang. (T2/M-3-3/T3)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> Puisi klasik Zhushi（竹石）telah menyatakan semangat yang beroptimis dalam menghadapi kesukaran kehidupan harian dan tabah serta tekad dalam menyelesaikan rintangan hidup. Kita tidak dapat mengelakkan dugaan hidup dalam kehidupan harian. Oleh hal yang demikian, kita perlu menghadapinya dengan hati yang tabah dan terbuka. (T6/M-3-4/T3)

Berdasarkan perbincangan di atas, jelaslah bahawa semangat beroptimis telah ditanamkan dalam sanubari murid yang sanggup mengaplikasikannya dalam kehidupan harian mereka khususnya dalam hala tuju pembelajaran mereka. Dengan ini, jati diri dalam kalangan murid dapat dipertingkatkan.

#### 4.3.2.1.4 Nilai Murni Kecekalan dan Ketabahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembelajaran puisi klasik dapat mengiringi murid dari segi rohani dan memuliakan minda murid kerana ia telah menjadikan tapak didikan khasnya nilai murni yang penting dalam kalangan murid (Wu, 2013). Nilai murni kecekalan dan ketabahan merupakan aspek yang penting yang perlu ditanam di dalam jiwa seseorang insan disebabkan semua insan akan menghadapi rintangan dalam kehidupan. Nilai ketabahan dan kecekalan dapat diterapkan dalam kalangan peserta seperti yang dinyatakan di bawah ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Saya telah mempelajari semangat ketabahan menerusi puisi klasik Cengcongdi • Qier（赠从弟 • 其二）. Saya tetap mengekalkan hati kesucian saya walaupun perjalanan dalam kehidupan betapa sukar juga tidak terpengaruh dengan godaan dunia luar. Saya akan berusaha bersungguh-sungguh dalam kehidupan saya dan tidak sering kali mencarikan jalan singkat untuk sampai ke destinasi. (D2/M-4-1/T3)

Semasa saya menemui kesukaran dalam pembelajaran, niat untuk berundur diri akan mucul dalam minda saya. Akan tetapi, minda saya akan terfikir ayat dalam puisi klasik Quanxueshi（劝学诗）, saya akan menggalakkan diri sendiri saya bahawa demi mencapai kejayaan seharusnya mencurahkan usaha yang berkali ganda tanpa mengundurkan diri walaupun menghadapi cabaran. (S1/M-4-2/T3)

Saya telah banyak mempelajari nilai murni menerusi pembelajaran puisi klasik. Melalui pembelajaran puisi klasik Meihua（梅花）, penyajak menasihati kita bahawa jangan semata-mata takut akan kesukaran dan wajarlah kita menghadapinya. Puisi klasik ini juga menyeru kita bahawa perlu menegaskan status etika pendirian dan keadilan, tidak kerana menghadapi kesukaran dalam kehidupan dan mengubahkan status etika pendirian dengan mudah. Saya akan menggunakan puisi klasik ini untuk memotivasikan diri supaya tabah hati dan tidak mudah berundur diri sewaktu saya menghadapi rintangan dalam kehidupan. Saya juga tidak begitu mudah mengubahkan etika saya disebabkan kata-kata orang lain lalu menyingkirkan diri sendiri. (S2/M-4-3/T3)

Saya lebih menyukai puisi klasik yang mempunyai nilai ketabahan seperti puisi klasik Zhushi（竹石）yang menasihati kita supaya tabah menghadapi segala yang berlaku dalam kehidupan harian. Saya akan mempelajari semangat ketabahan yang ada pada buluh. (T6/M-4-4/T3)

Secara rumusannya, sentimen dalam sanubari murid telah dikesan dan dirasai berdasarkan nilai murni yang terkandung dalam puisi klasik lalu mencontohi semangat dan sikap yang mulia ini dalam menghadapi pelbagai rintangan kehidupan. Insan yang patuh akan etika masyarakat, mempunyai jati diri yang tinggi, tabah dalam menghadapi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


rintangan kehidupan serta memiliki sahsiah yang mulia akan dihasilkan menerusi pendidikan teks puisi klasik.

#### 4.3.2.1.5 Nilai Murni Keharmonian dalam Kekeluargaan

Pemupukan nilai murni yang berkualiti tinggi merupakan aspek yang penting dalam menjurus ke arah kehidupan yang mulia (Khoo, 2019). Aspek keharmonian dalam sesebuah keluarga adalah amat penting. Menerusi pembelajaran puisi klasik, nilai-nilai seperti berbakti terhadap ibu bapa, menghargai ahli keluarga dan mengeratkan silaturahim dalam kalangan adik-beradik akan diterapkan ke dalam minda murid. Berikut merupakan pandangan yang dikemukakan oleh para peserta sewaktu temu bual dijalankan.

> Sebagai contoh, apabila saya berdepan dengan ibu bapa saya, saya akan mengingati kandungan karya puisi klasik Bai juyi（白居易）, Yan shi （燕诗） yang menggalakkan saya untuk berbakti terhadap ibu bapa dan menghargai ahli keluarga saya. (S2/M-5a-1/T3)

> Puisi klasik yang bertema berbakti terhadap ibu bapa lebih mendekati kehidupan harian saya. Sebagai contoh, puisi klasik Ciwuyeti（慈乌夜啼）telah mengajar kita perlulah berbakti terhadap ibu bapa dan menghargai ahli keluarga saya. (S2/M-5a-1/T3)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Motif pembelajaran telah dirangsangkan kerana teks puisi klasik yang dipilih mendekati kehidupan seharian murid (He, 2013). Disebabkan mereka berpengalaman terhadap sesuatu peristiwa, maka minda mereka dapat bersama dengan penyajak lalu menerima mesej yang ingin disampaikan oleh penyajak dan seterusnya mengaplikasikannya dalam kehidupan harian. Konsep menghargai ahli keluarga telah ditanamkan dalam jiwa murid seperti yang dinyatakan oleh peserta-peserta yang berikut.

> Puisi klasik Chunwang（春望）menggambarkan keadaan sewaktu berperang dan surat keselamatan yang dikirim keluar payah untuk sampai ke tangan ahli keluarga disebabkan peperangan yang berlarutan. Oleh hal yang demikian, kita perlu menghargai peluang yang dapat bersama dengan ahli keluarga dan meluangkan masa untuk menemani mereka. (D3/M-5b-1/T3)

> Saya berasa teks yang berkenaan dengan peristiwa sejarah dapat memberikan inspirasi kepada saya seperti teks puisi klasik yang bertemakan kerinduan terhadap kampung halaman dan ahli keluarga. Puisi klasik Shanzhong（山中）telah mengingati kita bahawa perlu menghargai ahli keluarga pada setiap masa kerana peribahasa ada mengatakan bahawa inginkan daun pokok berhenti melambai tetapi angin tetap bertiup kencang, inginkan berbakti terhadap ibu bapa tetapi ibu bapa sudah meninggal. (T1/M-5b-2/T3)

> Puisi klasik Sumuzhe • Huaijiu （苏幕遮 • 怀旧）telah menggambarkan kerinduan terhadap kampung halaman dan telah mengingati saya bahawa perlu menghargai detik masa yang dapat bersama dengan ahli keluarga. Hal ini kerana kita tidak dapat berjangka bila akan berpisah dengan mereka dan bilakah akan bertemu semula setelah perpisahan. (T3/M-5b-3/T3)

> Kandungan dalam puisi klasik Qibu shi（七步诗）telah mengingati saya bahawa perlu bertoleransi dan mengeratkan silaturahim antara adik-beradik. Saya bertanggungjawab untuk melindungi adik-beradik saya. (S2/M-5c-1/T3)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Nilai murni berbakti terhadap ibu bapa juga telah menerapkan ke dalam minda peserta menerusi teks puisi klasik yang dipelajari sebelumnya. Nilai ini telah berakar umbi dalam minda peserta disebabkan puisi klasik yang dipelajarinya adalah pada zaman sekolah rendah.

> Puisi klasik Youziyin（游子吟）merupakan puisi klasik yang pertama saya pelajari. Kandungan puisi klasik ini mudah difahami dan telah menyentuh perasaan pembaca. Puisi klasik ini telah menggambarkan seorang ibu telah bertungkus-lumus untuk menjahit baju kerana anaknya akan bertolak ke tempat yang berjauhan. Anaknya mengeluh tentang bilakah masa baru dapat membalas jasa ibunya. Kandungan puisi klasik ini mudah difahami tetapi sentimen yang terkandung dalam puisi klasik dapat mengharukan pembaca dengan menyampaikan mesej bahawa perlulah kita berbakti terhadap ibu bapa kita pada setiap masa. (T3/M-5d-1/T3)

Berdasarkan pandangan peserta yang dibincangkan di atas, dapat dibuktikan bahawa puisi klasik telah menerapkan nilai murni berbakti terhadap ibu bapa serta membina silaturahim yang baik dalam kalangan adik-beradik. Situasi ini telah membawa murid menjurus ke arah pembentukan sahsiah yang disanjungi serta kehidupan yang mulia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


#### 4.3.2.1.6 Nilai Murni Kerajinan dalam Pembelajaran dan Bersyukur

Keindahan dalam sesebuah teks puisi klasik dapat mencungkil nilai-nilai murni dalam kalangan murid dan falsafah kehidupan yang positif akan dibentuk serta nilai estetik kesusasteraan akan dipertingkatkan (Fu, 2011). Nilai murni kerajinan dalam pembelajaran dan bersyukur telah ditonjolkan dalam puisi klasik yang dipelajari oleh murid serta diterapkan ke dalam minda murid seperti yang dinyatakan oleh peserta yang berikut.

> Buku teks mengandungi sebuah puisi klasik yang bernama Quanxue shi（劝学诗）di mana ayat dalam puisi klasik telah menyatakan bahawa sewaktu berambut hitam tidak rajin belajar, bila berambut putih baru menyesal adalah terlalu lewat. Saya dapat mengaplikasikan kandungan puisi klasik dalam kehidupan dan karangan saya yang bertemakan kecekalan untuk belajar serta mengaji ilmu. (S2/M-6-1/T3)

> Puisi klasik Quanxue shi（劝学诗）telah menyatakan bahawa kita seharusnya rajin belajar sewaktu kita masih muda dan jangan tunggu sehingga tua baru menyesal. Puisi klasik ini mengingati saya supaya mengambil kesempatan untuk rajin belajar pada usia muda dan bukan hanya bermain-main sahaja. (S3/M-6-2/T3)

Pembelajaran puisi klasik bukan sahaja dapat meluaskan perspektif murid, tetapi juga meningkatkan nilai estetik dan sahsiah serta membentuk semangat kehidupan yang beroptimis (Wu, 2013). Nilai kesyukuran telah diterapkan ke dalam minda murid seperti yang dinyatakan oleh peserta yang berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> Walaupun kita hidup dalam negara yang aman dan damai, kita perlu berfikir tentang negara di timur tengah yang berperang demi sumber alam semula jadi. Kita seharusnya bersyukur dapat hidup dalam masyarakat yang aman dan damai. Dengan mempelajari puisi klasik yang memerihalkan peperangan seperti Chunwang（春望）, kita dapat merasai penderitaan rakyat yang dilalui akibat peperangan. (T2/M-7-1/T3)

> Menerusi puisi klasik Chishang erjue（池上二绝）, kita telah mengetahui kehidupan orang zaman kuno yang normal juga dapat hidup dengan gembira, tidak semestinya memiliki wang yang banyak atau rumah yang dihiasi banyak barang. Semangat dan pemikiran yang menjalani kehidupan adalah lebih penting daripada kemewahan. (D1/M-7-2/T3)

Nilai-nilai murni, pendidikan serta peradaban telah disusupi oleh nenek moyang masyarakat etnik Cina dalam karya mereka khususnya teks puisi klasik. Lu (2008) telah menyatakan bahawa puisi klasik bukan sahaja meluaskan perspektif murid, sentimen murid dan kualiti kebudayaan murid juga akan dipertingkatkan. Oleh itu, teks puisi klasik yang menepati kehendak zaman kini akan menonjolkan nilai murni tradisional dan ahlak mulia. Hal ini kerana pemaparan penghayatan jiwa yang unik dalam puisi klasik dapat menggalakkan pemikiran murid serta memberikan inspirasi dalam pemikiran murid.

Berdasarkan perbincangan dapatan kajian di atas, dapatlah disimpulkan bahawa nilai murni dalam sebahagian dari puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina telah meninggalkan kesan yang mendalam serta mempengaruhi pemikiran, semangat dalam kehidupan serta pembentukan sahsiah diri yang berkualiti dalam kalangan murid. Hal ini telah mendorong murid supaya menjurus ke arah yang berupaya untuk mengaplikasikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


nilai murni yang dipelajari mahupun dalam kehidupan harian mereka atau dalam pembelajaran mereka khususnya dalam penulisan.

#### 4.3.2.2 Penerapan Nilai Estetik ke dalam Minda Murid dan Pengaplikasian dalam Kehidupan Harian Murid

Pembelajaran kesusasteraan khususnya puisi klasik merupakan satu keperluan di mana status kedudukan dan nilai pembelajarannya yang unik dalam proses pembelajaran bahasa (Fu, 2011). Hal ini kerana kecantikan puisi klasik dari segi perasaan, bentuk, irama serta ruangan makna yang tinggi memang tidak dapat dinafikan kerana karya puisi klasik telah berupaya untuk merentasi beribu-ribu tahun (Wu, 2013). Menerusi pembelajaran puisi klasik, murid dapat menikmati keindahan dalam puisi klasik dan merasai konotasi serta konsepsi dalam puisi klasik. Hal ini akan meningkatkan tahap kebudayaan dan keupayaan menilai karya kesusasteraan dalam kalangan murid (Khoo, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Jadual 4.8

*Analisis Persepsi Murid terhadap Makna Sebenar Pembelajaran Puisi Klasik*

| Kandungan Soalan Temu Bual | S1 | S2 | S3 | D1 | D2 | D3 | T1 | T2 | T3 | T4 | T5 | T6 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Pembelajaran puisi klasik dapat memberikan makna sebenar kepada anda.<br><br>(Tanda √ menunjukkan bahawa peserta bersetuju dengan kenyataan ini.) | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ | √ |

Jadual 4.8 menunjukkan persepsi murid terhadap makna sebenar pembelajaran puisi klasik. Beberapa orang peserta telah berupaya untuk menilai kecantikan puisi klasik menerusi pembelajaran puisi klasik dan telah mengemukakan pendapat mereka dalam proses temu bual dijalankan.

> Empat ayat pertama dalam puisi klasik Gulangyuexing（古朗月行）telah menggambarkan pandangan penyajak terhadap bulan pada zaman kanak-kanak. Empat ayat terakhir dalam puisi klasik ini pula mencerminkan keadaan di mana sida-sida pada ketika itu yang membangkitkan pergolakan dalam politik. Saya menyukai puisi klasik ini disebabkan cara penyampaian puisi klasik ini adalah tersirat tetapi mempunyai maknanya yang mendalam, wajarlah kita merasainya dengan teliti untuk melihat maklumat tersirat yang ingin disampaikan oleh penyajak. Sebab yang kedua saya menyukai puisi klasik ini ialah sentimen yang ditampilkan dalam puisi klasik ini adalah nyata dan saya dapat merasai kesedihan penyajak. (S2/S-1-1/T4)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> Empat ayat pertama dalam puisi klasik Huanghelou（黄鹤楼）telah menyatakan situasi di mana benda dan bangunan masih kekal tetapi orang pada ketika itu telah berubah atau meninggalkan tempat tersebut. Empat ayat terakhir dalam puisi klasik pula menyatakan perasaan rindu akan kampung halaman. Saya menyukai puisi klasik ini kerana ayat puisi klasik yang dikarya oleh penyajak mempunyai sentimen yang mendalam dan saya dapat merasai kelayuan hati dan kesedihan penyajak dengan jelas. Saya juga terharu dengan sentimen yang dinyatakan oleh penyajak. (S2/S-1-2/T4)

> Saya berpendapat bahawa Ci Yumeiren（虞美人）yang menggunakan imej air untuk menggambarkan kesedihan dan kemurungan penyajak akibat keruntuhan negara adalah amat bersesuaian. Saya dapat merasai sentimen yang diluahkan oleh penyajak menerusi Ci ini. Kebanyakan penyajak akan menggunakan imej untuk menyatakan semangat dan cita-cita mereka dan menghuraikannya dengan tepat. Pemikiran penyajak telah bergabung dengan alam sekitar dan dapat menggunakan imej alam sekitar untuk menyatakan pemikiran mereka dengan tepat. (T1/S-1-3/T4)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dengan menerusi pembelajaran puisi klasik, semangat dan paparan penggunaan bahasa dalam kalangan penyajak dapat dirasai oleh murid dan seterusnya menampilkan diri dalam kebudayaan cemerlang. Murid akan memiliki pemandangan yang semakin terbuka serta konsep kehidupan yang positif dan aktif (Wu, 2013). Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui pandangan yang dikemukakan oleh peserta-peserta dalam proses temu bual seperti yang berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kebudayaan Tionghua boleh dikatakan amat luas dan mendalam. Ia mempunyai daya misteri yang dapat menarik perhatian saya dan mempunyai keinginan untuk memahaminya dengan mendalam lagi. Sebagai contoh, penyajak telah menggunakan ayat yang ringkas untuk menggambarkan sentimen dan keadaan yang dialami oleh mereka. Saya beranggap bahawa ia mempunyai daya tarikan atas kemampuan penyajak yang menggunakan ayat puisi klasik yang ringkas untuk menggambarkan kehidupan yang dilaluinya. Pembelajaran puisi klasik menggalakkan saya berfikir tentang mesej yang ingin disampaikan oleh penyajak dalam puisi klasik. Hal ini telah memupuk pemikiran saya yang tajam dan dapat mencontohi cara karyaan dalam kalangan para penyajak. (T2/S-1-4/T4)

Saya berminat dalam mempelajari puisi klasik kerana konsepsi seni dan keindahan bahasa dalam ayat puisi klasik telah mendorong saya merendamkan diri saya dalam puisi klasik seperti berada bersamaan dengan situasi penyajak. Pembelajaran puisi klasik juga dapat meningkatkan sahsiah diri saya dan penguasaan ilmu pengetahuan. Oleh itu, saya mempunyai minat yang tinggi dalam pembelajaran puisi klasik. (T3/S-1-5/T4)

Saya berpendapat bahawa puisi klasik dapat meningkatkan sahsiah diri. Hal ini kerana manusia pada zaman kuno biasanya menggunakan cara penyampaian yang tersirat untuk meluahkan perasaan mereka. Mereka tidak meluahkan perasaan mereka dengan keterlaluan sehingga menyinggung perasaan orang lain. Sebagai contoh, penyajak menggunakan sesuatu imej untuk meluahkan perasaan dan pada masa yang sama juga mengkritik kegelapan dalam politik. Saya berasa penyajak telah menggunakan cara yang pintar untuk menyatakan sesuatu perkara. (T1/S-1-6/T4)

Pembelajaran puisi klasik dapat memperkaya daya pemikiran saya dan ia merupakan sumber bagi daya ciptaan. Hal ini membolehkan saya meminjam puisi klasik sebagai titik permulaan mencipta dengan mengaitkan konsepsi seni serta rekaan dalam puisi klasik dan memperteguhkan lagi demi memperkaya karangan saya. (S1/S-1-7/T4)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> Saya beranggapan pembelajaran puisi klasik menggalakkan pemahaman saya terhadap kebudayaan Tionghua dan amat membantu saya dalam penulisan. (S3/S-1-8/T4)

Nilai estetik diterapkan ke dalam minda murid dan dapat diaplikasikan dalam kehidupan harian mereka secara umum sahaja. Berdasarkan maklum balas peserta di atas, didapati bahawa hanya lima orang peserta yang dapat menilai dari aspek kesenian dengan teliti sahaja. Kajian Fang dan Li (2012) telah mengemukakan bahawa ayat-ayat yang memiliki unsur kecantikan seharusnya membekalkan cara penggunaan supaya murid dapat menguasai cara penggunaannya serta mengaplikasikannya dalam penulisan serta kehidupan harian mereka. Di samping itu, pemilihan teks seharusnya mengutamakan unsur keindahan karya tersebut untuk menghidupkan kesedaran murid tentang hayat hidup serta merasai keindahan dalam puisi klasik (Hu, 2008). Oleh itu, teks puisi klasik yang dipilih seharusnya mempunyai nilai kesenian dan sanggup diterima oleh orang ramai serta tidak bertentangan dengan pengalaman pembelajaran murid (He, 2013).

Berdasarkan dapatan kajian yang dibincangkan di atas, jelaslah bahawa pembelajaran puisi klasik dapat menenangkan minda murid dan memimpin semangat murid dengan betul serta meningkatkan keupayaan untuk menghayati nilai estetik dalam kalangan murid. Kesusasteraan Cina boleh dikatakan mengandungi unsur kecantikan yang istimewa terutamanya dalam puisi klasik. Dengan menerusi pembelajaran puisi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


klasik, sahsiah keperibadian murid akan menjurus ke arah positif kerana puisi klasik mengandungi nilai dan makna pembelajaran yang unik (Sun, 2019).

## 4.4 Analisis Perkaitan antara Puisi Klasik yang Dikemukakan oleh Peserta dengan Standard Pemilihan Puisi Klasik

Bahagian ini akan membincangkan hubung kait antara puisi klasik yang telah dikemukakan oleh peserta dalam proses temu bual yang dijalankan dengan bahagian analisis standard pemilihan puisi klasik di atas. Jadual 4.9 di bawah telah menunjukkan analisis perkaitan antara puisi klasik yang dikemukakan oleh peserta dengan standard pemilihan puisi klasik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 4.9

*Analisis Perkaitan Puisi Klasik yang Mendekati Kehidupan Peserta dengan Standard Pemilihan Puisi Klasik*

| Teks Puisi Klasik yang Dikemukakan oleh Para Peserta | Bilangan Peserta yang Mengemukakan | Aspek antara Lima Standard Pemilihan Puisi Klasik yang Dimiliki |
|---|---|---|
| 《劝学诗》 Quanxue shi | 3 | Ideologi, Kesenian, Keseronokan, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《七步诗》 Qibu shi | 1 | Ideologi, Kesenian, Keseronokan, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《梅花》 Meihua | 1 | Ideologi, Kesenian, Keseronokan, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《过零丁洋》 Guolingdingyang | 1 | Ideologi, Kesenian, Keseronokan, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《长歌行》 Change xing | 1 | Ideologi, Kesenian, Keseronokan, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《赠从弟・其二》 Cengcongdi・Qier | 1 | Ideologi, Kesenian, Informatif dan Sifat Kontemporari |

Berdasarkan dapatan kajian, peserta berpendapat bahawa puisi klasik telah mendekati kehidupan mereka. Puisi klasik yang dikemukakan oleh para peserta merupakan puisi klasik yang meninggalkan kesan yang mendalam dalam minda peserta di mana kesemua puisi klasik ini telah memenuhi lima atau empat standard pemilihan klasik seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.9. Antara puisi klasik yang dikemukakan oleh peserta termasuklah puisi klasik Guolingdingyang （过零丁洋）, Qibu shi （七步

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


诗）, Quanxue shi（劝学诗）dan Changge xing（长歌行）merupakan puisi klasik yang telah memenuhi lima standard pemilihan kandungan teks puisi klasik manakala puisi klasik Zengcongdi • Qier（赠从弟 • 其二）telah memenuhi empat standard pemilihan kandungan teks puisi klasik. Persamaan antara puisi klasik yang dikemukakan oleh peserta adalah memenuhi aspek sifat kontemporari dalam standard pemilihan puisi klasik di mana mereka beranggapan bahawa mempunyai kemesraan dengan puisi klasik yang berkenaan.

Jadual 4.10

*Analisis Perkaitan Puisi Klasik yang Menerapkan Nilai Murni ke dalam Minda Peserta dengan Standard Pemilihan Puisi Klasik*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

| Teks Puisi Klasik yang Dikemukakan oleh Para Peserta | Bilangan Peserta yang Mengemukakan | Aspek antara Lima Standard Pemilihan Puisi Klasik yang Dimiliki |
|---|---|---|
| 《劝学诗》 Quanxue shi | 3 | Ideologi, Kesenian, Keseronokan, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《满江红》 Manjianghong | 2 | Ideologi, Kesenian, Keseronokan, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《春望》 Chunwang | 2 | Ideologi, Kesenian, Keseronokan, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《七步诗》 Qibu shi | 1 | Ideologi, Kesenian, Keseronokan, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《燕诗》 Yanshi | 1 | Ideologi, Kesenian, Keseronokan, Informatif dan Sifat Kontemporari |

*(bersambung)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


*Jadual 4.10 (sambungan)*

| | | |
|---|---|---|
| 《梅花》<br>Meihua | 1 | Ideologi, Kesenian, Keseronokan, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《竹石》<br>Zhushi | 1 | Ideologi, Kesenian, Keseronokan, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《过零丁洋》<br>Guolingdingyang | 1 | Ideologi, Kesenian, Keseronokan, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《金缕衣》<br>Jin lvyi | 1 | Ideologi, Kesenian, Keseronokan, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《长歌行》<br>Change xing | 1 | Ideologi, Kesenian, Keseronokan, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《古朗月行》<br>Gulang yuexing | 1 | Ideologi, Kesenian, Keseronokan, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《黄鹤楼》<br>Huanghelou | 1 | Ideologi, Kesenian, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《赠从弟・其二》<br>Cengcongdi・Qier | 1 | Ideologi, Kesenian, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《山居秋暝》<br>Shanjuqiumin | 1 | Ideologi, Kesenian, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《池上二绝・其一》<br>Chishang erjue | 1 | Ideologi, Kesenian, Keseronokan dan Informatif |
| 《虞美人》<br>Yumeiren | 1 | Ideologi, Kesenian, Keseronokan, dan Informatif |
| 《冬夜读书示子聿》<br>Dongye dushu shiziyu | 1 | Ideologi, Keseronokan, Informatif dan Sifat Kontemporari |

*(bersambung)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


*Jadual 4.10 (sambungan)*

| | | |
|---|---|---|
| 《登飞来峰》 Dengfeilaifeng | 1 | Ideologi, Kesenian, Keseronokan, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《慈乌夜啼》 Ciwuyeti | 1 | Ideologi, Kesenian, Keseronokan, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《山中》 Shanzhong | 1 | Ideologi, Kesenian dan Informatif |
| 《苏幕遮 • 怀旧》 Sumuzhe • Huaijiu | 1 | Ideologi, Informatif dan Sifat Kontemporari |

Berdasarkan perbincangan dapatan kajian di atas, nilai murni juga dapat diterapkan ke dalam minda peserta menerusi pembelajaran sebahagian dari puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina. Puisi klasik yang meninggalkan kesan yang mendalam dalam minda peserta lalu menerapkan nilai murni dalam kalangan peserta termasuklah puisi klasik Quanxue shi（劝学诗）, Qibu shi（七步诗）, Yanshi（燕诗）, Meihua（梅花）, Zhushi（竹石）, Ci Manjianghong（满江红）, Guolingdingyang（过零丁洋）, Jin lvyi（金缕衣）, Chunwang（春望）, Change xing（长歌行）, Huanghelou（黄鹤楼）, Gulang yuexing（古朗月行）, Cengcongdi • Qier（赠从弟 • 其二）, Shanjuqiumin（山居秋暝）, Chishang erjue（池上二绝）, Yumeiren（虞美人）, Dongye dushu shiziyu（冬夜读书示子聿）, Dengfeilaifeng（登飞来峰）, Ciwuyeti（慈乌夜啼）, Shanzhong（山中）dan Sumuzhe • Huaijiu（苏幕遮 • 怀旧）. Peserta sanggup mengemukakan kesemua puisi klasik ini sewaktu proses temu bual dengan segera sewaktu soalan temu duga dikemukakan. Kesemua puisi klasik ini sekurang-kurangnya memenuhi aspek ideologi dan informatif yang berperanan menonjolkan nilai murni, memupuk serta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


membina sanubari yang sihat dan membangunkan kesedaran tentang hayat hidup dalam kalangan murid seperti yang telah dibincangkan dalam bab dua.

Jadual 4.11

*Analisis Perkaitan Puisi Klasik yang Menerapkan Nilai Estetik ke dalam Minda Peserta dengan Standard Pemilihan Puisi Klasik*

| Teks Puisi Klasik yang Dikemukakan oleh Para Peserta | Bilangan Peserta yang Mengemukakan | Aspek antara Lima Standard Pemilihan Puisi Klasik yang Dimiliki |
|---|---|---|
| 《古朗月行》 Gulang yuexing | 1 | Ideologi, Kesenian, Keseronokan, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《黄鹤楼》 Huanghelou | 1 | Ideologi, Kesenian, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《虞美人》 Yumeiren | 1 | Ideologi, Kesenian, Keseronokan, dan Informatif |

Berdasarkan jadual 4.11 di atas, nilai estetik telah berjaya diterapkan ke dalam minda peserta dan diaplikasikan dalam kehidupan mereka menerusi pembelajaran puisi klasik. Puisi klasik yang menerapkan nilai estetik dalam kalangan peserta dan meninggalkan kesan yang mendalam dalam minda peserta termasuklah puisi klasik Huanghelou（黄鹤楼）, Gulang yuexing （古朗月行）dan Yumeiren（虞美人）. Persamaan antara puisi klasik yang dikemukakan oleh peserta adalah memenuhi aspek kesenian dalam standard pemilihan puisi klasik yang dapat menggalakkan daya ciptaan dan menilai dalam kalangan murid seperti yang dibincangkan dalam bab dua. Akan tetapi, dapatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kajian juga menunjukkan bahawa tahap penerapan nilai estetik adalah rendah seperti dalam proses temu bual, bilangan murid yang menyentuh aspek kesenian adalah rendah dan usaha meningkatkan penerapan nilai estetik dalam kalangan murid sewajarnya dititikberatkan.

Jadual 4.12

*Analisis Perkaitan Puisi Klasik di Luar Buku Teks yang Dikemukakan oleh Peserta dengan Standard Pemilihan Puisi Klasik*

| Teks Puisi Klasik yang Dikemukakan oleh Para Peserta | Bilangan Peserta yang Mengemukakan | Aspek antara Lima Standard Pemilihan Puisi Klasik yang Dimiliki |
|---|---|---|
| 《游子吟》 Youziyin | 2 | Ideologi, Kesenian, Keseronokan, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《悯农二首》 Minnong ershou | 1 | Ideologi, Kesenian, Keseronokan, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《静夜思》 Jingyesi | 1 | Ideologi, Kesenian, Keseronokan, dan Sifat Kontemporari |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.12 di atas menunjukkan puisi klasik yang dikemukakan oleh peserta dalam proses temu bual di mana kesemua puisi klasik ini merupakan puisi klasik yang meninggalkan kesan yang mendalam dalam sanubari peserta serta berada di luar buku teks Bahasa Cina KSSM Menengah Rendah. Ketiga-tiga buah puisi klasik ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mempunyai nilai kesenian yang tinggi dan dapat diterapkan ke dalam minda murid sejak zaman kanak-kanak.

Puisi klasik Youzi yin（游子吟）merupakan puisi klasik yang memuliakan kasih sayang seorang ibu. Penyajak menerusi imbas kembali tentang ibu yang menjahit baju sebelum dia meninggalkan rumah telah memuliakan kasih sayang ibu yang sentiasa mementingkan anaknya serta meluahkan perasaan syukur dan kehormatan terhadap ibunya. Hal ini telah memenuhi aspek ideologi, informatif dan sifat kontemporari dalam standard pemilihan puisi klasik. Keindahan aroma, melodi, kesenian nyanyian yang terkandung dalam puisi klasik ini (Liu, 2020) telah menonjolkan aspek kesenian dan keseronokan yang nyata.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Puisi klasik Minnong ershou （悯农二首）telah menggunakan ayat puisi klasik yang lancar dan mudah untuk menggambarkan pemandangan yang sering ditemui dalam masyarakat pertanian. Penyajak telah menggunakan imej yang nyata dan grafik serta berlainan dalam puisi klasik telah memenuhi aspek kesenian dan keseronokan dalam standard pemilihan puisi klasik. Penyajak juga mengemukakan satu kenyataan bahawa jika terdapat penindas di lapisan atas masyarakat, kerajinan para petani akan disia-siakan sahaja dan payah untuk melepaskan nasib yang kesengsaraan. Penyajak juga memberikan peringatan terhadap orang ramai bahawa semasa kita menikmati sesuatu barangan atau makanan, kita sewajarnya berfikir tentang kesusahan dalam proses penghasilan dan perlulah menghargainya (Zhang, 2012). Aspek ideologi, informatif serta sifat kontemporari telah ditonjolkan dalam puisi klasik ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Puisi klasik Jingye shi（静夜思）, karya Li bai pula menggunakan dua puluh perkataan yang mudah difahami, teknik metafora, imaginasi dan mempunyai tempo yang dapat diterapkan ke dalam minda orang ramai di mana ia memenuhi aspek kesenian dan keseronokan yang tinggi. Penyajak telah meluahkan sentimen yang rindu akan kampung halaman sewaktu beliau memandang pada bulan. Penggunaan ayat yang mudah difahami telah mengandungi unsur pemikiran yang sentimen yang mendalam dan menggalakkan orang ramai berimaginasi tentang kandungan puisi klasik (Zhang, 2019). Aspek ideologi dan sifat kontemporari telah ditonjolkan dalam puisi klasik ini.

Secara amnya, dalam bahan pengajaran puisi klasik, karya puisi klasik Li bai biasanya disanjungi oleh penulis bahan pengajaran. Hal ini disebabkan penyajak Li bai merupakan penyajak yang terkenal dalam aspek romantik dalam pengkaryaan puisi klasik. Karya Li bai yang cupar dan ikhlas telah menggalakkan murid dapat menghafalkan ayat puisi klasiknya sewaktu zaman kanak-kanak (Zhang, 2009).

## 4.5 Rumusan

Berdasarkan dapatan kajian yang dibincangkan, jelaslah bahawa puisi klasik yang memenuhi standard pemilihan puisi klasik dapat menganjakkan minat pembelajaran murid untuk memahami kandungan yang teras dalam teks puisi klasik serta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


meninggalkan kesan yang mendalam dalam minda murid. Hal ini telah meningkatkan minat terhadap kebudayaan dan berasa bangga akan budaya Tionghua yang cemerlang ini. Bahagian bimbingan bacaan dan catatan penerangan maksud istilah juga telah membantu murid dalam pembelajaran puisi klasik.

Di samping itu, puisi klasik yang dipilih dan dimuatkan ke dalam buku teks boleh dikatakan berupaya untuk meningkatan minat pembelajaran murid disebabkan kebanyakan kandungan karya puisi klasik adalah mendekati kehidupan sebenar murid dan memenuhi sifat kontemporari. Murid dapat memperoleh nilai murni dan pengajaran daripada penyajak dan menjadikan sebagai pedoman dalam kehidupan mereka agar menjurus ke masa depan yang cerah terutamanya dalam puisi klasik yang memiliki aspek ideologi atau informatif dalam standard pemilihan puisi klasik walaupun teks puisi klasik berkenaan tidak memenuhi kelima-lima standard pemilihan puisi klasik. Hal ini dapat ditunjukkan melalui dapatan kajian dalam proses temu bual yang telah dijalankan. Penyelidik mendapati bahawa semua peserta dapat mengemukakan nilai yang dipelajari dalam puisi klasik walaupun sesetengah peserta tidak menyatakan kandungan puisi klasik dengan jelas.

Berbanding dengan penerapan nilai murni, hanya lima peserta daripada dua belas peserta, iaitu tiga orang peserta tingkatan tiga dan dua orang peserta tingkatan satu sanggup mengemukakan pendapatan mereka dalam menghayati nilai estetik. Cara penghayatan dan pengapliksian murid berkenaan unsur keindahan dalam teks puisi klasik masih belum dapat memainkan peranan dengan sempurna. Oleh hal yang demikian, bahagian tentang penghayatan dari aspek kesenian dan cara penggunaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


keindahan ayat puisi klasik sewajarnya ditonjolkan dalam buku teks. Teks puisi klasik yang dipilih sewajarnya mengandungi unsur kesenian yang tinggi kerana terdapat juga enam buah puisi klasik tidak memenuhi aspek kesenian seperti yang dicatatkan dalam jadual 4.4 di atas. Selain itu, proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas juga perlulah menitikberatkan bahagian estetik terutamanya murid tingkatan satu dan dua. Hal ini kerana nilai estetik merupakan elemen yang penting dalam puisi klasik dan memainkan peranan yang penting dalam warisan kebudayaan.

Jelaslah bahawa kelima-lima standard dalam pemilihan teks puisi klasik ini merupakan asas untuk meningkatkan minat pembelajaran puisi klasik dan wajar dipenuhi. Tugas utama puisi klasik khususnya dalam buku teks menengah rendah adalah menarik minat pembelajaran murid dan memupuk keupayaan belajar kendiri. Puisi klasik yang memiliki pemikiran yang mendalam wajarlah dimuatkan ke dalam buku teks menengah atas. Kategori puisi klasik yang meninggalkan kesan yang mendalam sewaktu sekolah rendah dalam kalangan murid sewajarnya dititikberatkan standard pemilihannya dan dilanjutkan dalam buku teks menengah rendah supaya minat pembelajaran puisi klasik dapat dipertingkatkan.

Bab ini telah menjelaskan dapatan kajian yang telah menjawab persoalan kajian yang disenaraikan. Bab yang seterusnya akan membuat kesimpulan dan cadangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# BAB 5

# PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 5.1 Pendahuluan

Dalam alam kesusasteraan Cina, puisi klasik merupakan bentuk sastera yang matang dan paling awal dihasilkan. Bahasa, pemikiran dan cara penyampaian pada setiap dinasti merupakan lambangan dalam pemikiran manusia zaman kuno. Oleh hal yang demikian, murid menengah rendah tidak wajar mengabaikan pembelajaran puisi klasik walaupun berada dalam zaman globalisasi. Pengetahuan dan pemikiran serta nilai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


murni yang terkandung dalam puisi klasik bukan sahaja dapat membantu murid memahami kebudayaan Tionghua secara mendalam, nilai estetik dan pemikiran juga dapat dipertingkatkan.

Bab ini akan membincangkan hasil dapatan kajian, sumbangan kajian dan cadangan kajian masa depan mengenai kajian ini.

## 5.2 Ringkasan Dapatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menerusi dapatan dalam kajian ini, penyelidik mendapati bahawa sebanyak dua puluh tiga buah teks puisi klasik yang dipilih dan dimuatkan ke dalam buku teks Bahasa Cina KSSM menengah rendah telah memenuhi lima standard pemilihan teks puisi klasik iaitu ideologi, kesenian, keseronokan, informatif dan sifat kontemporari. Akan tetapi, masih terdapat tiga belas buah puisi klasik yang memenuhi empat aspek dalam standard pemilihan puisi klasik, tiga belas buah puisi klasik yang memenuhi tiga aspek dalam standard pemilihan puisi klasik serta dua buah teks puisi klasik yang hanya memenuhi dua aspek dalam standard pemilihan puisi klasik sahaja. Tema puisi klasik yang dimuatkan ke dalam buku teks didapati masih tidak begitu menyeluruh terutamanya puisi klasik yang bertema percintaan, sejarah dan keadilan tidak dititikberatkan. Penyelidik bercadang agar pihak berkenaan dapat mempertimbangkan lebih banyak puisi klasik yang bertemakan percintaan, sejarah dan keadilan dimasukkan ke dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


buku teks kerana setiap tema puisi klasik mengandungi fungsi didikan yang berlainan di mana sentimen dan pemikiran penyajak adalah berlainan. Teks puisi klasik yang mendekati kehidupan sebenar perlu dititikberatkan demi meningkatkan minat pembelajaran murid. Di samping itu, nilai murni dapat diterapkan ke dalam minda kebanyakan peserta menerusi pembelajaran sebahagian puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina. Akan tetapi, hanya lima peserta daripada dua belas peserta berjaya menilai keindahan puisi klasik dalam proses temu bual yang telah dijalankan. Oleh hal yang demikian, usaha untuk meningkatkan nilai estetik menerusi pembelajaran puisi klasik dalam kalangan murid perlu dititikberatkan.

## 5.3 Perbincangan Dapatan

Konotasi puisi klasik adalah kaya dengan gabungan estetik, sejarah, falsafah dan bahasa. Pembelajaran puisi klasik dapat memberikan inspirasi kepada murid dan membentuk sahsiah serta pemikiran yang mulia. Hal ini telah menepati kehendak dalam Falsafah Pendidikan Negara yang inginkan perkembangan insan yang seimbang dari aspek emosi, rohani, jasmani dan intelek dilahirkan (Siti Khariah, 2013). Oleh hal yang demikian, pembelajaran puisi klasik merupakan bahagian dalam kurikulum yang tidak boleh diabaikan. Justeru, kajian yang bertujuan untuk menilai prinsip pemilihan teks puisi klasik telah memberikan gambaran terhadap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran puisi klasik (Li, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 5.3.1 Tema Teks Puisi Klasik

Psikologi kognitif strukturlaisme menyatakan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran adalah penting dalam melalui proses kognisi sehingga pembentukan struktur kongnitif. J.S. Bruner beranggapan bahawa apabila struktur kongnitif telah dibentuk, ia akan bergabungan dengan sentimen baharu dan mempengaruhi mafhum dan abstraksi individu. Proses pembelajaran adalah melalui penemuan secara automatik dan membentuk struktur kongnitif (Li, 2017). Oleh itu, J.S. Bruner menekankan bahawa proses pengajaran adalah mengedarkan kesenian dalam kebudayaan manusia dan menggalakkan perkembangan kecerdasan serta mengembangkan keupayaan pengetahuan seseorang insan. Matlamat utama pendidikan adalah memupuk autonomi murid dan kecerdasan murid supaya memenuhi keperluan masyarakat dan negara yang memerlukan insan yang berkebolehan. Oleh hal yang demikian, proses pengajaran seharusnya mempunyai matlamat yang nyata dan perlu mengambil kira terhadap kesesuaian dalam pemilihan teks bahan pengajaran serta menjalankan proses pengajaran yang berkesan. Sesebuah karangan atau karya kesusasteraan yang memiliki kandungan pemikiran yang baik atau penggunaan bahasa yang baik, ia tidak semestinya sesuai untuk dijadikan bahan pengajaran. Pemilihan sesebuah teks kesusasteraan sewajarnya memenuhi standard pengajaran, kognitif murid, ciri-ciri usia murid dan diterima oleh murid.

Berdasarkan perbincangan dalam bab empat mengenai tema yang dipilihkan ke dalam buku teks Bahasa Cina KSSM menengah rendah, penyelidik mendapati bahawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


banyak tema telah dipilih tetapi sesetengah tema puisi klasik kurang diberikan perhatian seperti puisi klasik bertema percintaan, semangat keadilan dan sejarah.

Sebagaimana yang kita ketahui, penghadap bahan pengajaran ialah murid menengah rendah yang berada pada tahap keremajaan, kesedaran diri yang diperkasa, sentimen yang pelbagai, kehormatan diri yang tinggi dan mempunyai psikologi pemberontak. Demi mempertimbangkan tahap perkembangan murid dan prinsip kongnitif pendidikan, teks puisi klasik bagi pembelajaran menengah rendah seharusnya mengandungi kecantikan dan pesona yang dapat menarik perhatian murid. Pembelajaran puisi klasik tidak dapat berpisah dengan psikologi motif pembelajaran murid. Puisi klasik seharusnya mengandungi unsur yang menarik dan menggalakkan minat pembelajaran murid (Huang, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Zhu (2007) telah menyatakan bahawa penulisan bahan pengajaran seharusnya berpandukan perkembangan murid. Jika dilihat dari aspek struktur pengetahuan, puisi klasik yang bertema percintaan merupakan cabangan besar dalam puisi klasik. Orang dewasa tidak patut menyingkirkan hak anak murid untuk mengenal dunia percintaan dan menyebabkan kognitif murid mempunyai kecacatan. Remaja biasanya ingin melibatkan diri dalam percintaan di mana ia merupakan perkembangan psikologi yang penting bagi golongan remaja (Guo & Liu, 2019) dan perlulah memberikan bimbingan yang betul terutamanya konsep percintaan yang tulen dalam puisi klasik. Oleh itu, konsep percintaan yang positif seharusnya dibina menerusi pembelajaran puisi klasik kerana penyajak telah menggunakan perkataan untuk menyanjung percintaan yang mulia. Masyarakat pada zaman kini amat memerlukan bimbingan tentang konsep percintaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


lalu menguar-uarkan percintaan yang suci. Hal ini akan mendalamkan konsep percintaan dalam kalangan murid dan membinakan konsep percintaan yang mulia untuk menghadapi hubungan percintaan pada masa akan datang (Luo, 2017).

Tema hubungan kekeluargaan, persahabatan dan percintaan merupakan topik yang berkekalan dalam kehidupan harian setiap insan. Tema puisi klasik kesemua ini memainkan peranan yang penting dalam pemupukan sentimen, sikap dan nilai. Oleh hal yang demikian, adalah wajar memilih puisi klasik yang bertema kekeluargaan, persahabatan dan percintaan ke dalam bahan pengajaran. Karya puisi klasik yang bertemakan kesucian percintaan dapat dijadikan bimbingan tentang persepsi percintaan yang betul serta mendalamkan pemahaman murid mengenai percintaan (Li, 2016). Hal ini kerana dalam kajian Xu (2015) mengatakan bahawa percintaan merupakan satu pemandangan yang indah serta menarik dalam kesusasteraan Cina seperti yang dibincangkan dalam bab dua. Sentimen yang suci dan ikhlas dalam puisi klasik ini akan menggalakkan pembentukan keupayaan estetik murid. Dalam dunia sentimen murid, hubungan dalam kekeluargaan, persahabatan dan percintaan adalah hubungan yang paling awal dilalui oleh murid. Penitikberatan hubungan ini dengan menyelitkan tema puisi klasik yang berkaitan dengan hubungan ini bukan sahaja mendekati kehidupan sebenar murid, tetapi juga dapat memadatkan dunia sentimen murid (Li, 2016). Kajian Tian (2021) menyatakan bahawa kesusasteraan merupakan pendidikan sentimen zaman kini yang penting kerana kesusasteraan berfungsi giat dalam sentimen manusia. Tujuan pendidikan sentimen adalah menjadikan insan dalam pembentukan sentimen yang cantik dan baik serta meluahkan perasaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Tema percintaan amat penting dalam pembinaan konsep nilai murni yang positif dalam kalangan murid. Kemajuan dalam alam internet telah menyebabkan murid tidak kerap keluar dari rumah dan tidak mahir berkomunikasi secara bersemuka. Hal ini telah membentuk remaja yang tidak mahir meluahkan perasaan dalam kehidupan sebenar (Wang, 2015). Keupayaan murid untuk menguruskan hubungan kekeluargaan, persahabatan khususnya percintaan dapat dipertingkatkan dengan menerusi pembelajaran puisi klasik disebabkan semangat yang positif telah dihidupkan. Kajian Ruan (2017) telah menunjukkan bahawa bilangan puisi klasik yang bertema percintaan sebanyak tujuh buah puisi klasik telah dimuatkan ke dalam bahan pengajaran Renjiaoban（人教版）negara China manakala sebanyak enam buah puisi klasik bertema percintaan telah dimasukkan ke dalam bahan pengajaran Hanlinban（翰林版）negara Taiwan seperti puisi klasik Jianjia（蒹葭）, Wuti（无题）oleh Li shanyin （李商隐）, Yulinling（雨霖铃）oleh Liu yong（柳永）. Puisi klasik Jianjia（蒹葭）telah menggambarkan usaha mengejar orang kesayangan yang tidak dapat dicapai di mana mempunyai keindahan dari aspek konsepsi seni, perasaan, pembinaan serta fonologi dengan memenuhi nilai kesenian puisi klasik (Wang, 2019). Puisi klasik Wuti（无题）pula menggambarkan kenekadan penyajak dalam percintaan serta sentimen yang mendalam terhadap orang kesayangannya. Puisi klasik ini telah menyentuh perasaan para kekasih dan mempengaruhi mereka untuk mengejar semangat percintaan yang berkekalan (Li, 2020). Ci Yulinling（雨霖铃）pula menggambarkan keadaan perpisahan antara kekasih lalu meluahkan sentimennya dengan berpandukan pemandangan persekitaran yang dapat mewakili sentimen perpisahan serta menyatakan pembayangan keadaan yang menderita setelah perpisahan (Liang, 2018). Hal ini dapat dikatakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


perkembangan psikologi murid telah diambil kira dalam kedua-dua edisi bahan pengajaran.

Selain itu, dengan menerusi pembelajaran puisi klasik bertema sejarah, murid dapat memahami dengan lebih menyeluruh mengenai zaman yang berjauhan dengan keadaan sebenar murid serta mempunyai kognitif yang lebih sempurna tentang sejarah dalam kebudayaan Tionghua (Chen, 2018). Seperti yang dinyatakan dalam kajian Xu (2015), tempat yang berlakunya peristiwa bersejarah telah mejadikan keluhan para penyajak dan menyampaikan mesej dan pengajaran yang penting dalam puisi klasik. Tang (2020) menyatakan bahawa para penyajak biasanya akan mengimbas kembali peristiwa yang bersejarah lalu meluahkan perasaan rindu terhadap zaman kegemilangan sesebuah dinasti seperti yang telah dibincangkan dalam bab dua. Oleh hal yang demikian, dengan mempelajari puisi klasik yang bertema sejarah maka dapatlah murid menguasai dan memahami sejarah serta pengajaran yang ingin disampaikan oleh penyajak (He, 2019). Kebudayaan Tionghua dapat diwariskan secara tidak langsung dalam kalangan murid menerusi pembelajaran puisi klasik yang bertema sejarah. Sebagai contoh, bahan pengajaran Bubianben（部编本）telah memuatkan puisi klasik Deng youzhou taige（登幽州台歌）oleh Chen ziang（陈子昂）, Chibi（赤壁）oleh Dumu （杜牧）, Nanxiangzi • Dengjingkou beiguting youhuai（南乡子 • 登京口北固亭有怀）oleh Xing qiji（辛弃疾）dan sebagainya.

Puisi klasik bertema sejarah selalunya akan mengeluh tentang kepantasan masa berlalu dan meluahkan pemikiran penyajak dalam hayat hidup. Sebagai contoh, puisi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


klasik Qian chibi fu（前赤壁赋），karya Su shi（苏轼）telah meminjamkan pemandangan sekitar terutamanya imej bulan dan air untuk meluahkan kebinggungan terhadap masa, pemikirannya terhadap hidup dan mati manusia serta penyelesaian terhadap percanggahan. Su shi telah menjalani kehidupan di Huangzhou（黄州）selama dua tahun setelah dilucutkan jawatan. Kehidupannya telah berubah dari psikologi yang menderita ke semangat kehidupan yang optimis dan ketabahan (Zhang, 2020).

Selain itu, semangat keadilan dalam golongan pahlawan terutamanya berada dalam keadaan pentadbiran yang huru-hara merupakan unsur yang unik dalam kebudayaan Tionghua. Kerelaan golongan pahlawan yang mengorbankan nyawa diri demi pegangan terhadap prinsip keadilan telah diwarisi beribu-ribu tahun dalam kebudayaan Tionghua dan mempunyai pengaruhan yang luas dalam masyarakat etnik Cina (Wong, 2019). Unsur yang positif dan beroptimis akan dihasilkan dengan menggabungkan semangat keadilan dan impian para cendekiawan (Ruan, 2017). Oleh hal yang demikian, semangat keadilan dan kewiraan yang unik ini dapat diterapkan ke dalam minda murid dengan mempelajari puisi klasik jenis ini demi dapat menegakkan keadilan dalam kehidupan sebenar mereka.

Kajian Li (2019) telah menyatakan bahawa adalah wajar murid mempelajari tema puisi yang pelbagai supaya dunia sentimen dan pemikiran murid dapat dipenuhi dengan kesenian dan kecantikan yang terkandung dalam puisi klasik. Hal ini kerana Wu (2013) menyatakan bahawa puisi klasik dapat diibarat sebagai sebutir mutiara yang kilat serta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


bersinar dalam kebudayaan Tionghua yang telah diwarisi sejak beribu-ribu tahun yang lalu sehingga zaman kini yang moden.

Secara rumusan, pembelajaran tema puisi klasik yang pelbagai akan meningkatkan kerohanian murid serta memuliakan minda murid kerana puisi klasik memainkan peranan sebagai tapak didikan pemikiran yang penting.

### 5.3.2 Standard Pemilihan Kandungan Teks Puisi Klasik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemilihan teks puisi klasik wajar memenuhi kriteria pemilihan teks puisi klasik dari aspek ideologi, kesenian, keseronokan, informatif dan sifat kontemporari (Fu, 2011). Berdasarkan analisis dalam bab empat, penyelidik mendapati bahawa sebanyak dua puluh tiga buah teks puisi klasik yang dipilih adalah memenuhi kelima-lima standard ini. Sebanyak tiga belas buah puisi klasik memenuhi empat standard pemilihan teks puisi klasik, tiga belas buah puisi klasik memenuhi tiga standard pemilihan teks puisi klasik dan dua buah puisi klasik memenuhi dua standard pemilihan teks puisi klasik.

Sebenarnya, kelima-lima standard pemilihan puisi klasik mempunyai fungsi didikannya yang penting. Aspek kesenian dan ideologi merujuk kepada teks puisi klasik yang dipilih bukan sahaja mempunyai keunikan dalam kesenian, tetapi juga mengandungi ruangan pemikiran yang merujuk kepada sentimen individu, falsafah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kehidupan serta masalah sosial. Puisi klasik yang memenuhi aspek kesenian dan ideologi dapat dikatakan sebagai contoh teladan dalam sejarah kesusasteraan. Pemilihan puisi klasik yang mengandungi tahap kesukaran yang bersesuaian ke dalam bahan pengajaran dapat menggalakkan nilai estetik dan sentimen murid serta membawa murid melalui zaman menengah rendah yang penuh dengan kecantikan (Huang, 2019). Oleh hal yang demikian, kebudayaan Tionghua akan difahami dalam kalangan murid dan tugas mewarisi kebudayaan dapat direalisasikan dengan adanya puisi klasik yang berasaskan prinsip ideologi (He, 2013). Selain itu, kesedaran hayat hidup dapat dibangunkan dalam kalangan murid dengan teks puisi klasik yang menekankan keindahan yang berasaskan prinsip kesenian. Hal ini kerana deria dan jiwa murid telah dirangsang dan merasai keindahan dalam puisi klasik (Hu, 2008).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Matlamat perkembangan pemikiran murid dapat dicapai jika teks puisi klasik yang dipilih adalah berasaskan prinsip keseronokan. Hal ini kerana murid dapat memahami kandungan teks puisi klasik dengan hati yang tenang dan dapat merasai kecantikan puisi klasik pada masa yang sama (Qian, 2016). Kajian Khoo (2019) menyatakan bahawa motif dan minat pembelajaran puisi klasik dapat dipertingkatkan dengan tidak meminggirkan aspek keseronokan dalam pembelajaran murid seperti dinyatakan dalam bab dua. Jelaslah bahawa penerapan unsur keseronokan dalam pemilihan teks puisi klasik telah memberikan daya hidup terhadap puisi klasik dan dapat menggerakkan keaktifan murid dalam mempelajari puisi klasik. Murid akan berupaya untuk meluahkan perasaan diri dengan ikhlas dan murni jika pemikiran teks puisi klasik dapat diterapkan ke dalam kehidupan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Proses pemikiran murid akan dirangsang apabila imej yang nyata ditampilkan dalam puisi klasik dan mendorong perkembangan pemikiran murid. Unsur infomatif dalam puisi klasik adalah penting dan perlu dititikberatkan (Fu, 2011). Selain itu, aspek kemesraan teks puisi klasik dengan murid adalah penting bagi merasai dunia yang berwarna-warni dalam karya kesusasteraan. Pengalaman yang dilalui oleh penyajak tidak akan menjadi halangan pemahaman dalam kalangan murid kerana perisitiwa yang dilalui oleh murid adalah bersamaan. Justeru, sifat kontemporari merupakan aspek yang penting dalam pemilihan teks puisi klasik (Chen, 2019). Hal ini dikatakan demikian kerana menerusi proses temu bual yang dijalankan, penyelidik mendapati bahawa peserta sanggup menyatakan kandungan serta pemikiran dalam puisi klasik dan mengaplikasikannya ke dalam kehidupan harian mereka. Puisi klasik yang dinyatakan merupakan puisi klasik yang kandungannya yang berkait rapat dengan pengalaman kehidupan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Murid biasanya mempunyai sentimen luar biasa dan berjarak dalam pembacaan dan pembelajaran disebabkan jangka masa puisi klasik yang panjang (Song, 2019). Fenomena ini telah dipersetujui dalam kajian Li (2018) yang menyatakan bahawa apabila murid berhadap dengan puisi klasik yang berjauhan zaman dengan mereka, mereka pasti merasai puisi klasik itu berjarak dan berjurang. Kajian He (2013) telah menyatakan bahawa motif pembelajaran murid dapat dirangsang dengan adanya karya yang mendekati kehidupan sebenar murid seperti dinyatakan dalam bab dua. Oleh itu, proses pengajaran sewajarnya dapat mencungkil perasaan ingin tahu dalam kalangan murid atau menggalakkan penerokaan murid dalam masalah yang bersetaraf dengan status kognitif murid. J.S. Bruner beranggapan bahawa proses pengajaran bukan sahaja

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menyampaikan aspek kebudayaan, tetapi ia perlu membentuk sahsiah dan kekuatan psikologi murid. Bahan pengajaran dalam proses pengajaran merupakan ilmu pengetahuan yang konsisten dengan dunia. Ilmu pengetahuan ini mempunyai struktur dan mencerminkan hubungan dan regulariti antara sesuatu perkara. Beliau telah mengemukakan bahawa penampilan struktur ilmu pengetahuan dalam mata pelajaran sewajarnya bersesuaian dengan taraf perkembangan murid (Li, 2017).

Berdasarkan analisis dalam jadual 4.4, bilangan puisi klasik yang menunjukkan kekurangan unsur keseronokan dalam puisi klasik adalah tertinggi diikuti dengan unsur sifat kontemporari dan kesenian. Proses pemilihan teks puisi klasik sewajarnya menitikberatkan unsur keseronokan dalam puisi klasik supaya dapat menarik minat pembelajaran murid dalam puisi klasik. Matlamat perkembangan pemikiran murid dapat dicapai jika teks puisi klasik yang dipilih adalah berasaskan prinsip keseronokan. Hal ini kerana murid dapat memahami kandungan teks puisi klasik dengan hati yang tenang dan dapat merasai kecantikan puisi klasik pada masa yang sama (Qian, 2016). Selain itu, unsur sifat kontemporari juga memainkan peranan penting di mana kajian Fang dan Li (2012) telah menyatakan bahawa aspek kerelevanan teks dengan kehidupan sebenar dalam kalangan murid adalah penting dan perlu diambil kira.

Jika sentimen kemesraan dihasilkan dalam minda murid sewaktu murid mempelajari sesuatu puisi klasik (Tan, 2012), maka minat untuk mendalami ilmu dalam puisi klasik tersebut akan meningkat dalam kalangan murid (Ma, 2019). Oleh itu, bahan pengajaran yang dipilih perlu mengambil kira sama ada bahan berkenaan diprihatinkan oleh murid, adakah murid berminat serta adakah sentimen murid akan selari dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


sentimen penyajak dalam proses pembelajaran. Dengan mempertimbangkan status murid dan menitikberatkan ciri-ciri sahsiah murid, barulah dapat menggabungkan kehidupan murid dengan puisi klasik dan membolehkan murid berkemampuan untuk meluahkan sentimen diri sendiri serta menghuraikan pemikiran diri sendiri (Guo, 2019). Misalnya perayaan kuih bulan yang diraikan oleh murid pasti mempunyai pengalaman dalam kehidupan sebenar. Dengan ini, proses pembelajaran puisi klasik yang memerihalkan bulan semasa perayaan kuih bulan telah menjadi mudah untuk menguasai sentimen penyajak yang rindu akan kampung halaman (Luo & Gu, 2004). Secara amnya, standard keseronokan dan sifat kontemporari perlu dititikberatkan demi meningkatkan minat pembelajaran puisi klasik dalam kalangan murid.

Sebagai buktinya, penyelidik telah mendapati bahawa konsep menghargai masa dengan memanfaatkan setiap detik masa untuk belajar telah diterapkan ke dalam minda murid dalam proses temu bual. Peserta S1 sanggup belajar dengan bersungguh-sungguh agar tidak insaf pada masa yang akan datang seperti yang diperihalkan dalam puisi klasik Quanxue shi（劝学诗）. Selain itu, sikap yang tabah juga dapat membantu pelajar untuk meningkatkan sahsiah dan semangat diri dalam kehidupan harian dengan mencontohi semangat penyajak dalam puisi klasik. Sebagai buktinya, peserta S2 telah mengemukakan bahawa beliau akan menggunakan puisi klasik ini untuk memotivasikan diri supaya tabah hati dan tidak mudah berundur diri sewaktu beliau menghadapi rintangan dalam kehidupan. Di samping itu, nilai murni seperti berbakti terhadap ibu bapa, bertoleransi antara adik-beradik, cinta akan negara juga dapat diterapkan ke dalam minda murid. Sebagai buktinya, peserta S2 menyatakan bahawa apabila beliau berdepan dengan ibu bapanya, beliau akan mengingati kandungan karya puisi klasik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Bai juyi（白居易）, Yan shi （燕诗）yang menggalakkannya untuk berbakti terhadap ibu bapa dan menghargai ahli keluarganya. Kandungan dalam puisi klasik Qibu shi（七步诗） pula telah mengingati beliau bahawa perlu bertoleransi dan mengeratkan silaturahim antara adik-beradik serta bertanggungjawab untuk melindungi adik-beradiknya. Selain itu, peserta T1 berpendapat bahawa Ci Manjianghong（满江红） telah menampilkan semangat penyajak yang meletakkan kepentingan negara di depan kepentingan diri. Kita perlu menaati negara terutamanya di Malaysia yang merupakan sebuah negara yang berbilang bangsa, adalah wajar kita melindungi perpanduan dan keamanan bersama. Dapat disimpulkan bahawa puisi klasik yang dipelajari oleh peserta-peserta mempunyai kesinambungan dengan zaman kini (Wu, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, bahan pengajaran sewajarnya memasuki kehidupan sebenar murid dan dapat menyesuaikan transformasi masyarakat dan kehendak zaman yang dapat menonjolkan sifat kontemporari (Huang, 2019). Penulis bahan pengajar perlu mengambil kira tentang teks yang dipilih sama ada mendekati kehidupan murid atau tidak, sama ada berkaitan dengan murid yang dapat membangkitkan minat pembelajaran serta sentimen yang ingin tahu (Li, 2016). Kenyataan ini bersamaan dengan kajian Wong (2020) yang mengemukakan bahawa murid akan memahami kecantikan yang unik dalam puisi klasik kerana mereka beranggapan bahawa kandungan puisi klasik adalah relevan dengan pengalaman kehidupan sebenar mereka. Oleh itu, kajian Fang dan Li (2012) telah menyarankan bahawa proses pemilihan teks puisi klasik seharusnya mengutamakan karya-karya yang mendekati kehidupan murid. Wu (2013) berpendapat bahawa proses pemilihan teks puisi klasik sewajarnya mengambil kira tahap penerimaan murid seperti yang telah dibincangkan dalam bab dua.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Teori belajar J.S. Bruner telah mengemukakan bahawa murid wajar membina struktur ilmu secara automatik di mana ilmu yang dipelajari adalah berada dalam pengalaman murid agar mudah difahami serta lambang psikologi dapat dibina berdasarkan persekitaran (Wang & Wu, 2008). Beliau telah mengemukakan bahawa penampilan struktur ilmu pengetahuan dalam mata pelajaran sewajarnya bersesuaian dengan taraf perkembangan murid, memudahkan ilmu pengetahuan secara rasional agar membantu murid belajar secara berterusan, struktur ilmu pengetahuan perlu mengandungi unsur bersemangat. J.S. Bruner beranggapan bahawa jika memenuhi struktur ilmu pengetahuan sebegini pasti akan mendorong peningkatan kesan dan kecekapan dalam proses pengajaran. J.S. Bruner juga mengatakan bahawa adalah perlu mengambil kira tentang status dalaman murid terutamanya membekalkan mesej yang memerlukan maklum balas daripada murid dan jika murid berada dalam kegelisahan, maka fungsi mesej maklum balas daripada murid adalah rendah (Li, 2017). Dengan itu, semangat penerokaan ilmu dapat dipupuk dalam kalangan murid dengan adanya minat dalam pembelajaran puisi klasik.

Mengikut kajian Ni (2006), konsep konstruktivisme pengajaran menyatakan bahawa proses pembelajaran merupakan proses pembinaan struktur ilmu dan proses ini amat memerlukan pengalaman pengetahuan yang sedia ada. Oleh hal yang demikian, penambahan tema yang mendekati kehidupan murid akan menyelitkan lebih banyak unsur keseronokan dalam puisi klasik dan keaktifan murid dalam pembelajaran puisi klasik akan meningkat. Menurut Wang (2015), pemikiran murid menengah rendah adalah peralihan dari pemikiran imej ke pemikiran abstrak khususnya murid tingkatan satu dan dua masih berada pada pemikiran imej seperti yang dinyatakan dalam kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Liu (2000) dan kajian Fu (2011) dalam bab dua. Oleh itu, perkara atau perwatakan yang imejnya nyata lebih memenuhi perkembangan psikologi murid.

Jadual 5.1 di bawah menunjukkan perkaitan antara puisi klasik yang tidak dikemukakan oleh peserta dengan standard pemilihan puisi klasik semasa proses temu bual dijalankan.

Jadual 5.1

*Analisis Perkaitan Puisi Klasik yang tidak Dikemukakan oleh Peserta dengan Standard Pemilihan Puisi Klasik*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

| Teks Puisi Klasik yang tidak Dikemukakan oleh Para Peserta | Aspek antara Lima Standard Pemilihan Puisi Klasik yang Dimiliki |
|---|---|
| 《端午》<br>(Duanwu) | Ideologi, Kesenian, Keseronokan, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《明日歌》<br>(Mingri ge) | Ideologi, Kesenian, Keseronokan, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《论诗五首 • 其二》<br>(Lunshiwushou • Qier) | Ideologi, Kesenian, Keseronokan, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《十一月四日风雨大作二首》<br>(Shiyiyue siri fengyu dazuo ershou) | Ideologi, Kesenian, Keseronokan, Informatif dan Sifat Kontemporari |

*(bersambung)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 5.1 *(sambungan)*

| | |
|---|---|
| 《望庐山瀑布》<br>(Wanglushan pubu) | Ideologi, Kesenian, Keseronokan, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《古诗十九首 • 迢迢牵牛星》<br>(Gushishijiushou • Tiaotiao qianniu-xing) | Ideologi, Kesenian, Keseronokan, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《送友人》<br>(Songyouren) | Ideologi, Kesenian, Keseronokan, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《过故人庄》<br>(Guo guren zhuang) | Ideologi, Kesenian, Keseronokan, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《游山西村》<br>(You shanxicun) | Ideologi, Kesenian, Keseronokan, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《四块玉 • 别情》<br>(Sikuaiyu • Bieqing) | Ideologi, Kesenian, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《渔子歌》<br>(Yuzi ge) | Ideologi, Kesenian, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《折桂令 • 九日》<br>(Zheguiling • Jiuri) | Ideologi, Kesenian, Keseronokan dan Informatif |
| 《一剪梅 • 红藕香残玉簟秋》<br>(Yijianmei • Hongou xiangcan yudianqiu) | Ideologi, Kesenian, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《饮酒》<br>(Yinjiu) | Ideologi, Kesenian, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《宿建德江》<br>(Sujian dejiang) | Ideologi, Kesenian dan Informatif |
| 《咏柳》<br>(Yongliu) | Ideologi, Kesenian dan Informatif |

*(bersambung)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 5.1 *(sambungan)*

| | |
|---|---|
| 《天净沙 • 秋思》<br>(Tianjingsha • Qiusi) | Ideologi, Kesenian dan Informatif |
| 《绝句》<br>(Jueju) | Ideologi, Kesenian dan Informatif |
| 《奉和令公绿野堂种花》<br>(Fenghelinggong lvyetang zhonghua) | Ideologi, Kesenian dan Informatif |
| 《竹里馆》<br>(Zhuliguan) | Ideologi, Kesenian dan Informatif |
| 《风》<br>(Feng) | Ideologi, Kesenian dan Informatif |
| 《暮江吟》<br>(Mujiangyin) | Ideologi, Kesenian dan Informatif |
| 《春日偶成》<br>(Chunri oucheng) | Ideologi, Kesenian dan Informatif |
| 《渡汉江》<br>(Duhanjiang) | Ideologi, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《和端午》<br>(Heduanwu) | Ideologi, Informatif dan Sifat Kontemporari |
| 《秋夕》<br>(Qiuxi) | Ideologi dan Informatif |
| 《宣州谢朓楼饯别校书叔云》<br>(Xuanzhouxietiaolou jianbie jiaoshu shuyun) | Ideologi dan Informatif |

Berdasarkan jadual 5.1 di atas, terdapat sembilan buah puisi klasik yang memenuhi lima standard pemilihan puisi klasik tidak dikemukakan oleh murid. Penyelidik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


berpendapat bahawa peserta yang terlibat dalam kajian ini hanya dua belas sahaja di mana hal ini merupakan batasan dalam kajian ini seperti yang telah dinyatakan dalam bab satu. Puisi klasik yang dikemukakan adalah puisi klasik yang mempunyai kesan yang mendalam dalam minda peserta sewaktu temu bual dijalankan. Penyelidik beranggapan bahawa puisi klasik di atas juga berkemungkinan masih belum dipelajari oleh para peserta sewaktu proses temu bual dijalankan. Di samping itu, terdapat juga limitasi dalam interpretasi tentang standard pemilihan puisi klasik disebabkan kajian-kajian yang berlainan menunjukkan standard pemilihan yang berlainan walaupun dalam satu puisi klasik yang sama. Akan tetapi, antara dua puluh tiga buah puisi klasik yang memenuhi kelima-lima standard pemilihan puisi klasik, lima belas buah puisi klasik dapat dikemukakan oleh peserta seperti yang telah dibincangkan dalam bab empat. Hal ini telah menunjukkan bahawa puisi klasik yang memenuhi lima aspek dalam standard pemilihan puisi klasik memang dapat meningkatkan penguasaan mesej dan nilai yang disampaikan oleh penyajak dalam kalangan murid.

Antara puisi klasik yang dikemukakan oleh peserta yang meninggalkan kesan yang mendalam dalam minda mereka yang memenuhi lima standard pemilihan kandungan teks puisi klasik termasuklah puisi klasik Guolingdingyang（过零丁洋）, Qibu shi（七步诗）, Quanxue shi（劝学诗）, Changge xing（长歌行）, Yan shi（燕诗）, Meihua（梅花）, Zhushi（竹石）, Ciwuyeti（慈乌夜啼）, Jin lvyi（金缕衣）, Chunwang（春望）, Gulang yuexing （古朗月行）, Dengfeilaifeng（登飞来峰）dan Ci Manjianghong（满江红）. Puisi klasik yang dikemukakan oleh peserta yang memenuhi empat standard pemilihan kandungan teks puisi klasik termasuklah puisi klasik Zengcongdi • Qier（赠从弟 • 其二）, Huanghelou（黄鹤楼）, Chishang erjue（池上二

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


绝）, Shanjuqiumin （山居秋暝）, Yumeiren（虞美人）dan Dongye dushu shiziyu（冬夜读书示子聿）. Puisi klasik yang meninggalkan kesan yang mendalam dalam minda peserta yang memenuhi tiga standard pemilihan kandungan teks puisi klasik ialah puisi klasik Sumuzhe • Huaijiu（苏幕遮 • 怀旧）manakala puisi klasik yang memenuhi dua standard pemilihan kandungan teks puisi klasik termasuklah puisi klasik Shanzhong（山中）. Antara dua puluh satu puisi klasik yang dikemukakan oleh peserta dalam proses temu bual, sebanyak tiga belas puisi klasik (61.90%) telah memenuhi lima standard pemilihan kandungan teks puisi klasik dan enam puisi klasik (28.57%) yang memenuhi empat standard pemilihan kandungan teks puisi klasik. Hal ini bermakna adalah wajar untuk menitikberatkan standard pemilihan kandungan teks puisi klasik dalam proses pemilihan. Di samping itu, sembilan buah puisi klasik yang dikemukakan oleh peserta merupakan puisi klasik yang dihasilkan pada dinasti Tang（唐）, lima buah puisi klasik yang dihasilkan pada dinasti Song（宋）dan sebuah puisi klasik yang masing-masing dihasilkan pada dinasti Han（汉）, Sanguo（三国）, Weijing（魏晋）dan Qing（清）. Hal ini bermakna puisi klasik yang dihasilkan pada dinasti Tang dan Song telah disanjungi oleh para peserta disebabkan kebanyakan puisi klasik ini mempunyai kebiasaan dalam kalangan murid dan meninggalkan kesan yang mendalam dalam minda mereka. Hal ini demikian kerana dinasti Tang dan Song merupakan zaman kemuncak dalam perkembangan puisi klasik dan banyak karya puisi klasik telah dihasilkan.

Berdasarkan jadual 5.1 di atas, sebanyak sembilan buah puisi klasik yang memenuhi dua aspek dalam standard pemilihan puisi klasik tidak disampaikan oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


peserta dalam proses temu bual, tujuh buah puisi klasik yang memenuhi empat aspek dalam standard pemilihan puisi klasik serta sebelas buah puisi klasik yang memenuhi tiga aspek dalam standard pemilihan puisi klasik tidak dikemukakan oleh peserta seperti yang ditunjukkan dalam jadual 5.1 di atas. Kesemua puisi klasik ini tidak disampaikan oleh peserta dalam proses temu bual berkemungkinan kerana ia tidak meninggalkan kesan yang mendalam dalam minda peserta. Puisi klasik yang disampaikan oleh peserta adalah puisi klasik yang kebanyakannya telah memenuhi lima atau empat aspek dalam standard pemilihan puisi klasik seperti yang telah dibincangkan dalam bab empat.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa apabila teks puisi klasik yang dipilih telah memenuhi lima aspek dalam standard pemilihan teks puisi klasik, maka minat pembelajaran murid dapat dipertingkatkan seperti yang dikemukakan dalam teori pembelajaran “kognitif-penemuan” oleh J.S. Bruner (Fu, 2011) seperti yang dibincangkan dalam bab dua. J.S. Bruner beranggapan bahawa proses pengajaran sesuatu mata pelajaran bukannya menjadikan murid sebagai perpustakaan yang kecil yang hanya menjadikan penerima input daripada guru sahaja, malah perlu membimbing mereka menyertai proses pengumpulan ilmu pengetahuan. Aktiviti mempelajari adalah mementingkan proses yang dilaluinya dan bukannya buah hasil. Demi memenuhi permintaan pengajaran dalam struktur yang asas dalam mata pelajaran, maka pengajaran akan memenuhi psikologi kognitif murid, memudahkan murid memahami dan menguasai ilmu pengetahuan yang dipelajari serta menggalakkan pemikiran dan kreativiti murid. J.S. Bruner juga mengatakan bahawa matlamat pengajaran dan pendidikan bukan sahaja membimbing murid menguasai struktur ilmu pengetahuan dalam sesuatu mata pelajaran, tetapi juga perlu menggalakkan perkembangan daya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kecerdasan murid dan seterusnya dapat menjadi warganegara yang memenuhi keperluan zaman (Li, 2017).

Menurut Wang (2015), pemikiran murid menengah rendah adalah peralihan dari pemikiran imej ke pemikiran abstrak khususnya murid tingkatan satu dan dua masih berada pada pemikiran imej seperti yang dinyatakan dalam kajian Liu (2000) dan kajian Fu (2011) di dalam bab dua. Oleh itu, perkara atau perwatakan yang mengandungi imej yang nyata lebih memenuhi perkembangan psikologi murid. Pakar pendidikan dan kesusasteraan Ye Shengtao（叶圣陶） berpendapat bahawa mengajar adalah demi tidak perlu mengajar pada masa akan datang dan beliau telah menekankan konsep bahawa bahan pengajaran bukan semata-mata untuk pengajaran guru, tetapi juga merupakan bahan pembelajaran murid (Ye, 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Untuk merealisasikan matlamat ini, minat pembelajaran puisi klasik perlu dicungkil dengan melihat dari sudut keperluan murid menengah rendah dan bukannya dari sudut pakar kesusasteraan tentang kecantikan sesebuah karya kesusasteraan dalam menilai kesesuaian sesebuah karya puisi klasik yang dimuatkan ke dalam buku teks. Hal ini kerana Chen (2021) beranggapan bahawa sesebuah karya kesusasteraan yang memiliki kandungan pemikiran yang baik atau penggunaan bahasa yang baik, ia tidak semestinya sesuai untuk dijadikan bahan pengajaran. Teks yang dipilih sewajarnya memenuhi taraf kognitif dan ciri-ciri pada setiap peringkat umur murid dan dapat diterima oleh murid. Dengan ini, tahap warisan kebudayaan dan minat pembelajaran puisi klasik dalam kalangan murid menengah rendah dapat dipertingkatkan serta mengelakkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


murid menggugurkan mata pelajaran Bahasa Cina pada peringkat menengah atas disebabkan tanggapan kesukaran untuk menguasai kandungan kurikulum dan memperoleh keputusan yang cemerlang. Sebagai contoh, puisi klasik Zhuli guan（竹里馆）yang menyatakan bahawa penyajak Wang wei menjalani kehidupan pertapa yang berlapangan di mana penyajak duduk di bawah bulan persendirian serta memainkan alat muzik dan menyampaikan suasana hati penyajak yang berkedamaian dengan alam semula jadi. Walaupun karya ini terkenal, tetapi budaya pertapa sukar menghasilkan kemesraan dalam kalangan murid khususnya murid menengah rendah.

Secara rumusannya, puisi klasik merupakan keunikan dalam kebudayaan tradisional Tionghua, jika teks dalam bahan pengajaran dipilih secara bersesuaian, maka ia dapat meningkatkan nilai estetik dalam kalangan murid. Oleh hal yang demikian, proses pemilihan teks puisi klasik wajar mempertimbangkan nilai kesenian puisi klasik dan menggabungkan ciri-ciri pada usia murid demi meningkatkan kualiti bahasa murid (Huang, 2019). Puisi klasik yang memiliki lima standard pemilihan teks puisi klasik akan memenuhi psikologi pembelajaran murid dan mengurangkan perasaan ketakutan terhadap kandungan yang mendalam serta memenuhi prinsip kognitif dalam kalangan murid. Hal ini telah ditonjolkan menerusi proses temu bual bahawa puisi klasik yang disampaikan oleh peserta adalah puisi klasik yang memenuhi lima atau empat aspek dalam standard pemilihan puisi klasik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 5.3.3 Bahagian Bimbingan Bacaan dan Catatan Penerangan Maksud Istilah

Teori belajar J.S. Bruner telah menyatakan bahawa keupayaan murid untuk membina struktur ilmu dan berkeupayaan untuk belajar diri sendiri adalah penting. Psikologi dalam pembelajaran merujuk kepada keinginan murid untuk belajar dan menyelesaikan masalah yang merupakan motif pembelajaran murid. J.S. Bruner amat menitikberatkan keinginan pembelajaran murid kerana psikologi murid terhadap pembelajaran yang baik adalah unsur yang paling penting dalam memutuskan kejayaan dan kegagalan proses pembelajaran (Li, 2017). Seperti yang dikemukakan oleh pakar pendidikan kesusasteraan yang terkenal Ye Shengtao, tujuan proses pengajaran adalah membolehkan murid dapat menguasai cara pembelajaran dan berkeupayaan untuk belajar secara diri sendiri pada masa yang akan datang (Ye, 2015). Oleh itu, bahagian bimbingan bacaan dan catatan penerangan maksud istilah telah memainkan peranan yang penting dalam merealisasikan matlamat ini.

Sebagaimana kita ketahui, jarak zaman puisi klasik dihasilkan dengan zaman kini agak berjauhan, perubahan masyarakat yang mendadak menyebabkan kita tidak dapat merasai sentimen penyajak dengan sempurna. Tambah pula, cara penyampaian para penyajak yang tersirat dan menitikberatkan konsepsi menyebabkan kesukaran murid untuk memahaminya (Wang, 2015). Pemikiran dalam kandungan puisi klasik adalah mendalam kerana kebanyakan karya telah menampilkan pemikiran dan penanggapan terhadap hayat kehidupan dalam kalangan penyajak. Puisi klasik merupakan media untuk penyajak meluahkan perasaannya. Oleh itu, adalah wajar untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


memahami sentimen penyajak barulah dapat resonan dengan pemikiran penyajak (Liang, 2010).

Zhu (2019) telah mengemukakan bahawa bahagian bimbingan bacaan lazimnya menggunakan bahasa dan sentimen yang dapat menarik minat pembelajaran murid kerana ia mempunyai kemesraan yang tinggi terhadap murid. Hal ini demikian kerana ia berfungsi untuk merapatkan jurang antara puisi klasik dengan murid (Zhu, 2007). Justeru, bahagian bimbingan bacaan telah memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kefahaman murid dalam sesebuah teks puisi klasik. Dengan itu, murid bukan sahaja gemar belajar puisi klasik dalam buku teks tetapi juga belajar teks puisi klasik di luar pemilihan buku teks (Li, 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, catatan penerangan maksud istilah telah melicinkan proses pembelajaran murid dan pengajaran guru kerana ia membantu murid menguasai maksud atau mesej dalam sesebuah teks puisi klasik dengan mudah (Zhu, 2019). Matlamat pembelajaran kendiri dalam murid dapat direalisasikan dengan adanya catatan penerangan maksud istilah yang dapat membina keupayaan menerokai ilmu secara kendiri seperti yang ditekankan dalam teori belajar J.S. Bruner.

Walaupun guru akan membuat penerangan tentang ilmu pengetahuan sesebuah puisi klasik semasa proses pembelajaran dan pengajaran, tetapi bahagian catatan penerangan maksud istilah akan membantu murid dalam tugas penyediaan sebelum proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Tanpa penjelasan yang terperinci

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


tentang latar belakang sesebuah puisi klasik atau tidak dinyatakan secara mendalam, maka murid tidak dapat menguasai kandungan puisi klasik dengan tepat dan hal ini telah menambahkan beban terhadap pembelajaran murid (Li, 2016). Hal ini dapat dijelaskan dengan pandangan peserta temu bual T1 yang telah mengemukakan bahawa catatan penerangan maksud istilah masih belum dapat membantunya dengan sepenuhnya dalam memahami latar belakang penyajak yang mengkarya puisi klasik tersebut secara mendalam dan menyeluruh serta perlu menghabiskan masa untuk menstrukturkan semula pemikirannya dan menggabungkan gambaran yang ingin disampaikan oleh penyajak menerusi puisi klasik.

Secara amnya, peranan bahagian bimbingan bacaan dan catatan penerangan maksud istilah tidak dapat dinafikan dan telah ditonjolkan melalui dapat kajian di mana peserta telah menyetujui bahawa kedua-dua bahagian ini amat penting dalam pembelajaran puisi klasik. Hal ini telah membantu murid menguasai sentimen dan mesej yang ingin disampaikan oleh penyajak secara menyeluruh. Kesukaran dalam memahami kandungan dan sentimen penyajak telah dikurangkan dan minat pembelajaran murid akan dipertingkatkan secara tidak langsung (Wang, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 5.3.4 Penerapan Nilai Murni dalam Teks Puisi Klasik

Sahsiah dan kemanusiaan yang terkandung dalam puisi klasik telah memainkan peranan penting dalam pemupukan kualiti moral dan pemikiran dalam kalangan murid. Semangat murid dapat dihidupkan dengan menerusi pembelajaran puisi klasik. Dalam zaman modenisasi ini, kita seharusnya menerapkan pengajaran atau mesej yang dinyatakan oleh manusia zaman kuno dan meninjau kekurangan pada diri sendiri serta mengubahkannya (Liang, 2010).

Oleh hal yang demikian, pemilihan teks puisi klasik perlu mempertimbangkan unsur kemanusiaan dalam teks tersebut supaya perkembangan murid boleh dicapai pada tahap nilai moral dan pemikiran yang menyeluruh. Menerusi dapatan kajian, penyelidik telah mendapati bahawa kebanyakan teks puisi klasik yang dipilih pada asasnya telah memenuhi keperluan ini. Hal ini telah dibuktikan dengan nilai-nilai murni yang dinyatakan oleh peserta menerusi pembelajaran puisi klasik seperti yang dibincangkan dalam bab empat. Murid bukan sahaja dapat memahami pemikiran dan nilai manusia pada zaman kuno dalam sebahagian puisi klasik yang dikemukakan, tetapi juga dapat meningkatkan pembelajaran sentimen murid, membimbing murid untuk membezakan kebaikan dan keburukan sesuatu perkara dan seterusnya membina konsep nilai kemanusiaan yang baik dalam kalangan murid.

Nilai jati diri yang mulia seperti menghargai detik masa, patriotisme dan perpaduan antara kaum, semangat beroptimis, kecekalan dan ketabahan, keharmonian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dalam kekeluargaan, kerajinan dalam pembelajaran serta bersyukur telah diterapkan ke dalam minda murid seperti yang dinyatakan oleh peserta dalam sebahagian puisi klasik yang dipelajari seperti yang dibincangkan dalam bab empat. Kesemua nilai jati diri ini berada dalam kehidupan sebenar murid yang mampu memberikan inspirasi terhadap murid. Hal ini telah menyatakan bahawa pentingnya unsur ideologi, informatif dan sifat kontemporari dalam pemilihan teks puisi klasik. Kajian Wu (2013) telah menyatakan bahawa nenek moyang masyarakat etnik Cina telah menyusupi nilai-nilai dalam aspek persahabatan, percintaan masa, negara, pendidikan, peradaban dan sebagainya. Woo (2009) juga menyatakan bahawa apabila murid mempelajari kesusasteraan dengan sempurna dan mendalam, falsafah tentang nilai murni akan berakar umbi dalam minda murid. Kajian Wong (2019) pula menyatakan bahawa budaya tradisonal yang indah telah terkandung dalam teks kesusasteraan dapat diwarisi dalam kalangan murid serta menerapkan nilai murni yang positif dalam minda murid seperti yang telah dibincangkan dalam bab dua. Hal ini telah membuktikan bahawa pembelajaran puisi klasik mengandungi makna yang tinggi dalam aspek meningkatkan nilai peribadi murid (Wu, 2013) di mana Fu (2011) menyatakan bahawa nilai dan status kedudukan pembelajaran puisi klasik yang unik tidak dapat dinafikan. Hasrat kurikulum yang menitikberatkan penyemaian nilai-nilai murni (Tan, 2012) boleh direalisasikan dengan berpandukan lima standard pemilihan teks puisi klasik dalam proses pemilihan kerana dapatan kajian telah menunjukkan bahawa nilai jati diri yang mulia telah berbunga mekar dalam minda peserta dan sanggup mengamalkan nilai murni yang dipelajari dalam kehidupan harian mereka dalam puisi klasik yang telah memenuhi standard ideologi, informatif dan sifat kontemporari.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Secara rumusannya, nilai murni dalam puisi klasik telah membawa murid menjurus ke arah kehidupan yang mulia dengan mempengaruhi pemikiran, semangat dalam kehidupan serta pembentukan sahsiah diri yang berkualiti dan disanjungi dalam kalangan murid. Dengan ini, minda murid dapat diiringi dengan hala tuju yang betul dari segi rohani menerusi pembelajaran puisi klasik.

### 5.3.5 Penerapan Nilai Estetik dalam Teks Puisi Klasik

Pemilihan teks puisi klasik yang mengandungi unsur kemanusiaan yang tinggi telah mendorong murid merasai keindahan seni dalam puisi klasik dan memenuhi dunia sentimen murid. Murid akan mendapat inspirasi menerusi pembelajaran puisi klasik dan mempunyai kesedaran tentang nilai estetik serta menguasai keindahan dalam penciptaan dan penyampaian. Hal ini telah mendorong perkembangan pemikiran murid serta membentuk konsep nilai yang positif (Liang, 2010). Kajian Li (2016) menyatakan bahawa puisi klasik merupakan penampilan sentimen penyajak yang realiti. Pembelajaran puisi klasik dapat mengembangkan daya fikiran murid lalu merasai gambaran yang ingin disampaikan oleh penyajak dalam ayat puisi yang indah. Penyajak sering menggunakan pemandangan untuk meluahkan perasaan, menggunakan kebendaan untuk menyatakan cita-cita mereka. Oleh itu, puisi klasik merupakan gabungan ideologi dan sentimen penyajak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Banyak unsur kesenian telah terkandung dalam puisi klasik sama ada aspek paparan kesenian, nada, ayat atau sentimen membolehkan seseorang insan menikmati keindahan puisi klasik. Ia telah membekalkan maklumat yang berharga terhadap pendidikan estetik dalam zaman kini (Li, 2016). Pengajaran puisi klasik amat menitikberatkan proses pembacaan dengan merasai imej kesusasteraan serta memupuk keupayaan nilai estetik. Karya kesusasteraan yang cemerlang dapat memperkaya jiwa seseorang. Puisi klasik yang terkenal telah memainkan peranan penting dalam memupuk keupayaan nilai estetik murid. Pembacaan puisi klasik yang banyak dapat merasai kemegahan dalam puisi klasik seperti menerima pembaptisan keindahan agar jiwa insan dapat ditulenkan. Dengan mempelajari puisi klasik, murid dapat merasai keindahan dari segi kehidupan, alam semula jadi, sentimen, kesenian dan bahasa (Li, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian menunjukkan bahawa hanya lima orang peserta yang dapat menilai dari aspek kesenian dengan teliti sahaja. Puisi klasik yang dikemukakan oleh peserta juga merupakan puisi klasik yang meninggalkan kesan yang mendalam dalam minda peserta semasa temu bual dijalankan. Peserta T3 telah mengemukakan pendapat yang menyatakan bahawa dia berminat dalam mempelajari puisi klasik kerana konsepsi seni dan keindahan bahasa dalam ayat puisi klasik telah mendorongnya merendamkan diri dalam puisi klasik seperti berada bersamaan dengan situasi penyajak. Hasil dalam kajian ini telah menjelaskan kenyataan dalam kajian Fu (2011) yang menyatakan bahawa walaupun karya penyajak telah berlalu beribu-ribu tahun, dengan adanya perasaan ikhlas dan benar dalam kalangan penyajak, maka perasaan pembaca akan tersentuh seperti yang telah dibincangkan dalam bab dua.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kajian Ren (2007) telah mengemukakan bahawa kecantikan puisi klasik adalah disebabkan pembentukan puisi klasik secara mudah yang menggunakan perkataan yang ringkas dan mengandungi gambaran yang dinamik serta ruangan yang mendalam dan bersemangat. Kenyataan ini telah dibuktikan oleh peserta S2 yang mengemukakan sentimen kesukaannya terhadap puisi klasik Gulangyuexing（古朗月行）kerana ia mempunyai makna yang mendalam dan wajar merasainya dengan teliti untuk melihat maklumat tersirat yang ingin disampaikan oleh penyajak.

Kajian Wu (2010) telah mengemukakan bahawa tanpa sentimen penyajak yang mendalam, maka tidak dapat menghasilkan karya puisi klasik yang dapat menyentuh perasaan manusia. Peserta S2 telah meluahkan pendapatnya bahawa kesukaannya terhadap puisi klasik Huanghelou（黄鹤楼）disebabkan ayat puisi klasik yang dikarya oleh penyajak mempunyai sentimen yang mendalam dan peserta S2 dapat merasai kelayuan hati dan kesedihan penyajak dengan jelas. Beliau juga terharu dengan sentimen yang dinyatakan oleh penyajak.

Selain itu, kajian Li (2017) menyatakan bahawa kebolehan estetik dalam kalangan murid dapat dipupuk sewaktu murid dapat merasai keindahan dalam puisi klasik kerana Woo (2009) mengatakan bahawa penyajak biasanya menapis dan meninjau beberapa kali untuk memastikan penggunaan bahasa dan perkataan adalah tepat dan mengandungi unsur kecantikan. Sebagai buktinya, peserta T1 telah mengemukakan bahawa kebanyakan penyajak akan menggunakan imej untuk menyatakan semangat dan cita-cita mereka dan memerihalkannya dengan tepat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Pemikiran penyajak telah bergabung dengan alam sekitar dan dapat menggunakan imej alam sekitar untuk menyatakan pemikiran mereka dengan tepat seperti Ci Yumeiren（虞美人）yang menggunakan imej air untuk menggambarkan kesedihan dan kemurungan penyajak akibat keruntuhan negara adalah amat bersesuaian.

Secara amnya, sebagai mata pelajaran kemanusiaan, pengajaran bahasa merupakan pendidikan estetik dalam aspek sentimen dan sahsiah. Puisi klasik Cina telah mengandungi unsur keindahan yang mendalam. Berdasarkan analisis dalam jadual 4.4, didapati bahawa standard kesenian dalam pemilihan teks puisi klasik merupakan aspek yang lebih dirangkumi dan dititikberatkan. Oleh hal yang demikian, pemupukan dan peningkatan keupayaan dalam nilai estetik haruslah dititikberatkan dalam kalangan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran agar matlamat penerapan nilai estetik menerusi pembelajaran puisi klasik dapat direalisasikan (Li & Gu, 2004).

## 5.4 Implikasi

Implikasi telah diberikan kepada pihak guru dan murid, Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), penulis buku teks Bahasa Cina KSSM menengah rendah serta Kementerian Pelajaran Malaysia melalui kajian ini. Hal ini kerana teks puisi klasik dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


buku teks yang sedia ada masih perlu ditambahbaikkan agar minat pembelajaran puisi klasik dalam kalangan murid dapat dipertingkatkan.

Implikasi terhadap guru pula ialah guru perlu mahir dalam pemilihan teks puisi klasik dengan berpandukan standard pemilihan teks puisi klasik supaya proses pengajaran dan pembelajaran murid yang berkesan dapat dihasilkan. Guru perlu melengkapkan diri dengan kemahiran memilih teks puisi klasik yang bermatlamat untuk meningkatkan minat pembelajaran puisi klasik serta pengaplikasian ilmu pengetahuan puisi klasik dalam kalangan murid. Implikasi kajian ini telah memberikan satu gambaran kepada guru mata pelajaran tentang persepsi murid terhadap pembelajaran puisi klasik serta mengenalpasti masalah pembelajaran puisi klasik yang dihadapi oleh murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, implikasi kajian ini juga terkesan terhadap Bahagian Pembangunan Kurikulum bagi memastikan buku teks dihasilkan dengan kualiti yang baik agar mencapai hasrat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang menekankan semangat pembelajaran sepanjang hayat. Tambahan pula, kajian mengenai buku teks jarang dijalankan dalam negara Malaysia dan tidak dapat membekalkan cadangan penambahbaikan terhadap penulisan buku teks. Oleh hal yang demikian, hasil kajian dapat menjadikan petunjuk kepada panel penggubal sukatan pelajaran terutamanya dalam perancangan dan perlaksanaan kurikulum di peringkat Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia dalam proses semakan buku teks nanti. Secara amnya, bahan pengajaran dapat memberikan impak dalam perkembangan minda murid terutamanya teks puisi klasik yang telah memenuhi lima standard pemilihan teks puisi klasik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 5.5 Cadangan Kajian Lanjut

Kepentingan mempelajari puisi klasik tidak dapat dinafikan. Penyelidik telah melakukan kajian ini bagi mengenal pasti standard pemilihan teks puisi klasik dan persepsi murid terhadap kandungan teks puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina KSSM menengah rendah. Penerapan nilai murni dan nilai estetik dalam kalangan murid turut dikaji dalam kajian ini. Akan tetapi, kajian ini telah terhad pada beberapa batasan kajian. Justeru, penyelidik perlunya kajian lanjutan dilakukan supaya kelompongan yang tidak dikaji dalam kajian ini dapat diisikan. Beberapa cadangan dikemukakan di bawah untuk kajian lanjutan yang dapat dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang telah dijalankan hanya untuk buku teks Bahasa Cina bagi Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) tingkatan satu hingga tingkatan tiga dan menitikberat pada bahagian pemilihan puisi klasik sahaja. Oleh hal yang demikian, kajian lanjutan yang dapat diperluas ke menengah rendah dan menengah atas supaya mendapat satu gambaran yang jelas tentang pemilihan teks puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina KSSM. Kajian lanjutan juga boleh meluaskan ke teks-teks yang lain seperti prosa moden, prosa klasik dan puisi moden supaya buku teks Bahasa Cina yang berkualiti dan memenuhi keperluan murid dapat dihasilkan. Sebagai contohnya, kajian Li (2017) yang mengenai pemilihan teks puisi moden dalam bahan pengajaran edisi Renjiaoban（人教版）, kajian Luo (2021) mengenai perbandingan pemilihan teks prosa moden antara bahan pengajaran edisi Bianbuban（部编本）negara China dan Hanlinban（翰林版）negara Taiwan, kajian Jiang (2021) tentang pemilihan teks prosa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


klasik dalam bahan pengajaran edisi Tongbian（统编）serta teknik pengajarannya dan sebagainya.

Selain itu, kajian ini telah dijalankan dalam bentuk kualitatif yang melibatkan responden yang terhad pada dua belas orang sahaja. Kajian ini telah dijalankan di sekolah dalam negeri yang terpilih iaitu negeri Selangor sahaja. Oleh sebab jenis kajian yang dijalankan terhad dalam bilangan responden dan masa, maka kajian ini masih tidak dapat memberi gambaran yang sangat menyeluruh. Maka penyelidik mencadangkan bahawa kajian lanjutan dapat dijalankan dalam bentuk kuantitatif di mana dapat melibatkan lebih ramai responden dan diperluaskan ke negeri yang lain untuk mendapat gambaran yang lebih luas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 5.6 Cadangan Kajian

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, penyelidik akan mengemukakan beberapa cadangan yang dapat meningkatkan kualiti pemilihan teks puisi klasik serta meningkatkan minat pembelajaran puisi klasik dalam kalangan murid.

Sebagaimana yang diketahui, zaman penghasilan puisi klasik adalah berjauhan dengan kehidupan sebenar dalam kalangan murid zaman kini. Jika bukan menerusi pembelajaran puisi klasik, asas kebudayaan Tionghua tidak semestinya dapat dikuasai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


oleh murid dan nilai kebudayaan sukar dipupuk sehingga mempengaruhi perkembangan masyarakat ke arah yang baik.

Bahagian pengajaran puisi klasik amat dititikberatkan dalam KSSM yang bertujuan meningkatkan penguasaan nilai estetik dalam puisi klasik. Dalam DSKP telah menyaran guru bahawa semasa mengajar puisi klasik perlu membawa murid merasai keindahan dalam puisi klasik dan mempunyai perasaan yang menyerupai pengalaman para penyajak serta meningkatkan batasan rohani dalam kalangan murid. Guru juga disaran untuk membimbing murid merasai maksud dan konsepsi kesenian dan menggalakkan murid mendeklamasi sajak dengan menggunakan cara sendiri dengan berpandukan kefahaman terhadap sesebuah puisi klasik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mata pelajaran Bahasa Cina adalah gabungan antara kesusasteraan dan bahasa serta memainkan peranan yang penting dalam pengajaran bahasa dan kesusasteraan. Teks kesusasteraan yang dimuatkan ke dalam bahan pengajaran adalah perlu mengambil kira keunikan dalam sejarah perkembangan dan memainkan peranan dalam warisan kebudayaan. Teks dalam bahan pengajaran merupakan media pengajaran guru dan pembelajaran murid. Pemilihan teks yang bagaimana akan memutuskan gambaran kognitif murid serta gaya pengetahuan guru.

Proses pemilihan puisi klasik sewajarnya memenuhi lima standard pemilihan puisi klasik dengan meningkatkan minat pembelajaran murid terutamanya aspek ideologi dan informatif yang dapat menerapkan nilai murni ke dalam minda murid. Aspek

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kesenian perlu dititikberatkan supaya nilai estetik dapat diterapkan dalam kalangan murid. Selain itu, aspek keseronokan dalam teks puisi klasik perlu dititikberatkan supaya membekalkan daya hidup dalam puisi klasik dan dapat menganjakan keaktifan murid dalam pembelajaran puisi klasik. Jadual 4.4 telah menunjukkan bahawa bilangan puisi klasik yang kekurangan unsur keseronokan dalam puisi klasik adalah tertinggi diikuti dengan unsur sifat kontemporari, informatif, kesenian dan ideologi. Oleh hal yang demikian, proses pemilihan teks puisi klasik sewajarnya menitikberatkan unsur keseronokan dan mengambil kira sifat kontemporari dalam puisi klasik supaya dapat menarik minat pembelajaran murid dalam puisi klasik. Dalam proses pembelajaran dan pengajaran, guru boleh mengadakan pelbagai aktiviti untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang seronok seperti pertandingan mendeklamasi sajak terutamanya puisi klasik yang mempunyai kebiasaan dalam kalangan murid, pertandingan ilmu kesusasteraan, lakonan tentang kandungan puisi klasik, mengadakan sesi pembacaan dan perbincangan puisi klasik. Hal ini dapat mengisikan puisi klasik yang kekurangan unsur keseronokan demi meningkatkan minat pembelajaran puisi klasik dalam kalangan murid.

Di samping itu, pemilihan teks puisi klasik yang tidak pelbagai akan menjejaskan murid untuk memahami kebudayaan Tionghua, perasaan pengiktirafan dan kebanggaan terhadap kebudayaan Tionghua tidak dapat dicungkilkan dalam kalangan murid. Oleh itu, teks puisi klasik yang dipilih sewajarnya merangkumi pelbagai tema terutamanya tema yang mendekati pengalaman kehidupan sebenar murid di mana mengambil kira aspek sifat kontemporari seperti memuatkan teks puisi klasik pada dinasti Qing terutamanya karya Kang youwei（康有为）dan Huang zunxian（黄遵憲）yang pernah berlayar ke

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


asia tenggara khususnya Malaya pada ketika itu dan menghasilkan karya yang mengandungi unsur tempatan seperti puisi klasik Binlangyuding ye kanyun（槟榔屿顶夜看云）, Fanke pian （番客篇）, Yucaoyuan yangke（寓草园养疴）dan sebagainya. Selain itu, sebanyak sembilan buah puisi klasik yang dikemukakan oleh peserta merupakan puisi klasik yang dihasilkan pada dinasti Tang（唐）, lima buah puisi klasik yang dihasilkan pada dinasti Song（宋）. Oleh hal yang demikian, pemilihan puisi klasik sewajarnya menitikberatkan puisi klasik yang dihasilkan pada dinasti Tang dan Song di mana puisi klasik dalam kedua-dua dinasti ini telah mencapai kegemilangan pada tahap puncak yang lebih mempunyai kebiasaan dalam kalangan murid.

Dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), segala isi kandungan dalam buku teks perlu menepati elemen-elemen yang terkandung dalam dokumen standard kurikulum dan penilaian (DSKP, 2017). Menurut DSKP Bahasa Cina tingkatan satu hingga tiga, standard pembelajaran puisi klasik adalah membaca dan menikmati puisi klasik serta merasai keindahan bahasa, konotasi dan konsepsi kesenian dalam puisi klasik serta memahami persepsi pemikiran dan perasaan, bentuk dan cara penyampaian oleh para penyajak dan memupuk perasaan bahasa yang baik dalam kalangan murid. Oleh hal yang demikian, proses pemilihan teks puisi klasik yang berasaskan lima standard pemilihan ini dapat merealisasikan standard pembelajaran puisi klasik terutamanya unsur keseronokan dalam puisi klasik sewajarnya dititikberatkan agar minat pembelajaran murid terhadap puisi klasik mampu dipertingkatkan. Puisi klasik yang dikemukakan dalam proses temu bual kebanyakannya telah memenuhi lima atau empat standard pemilihan teks puisi klasik. Hal ini bermakna

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


teks puisi klasik yang berasaskan lima standard pemilihan teks puisi klasik dalam proses pemilihan akan meninggalkan kesan yang mendalam dalam minda murid.

Selain itu, puisi klasik yang memerihal sesuatu perkara atau mempunyai unsur kemanusiaan yang mendalam lebih menarik minat pembelajaran murid. Tema puisi klasik yang berkaitan dengan hubungan kekeluargaan, persahabatan, percintaan, sejarah dan keadilan wajar dititikberatkan seperti yang telah dibincangkan di atas. Catatan penerangan maksud istilah pula sewajarnya mempunyai penjelasan yang terperinci tentang latar belakang sesebuah puisi klasik untuk mengurangkan beban dan sentimen takut akan pembelajaran puisi klasik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Murid sewajarnya dipupuk supaya memiliki keupayaan untuk menilai puisi klasik dan menerokai keindahan dalam puisi klasik. Murid pada abad ke-21 sewajarnya menguasai nilai bahasa dan memupuk sentimen yang cinta akan kebudayaan Tionghua. Oleh hal yang demikian, murid sewajarnya giat dalam mempelajari puisi klasik yang cemerlang agar memupuk keupayaan untuk menguasai bahasa klasik serta keupayaan menilai karya kesusasteraan. Dengan ini, kebudayaan Tionghua barulah dapat diwarisi selama-lamanya.

Tujuan utama dalam proses pengajaran adalah dapat membimbing murid untuk menguasai keupayaan untuk berfikir. Apabila kunci pembelajaran telah diserahkan kepada murid, maka pembelajaran kendiri dalam kalangan murid tidak akan menjadi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


satu beban terhadap murid kerana murid berupaya untuk menguasai ilmu pengetahuan dengan diri sendiri.

Proses pengajaran guru dalam kelas perlu menitikberatkan penerapan nilai murni dan nilai estetik menerusi pembelajaran puisi klasik. Guru sewajarnya membimbing murid merasai keindahan puisi klasik dan membawa murid memasuki ke alam pemikiran penyajak. Guru boleh mengadakan aktiviti menilai karya puisi klasik dari aspek yang berlainan. Murid digalakkan untuk mengemukakan maklumat yang berkenaan dan menilai sesebuah karya puisi klasik. Selepas pembentangan murid, guru boleh membuat ulasan dengan berpandukan objektif pengajaran. Proses pengajaran yang dapat mencungkil minat murid dalam pembelajaran puisi klasik serta memperoleh inspirasi dan sentimen yang bersamaan dengan penyajak adalah penting. Oleh itu, guru perlu menguasai kemahiran dalam pemilihan teks puisi klasik yang memenuhi lima standard pemilihan puisi klasik supaya dapat mencungkil minat pembelajaran murid dan seterusnya mewarisi kebudayaan Tionghua dalam kalangan murid.

Secara rumusan, proses pemilihan puisi klasik perlu memenuhi ciri-ciri perkembangan murid, pengalaman sebenar murid dan keperluan perkembangan masyarakat supaya dapat menggalakkan pembelajaran puisi klasik dalam kalangan murid dan seterusnya remaja yang mempunyai nilai kebudayaan yang tinggi dapat dipupuk demi membentuk masyarakat yang berharmoni.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 5.7 Kesimpulan

Puisi klasik merupakan mutiara yang bersinar dalam kebudayaan Tionghua. Daya tarikan bahasa yang unik serta asas kebudayaan yang mendalam wajar diwarisi secara turun-temurun. Fungsi pendidikan kebudayaan puisi klasik tidak dapat dinafikan. Penggunaan kata yang tepat dan berirama memudahkan pembaca untuk mewujudkan gambaran yang jelas tentang puisi klasik tersebut serta memasuki dunia sentimen penyajak. Oleh hal yang demikian, murid akan memahami sentimen penyajak yang berhemah tinggi, sentimen cinta akan negara, semangat penyajak yang berjuang demi mencapai matlamat dan nilai-nilai yang positif dalam proses pembelajaran puisi klasik. Sumber pendidikan yang unik ini boleh dikatakan telah mempengaruhi minda setiap murid kerana puisi klasik yang cemerlang bukan sahaja dapat menjadikan rohani seseorang menjurus ke arah suci, tetapi juga menggalakkan orang ramai untuk menerokai perkara yang mulia serta meningkatkan nilai jati diri. Oleh itu, pembelajaran puisi klasik bukan sahaja dapat mengembangkan kebudayaan tradisional Tionghua, ia juga akan meningkatkan keupayaan nilai estetik dan sentimen kebudayaan lalu membantu murid untuk membina konsep nilai murni yang betul dan seterusnya memperkasakan sentimen kebanggaan murid terhadap kebudayaan etniknya.

Proses pembelajaran dan pengajaran zaman kini telah berubah dari pengajaran yang berpusatkan guru kepada berpusatkan murid, dari mengajar bahan pengajaran kepada mengajar murid. Bahan pengajaran merupakan dorongan murid dalam pembelajaran dan tidak boleh melepasi keperluan murid serta perlu mengambil kira keadaan sebenar pembelajaran murid. Oleh itu, teks puisi klasik merupakan teks yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


tidak dapat diabaikan dalam bahan pengajaran bahasa kerana puisi klasik membekalkan sumber yang bernilai terhadap pengajaran bahasa. Pembentukan nilai kehidupan dan dunia murid yang mulia dalam zaman persekolahan menengah adalah penting.

Status kedudukan puisi klasik boleh dikatakan semakin dititikberatkan dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dalam mata pelajaran Bahasa Cina. Fokus utama dalam proses pengajaran guru mata pelajaran Bahasa Cina dalam puisi klasik adalah untuk mewarisi kebudayaan Tionghua dan melicinkan proses pengajaran dan pembelajaran puisi klasik. Justeru, persoalan tentang pemilihan teks puisi klasik seharusnya dititiberatkan dan diselesaikan supaya proses pengajaran dan pembelajaran puisi klasik dapat memenuhi matlamat ini. Hal ini kerana kualiti bahan pengajaran akan mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran antara guru dengan murid. Oleh itu, kajian pemilihan teks puisi klasik dapat menggalakkan pengajaran bahasa dengan menguasai bahan pengajaran secara menyeluruh.

Kajian ini telah menitikberatkan pemilihan teks puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina KSSM menengah rendah dan mendapati bahawa masih terdapat teks puisi klasik yang belum memenuhi lima aspek dalam standard pemilihan puisi klasik. Sesetengah tema puisi klasik tidak begitu dititikberatkan. Perkembangan logik pemikiran dan keupayan kritikan serta nilai estetik murid telah dibentuk dalam peringkat menengah rendah. Oleh itu, adalah wajar mempelajari tema puisi klasik yang pelbagai dalam kalangan murid menengah rendah. Persepsi murid mengenai teks puisi klasik juga ditinjau dan mendapati bahawa bahagian bimbingan bacaan telah berperanan dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


membimbing murid untuk menguasai puisi klasik. Catatan penerangan maksud istilah pula perlu disertakan dengan latar belakang puisi klasik yang jelas. Selain itu, nilai murni dan nilai estetik telah diterapkan ke dalam minda murid menerusi pembelajaran sebahagian daripada puisi klasik dalam buku teks. Guru sewajarnya mengambil berat tentang penerapan nilai estetik dalam kalangan murid kerana dapatan kajian menunjukkan bahawa masih tidak ramai murid yang dapat menguasai keupayaan untuk menilai puisi klasik.

Cadangan yang telah dikemukakan dengan harapan dapat menjadikan rujukan kepada Bahagian Pembangunan Kurikulum dalam proses semakan buku teks nanti. Diharap kajian ini juga dapat memberikan inspirasi kepada guru dan murid terutamanya guru Bahasa Cina dapat memaparkan unsur keseronokan dalam puisi klasik agar lebih mendekati pengalaman sebenar kehidupan murid. Hal ini penting kerana minat pembelajaran murid dapat dipertingkatkan serta mengembangkan kebudayaan Tionghua. Disebabkan keupayaan penyelidik dalam menjalankan kajian adalah terhad, maka kajian ini masih terdapat kekurangan. Penyelidik berharap agar kajian yang selanjutnya akan dijalankan pada masa depan bagi menyempurnakan kekurangan dalam kajian ini. Penyelidik juga berharap pakar-pakar, penulis buku teks serta guru Bahasa Cina dapat menitikberatkan taraf pemilihan teks puisi klasik dalam buku teks lalu mempraktikkan proses pengajaran yang berkesan untuk menggalakkan motif pembelajaran puisi klasik dalam kalangan murid.

Kesimpulannya, perkembangan pemikiran murid adalah berpandukan gaya penulisan dan persembahan bahan pengajaran dalam buku teks. Hal ini akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


memberikan impak terhadap pembentukan minda murid dalam aspek nilai murni dan nilai kesenian. Oleh hal yang demikian, isi kandungan kurikulum sewajarnya bersifat dinamis supaya daya intelektual dan daya penilaian kesenian dapat dikembangkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**RUJUKAN**

Abd. Rahim Abd. Rashid. (1999). *Kemahiran Berfikir Merentasi Kurikulum*. Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Abdul Hafidz dan Sariffudin, Awang Hamid, Dayang Tiawa dan Omar, Rio Sumarni. (2005). *Aplikasi Perisian NVIVO Dalam Analisis Data Kualitatif.* Universiti Teknologi Malaysia, Johor.

Abdul Rashid Jamian, Shamsudin Othman & Norzila Yusof. (2011). Keberkesanan Cerpen dalam Mempertingkat Prestasi Penulisan Karangan Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*.

Adam@Karim Abdul Malek. (2003). *Hubungan Komponen Sastera dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu terhadap Pemilihan Jurusan Pelajar Tingkatan Empat di Daerah Seremban*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Ahmad, A. & Jinggan, N. (2015). Pengaruh Kompetensi Kemahiran Guru dalam Pengajaran Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar dalam Mata Pelajaran Sejarah. *Journal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Auguste Comte (2018). *Social Physics: From the Positive Philosophy of Augeste Comte.* United States: Creative Media Partners, LLC.

Azizi, A. (2016). *Pentaksiran Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2000). *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Cina*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2016). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tingkatan 1*. Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2017). *Bahasa Cina Tingkatan 1*. Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2018). *Bahasa Cina Tingkatan 2*. Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2018). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tingkatan 2*. Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2019). *Bahasa Cina Tingkatan 3*. Kementerian Pelajaran Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2019). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tingkatan 3*. Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bailey, C. A. (2007). *A Guide to Qualitative Field Research (2nd Edition)*. London: Pine Forge Press.

Bei, Y.N. (2015). *Malaixiya Gaozhong Huawen Jiaocai Yanjiu (Malaysia High School Chinese Textbook Research)*. China: Soochow University.

Bekalo, S. & Welford, G. (2000). Practical Activity in Ethiopian Secondary Physical Sciences: Implications for Policy and Practice of the Match between the Intended and Implemented Curriculum. *The Ethiopian Journal of Education.*

Berliner, D. (2004). *Expert Teachers: Their Characteristics, Development and Accomplishments.* Spain: Universitat Autonoma de Barcelona.

Bruhn, J. K. (2002). *A Handbook of Media and Communication Research: Qualitative and Quantitative Methodologies*. London: Routledge.

Cai, D.F. (2013). *Sejarah Republik China*. Beijing: The Chinese Overseas Publishing House.

Cai, P.Y. (1925). *Meiyu Shishi De Fangfa (Cara Mempraktikkan Pendidikan Estetik)*. Beijing: The Commercial Press.

Cai, Y.J. (2013). *Jueju Sanbaishou (Tiga Ratus Buah Puisi Klasik Jenis Jueju)*. China: Zhejiang Literature and Art Press.

Cai, Z.P. (2002). Qiantan Zhongxue Yuwen Jiaocai Xuanwen Biaozhun (Standard Pemilihan Teks bagi Bahan Pengajaran Sekolah Menengah). *Journal of Education Institute of Taiyuan University.*

Cao, H.D. (1991). *Manhua Gushiwen Zhong De Chan (Imej Reriang dalam Puisi Klasik)*. China: Chinese Literature and History.

Cao, M.H. & Li, H.X. (2005). *Yuwen Kecheng Yu Jiaoxuelun (Kurikulum dan Pengajaran Bahasa*). China: Shandong People's Publishing House.

Cao, M.H. (2005). *Yuwen Jiaoyu Wenhua Guocheng Yanjiu (Kajian tentang Proses Pendidikan Bahasa dan Kebudayaan)*. China: Shandong People's Publishing House.

Chen, J. (2002). *Songdai Yongmei Yanjiu (Kajian Puisi Klasik Bertemakan Bunga Plum dalam Dinasti Song)*. China: Anhui Literature and Art Publishing.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Chen, J. (2018). *"Zhutishi" Gushi Jiaoxue Tanshuo (Penerokaan Pengajaran Puisi Klasik Berasaskan Tema).* China: China Academic Journal Electronic Publishing House.

Chen, J.L. (2005). Zhongguo Gudian Shige Zhong Xiwu Yixiang De Chengyin Ji Qi Meixue Yiyi (Kajian Pembentukan Imej Burung Copsychus Saularis dan Makna Estetika). *Journal of Xiangnan University, Chengzhou China*.

Chen, P.Y. (2009). Ruguo Meiyou Wenxueshi (Jika Tiada Sejarah Perkembangan Kesusasteraan). *DuShu*.

Chen, P.Y. (2013). Wenxueshi, Wenxue Jiaoyu Yu Wenxue Duben (Literary History, Literary Education and Literary Text). *Hebei Academic Journal*.

Chen, S.H. (2019). *Kangxi, Qianlong Nanxunshi Bijiao Yanjiu (A Compare Research on Kangxi and Qianlong in Southern Tour Poems).* China: Yangzhou University.

Chen, X.C. (2008). Zhongguo Gudian Shige Zhuti Yanjiu Suping Yu Xingsi (Kajian Refleksi Terhadap Tema Puisi Klasik Cina). *Journal of Literature, History and Philosophy*.

Chen, X.Y. (2018). *Xiaoxue Yuwen Jiaokeshu Xuanwen Biaozhun Yanjiu (Kajian Standard Pemilihan Teks Bahan Pengajaran Bahasa bagi Sekolah Rendah)*. China: People Education Press.

Chen, X.Y. (2021). *Dui Xiaoxue Yuwen Jiaokeshu Xuanwen Biaozhun de Jiben Renshi (Pengenalan Asas terhadap Standard Pemilihan Bahan Pengajaran Bahasa)*. China: People's Education Press.

Chen, Y.P. (2019). *"Caiju Donglixia, Youran Jian Nanshan" Haozai Nali? Tao yuanming 《Yinjiu》 Qiwu Jiedu (Penilaian dan Penerangan Puisi Klasik Tao yuanming, Yinjiu)*. China: South China Normal University.

Chen, Z.M. (1992). *Liqingzhao Zuopin Shangxiji (Pengumpulan Penilaian Karya Liqingzhao)*. Chengdu: Bashu Publishing House.

Chew F.P. (2010). *Penerapan Nilai-nilai Murni Menerusi KOMSAS dalam Sistem Pendidikan Malaysia*. Universiti Malaya.

Chu, X.N. (2019). *Gaozhong Yuwen Gudian Shici Dongwu Jiaoxue Yixiang Yanjiu (Research on Animal Imagery Teaching of Classical Chinese Poetry in Senior High School)*. China: Huazhong Shifan University.

Chua, Y.P. (2011). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Shah Alam: Mcgraw-Hill Education.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2007). *Research Methods in Education*. Oxon: Routledge.

Corbin, J. & Strauss, A. (2008). *Basics of Qualitative Research Techniques and Procedures for Developing Grounded Theory*. Sage, Thousand Oaks.

Corbin, J., & Strauss, A. (1990). *Grounded Theory Research: Procedures, Canons, and Evaluative Criteria Qualitative Sociology.* Sage: Thousand Oaks.

Creswell, J. W. (2008). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research (4th Ed)*. United States: Pearson Education.

Creswell, J.W. & Creswell, J.D. (2018). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.

Creswell, J.W. (2012). *Educational Research (Planning, Conduction and Evaluating Quantitative and Qualitative Research) (4th Ed)*. United States: Pearson Education.

Creswell, J.W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.

Crotty, M. (2003). *The Foundations of Social Research: Meaning and Perspective in the Research Process*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.

Dai, W.Q. (2008). *Chuzhong Yuwen Jiaocai Gudai Zuopin Xuanwen Tantao (Kajian Pemilihan Teks Klasik bagi Bahan Pengajaran Menengah Rendah)*. China: East China Normal University.

De Vaus, David. (2009). *Research Design in Social Research*. London: Sage Publications.

Draper S.W. (1996). Facing Up to the Plurality of Goals, Methods, Needs and Resources in HCI. *Australasian Journal of Information Systems.*

Encyclopedia Americana. (1985). America: Scholastic Corporation.

Encyclopedia of China. (2009). Beijing: Encyclopedia of China Publishing House.

Fan, G.P. (2010). *Chuzhongsheng Bibei Gushici (Kewajipan Penghafalan Puisi Klasik bagi Murid Menengah Rendah)*. China: New Century Press.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Fang, N. & Li, S.A. (2012). *Malaixiya Guomin Zhongxue Huawen Jiaocai Bianpai Yanjiu — Yi Chuzhong Huawen Jiaocai Weili (Chinese Textbook Used in Public Secondary Schools in Malaysia: A Study of Junior High School Chinese Textbooks).* China: School of International Education, Shanghai JiaoTong University.

Faridah, I., Chang, P. K. & Kuik, C. C. (2012). *Ethnic Media and Nation-building in Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Feng, L.L. (2020). *Libai 《Xuanzhou Xietiaolou Jianbie Jiaoshu Shuyun》 Shangxi (Penilaian Puisi Klasik Libai, 《Xuanzhou Xietiaolou Jianbie Jiaoshu Shuyun》)*. China: Shaanxi Vocational & Technical College.

Fu, Y. & Wang, S.Z. (2010). Buluna Jiegou Kecheng Dui Yuwen Xueke Kecheng Jianshe de Qishi (Pencerahan Struktur Kurikulum J.S Bruner terhadap Pembinaan Kurikulum Bahasa). *Literature Education*.

Fu, Y. (2011). *Chuzhong Gushiwen Jiaocai Xuanbian Yanjiu (A Study on a Selection and Arrangement of Classical Chinese in Junior School)*. China: Central China Normal University.

Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia. (2014). *Senarai Perhubungan Sekolah Persendirian Mengikut Negeri*. Dimuat turun dari http://web.jiaozong.org.my/doc/admin/2014duzhong.pdf pada 20 April 2020.

Gall, M. D., Borg, W. R., & Gall, J. P. (2003). *Educational Research: An Introduction.* Edisi Ketujuh. White Plains, New York: Longman.

Gao, H.R. (2008). *Tangdai Shige Jianshang (Penilaian Puisi Klasik Dinasti Tang)*. Shanghai: Shanghai Literature Publishing House.

Ge, D. (2013). *Kerisauan Remaja (Shaonian Weite de Fannao).* Taiwan: The Commercial Press, Ltd.

Ghazali Darussalam & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Glesne, C. (2011). *Becoming Qualitative Researchers: An Introduction. 4th Edition.* Boston: Pearson.

Gu, H.X. (2020). *Malaixiya Huawen Jiaoyu Qingkuang (Keadaan Pendidikan Bahasa Cina di Malaysia)*, Dimuat turun dari http://my.china-embassy.org/chn/zt/nycf/t314470.htm pada 10 Februari 2020.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Gu, Z.C. (2000). *Shi Lun Woguo Jiaocai Xuanwen De Youliang Chuantong (Kajian tentang Keunikan Tradisional dalam Pemilihan Teks di China)*. China: Ministry of Education of the People's Republic of China.

Guo, M.Q. (2014). *Yuefu Shiji (Pengumpulan Puisi Klasik Yuefu).* Beijing: New World Press.

Guo, Q.L. & (2019). *Biar Hari Berbunga Bunga Matahari (Rang Xin Kaichu Taiyanghua)*. China: Anhui people's publishing house.

Guo, Y. (2019). *Tongbianben Chuzhong Yuwen Jiaocai Gushici Xuanbian Yanjiu ——Yi Qi 、 Ba Nianji Weili (Kajian Pemilihan Teks Puisi Klasik Bahan Pengajaran Bahasa Edisi Tongbianben—— Buku Teks Tahun Tujuh 、 Lapan).* China: Shanghai Normal University.

Guthrie, G. (2010). *Basic Research Methods: An Entry to Social Science Research*. India: Sage Publications.

Hamzah Dollah. (2004). *Puisi dalam Komponen Sastera Melayu Menengah Rendah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hassan Baseri Budiman. (2007). *Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu Tidak Relevan Lagi. Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

He, B.L. (2013). *Malaixiya Duzhong Huawen Keben Mahua Wenxue Jiaocai Bianxuan Yanjiu (Malaysia Chinese Independent High School Chinese Texbooks Materials Selection of Mahua Literature).* Taiwan: National Taiwan Normal University.

He, P. (2019). *Renjiaoban Bubianben Chuzhong Yuwen Jiaocai Gushici Xuanbian ji Jiaoxue Yanjiu (Research on Ancient Poetry Anthology and Teaching with PEP Edition of Chinese Textbooks for Junior High School).* China: Shaanxi University of Technology.

He, W.S. (2005). *Zhongguo Chuzhong Yuwen Jiaokeshu Bianxuan Tixie Bijiao Yanjiu (Kajian Perbandingan Sistem Pemilihan antara Bahan Pengajaran Menengah Rendah di Negara China)*. Hong Kong: Wensi Publisher.

Hou, K.C. (2002). *Malaysian Chinese: Indentity, Culture and Ethnics Politics*. Kuala Lumpur: Centre for Malaysian Chinese Study.

Hsieh, H.F. & Shannon S.E. (2005). *Three Approaches to Qualitative Content Analysis, Quality Health Research.* Thousand Oaks, CA: Sage Publications.

Hu, G.L. (2008). *Kajian Kandungan Kurikulum dalam Mata Pelajaran Bahasa*. China: Shanghai Normal University.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Hua, T. (2007). *Yuwen Kecheng De Wenxue Zhishi Tixi Jiangou Yanjiu (On the Construction of Literature Knowledge System in Chinese Curriculum)*. China: Hunan University of Science and Technology.

Huang, F.Q. (2014). *Xiandai Kecheng Yu Jiaoxuelun (Kurikulum Zaman Moden dan Pengajarannya)*. Beijing: People's Education Press.

Huang, N.N. (2019). *Tan Guojia de Xingwang Shuaibai——Shangxi《Gulang yuexing》(Pengeluhan Kegemilangan dan Keruntuhan Negara——Penilaian Puisi Klasik Gulang yuexing).* China: China Academic Journal Electronic Publishing House.

Huang, Q. (2010). Penerimaan Perspektif Nilai Estetik dalam Taktik Pengajaran Puisi Klasik. *Forum on Contemporary Education*.

Huang, X.X. (2019) *Tongbian Chuzhong Yuwen Jiaocai Xuanwen Yanjiu (Kajian Pemilihan Bahan Pengajaran Menengah Rendah Edisi Tongbian)*. China: Liaoning Normal University.

Jiang, T. (2016). *Chen Pingyuan Wenxueshi Jiaoyu Sixiang Yanjiu (The Study on Chen Pingyuan's Thought of Literature History Education Idea).* China: Jilin University.

Jin, Z.Z. (1931). *Dari Penyusunan Bahan Pengajaran hingga Penggunaan Bahan Pengajaran*. Shanghai: Zhonghua Book Company.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Johnson, R. B., & Christensen, L. B. (2004). *Educational research: Quantitative, and Mixed Approaches.* Boston, MA: Allyn and Bacon.

Jose, A. & Lee, S.M. (2007). Environmental Reporting of Global Corporations: A Content Analysis Based on Website Disclosures. *Journal of Business Ethics.*

K. Krippendorff. (2013). *Content analysis. An Introduction to Its Methodology, Third Ed.* Thousand Oaks, CA: Sage Publications.

Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Kesahan dan Kebolehpercayaan dalam Kajian Kualitatif.* Universiti Teknologi Malaysia.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Malaysia. (2019). *Population and Demography*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Pembangunan Pendidikan 2001-2010: Perancangan Bersepadu Penjana Kecemerlangan Pendidikan*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (PIPP)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Senarai Sekolah Rendah dan Menengah Mengikut Negeri*. Dimuat turun dari https://www.moe.gov.my/pendidikan/pendidikan-menengah/sekolah-menengah-kebangsaan-harian pada 19 April 2020.

Khoo, S.I. (2019). *Malaixiya Jiaoyujuban Chuzhong Yinianji Xinjiu Huawen Jiaocai Duibi Yanjiu (A Comprehensive Study on the Current Malaysian Chinese Grade 7's Teaching Materials in Comparison to the Previous Teaching Materials).* China: Huazhong shifan University.

Kong, Y. K. (2011). *Malaixiya Chuzhong Huawen Jiaoxue Yanjiu (A Study of Chinese Teaching and Learning in Lower Secondary Education in Malaysia)*. Kampar: Universiti Tunku Abdul Rahman.

Lee, A.C. (2016). *Malaixiya Guomin Zhongxue Chuzhong Jiaokeshu Bentuhua Yanjiu (The Study of the Localization of Malaysia National Secondary School Junior High's Textbook).* China: Nanjing University.

Lee, K.H. (2004). *Pengajaran dan Pembelajaran Sastera dalam Sukatan Pelajaran Pengajian Cina KDPM*. Seremban: Maktab Perguruan Raja Melewar.

Lee, X.F. (2020). *"Zhishen Shijing" Xunzhaomei ——Shige Shenmeifa——Yi《Youshan Xicun》Yishi Weili Ganshou "Qingzhimei" (Penilaian Keindahan Puisi Klasik《Youshan Xicun》).* China: Shanghai Educational Publishing House.

Lee, X.L. (2015). *Pencerahan Teori J.S. Bruner terhadap Aktiviti Pengajaran*. China: *Education Exploration.*

Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2020). *Format Pentaksiran Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Mulai Tahun 2021.* Dimuat turun dari http://lp.moe.gov.my/index.php/makluman-spm/958-buku-format-sijil-pelajaran-malaysia-2021 pada 20 November 2020.

Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2020). *Laporan Analisis Keputusan SPM 2019*. Dimuat turun dari http://lp.moe.gov.my/index.php/laporan-analisis-keputusan/900-laporan-analisis-keputusan pada 20 April 2020.

Leng, Q. (2014). *Chuzhong Yuwen Kecheng Wenxue Zhishi Neirong Yanjiu (Literature Knowledge Content Research for the Chinese Curriculum of Junior High School)*. China: Sichuan Normal University.

Leng, Q. (2014). *Chuzhong Yuwen Kecheng Wenxue Zhishi Neirong Yanjiu (Literature Knowledge Content Research for the Chinese Curriculum of Junior High School*. China: Sichuan Normal University.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Lewis, J.R. (1979). *On Functions of Pictures in Prose*. United States: University of Wisconsin Madison.

Li, C.C. (2016). *Renjiaoban Chuzhong Yuwen Jiaocai zhong Gushici de Xuanbian Yanjiu (Kajian Pemilihan Teks Puisi Klasik dalam Bahan Pengajaran Menengah Rendah Edisi Renjiaoban)*. China: Minzu University of China.

Li, C.Y. (2011). *Zhaoyi Shixue Sixiang Yanjiu (Kajian Ideologi Puisi Klasik Zhaoyi)*. China: Anhui Normal University.

Li, F.J. (2020). *Dongfeng Wuli Aiyican——Li Shanyin《Wuti·Xiangjianshi Nan Bieyinan》Zai Jiedu (Kajian Semula Puisi Klasik Li Shanyin 《Wuti·Xiangjianshi Nan Bieyinan》)*. China: Qinghai Normal University.

Li, H. (2003). *Kechen Linian De Fansi Yu Chonggou (Refleksi dan Penstrukturan Semula terhadap Konsep Kurikulum)*. China: Jiangxi Normal University.

Li, H. (2013). *Songci Sanbaishou Xiangzhu (Penilaian Songci Sanbaishou)*. Nanchang: Baihuazhou Literature and Art Press.

Li, H. (2019). *Bianbuban yu Renjiaoban Chuzhong Yuwen Jiaocai Gushici Xuanbian Duibi Yanjiu (A Comparative Study of Selected Writings in Ancient Poems in Junior High School Chinese Textbooks)*. China: YiLi Normal University.

Li, H.X. (2000). *Yinyin Quanmian Chunchun Jiaohui——Yan zhenqin《Quanxue shi》Shangdu (Menasihati dan Pengajaran —— Penilaian Puisi Klasik Yan zhenqin, Quanxue shi).* China: China Academic Journal Electronic Publishing House.

Li, J. (2009). *Tangshi Songci Jianshang Daquanji (Pengumpulan Taksiran Tangshi Songci)*. Beijing: Sino-Culture Press.

Li, J. (2018). *Renjiaoban Chuzhong Yuwen Jiaocai Gushici Xuanbian Tixi Yanjiu (Kajian Pemilihan Teks Puisi Klasik dalam Buku Teks Terbitan Renjiaoban)*. China: Shanghai Normal University.

Li, L. (2017). Huacao Rensheng zhi Baijuyi (Kehidupan Hayat Baijuyi Berasaskan Pokok Bunga). *Wenxue Yanjiu*.

Li, M.D. (2017). *Shilun Buluna dui Jiaoxue Xinlixuehua de Tuijing (Perbincangan Pengerakkan J.S. Bruner terhadap Psikologi Pengajaran)*. China: Education Science in China, People's Education Press.

Li, S. (2010). *Shici Jianshang (Penilaian Shici)*. China: Yuanfang Publishing Press.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Li, S.L. (2017). *Lun Xiaoxue Gushici Jiaoxue Zhong De Shenmei Jiaoyu (The Aesthetic Education in the Teaching of Ancient Chinese Poerty)*. China: Yunnan Normal University.

Li, W.J. (2019). *Bianbuben Chuzhong Yuwen Jiaocai Gudai Shige Xuanbian Yanjiu (Research on ancient poems selected from junior high school Chinese Textbook).* China: Inner Mongolia Normal University.

Li, W.J. (2019). *Bubianben Chuzhong Yuwen Jiaocai Gudai Shige Xuanbian Yanjiu (Kajian Pemilihan Teks Puisi Klasik Bahan Pengajaran Bahasa Edisi Bubian).* China: Inner Mongolia Normal University.

Li, X.B. & Gu, H.C. (2004). *Zhongguo Xiandai Yuwen Jiaoyushi (Sejarah Pendidikan Bahasa Moden di China)*. China: Sichuan Education Publishing House.

Li, X.X. (2016). *Dangtai Duanwu Shige Yanjiu (Kajian Puisi Klasik Tema Duanwu dalam Dinasti Tang)*. China: Northwest University.

Li, Y. (2018). *Chuzhong Yuwen Gushici Jiaoxue Xianzhuang Ji Xinlujing Tansuo (The Current Situation and Exploration of Ancient Poerty Teaching in Junior Middle School)*. China: Henan Institue of Science and Technology.

Li, Y.F. (2015). Gushi Xinshang Jiaoxue San Celue (Tiga Taktik Pengajaran dalam Menikmati Puisi Klasik). *Literature Education*.

Li, Y.T. (2018). *Xinshiqi Renjiaoban Gaozhong Yuwen Jiaocai Gushici Xuanwen Yanjiu (Kajian Pemilihan Teks Puisi Klasik Edisi Baharu Renjiaoban).* China: Fujian Normal University.

Liang, C. (2010). *Tangshi Sanbaishou Jianshang (Penilaian Tiga Ratus Buah Puisi Klasik Dinasti Tang)*. Beijing: Beijing Institute of Technology Press.

Liang, J.L. (2010). *"Wenzi*、*Wenzhang*、*Wenhua: Yi 'Sanwen' Jiagou Wenyanwen Jiaoxue (Perkataan, Petikan, Kebudayaan: Pengajaran Bahasa Klasik dengan Struktur 'Sanwen').* China: Education Daokan Journal Publisher.

Liang, Q. (2018). *Liu yong《Yulinling》de Aiwan Fengge (Gaya Pemerihalan Kesedihan Puisi Klasik Liu yong《Yulinling》)*. China: China Academic Journal Electronic Publishing House.

Lim, L.G. (2001). *Linlianyu Jishilu — Fengyu Shibanian (Perihalan Lim Lian Geok— Pengalaman Lapan Belas Tahun).* Kuala Lumpur: LLG Cultural Development Centre.

Lincoln, Y. S., & Cuba, E. G. (1985). *Naturalistic Inquiry.* Beverly Hills, CA: Sage Publications.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Liu, G.Z. (1995). *Shi Yu Huo (Nyata dan Hidup)*. China: People Education Press.

Liu, J.Y. (2020). *Gudian Shici Gequ《Youzi yin》Shemei Jiexi (Penilaian Estetik dalam Puisi Klasik Youzi yin).* China: Harbin Normal University.

Liu, S.J. (2015). *Hedaban Chuzhong Yuwen Jiaocai Gushici Xuanbian Yanjiu (Research on Anthology of Classical Poetry in Hebei University-Edition Chinese Textbooks of Junior High School).* China: Hebei Normal University.

Liu, X.J. (2005). Xiaoxue Gushi Jiaoxue Zhong De Shenmei Jiaoyu (Didikan Nilai Estetik dalam Pengajaran Puisi Klasik Sekolah Rendah). *Henan Education.*

Liu, X.P. (2000). *Xuehui Sikao (Belajar untuk Berfikir)*. China: Baihua Edition.

Liu, Y.Q. (2013). *Zhongguo Lidai Wenxue Zuopin Xuandu (Pemilihan Teks Kesusasteraan Dinasti-dinasti China)*. China: Henan Science Technology Publishing House.

Liu, Z.Q. (2004). *Hanyuwen Jiaocai Gailun (Konsep Bahan Pengajaran Bahasa Cina)*. Beijing: Peking University Press.

Liu, Z.T. (2002). Perasaan Politik dalam Kalangan Para Cendekiawan di Dinasti Han. *Editorial Department of Shantou University Journal.*

Lu, J. (1974). *Literary Anthology by Prince Chao Ming*. Taiwan: Beiyi Publishing House.

Lu, Q. (2008). Jiaochu Gushici de Wenhua Yiyun lai (Pengajaran Kebudayaan Asas dalam Puisi Klasik). *Journal of Teaching and Management*.

Lu, X.G. (1994). *Zhongguo Zhengjiao Wenxue Zhi Qiyuan (Asal Usul Puisi Klasik Politik Negara China)*. Shanghai: East China Normal University Press.

Luo, X.J. (2017). *Xishiban Xiaoxue Yuwen Jiaokeshu Gushi Xuanbian Yanjiu (Research On Poems Selections and Arrangement in Primary Chinese Textbooks Published by Southwest University).* China: Chongqing Normal University.

M.W. Keatinge. (1896). *The Great Didactic of John Amos Comenius*. London: Adam and Charles Black.

Ma, Z. (2019). *Xiaoxue Gushici Jiaoxue Zhong Cunzai De Wenti Ji Yingdui Celue Chutan (Kajian terhadap Masalah Pengajaran Puisi Klasik dalam Sekolah Rendah dan Langkah Mengatasi).* Dimuat turun http://www.fx361.com/page/2019/0917/5563494.shtml pada 29 March 2020.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Majlis Pembangunan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Conforming Malaysia. (2017). *Senarai Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan.* Dimuat turun dari https://mpsmjkcm.weebly.com/222692766522411200132339821517213333.html pada 20 April 2020.

Melissa, H., & Patricia, C. (2012). *Member Checking: Can Benefits Be Gained Similar to Group Therapy, The Qualitative Report*. Dimuat turun dari http://www.nova.edu/ssss/QR/QR17-2/harper pada 1 September 2020.

Merriam, S.B. (2001). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.

Merriam, S.B. (2009). *Qualitative Research A Guide to Design and Implementation (2nd Ed)*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.

Miles, M. B. & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative Data Analysis (2nd Edition)*. Thousand Oaks: Sage Publications.

Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *An Expanded Sourcebook Qualitative Data Analysis* (2nd Ed). Thousand Oaks: Sage Publications, Inc.

Mohd Nazri Abdul Rahman et. al. (2014). Transformasi Bentuk Pentaksiran dan Penilaian dalam Buku Teks: Aplikasi Interprative Structural Modelling (ISM). *Jurnal Pendidikan*.

Mohd. Majid Konting (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mok, S. S. (2017). *Malaixiya Jiaoyushi 1415-2015 Yu Huajiao Fazhan (Perkembangan Pendidikan Bahasa Cina pada Tahun 1415 hingga 2015 dalam Sejarah Perkembangan Pendidikan Bahasa Cina).* Selangor: New Era University College.

Moleong, L.J. (2007). *Metodeologi Penelitian Kualitatif.* Bandung: Penerbit PT Remaja Rosdakarya Offset.

Mou, Z.J. & Lin. X.M. (1998). Saling Melengkapi antara Falsafah Confucius dan Dao. *History of Chinese Philosophy.*

Muhammad Faez, Wan Muna Ruzana & Melor. (2018). *Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran Karangan UPSR oleh Guru Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Naapie Mat. (2002). *Sastera Mampu Membuka Cakerawala Ilmu*. *Dewan Sastera.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Nasir, N., Hanifah, M., Mohmadisa, H., Yazid, S., Edi, K. & Nursida, A. (2020). Pembangunan Android dalam Menyokong Pengajaran dan Pembelajaran Geografi: Kajian Kes GeoSudut. *Malaysian Journal of Society and Space.*

Ng, K.C. (2009). *Malaixiya Duzhong Huawen Zhongxue Chuzhong Huawen Keben Sanzhong Banben Fenxi (Analisis Buku Teks Menengah Rendah bagi Tiga Edisi di Sekolah Persendirian Malaysia).* Taiwan: National Pingtung University of Education.

Ni, W.J. (2006). *Penulisan Kurikulum Bahasa Baharu dan Teori Pengajaran (Xinbian Yuwen Kecheng yu Jiaoxuelun)*. Shanghai: East China Normal University Press.

Ni, W.J. (2006). *Xinbian Yuwen Kecheng yu Jiaoxuelun (Teori Baharu Penulisan Kurikulum Bahasa dan Pengajaran)*. Shanghai: East China Normal University Press.

Norziana Mat Rabi. (2017). *Pengukuran Elemen KBAT dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam*. Tanjong Malim, Malaysia: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Nur Aisyah Mohamad Noor. (2011). *Pembangunan dan Penilaian Perisian PPBK (Multimedia) Novel Istana Menanti dalam Komponen Sastera Bahasa Melayu Tingkatan 1.* Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Ornstein, A.C. & Hunkins, F.P. (1998). *Curriculum: Foundations, Principles and Issues*. Boston: Allynand Bacon.

Othman Lebar. (2018). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Pan, Z.G. (1922). *Fungsi Bahan Pengajaran dan Cara Penggunaannya.* Shanghai: Zhonghua Book Company.

Patton, M. Q. (2002). *Qualitative Research and Evaluation Methods.* Edisi Ketiga. London, UK: Sage Publications.

Peng, J.M. (2021). *Lunshi Wushou Qier Shangxi (Penilaian Puisi Klasik Lunshi Wushou Qier).* China: China Academic Journal Electronic Publishing House.

Peng, Y.P. (2006). *Tangsong Mingjiaci Daodu Xinbian (Bimbingan Pembacaan Ci dalam Dinasti Tangsong)*. China: Sun Yat-Sen University Press.

Qian, M.L. (2016). *Qianmenglong Jingdian Keli Pindu (Contoh Pengajaran Klasik oleh Qianmenglong)*. Shanghai: East China Normal University Press.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Qian, Z.X. (2017). Xianqing "Shiyanzhi" Shuo De Mianyan Ji Qi Butong Cengmian De Hanyi (Maksud Berlainan tentang Perkembangan Falsafah "Shiyanzhi" dalam Dinasti Xianqing). *Theoretical Studies in Literature and Art*.

Qing, M.Y. (2014). *Liangan Xiaoxue Yuwen Jiaocai Gushi Bianxie Tili Bijiao Yanjiu (Kajian Perbandingan dalam Peyusunan Puisi Klasik antara Negara China dan Taiwan)*. China: Capital Normal University.

Qu, H.Y. (2009). *Zhongguo Gudai Wenxue Taohua Ticai Yu Yixiang Yanjiu (Kajian Tema dan Imej Bunga Persik dalam Kesusasteraan Cina)*. Beijing: China Sosial Sciences Press.

Rao, F.L.(2013). Shilun Dufu Jueyushi de Yisu Tese (Perbincangan Kesenian Terhadap Puisi Klaisk Jueju, Dufu). *Journal of Chongqing University of Science and Technology*.

Ren, Y. (1995). Xinyidai Jichu Hanyu Jiaocai Bianxie Lilun Yu Bianxie Shijian (Teori Penulisan dan Pengaplikasian Bahan Pengajaran pada Zaman Baharu). *Journal of Language Teaching and Linguistic Studies.*

Ren, Y. (2007). Cong Sanmeilun Kan Gushi Yijingmei De Yingyi (On Translating the Beauty of Yijing in Chinese Classical Poetry from the View of "Three Beauty"). *Journal of Qiqihar University*.

Ruan, F.F. (2017). *Renjiaoban yu Hanlinban Gaozhong Yuwen Bixiu Jiaocai zhong de Gushi Xuanbian Bijiao Yanjiu (Kajian Perbandingan Pemilihan Teks Puisi Klasik dalam Bahan Pengajaran Renjiaoban dan Hanlinban Menengah Atas).* China: Fujian Normal University.

Ruan, Y. (1980). *Shisan Jing (The Thirteen Classics)*. China: Zhonghua Book Company.

Rusdi Omar. (2016). *Jurnal China dan Kuasai Hegemoni Baru Ekonomi, Malaysia.* Kedah: Universiti Utara Malaysia.

Sariah, J. (2015). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Mata Pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi Tingkatan 1*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Scale, C. (2002). *Quality Issues in Qualitative Inquire. Qualitative Social Work: Research and Practice.* London, UK: Sage Publications.

Schwartz, B.I. (1985). *The World of Thought in Ancient China*. Cambridge: Harvard University Press.

Shang, Z.E. (1987). *Wantangshi Yishi (Penterjemahan dan Penerangan Puisi Klasik Dinasti Wantang)*. China: Heilongjiang People's Publishing House.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


She, Z. S. (2005). *The History of Classical Chinese Frontier Poetry*. China: Sichuan University.

Shi, L.Y. (2019). *《 Tianjingsha·Qiushi 》 Heyi "Shende Tangren Jueju Miaojing" (Keunikan Puisi Klasik Tianjingsha·Qiushi)*. China: Foshan University.

Shi, O. (2007). Zuibugai Hushi De Yanjiu — Guanyu Jiaokeshu Yanjiu De Jidian Sikao (Study Should Not be Ignored Most-Several Thinking about the Research on the Textbook). *Journal of Educational Science of Hunan Normal University.*

Shi, R.H. (2014). *Tangshi Zhiwu Yixiang Yanjiu (Kajian Imej Tumbuhan dalam Puisi Klasik Dinasti Tang).* China: Nanjing Normal University.

Shi, Z.N. (2009). *Zhongguo Yangliu Shenmei Wenhua Yanjiu (Kajian Nilai Estetik Bedasarkan Pokok Willow di China)*. Chengdu: Bashu Publishing House.

Sinchew Daily. (2020, Nov 11). Menteri Pendidikan: Murid Etnik Melayu Meningkat Sebanyak 15%, Penurunan Peratusan Murid Etnik Cina dalam Sekolah Rendah. *Sinchew Daily.* Dimuat turun dari https://mpsmjkcm.weebly.com/2226927665224112001323398215172133 3.html pada 16 November 2020.

Siti Khariah (2013). Pemilihan Buku Teks Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu Berasaskan Teori Sosial. *Journal of Malay Language, Education and Literature.*

Song, D.W. (2019). *Gaozhong Gushici Jiaoxue Cailiao De Xuanyong Yanjiu (Research on the Selection of Ancient Poerty Teaching Materials in Senior High School)*. China: Guangxi Normal University.

Song, J.Y. (2014). *Manjianghong Ci Yanjiu (Kajian Ci Manjianghong)*. China: Nanjing Normal University.

Stake, R. E. (2010). *Qualitative Research Studying How Things Work (1st Ed)*. New York: The Guilford Press.

Sulaiman Masri. (2003). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan Tesis.* Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Sun, F.Q. (2019). *Qidai Shiye Lilun Zai Gaozhong Gushici Jiaoxue Zhong de Yingyong Yanjiu (Kajian Pengaplikasian Teori Jangkaan dalam Pengajaran Puisi Klasik Sekolah Menengah Atas).* China: Shandong Normal University.

Tan, G.S. (2012). *Malaixiya Guomin Zhongxue Chuzhong Huawen Jiaocai Zhong De Jiazhiguan Yanjiu (A Study of Values in Lower Form Malaysian National School Chinese Textbook).* China: Central China Normal University.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Tang, H.Z. (2020). Gushi Fenlei Jianshang Zhiyao (Konsep Penting dalam Pengkategorian Puisi Klasik). *China Academic Journal Electronic Publishing House.*

Tang, Y.F. (2014). Xinkebiao Beijingxia Xiaoxuesheng Gushi Fenlei Tuijian Celue (Cadangan Strategi Mengkategorikan Puisi Klasik Sekolah Rendah Berpandukan Kurikulum Baharu). *China Academic Journal Electronic Publishing House*.

Tesch, R. (1990). *Qualitative Research: Analysis Types and Software Tools*. New York: Falmer.

Tey, S.B. (2019). Lun Malaixiya Guomin Zhongxue Xinban Huawen Jiaocai (KSSM) De Bianzuan Qingkuang Ji Qi Deshi. (Kajian tentang Kekuatan dan Kelemahan dalam Penggubalan Buku Teks KSSM dalam Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia). *Journal of World Confederation of Institutes and Libraries for Overseas Chinese Studies.*

Tian, S.J. (2021). *Wenxue Qinggan Jiaoyu Gongneng zhong Lixing de Luoji Weixu (The Judgement of Value in Literary Criticism: Theory, Construction and Practice)*. China: Tianjin Academy of Social Sciences.

Turner, D.S. (1995). *Identifying Exemplary Secondary School Teacher: The Influence of Career Cycles and School Environments on the Defined Roles of Teachers Perceived as Exemplary*. Unpublished Doctoral Dissertation, School of Education, Macquarie University.

V.J. Duriau, R.K. Reger & M.D. Pfarrer. (2007). A Content Analysis of the Content Analysis Literature in Organization Studies: Research Themes, Data Sources, and Methodological Refinements. *Journal of Organizational Research Methods*.

Wan, Y.Z. (2020). *Shenmei Shiyuxia de Chuzhong Gushici Jiaoxue Celue Yanjiu (A Study of the Teaching Strategies of Ancient Poems in Junior Middle Schools from the Aesthetic Perspective*. China: Hunan Normal University.

Wang, C.L. (2019). Shi de Yijing Xunqiu yu Yixiang Chuangzhao——Yi《Shijing·Jianjia》Weili (Konsepsi dan Pembinaan Imej Puisi Klasik——Dengan Puisi Klasik《Shijing·Jianjia》sebagai Contoh). *Journal of Liaoning University.*

Wang, D.J. & Guo, W.A. (2009). *Jiaoyuxue (Pedagogi).* Beijing: People's Education Press.

Wang, L. (1988). Lun Zhongguo Gudai Wenxue Zhong De Xishi Zhuti (Kajian Karya Bertema Menghargai Masa dalam Kesusasteraan Cina). *Academic Journal of Zhongzhou*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Wang, L. (2003). *Wenren Shenmei Xintai Yu Zhongguo Wenxue Shida Zhuti (Estetik Cendekiawan terhadap Sepuluh Tema dalam Kesusasteraan Cina.* China: Liaoning Previncial Federation Social Science Circle.

Wang, Q. (2007). Qianshou Shijing Zhong De Niao, Yu, Lu (Kajian Imej Burung, Ikan dan Rusa dalam ShiJing). *Journal of Tongling University*.

Wang, R.Q. (2011). *Qiantan Xiaoxue Yuwen Gushici De Shenmei Jiaoyu (Kajian Nilai Estetik dalam Puisi Klasik Sekolah Rendah)*. China: Primary School Teaching Research.

Wang, R.S. (2014). *Teori Asas Kurikulum Bahasa (Yuwenke Kechenglun Jichu).* China: Educational Science Publishing House.

Wang, S.M. (2010). *Zhongguo Gudai Wenxue Zhuzi Ticai Yu Yixiang Yanjiu (Kajian Puisi Klasik Bertemakan Imej Buluh dalam Kesusasteraan Cina)*. China: Nanjing Normal University.

Wang, W & Wu, W.J. (2008). Analisis Psikologi Pendidikan J.S. Bruner. *Journal of Xi'An University (Social Science Edition)*.

Wang, W. (2011). *Ming Qianqi Shidaifu Zhuti Yishi Yanjiu (A Study on Subject Consciousness of the Gentry Scholars in the Early Ming Dynasty).* China: Northeast Normal University.

Wang, W.H. (2020). *Qianxi Bubianben Xiaoxue Yuwen Gushici De Xuanwen Tedian Ji Jiaoxue Jianyi (Kajian Ciri-ciri Pemilihan Teks Puisi Klasik Sekolan Rendah dan Cadangan Pengajaran).* China: Course Education Research.

Wang, W.Y. & Cai, M. (2006). *Yuwen Kecheng yu Jiaoxuelun (Teori Kurikulum dan Pengajaran Bahasa)*. Beijing: Higher Education Press.

Wang, X. (2015). *Guoxue Jingdian Congshu Qianjiashi (Sinologi Klasik Qianjiashi).* Wuhan: Changjiang Literature and Art Press.

Wang, Y. (2010). Cong Xuanzhou Xietiaolou Jianbie Jiaoshu Shuyun Kan Libai de Rensheng (Dari Xuanzhou Xietiaolou Jianbie Jiaoshu Shuyun Melihat Kehidupan Seumur Libai). *Journal Modern Chinese*.

Wang, Y. (2012). *Lianghan Shiqi Minzu Zhengce Yanjiu — Yi Beifang Neifu Huren Wei Kaoca Duixiang (The Policies Research towards Nationalities about Period of Western and Estern Han Dynasties in Chinese History — Observation and Study of Taking the Hu Belonging to the Han Dynasties in Northern as the Center)*. China: Yan'an University.

Wang, Y.Y. (2015). *Xianxing Su 、 Luban Chuzhong Yuwen Jiaocai Songci Xuanbian Bijiao Yanjiu*. Jiangshu: Soochow University.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Wang, Z. & Li, H. (2011). Jianxi Guanhanqing Sikuaiyu·Bieqing de Yishu Tese (Penilaian Kesenian terhadap Karya Guanhanqing Sikuaiyu·Bieqing). *Anhui Wenxue.*

Wang, Z. (1976). *Catatan Kesenian Puisi Klasik*. Taiwan: Cheng Chong Book Company.

Wen, C.R. (2010). Yuanshi Shenhua Yixiang Dui Wenxue Chuangzuo De Yingxiang — Cong Sangsu Yixiang Shuoqi (Pengaruh Imej Primitif Mitos terhadap Penciptaan Karya Kesusasteraan). *Journal of Shandong Institute of Trade Unions' Adminitration Cadres*.

Wiersma, W. (2000). *Research Methods in Education: An Introduction (7th Edition)*. Boston: Allyn and Bacon.

Wimmer, R. D. & Dominick, J. R. (2005). *Mass Media Research: An Introduction*. California: Wadsworth.

Wiseman, A. W. & Brown, D. S. (2003). *Teacher Curricular Control and Student Performance: A Cross-National Study of Curricular Accountability. Curriculum and Teaching Dialogue.* Charlotte, US: Information Age Publishing.

Wong, S. Y. (2019). *Malaixiya Bentu Huawen Jiaocai Gushiwen Chuantong Wenhua Neirong Fenxi — Yi Dongjiaozongban Gaozhong Huawen Weili (An Analysis of the Tradisional Culture Content of Ancient Chinese Poetry in Malaysian Chinese Textbooks: A Case Study of the Chinese Language Edision of Dong Zong)*. China: Central China Normal University.

Woo, Y.H. (2009). *Tan Malaixiya Huawen Jiaoyu Yu Huawen Wenxue De Guanxi (Review on the Relationship of Malaysian Chinese Education and Chinese Literature)*. Kajang: New Era University College.

Wu, H. (2018). Qiantan Zhuzi Baijia Yu Xiandai Qiye Guanli (Ahli Falsafah dan Pengurusan Perusahaan Zaman Moden). *China Academic Journal Electronic Publishing House*.

Wu, J.G. (2001). Libai Shi 《Wang lushan pubu》 Jiexi (Penerangan Puisi Klasik Libai, Wang lushan pubu). *Journal of Anhui Normal University*.

Wu, L. J. (2013). *Sujiaoban Xiaoxue Yuwen Jiaocai Gushici Xuanbian Ji Jiaoxue Yanjiu (Kajian Pemilihan Teks dan Pengajaran Puisi Klasik dalam Buku Teks Edisi SuJiaoBan)*. China: Nanjing Normal University.

Wu, Q.Q. (2010). Xiaoxue Gushi Jiaoxue Yu Shenmei Jiaoyu Qiantan (Pengajaran Puisi Klasik di Sekolah Rendah dan Nilai Estetik). *Wen Shi*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Wu, T.S.B.Y. (2019). *Yong Chennianren de Yanguang, Cong《Yinjiu·Qiwu》zhong Duchu Buyiyang de Tao yuanming (Pembacaan Karya Puisi Klasik Tao yuanming《Yinjiu·Qiwu》yang Berlainan dari Aspek Orang Dewasa).* Dimuat turun dari https://kknews.cc/culture/2yo5zle.html pada 16 Januari 2022.

Wu, X.L. (1995). Luelun Zhongguo Gudian Shici Zhong De Dujuan Yixiang (Kajian Imej Rhododendron dalam Puisi Klasik Cina). *Journal of Liupanshui Normal University*.

Xia, X.J. (2006). *Tangdai Zhengzhishi Yanjiu (Research on Political Poem in Dynasty Tang)*. China: Qingdao University.

Xiang, F. (2010). *Gushici Jiaoxue "Sanzijing" (Tiga Klausa dalam Pengajaran Puisi Klasik)*. China: Hubei Provincial Department of Education.

Xiang, R. (2010). *Tuowu Yanzhi, Changshu Qinghuai——Zhengxie《Zhushi》Shangxi (Penilaian terhadapan Puisi Klasik Zhengxie, Zhushi)*. China: China Academic Journal Electronic Publishing House.

Xiao, Y. Z. (2015). *Zouguo Riju — 120 Wei Xingcunzhe De Qixue Jiyi (Ingatan Kepahitan 120 Orang yang Terselamat dalam Zaman Pendudukan Jepun).* China: Jinan University.

Xie, S.W. (2005). *Baijuyi Sixuan (Pemilihan Karya Puisi Klasik Baijuyi)*. China: Zhonghua Book Company.

Xiong, C.T. (1996). *Zhongguo Gudai Xuexiao Jiaocai Yanjiu (Kajian Bahan Pengajaran Kesusateraan di Negara China).* Beijing: People's Education Press.

Xu, H. (2007). *Qiantan Wang Wei ZhuLi Guan (Penilaian Karya Zhuli Guan oleh Wang Wei)*. China: Hebei Publishing.

Xu, X. (2015). *Zhongxue Yuwen Gushici Zhuti Jiaoxue Chutan (The Exploration of Chinese Ancient Poerty Theme Teaching in Middle School)*. China: Jilin University.

Xu, Z.Y. (2011). Guoling Dingyang de Qinggan Yiyun (Sentimen dalam Puisi Klasik Guoling Dingyang). *Yuwen Jiaoxue Tongxun.*

Ya, S. & Zhou, D. (2012). *Zuimeili de Gudian Shici Daquanji (Pengumpulan Shici yang Terindah)*. China: New Century Press.

Yan, L.Q. (1996). *Pengenalan terhadap Pendidikan Bahasa*. Beijing: Higher Education Press.

Yan, Y.S. (2003). *Shici Yixiang De Meili (Daya Tarikan Penggunaan Imej dalam Puisi Klasik)*. China: Anhui Education Publishing House.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Yan, Z.X. (2012). Zoubutong de Lu, Shangbutong de Jing ——《Dongye dushu shizijin》Jiaoxue Pingxi (Analisis Pengajaran Puisi Klasik Dongye dushu shizijin). *Xiaoxue Yuwen Jiaoxue*.

Yang, X. (2012). Tan Chunri Oucheng Gushi Jiaoxue (Perbincangan Pengajaran Puisi Klasik Chunri Oucheng). *New Chinese Study.*

Ye, J.Y. (2000). Zhongguo Gudian Shige Meigan De Tezhi (Ciri-ciri Keindahan dalam Puisi Klasik Cina). *Lingnan Journal of Chinese Studies.*

Ye, J.Y. (2005). *Gudian Shige Xingfa Gandong Zhi Zuoyong* (*Fungsi Xingfa Gandong dalam puisi klasik).* China: Zhonghua Book Company.

Ye, J.Y. (2008). *Ye Jiaying Shuoshi JiangGao* (*Penjelasan Puisi Klasik oleh Ye Jiaying).* China: Zhonghua Book Company.

Ye, S.T. (2015). *Teori Pengajaran Bahasa Ye Shengtao (Ye Shengtao Yuwen Jiaoyulunji)*. China: Educational Science Publishing House.

Yin, Q.H. (2016). *"Qiaoyong 'Bianbu' Xinjiaocai Chuangshe Xuexi de Le Yuan —— 'Bianbu' Xinjiaocai Danyuan Huodong Sheji Lishuo" (Penggunaan Bahan Pengajaran Baharu Bianbu dalam Membina Tapak Pembelajaran — Penerangan Reka Bentuk Aktiviti Bahan Pengajaran Baharu Bianbu).* China: Shaanxi Normal University.

Yin, R.K. (2003). *Case Study Research, Design and Methods*, *3rd Edition*. Beverly Hills, California: Sage Publication.

Yin, R.K. (2009). *Case Study Research Design and Methods (4th Ed)*. Beverly Hills, California: Sage Publication.

Yu, C.G. (2000). *Tang guizhang Tangsongci Jianshang Cidian (Kamus Penilaian Ci Dinasti Tang dan Song oleh Tang guizhang).* China: Anhui Literature and Art Publishing.

Yu, F. (2002). *Zhongguo Gudai Wenxue Zuopinxuan (Karya Terpilih Kesusasteraan Cina)*. Beijing: Higher Education Press.

Yu, H.D. (2010). *Tangshi Jianshang Daquanji (Pengumpulan Taksiran Tangshi)*. Beijing: China Oversea Chinese Publishing Company.

Yu, J. E. (2011). Minguo Shiqi Huayu Jiaocai De Minzu Rentong Daoxiang He Dangdihua Jincheng (Pengenalpastian Etnik Cina terhadap Bahan Pengajaran dalam Zaman Republik China dan Perkembangan Unsur Tempatannya). *Journal of Southeast University (Philosophy and Social Science)*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Yu, X.S. (2005). *Zhongguo Hehua Shenmei Wenhua Yanjiu (Kajian Kebudayaan Estetik dalam Bunga Teratai di China).* Chengdu: Bashu Publishing House.

Yu, Y. (2006). *Yuedu: Yizhong Gaoshang De Jingshen Shenghuo (Pembacaan Sejenis Semangat Kehidupan Mulia)*. China: Hunan Education Publishing House.

Yu, Z.M. (2016). Pengajaran Puisi Klasik berdasarkan Aspek Kecantikan Puisi Klasik. *Chinese Teaching and Learning in Junior High School*.

Yuan, S. (2001). *Qing Jun Changyin Xishige——Du Wenzhang de 《Mingri ge》he 《Jinri ge》(Menasihati Orang Ramai Sentiasa Membaca Puisi Klasik Bertema Menghargai Masa 《Mingri ge》 dan 《Jinri ge》).* China: China Academic Journal Electronic Publishing House.

Yuan, X.P (2005). *Zhongguo Wenxueshi (History of Chinese Literature)*. China: People Education Press.

Yuan, X.P. (1987). *Zhongguo Shige Yishu Yanjiu (Kajian Kesenian Puisi Klasik Cina)*. China: Peking University Press.

Yuan, X.P. (2005). *Zhongguo Wenxueshi (dierjuan) (Sejarah Perkembangan Kesusasteraan Negara China (Edisi Kedua)*. Beijing: Higher Education Press.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Zamri & Nurfaradilla. (2020). Cabaran Pelaksanaan Mata Pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia.*

Zamri, S. & Nurfaradilla, N. (2020). Challenges in the Implementation of Design and Technology Subject in Secondary School. *Jurnal Pendidikan Malaysia*.

Zanaton Iksan & Esther Gnanamalar Sarojini Daniel. (2012). Corak Aliran Penyoalan Lisan Guru dalam Proses Pengajaran bagi Tajuk Elektrokimia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*.

Zhang, C. (2012). *Tanxi Tangdai Lishen 《Minnong ershou》Yuhan de Rensheng Zheli Yiyi (Analisis Falsafah Kehidupan yang Terkandung dalam Puisi Klasik Lishen, Minnong ershou)*. Wuhan: China University of Geosciences.

Zhang, G.J. (2010). *Tangshi Jinghua Zhushiping (Penilaian Utama Catatan Penerangan Istilah Tangshi).* China: Changchun Publishing House.

Zhang, J.P. (2020). *Shuijian Youren Duwanglai——Sushi yu Ta de 《Qian Chibi Fu》 (Puisi klasik 《Qian Chibi Fu》dengan Sushi)*. China: China Academic Journal Electronic Publishing House.

Zhang, L. (2005). *Zhongxue Gudian Shige Jiaoxue Ruogan Wenti Tantao (Kajian Masalah dalam Proses Pengajaran Puisi Klasik).* China: Fujian Normal University.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Zhang, L. (2015). *Chuzhong Gudian Shige Jiaoxue Yanjiu — Yi Renjiaoban Weili (Kajian Pengajaran Puisi Klasik Menengah Rendah Edisi Renjiaoban)*. China: Bohai University.

Zhang, L. (2019). *Linghan Piaoxiang Mei Jingshen——Wang anshi 《Meihua》Shangxi (Penilaian Puisi Klasik Wang anshi Meihua).* China: Liaoning Education Press.

Zhang, P.P. (2010). *Wangbo Shige Yanjiu (Kajian Karya Puisi Klasik Wangbo)*. China: Shanxi Normal University.

Zhang, P.Z. (2019). *Qianxi Xiaoxue Yuwen Jiaocai Libai de 《Jingye shi》(Analisis Karya Puisi Klasik Libai, Jingye shi dalam Bahan Pengajaran Sekolah Rendah)*. China: China Academic Journal Electronic Publishing House.

Zhang, S.Z. (2007). Tangsongci Zhong Zhegu Yixiang Liubian Kaoxi (Kajian Perubahan Imej Partridge dalam Ci pada Dinasti Tang dan Song). *Journal of Jinggangshan University*.

Zhang, W. (2016). *Gushige Jingwu Miaoxie de Zuoyong Lixi (Analisis Huraian Pemandangan dalam Puisi Klasik*. China: Hubei University.

Zhang, X. (2017). *Chuzhong Yuwen Jiaokeshu Zhong Gushiwen Xuanbian de Duibi Yanjiu (Kajian Perbandingan Pemilihan Teks Klasik dalam Bahan Pengajaran Bahasa Menengah Rendah)*. China: Minnan Normal University.

Zhang, X.R. (2009). *Jiunian Yiguan Guoyuwen Gudian Wenxue Jiaocai zhi Yanjiu (Kajian Bahan Pengajaran Kesusasteraan Cina).* Taiwan: National Taipei University of Education.

Zhang, Z.G. (2013). *Chuantong Yuwen Jiaoyu Jiaocailun (Bahan Pengajaran Pendidikan Bahasa yang Tradisional)*. Bejing: Zhonghua Book Company.

Zhang, Z.Y. & Xu, L.X. (2010). *Yuwen Kecheng Yu Jiaoxuelun (Teori Kurikulum Bahasa dan Pengajaran)*. Nanjing: Jiangshu Education Publishing House.

Zhao, C.F. (2005). You Duhanjiang Kan Songzhiwen Shige yu Renge de Beili (Dari Duhanjiang Melihat Hubungan Puisi Klasik dengan Sahsiah Songzhiwen). *Journal of Xingtai University.*

Zhao, C.P. (2003). *Libai Shixuanping (Penilaian Karya Puisi Klasik Libai)*. Beijing: China Intercontinental Press.

Zhao, S.S. (2018). *Renjiaoban Gaozhong Yuwen Xuanxiu Jiaocai Gushici Yanjiu (Research on the Ancient Chinese Poems in Elective Textbook PEP Edition for Senior High School)*. China: YiLi Normal University.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Zheng, G.M. (2004). *Zhongxue Yuwen Jiaoxue Yanjiu (Kajian Pengajaran Bahasa Sekolah Menengah)*. China: China Radio, Film & TV Press.

Zhong, Q.Q. (2007). *Queli Kexue Jiaocaiguan: Jiaocai Chuangxin De Genben Keti* (*Isu Pembaharuan dalam Konsep Bahan Pengajaran*). Shanghai: East China Normal University.

Zhong, Z.Z., (2016). *Han Yiming Yuefushi 《Changge xing》Shangxi (Penilaian Puisi Klasik Yiming, Changge xing).* China: China Academic Journal Electronic Publishing House.

Zhou, L.L. (2012). *Bai juyi Shige Wuxiang Yanjiu (Study on Using of Objects in Bai juyi's Poems).* China: Jiangxi Normal University.

Zhu, S.Y. (1997). *Zhongxue Yuwen Jiaocai Gaiguan (Persepsi Bahan Pengajaran Bahasa Sekolah Menengah)*. Beijing: People's Education Press.

Zhu, S.Y. (2005). *Zhongxue Yuwen Kecheng Yu Jiaoxuelun (Kurikulum dan Pengajaran Bahasa Sekolah Menengah*). Beijing: Higher Education Press.

Zhu, S.Y. (2007). *Quxiang Yuwen Jiaoxue (Melangkah ke Alam Pengajaran Bahasa)*. China: Shanghai Educational Publishing House.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Zhu, X.Q. (2019). *Chuzhong Yuwen Jiaocai Gushici Xuanbian Yanjiu —— Yi Bubianban Wei Zhongxin (A Study on the Compilation of Ancient Poetry in Chinese Textbooks for Junior Middle School——Centered on the Ministry Edition).* China: East China Normal University.

Zhu, Y.H. (2009). *Kajian Pemilihan Teks Puisi Klasik Bahan Pengajaran Menengah Rendah Edisi SuJiao (Sujiaoban Chuzhong Yuwen Jiaocai Gushici Xuanbian Yanjiu).* China: Soochow University.

Zhuo, Y. (2013). *Tangshi Songci Yuanqu (Pengumpulan Tangshi Songci Yuanqu).* China: China Oversea Chinese Publishing Company.

Zikmund, W. (2003). *Business Research Method 7th Edition*. Ohio: Thomson University.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**Borang Kesahan Pakar**

Tajuk Kajian: Kajian Pemilihan Teks Puisi Klasik dalam Buku Teks Menengah Rendah bagi Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)

Berikut merupakan beberapa pernyataan berkaitan dengan soalan temu bual yang akan dinilai oleh tuan/puan. Selepas meneliti protokol temu bual, sila tandakan jawaban berdasarkan skala yang berikut:

Skala: 1 = Sangat Tidak Bersetuju
2 = Tidak Bersetuju
3 = Tidak Pasti
4 = Bersetuju
5 = Sangat Bersetuju

| Bil | Pernyataan | Pilihan Skala | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Protokol temu bual menepati kehendak persoalan kajian. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 2 | Protokol temu bual dapat dilaksanakan dengan sempurna. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 3 | Bahasa dalam protokol temu bual dapat difahami. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

Ulasan / Cadangan:

_____

_____

_____

_____

Saya telah meneliti dan menyemak protokol temu bual tersebut. Dengan ini, saya mengesahkan bahawa protokol temu bual ini sah digunakan bagi tujuan mendapatkan data-data yang diperlukan.

Disahkan oleh: _____ Tarikh : _____

Nama: _____

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**Borang Persetujuan**

Saudara dan saudari yang dihormati,

Dengan ini sukacita saya maklumkan bahawa saudara/saudari telah terpilih sebagai informan bagi kajian yang bertajuk “Kajian Pemilihan Teks Puisi Klasik dalam Buku Teks Menengah Rendah bagi Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) ”. Pemilihan saudara/saudari adalah berdasarkan pemilihan sampel bertujuan dan memenuhi kriteria pemilihan informan yang telah ditetapkan.

Kajian ini dijalankan oleh Teoh Wei Hao, calon Ijazah Sarjana program Bahasa Cina dengan Pendidikan, Jabatan Bahasa Moden, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak.

Kajian ini dijalankan untuk mendalami sejauh manakah persepsi murid terhadap pemilihan kandungan teks puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina serta nilai murni yang dipelajari dan sejauh manakah penerapan nilai murni dalam kalangan murid menerusi pembelajaran puisi klasik.

Sekiranya saudara/saudari bersetuju sebagai informan kajian ini, saya akan menemu bual saudara/saudari di lokasi dan masa yang bersesuaian dengan keselesaan saudara/saudari. Saya akan merakamkan temu bual tersebut secara audio jika saudara/saudari bersetuju. Proses temu bual ini dijangka mengambil masa antara 30 minit sehingga 1 jam. Selepas temu bual ditranskripkan, satu salinan akan dihantar kepada saudara/saudari untuk tujuan penyemakan dan pengesahan terhadap kandungan temu bual tersebut. Sekiranya terdapat komen

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

atau soalan selepas membaca transkrip tersebut, saudara/saudari boleh berhubung dengan saya untuk memperoleh penjelasan selanjutnya.

Untuk makluman saudara/saudari, rakaman temu bual kajian ini akan disimpan secara sulit. Segala maklumat dan informasi peribadi saudara/saudari yang dikemukakan kepada saya adalah dirahsiakan. Rakaman tersebut akan saya simpan dengan teliti dan kegunaan data ini hanya untuk kajian ini sahaja. Segala data yang dikumpulkan akan dimusnahkan setelah kajian ini tamat.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, saudara/saudari boleh menghubungi saya di atas talian 016-4656967. Sekian, terima kasih.

**PENGAKUAN**

Saya telah membaca dan memahami semua maklumat yang dinyatakan di atas dengan teliti dalam kajian yang bertajuk “Kajian Pemilihan Teks Puisi Klasik dalam Buku Teks Menengah Rendah bagi Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)”.

Saya bersedia untuk melibatkan diri dalam kajian ini dan bersetuju sesi temu bual dirakamkan untuk tujuan kajian sahaja.

Tandatangan Informan

_____ Tarikh temu bual : _____

Nama: _____

Tandatangan Penyelidik

_____ Tarikh temu bual : _____

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**SURAT AKUAN IBU BAPA/PENJAGA**

Adalah saya _____ ibu/bapa/penjaga kepada murid bernama _____, pembawa kad pengenalan _____ yang belajar di _____.

Dengan kerelaan hati, saya:

1. Bersetuju mengizinkan anak/jagaan saya menjadi peserta kajian bagi penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

2. Bersetuju membenarkan anak saya melibatkan diri dalam temu bual yang akan dijalankan untuk tujuan mengumpul data kajian.

…….....

Tandatangan Ibu/ Bapa/ Penjaga

Nama: _____

No. KP: _____

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN
ARAS 1-4, BLOK E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA

TEL : 0388846591
FAKS : 0388846579

**Ruj. Kami :** KPM.600-3/2/3-eras(9034)
**Tarikh :** 12 Januari 2021

**TEOH WEI HAO**
**NO. KP : 840826075263**

42C-14-12, SRI SAUJANA, GAT LEBUH MACALLUM,
GEORGETOWN 10300 GEORGETOWN
PULAU PINANG

Tuan,

**KELULUSAN BERSYARAT UNTUK MENJALANKAN KAJIAN :**
**KAJIAN PEMILIHAN TEKS PUISI KLASIK DALAM BUKU TEKS MENENGAH RENDAH BAGI KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH (KSSM)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan tuan untuk menjalankan kajian seperti di bawah telah diluluskan dengan syarat :

**" KELULUSAN INI BERGANTUNG KEPADA PERTIMBANGAN PENTADBIR SEKOLAH. "**

3. Kelulusan adalah berdasarkan kepada kertas cadangan penyelidikan dan instrumen kajian yang dikemukakan oleh tuan kepada bahagian ini. Walau bagaimanapun kelulusan ini bergantung kepada kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri dan Pengetua / Guru Besar yang berkenaan.

4. Surat kelulusan ini sah digunakan bermula dari **12 Januari 2021** hingga **10 Julai 2021**

5. Tuan dikehendaki menyerahkan senaskhah laporan akhir kajian dalam bentuk *hardcopy* bersama salinan *softcopy* berformat pdf dalam CD kepada Bahagian ini.Tuan juga diingatkan supaya mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian ini sekiranya sebahagian atau sepenuhnya dapatan kajian tersebut hendak diterbitkan di mana-mana forum, seminar atau diumumkan kepada media massa.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Sektor Penyelidikan dan Penilaian Dasar
b.p. Pengarah
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

salinan kepada:-

JABATAN PENDIDIKAN SELANGOR

* SURAT INI DIJANA OLEH KOMPUTER DAN TIADA TANDATANGAN DIPERLUKAN *

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
Jalan Jambu Bol 4/3E, Seksyen 4
40604 Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5518 6500
Faks : 03-5510 2133
Laman Web : *jpnselangor.moe.gov.my*

Rujukan Kami: JPNS.SPD.600-1/1/2 JLD.12 ( 30 )
Tarikh: 4 Mac 2021

**TEOH WEI HAO**
**28, JALAN PEKAN BARU,**
**TAMAN ENG ANN,**
**41150 KLANG,**
**SELANGOR**

Tuan,

**KELULUSAN BERSYARAT UNTUK MENJALANKAN KAJIAN : KAJIAN PEMILIHAN TEKS PUISI KLASIK DALAM BUKU TEKS MENENGAH RENDAH BAGI KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH (KSSM)**

Perkara di atas dengan segala hormatnya dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan tuan untuk menjalankan kajian seperti tersebut di atas telah diluluskan dengan syarat:

**"KELULUSAN INI BERGANTUNG KEPADA PERTIMBANGAN PENTADBIR SEKOLAH."**

3. Pihak tuan diingatkan agar mendapat persetujuan daripada Pengetua/Guru Besar supaya beliau dapat bekerjasama dan seterusnya memastikan bahawa penyelidikan dijalankan hanya bertujuan seperti yang dipohon. Kajian/Penyelidikan yang dijalankan juga tidak mengganggu perjalanan sekolah serta tiada sebarang unsur paksaan.

4. Surat kelulusan ini sah digunakan bermula dari **12 Januari 2021 hingga 10 Julai 2021**.

5. Tuan juga diminta menghantar senaskah hasil kajian ke Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD, Jabatan Pendidikan Selangor sebaik selesai penyelidikan/kajian.

Kerjasama dan perhatian tuan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**( HAJI IZMI BIN HAJI ISMAIL, A.M.P., P.J.K. )**
Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

RSM/KS/040321

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN
ARAS 1-4, BLOK E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA

TEL : 0388846591
FAKS : 0388846579

**Ruj. Kami :** KPM.600-3/2/3-eras(10311)
**Tarikh :** 6 Julai 2021

**TEOH WEI HAO**
**NO. KP : 840826075263**

42C-14-12, SRI SAUJANA, GAT LEBUH MACALLUM,
GEORGETOWN 10300 GEORGETOWN
PULAU PINANG

Tuan,

**KELULUSAN BERSYARAT UNTUK MENJALANKAN KAJIAN :**
**KAJIAN PEMILIHAN TEKS PUISI KLASIK DALAM BUKU TEKS MENENGAH RENDAH BAGI KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH (KSSM)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan tuan untuk menjalankan kajian seperti di bawah telah diluluskan dengan syarat :

**" PENYELIDIK MESTI MENDAPATKAN KEBENARAN BERTULIS DARIPADA IBU BAPA /PENJAGA MURID YANG DILIBATKAN DALAM KAJIAN INI. PENGUTIPAN DATA TIDAK BOLEH MENGGANGGU AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MURID. PENGUTIPAN DATA TERMASUK SECARA DALAM TALIAN (CONTOH: GOOGLE FORM) BERGANTUNG KEPADA KEBENARAN PENGARAH JPN DAN PERTIMBANGAN PENTADBIR SEKOLAH. "**

3. Kelulusan adalah berdasarkan kepada kertas cadangan penyelidikan dan instrumen kajian yang dikemukakan oleh tuan kepada bahagian ini. Walau bagaimanapun kelulusan ini bergantung kepada kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri dan Pengetua / Guru Besar yang berkenaan.

4. Surat kelulusan ini sah digunakan bermula dari **12 Julai 2021** hingga **1 Mac 2022**

5. Tuan dikehendaki menyerahkan senaskhah laporan akhir kajian dalam bentuk *hardcopy* bersama salinan *softcopy* berformat pdf dalam CD kepada Bahagian ini.Tuan juga diingatkan supaya mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian ini sekiranya sebahagian atau sepenuhnya dapatan kajian tersebut hendak diterbitkan di mana-mana forum, seminar atau diumumkan kepada media massa.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Sektor Penyelidikan dan Penilaian Dasar
b.p. Pengarah
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

salinan kepada:-

JABATAN PENDIDIKAN SELANGOR

* SURAT INI DIJANA OLEH KOMPUTER DAN TIADA TANDATANGAN DIPERLUKAN *

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
Jalan Jambu Bol 4/3E, Seksyen 4
40604 Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5518 6500
Faks : 03-5510 2133
Laman Web : *jpnselangor.moe.gov.my*

Rujukan Kami: JPNS.SPD.600-1/1/2 JLD. 14 ( 70 )
Tarikh: 16 Julai 2021

**TEOH WEI HAO**
**28, JALAN PEKAN BARU,**
**TAMAN ENG ANN,**
**41150 KLANG,**
**SELANGOR**

Tuan,

**KELULUSAN BERSYARAT UNTUK MENJALANKAN KAJIAN : KAJIAN PEMILIHAN TEKS PUISI KLASIK DALAM BUKU TEKS MENENGAH RENDAH BAGI KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH (KSSM)**

Perkara di atas dengan segala hormatnya dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan tuan untuk menjalankan kajian seperti tersebut di atas telah diluluskan dengan syarat:

**"PENYELIDIK MESTI MENDAPATKAN KEBENARAN BERTULIS DARIPADA IBU BAPA/ PENJAGA MURID YANG DILIBATKAN DALAM KAJIAN INI. PENGUTIPAN DATA TIDAK BOLEH MENGGANGGU AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MURID. PENGUTIPAN DATA TERMASUK SECARA DALAM TALIAN (CONTOH: *GOOGLE FORM*) BERGANTUNG KEPADA PERTIMBANGAN PENTADBIR SEKOLAH. "**

3. Pihak tuan diingatkan agar mendapat persetujuan daripada Pengetua/Guru Besar supaya beliau dapat bekerjasama dan seterusnya memastikan bahawa penyelidikan dijalankan hanya bertujuan seperti yang dimohon. Kajian/Penyelidikan yang dijalankan juga tidak mengganggu perjalanan sekolah serta tiada sebarang unsur paksaan.

4. Surat kelulusan ini sah digunakan bermula dari **12 Julai 2021 hingga 1 Mac 2022**.

5. Tuan juga diminta menghantar senaskah hasil kajian ke Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD, Jabatan Pendidikan Selangor sebaik selesai penyelidikan/kajian.

Kerjasama dan perhatian tuan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**( HAJI ABDUL AZIZ BIN ABDUL JALIL, S.M.S. )**
Timbalan Pengarah
Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD
b.p. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

*RSM/KS/16072021*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**Borang Kesahan Pakar**

Tajuk Kajian: Kajian Pemilihan Teks Puisi Klasik dalam Buku Teks Menengah Rendah bagi Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)

Berikut merupakan beberapa pernyataan berkaitan dengan soalan temu bual yang akan dinilai oleh tuan/puan. Selepas meneliti protokol temu bual, sila tandakan jawaban berdasarkan skala yang berikut:

Skala: 1 = Sangat Tidak Bersetuju
2 = Tidak Bersetuju
3 = Tidak Pasti
4 = Bersetuju
5 = Sangat Bersetuju

| Bil | Pernyataan | Pilihan Skala | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Protokol temu bual menepati kehendak persoalan kajian. | 1 | 2 | 3 | 4 | (5) |
| 2 | Protokol temu bual dapat dilaksanakan dengan sempurna. | 1 | 2 | 3 | 4 | (5) |
| 3 | Bahasa dalam protokol temu bual dapat difahami. | 1 | 2 | 3 | 4 | (5) |

Ulasan / Cadangan:

Saya percaya bahawa pembinaan item dalam protocol temu bual ini dapat mengupas input-input yang penting berkaitan pembelajaran puisi klasik dalam buku teks Bahasa Cina KSSM.

Saya telah meneliti dan menyemak protokol temu bual tersebut. Dengan ini, saya mengesahkan bahawa protokol temu bual ini sah digunakan bagi tujuan mendapatkan data-data yang diperlukan.

Disahkan oleh:  Tarikh : 6 Disember 2020

Nama: CHONG SIEW LAY

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



**Borang Kesahan Pakar**

Tajuk Kajian: Kajian Pemilihan Teks Puisi Klasik dalam Buku Teks Menengah Rendah bagi Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)

Berikut merupakan beberapa pernyataan berkaitan dengan soalan temu bual yang akan dinilai oleh tuan/puan. Selepas meneliti protokol temu bual, sila tandakan jawaban berdasarkan skala yang berikut:

Skala: 1 = Sangat Tidak Bersetuju 4 = Bersetuju
2 = Tidak Bersetuju 5 = Sangat Bersetuju
3 = Tidak Pasti

| Bil | Pernyataan | Pilihan Skala | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Protokol temu bual menepati kehendak persoalan kajian. | 1 | 2 | 3 | 4 | ⑤ |
| 2 | Protokol temu bual dapat dilaksanakan dengan sempurna. | 1 | 2 | 3 | 4 | ⑤ |
| 3 | Bahasa dalam protokol temu bual dapat difahami. | 1 | 2 | 3 | 4 | ⑤ |

Ulasan / Cadangan:

_____

_____

_____

Saya telah meneliti dan menyemak protokol temu bual tersebut. Dengan ini, saya mengesahkan bahawa protokol temu bual ini sah digunakan bagi tujuan mendapatkan data-data yang diperlukan.

Disahkan oleh: _____ Tarikh : 7 Disember 2020

Nama: _YAP SHEAU WEI_____

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**Borang Kesahan Pakar**

Tajuk Kajian: Kajian Pemilihan Teks Puisi Klasik dalam Buku Teks Menengah Rendah bagi Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)

Berikut merupakan beberapa pernyataan berkaitan dengan soalan temu bual yang akan dinilai oleh tuan/puan. Selepas meneliti protokol temu bual, sila tandakan jawapan berdasarkan skala yang berikut:

Skala: 1 = Sangat Tidak Bersetuju
2 = Tidak Bersetuju
3 = Tidak Pasti
4 = Bersetuju
5 = Sangat Bersetuju

| Bil | Pernyataan | Pilihan Skala | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Protokol temu bual menepati kehendak persoalan kajian. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 2 | Protokol temu bual dapat dilaksanakan dengan sempurna. | 1 | 2 | 3 | 4 | (5) |
| 3 | Bahasa dalam protokol temu bual dapat difahami. | 1 | 2 | 3 | (4) | 5 |

Ulasan / Cadangan:

_____

_____

_____

_____

Saya telah meneliti dan menyemak protokol temu bual tersebut. Dengan ini, saya mengesahkan bahawa protokol temu bual ini sah digunakan bagi tujuan mendapatkan data-data yang diperlukan.

Disahkan oleh: _____ Tarikh : 8/12/2020

Nama: SOON SHI HAO

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi